



*Menjangkan
Melangkau Hari Ini*

Laporan Tahunan 2020





Rasional Muka Depan

Menjangkau Melangkaui Hari Ini

Dalam ketidakpastian dan ketidaktentuan persekitaran, KWAP berusaha melindungi pihak berkepentingan, seiring dengan misi untuk mengurus dana persaraan walaupun beroperasi dalam persekitaran yang tidak pernah dialami sebelum ini. Menjangkau melangkaui hari ini, pelbagai strategi telah diamalkan dan kerjasama terjalin dalam memastikan KWAP kekal kukuh, mampan dan tangkas daripada segi operasi bagi melaksanakan komitmen terhadap pihak berkepentingan dalam jangka masa yang panjang.

VISI

Menjadi dana persaraan yang dipercayai yang menyokong pembangunan negara dengan memberikan manfaat yang mampan secara inovatif.

MISI

Mengoptimumkan pulangan pelaburan dan memberikan perkhidmatan cemerlang dengan menerima pakai amalan terbaik dalam memenuhi komitmen pihak berkepentingan utama.



DANA YANG BERKAT

Usia tua sesantainya angin nyaman yang sihat, renyai hayat anugerah Tuhan yang teramat nikmat.

Kini kita maruahi lagi sejarah kebajikan, menyemainya dengan benih jerih perih pendapatan agar usia tua akan waras terpelihara: damai di tangan, nikmat di hati dan indah di mata.

Dan tarikh lahirnya badan dana yang amat bertuah - Mac – kini bulan yang molek, cahaya manis sejarah; dengan wang dirancang untuk ranum ke usia sarat peluh jujur rezeki subur mengisi dana berkat.

Sopan di tangan, jernih di mata dan santun di kalbu, peranum labur jimat tercermat yang mengembang gebu.

Diurus tangan canggih amanah yang tulus berhemah sehingga pepohon rezeki sempat merimbun buah.

Tulus petugas setia serasi bakti pekerja ringani bahu pentadbir, suburi harta pesara, alir pencerun sumber harta yang luhur sepanjang hayat tersimbah tuahnya ke yatim diri, ke badan sihat.

Dengan tekun berilmu, tindakan yang bersanubari, yakin dipasti taman labur terindah harum ini.

5 – 15, Februari, 2007

A. SAMAD SAID

NILAI-NILAI KORPORAT

- 1 **Kepimpinan:** Keupayaan untuk memimpin diri sendiri dan orang lain untuk penambahbaikan berterusan
- 2 **Akauntabiliti:** Bertanggungjawab atas segala tindakan kami
- 3 **Kerja Berpasukan:** Bekerjasama untuk memberikan hasil yang cekap dan berkesan untuk setiap pihak berkepentingan
- 4 **Integriti:** Ciri dalaman moral dan prinsip yang kukuh
- 5 **Kecemerlangan dan Pencapaian:** Pencapaian yang diperoleh melalui kecemerlangan
- 6 **Pembelajaran dan Inovasi Berterusan:** Sentiasa inovatif dan belajar dengan konsisten daripada cabaran dan pencapaian dengan konsisten daripada cabaran dan pencapaian
- 7 **Orientasi Pihak Berkepentingan:** Memfokus kepada semua pihak berkepentingan seperti Kerajaan dan pesara-pesara

DALAM LAPORAN INI



PG04
PERUTUSAN PENGERUSI



PG08
**PERUTUSAN KETUA
PEGAWAI EKSEKUTIF**



PG30
**KESEJAHTERAAN PIHAK
BERKEPENTINGAN**

PERUTUSAN PEMIMPIN KAMI

- 01** 04 Perutusan Pengerusi
08 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif
12 Mengharungi Pandemik COVID-19

MENGENAI KWAP

- 02** 15 Mengenai KWAP
 - Peranan dan Objektif
 - KWAP Dalam Sistem Pencen Malaysia
 - Carta Organisasi
 - Struktur Korporat
 - Pendedahan Pelaburan Secara Geografi
 - Penglibatan Dengan Pihak Berkepentingan23 Sorotan Prestasi
25 Program 2020 Sepintas Lalu

PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN

- 03** 30 Kesejahteraan Pihak Berkepentingan
 - Perkhidmatan Persaraan
 - Pengurusan Caruman34 Penambahbaikan Proses Kami
 - Perkhidmatan dan Sokongan Pelaburan
 - Teknologi Maklumat36 Memupuk Kakitangan Kami

TADBIR URUS KORPORAT

- 04** 43 Ahli Lembaga
48 Ahli Panel Pelaburan
52 Pengurusan Kanan
56 Tadbir Urus Korporat
68 Pengurusan Risiko dan Pematuhan
80 Penyata Audit Dalam
81 Integriti dan Tadbir Urus

ULASAN EKONOMI DAN STRATEGI

- 05** 83 Ulasan Ekonomi dan Strategi
89 Prestasi Kami
90 Pelaburan Kami
91 Kelas Aset
 - Ekuiti
 - Pendapatan Tetap
 - Ekuiti Persendirian
 - Pelaburan Hartanah115 Syarikat-Syarikat Subsidiari
 - KWEST Sdn Bhd
 - Prima Ekuiti (UK) Limited

PENYATA KEWANGAN

- 06** 122 Pensijilan Ketua Audit Negara
126 Penyata Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
127 Pengakuan oleh Pegawai Utama
128 Penyata-penyata Pendapatan Komprehensif
130 Penyata-penyata Kedudukan Kewangan
132 Penyata Perubahan dalam Ekuiti
134 Penyata-penyata Aliran Tunai
136 Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Pemimpin kami berpaksikan matlamat KWAP untuk menjana pulangan optimum dan mampan demi pihak berkepentingan. Pemimpin kami kekal komited mendukung nilai-nilai dan amalan terbaik yang diperlukan untuk terus berdaya saing.

Sebagai pemegang amanah dana persaraan penjawat awam terbesar Malaysia, kami menyedari akan kepentingan peranan kami bukan sahaja dalam mencipta peluang tetapi juga menyumbang kepada kemakmuran negara.

PERUTUSAN PEMIMPIN KAMI

- 04** Perutusan Pengerusi
- 08** Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif
- 12** Mengharungi Pandemik COVID-19

01

PERUTUSAN PENGERUSIPerutusan
Pemimpin KamiMengenai
KWAPPihak
Berkepentingan
PengurusanTadbir Urus
KorporatUlasan Ekonomi
dan StrategiPenyata
Kewangan

**Pihak
Berkepentingan
yang Dihormati,**

Saya amat berbesar
hati membentangkan
Laporan Tahunan
Kumpulan
Wang Persaraan
(Diperbadankan) bagi
Tahun Kewangan
berakhir 31 Disember
2020.

**DATUK SERI ASRI
BIN HAMIDIN@HAMIDON**
Pengerusi

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Dunia
pada tahun 2020 menguncup sebanyak
3.5%
menurut International Monetary Fund

Purata Pulangan Berwajaran Masa
kukuh pada
6.04%
mengatas penanda aras sebanyak
63 mata asas

+ 🔍 🔍 🔍 🔍 🔍

PERSEKITARAN LUARAN YANG TIDAK PERNAH DIALAMI SEBELUMINI

Tahun 2020 merupakan tahun di mana kita berhadapan dengan situasi yang tidak pernah dialami sebelum ini dengan pandemik COVID-19 yang telah menjelaskan keluaran ekonomi yang ketara di seluruh dunia ketika langkah-langkah membendungnya menjejas perniagaan dan mengurangkan permintaan pengguna. Kerajaan di serata dunia bingkas untuk mengurangkan impak pandemik terhadap kehidupan dan punca pendapatan dengan melaksanakan pelbagai langkah dasar fiskal dan kewangan secara besar-besaran bersama tindakan penstabilan juga dititikberatkan oleh pasaran kewangan untuk membendung kemerosotan kewangan. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global pada tahun 2020 menguncup sebanyak 3.5%, menurut International Monetary Fund dengan kedua-dua negara, Amerika Syarikat dan United Kingdom mencatat kemelesetan ekonomi. Walau bagaimanapun, China merupakan satu-satunya ekonomi utama yang terhindar daripada kemelesetan disebabkan pelaksanaan langkah-langkah sekatan pergerakan yang ketat oleh negara tersebut bagi mengawal penularan wabak.

Pada peringkat domestik, KDNK Malaysia merudum sebanyak 5.6% pada tahun 2020, prestasi yang paling mencabar sejak krisis kewangan Asia ketika sekatan pergerakan mengehadkan aktiviti ekonomi dan sosial. Kerajaan Malaysia melaksanakan pakej rangsangan bernilai kira-kira RM30 bilion pada tahun 2020 untuk mengekalkan ekonomi bagi melindungi punca pendapatan rakyat dan menyokong perniagaan. Sementara itu, Bank Negara Malaysia telah menurunkan Kadar Dasar Semalam sebanyak 125 mata asas kepada 1.75%, paras terendah yang pernah dicatatkan, dan menggunakan dasar rangsangan untuk memberi fleksibiliti kepada institusi kewangan bagi membantu para pelanggan dalam tempoh yang mencabar ini.



Menjangkan **MELANGKAUI HARI INI**

MENGEMUDI MENERUSI PENGHASILAN PERTUMBUHAN WALAUPUN BERDEPAN DENGAN CABARAN

KWAP berjaya mengharungi tahun yang cukup mencabar setelah merekodkan prestasi yang amat memberangsangkan di sebalik persekitaran ekonomi dan pelaburan yang tidak menentu. Dana KWAP telah mencatat pertumbuhan sebanyak 4.3% kepada RM153.82 bilion pada tahun 2020 berbanding RM147.48 bilion pada tahun 2019, manakala Kadar Pulangan Berwajaran Masa adalah kukuh pada 6.04%, mengatasi penanda aras sebanyak 63 mata asas.

STRATEGI PELABURAN KAMI

Pada tahun 2020, perubahan drastik terhadap ekonomi didorong oleh kesukaran akibat pandemik, berserta komitmen kami dalam memastikan pulangan pelaburan turut membuka peluang kepada KWAP untuk mengkaji semula Alokasi Aset Strategiknya. Kajian semula telah dilaksanakan dengan pemantauan Ahli Lembaga serta Panel Pelaburan yang memfokuskan kepada penambahbaikan strategi pelaburan KWAP dengan mengambil kira risiko serta perspektif pelaburan jangka masa panjang. Strategi ini turut menggabungkan elemen kesedaran liabiliti dalam memberi panduan kepada pendekatan pelaburan bagi memastikan dana kekal kukuh dan menetapkan kedudukan KWAP sebagai pengurus pelaburan jangka masa panjang. Setelah beberapa tahun, SAA telah menghadapi perubahan ketara yang mendorong terhadap kepelbagaian strategi portfolionya.

KWAP juga dikenali sebagai institusi yang sering menetapkan pandangan taktikal sepanjang tahun untuk mengambil peluang terhadap pergerakan mendadak sesebuah pasaran yang terhasil dalam jangka masa pendek. Bagi mengakhiri tahun ini, KWAP telah mengekalkan pendirian 'overweight' (cenderung menaik) dalam pasaran ekuiti dan pendirian 'underweight' (cenderung menurun) dalam pasaran pendapatan tetap berdasarkan jangkaan pemulihan secara beransur-ansur bagi aktiviti ekonomi pasca sekatan pergerakan, sokongan dasar yang kukuh dan risiko geopolitik yang terkawal. Kedudukan ini telah membolehkan KWAP untuk mengatasi prestasi penanda aras tahunan keseluruhan sebanyak 63 mata asas disebabkan oleh prestasi pelaburan semua kelas aset kami melepas prestasi penanda aras pelaburan. Bagi jangka masa sederhana sehingga jangka masa panjang, KWAP telah mengatasi prestasi penanda aras untuk tempoh tiga dan lima tahun sebanyak 212 dan 122 mata asas.

Kutipan Derma Bantuan KWAP Prihatin
melebihi

RM 33,000

hasil kutipan daripada kakitangan untuk membeli barang keperluan bagi para pesara dan anak-anak yatim.

Menyumbang

RM 500,000

kepada Rangkaian Tindak Balas Bencana Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat-syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) untuk menyokong para petugas barisan hadapan bagi pembelian peralatan perubatan, peralatan perlindungan peribadi, ventilator dan bekalan makanan.

PERUTUSAN DARIPADA PENGERUSI	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
------------------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

Walaupun ekonomi dunia mengalami kemelesetan pada tahun 2020, kami yakin dengan strategi pelaburan dan pendekatan sistematis kami terhadap pengagihan modal adalah wajar untuk mengimbangi risiko dan pulangan, serta untuk memeta masa hadapan apabila ekonomi global beransur pulih.

INTEGRITI DAN TADBIR URUS


KWAP menyedari kepentingan untuk mengekalkan piawaian tadbir urus korporat yang teguh dan prinsip-prinsip integriti, ketelusan dan akauntabiliti yang tinggi. Oleh itu, kami mengamalkan prinsip sifar toleransi terhadap rasuah dan berusaha untuk mengukuhkan sistem kawalan dalaman secara berterusan. Pada tahun 2020, kami telah menyernak semula dasar-dasar berkaitan dengan anti sogokan dan anti rasuah yang sedia ada dan mewujudkan dasar-dasar baharu untuk memastikan bahawa kami melaksanakan tanggungjawab berlandaskan undang-undang dan peraturan yang diamalkan. Kami juga mengambil inisiatif untuk mengenal pasti risiko-risiko rasuah dalam operasi dan tindakan mitigasi yang berkaitan untuk mengatasinya serta Pelan Antirasuah Organisasi KWAP juga telah dibangunkan, di mana ia merupakan satu pelan tindakan lima tahun untuk mengukuhkan langkah-langkah tadbir urus dan anti rasuah.

Pada tahun 2020, KWAP juga meraikan sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa 2020 pada 10 Disember dengan menandatangani Ikrar Integriti Korporat sebagai tanda penglibatan kami di dalam Sistem Integriti Korporat Malaysia. Ini menunjukkan komitmen kami untuk membanteras rasuah dan mengukuhkan kawalan dalaman melalui pelaksanaan amalan tadbir urus yang baik.

Memandang ke hadapan, KWAP komited untuk memperoleh pensijilan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah ISO 37001:2016. Pensijilan ini diharap dapat memberi jaminan kepada para pelanggan, pihak berkepentingan dan rakan-rakan perniagaan bahawa KWAP telah menetapkan pelbagai kaedah yang mencukupi dan melaksanakan kawalan yang perlu untuk membanteras rasuah. Pejabat Integriti dan Tadbir Urus (IGO) KWAP akan menyediakan satu platform dalam talian untuk kakitangan bagi menyediakan akses mudah kepada maklumat dan dokumen di bawah skop IGO.

ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS

Dengan kecenderungan minat dan fokus pelabur terhadap prestasi syarikat dari segi Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), KWAP kekal berada dalam kedudukan yang baik untuk terus menerajui agenda ESG melalui syarikat-syarikat penerima pelaburannya menerusi pendekatan pelaburan. KWAP telah menjadi pemegang saham yang aktif secara konsisten dalam bidang ini memandangkan kami terus melibatkan syarikat-syarikat penerima pelaburan dengan amalan tadbir urus serta mengambil langkah selanjutnya melalui Seksyen Pelaburan Bertanggungjawab yang menjalankan keterlibatan khusus ESG dengan syarikat-syarikat tersebut. KWAP juga merupakan penandatangan kepada Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN PRI) untuk menggalakkan para pelabur mengamalkan pelaburan yang bertanggungjawab agar dapat meningkatkan pulangan dan menguruskan risiko dengan lebih baik.



Secara dalaman, Garis Panduan ESG Peringkat Korporat memastikan bahawa pertimbangan ESG disemat meliputi operasi. Berikut daripada penggabungan Garis Panduan ESG untuk pelaburan ekuiti persendirian pada tahun 2019, KWAP kini merancang untuk merangkumi pelaburan ekuiti dan hartanah sebagai bukti perkembangan perjalanan ESG kami yang telah bermula lebih sedekad yang lalu.

PERUTUSAN PENGERUSI	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------



Membangunkan
Pelan Anti Rasuah
Organisasi KWAP

Selain itu, KWAP terus melibatkan pihak pengawal selia secara aktif dan menyumbang kepada perbincangan bersama industri kewangan mengenai perubahan iklim melalui penyertaan dalam Jawatankuasa Bersama di bawah Perubahan Iklim yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti. KWAP juga mengadakan keterlibatan dan kerjasama dengan badan-badan luar yang mengemudi hal-hal tadbir urus korporat dan ESG pada peringkat domestik dan serantau. Di Malaysia, kami merupakan penandatangan kepada Kod Malaysia bagi Pelabur Institusi yang diwujudkan oleh Majlis Pelabur Institusi Malaysia (IIC), sebuah badan yang mendukung piawaian tadbir urus korporat yang baik dan disokong oleh KWAP melalui pelbagai keterlibatan sepanjang tahun 2020. Pada peringkat serantau, bagi Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia (ACGA), KWAP telah menyertai persidangan masyarakat ACGA 2020.

MENYOKONG KOMUNITI MENGHARUNGI PANDEMIK

Ketika pandemik melanda, KWAP telah memberi sokongan kepada komuniti, pihak berkepentingan dan para petugas barisan hadapan yang terjejas melalui program tanggungjawab sosial korporat. Kami telah melancarkan Kempen Mengutip Derma Bantuan KWAP Prihatin yang berjaya mengumpulkan dana melebihi RM33,000 daripada kakitangan KWAP yang disalurkan untuk pembelian barang keperluan asas bagi para pesara serta anak-anak yatim. KWAP juga mengakui kesukaran yang dialami oleh kakitangan dan keluarga masing-masing, seterusnya menubuhkan Dana Bantuan Kakitangan untuk meringani beban mereka yang terjejas disebabkan pandemik.

Bagi menyokong petugas barisan hadapan, KWAP telah menyumbang RM500,000 kepada Rangkaian Tindak Balas Bencana GLC/GLIC yang digunakan untuk membeli peralatan perubatan, peralatan perlindungan peribadi, ventilator dan bekalan makanan. Selain itu, KWAP telah bekerjasama dengan syarikat portfolio teknologinya, Aerodyne Group, untuk menderma dron dan aksesori-aksesori yang bernilai RM100,000 kepada pihak Polis Diraja Malaysia bagi membantu usaha pengawasan semasa penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan.

PENGHARGAAN

Saya kekal kagum dengan daya tahan KWAP dalam melaksanakan mandat untuk berdepan dengan cabaran yang tidak pernah dialami sebelum ini terutamanya dengan pandemik yang masih berlarutan apabila memasuki tahun 2021. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua kakitangan KWAP atas ketabahan dalam melalui waktu yang amat sukar dan berkhidmat untuk organisasi dengan penuh dedikasi dan bersungguh-sungguh.

Ahli Lembaga turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan Pengerusi Tan Sri Ahmad Badri Bin Mohd Zahir dan mantan ahli-ahli Lembaga dan Panel Pelaburan KWAP yang telah membantu KWAP mencatatkan pencapaian yang lebih baik sepanjang dua tahun yang lalu. Ahli Lembaga juga ingin mengalu-alukan Ketua Pegawai Eksekutif KWAP yang baharu, Puan Nik Amlizan Mohamed yang diyakini dapat membantu mengemudi organisasi dalam waktu yang mencabar ini dengan jayanya dan mengukuhkan lagi kedudukan KWAP.

Saya juga ingin mengiktiraf ahli-ahli Lembaga yang akan mengundur diri, Datuk Aziz Bin Muda dan Datuk Teo Khian How yang telah menyumbang kepakaran mereka dan memberikan khidmat bakti yang cemerlang dalam membimbang KWAP dan pihak pengurusannya sepanjang tempoh mereka berada dalam Lembaga. Kami ingin mengalu-alukan Puan Anis Rizana Binti Mohd Zainuddin, selaku wakil Kementerian Kewangan dan Encik Abdul Rahman Bin Mohd Nordin yang merupakan wakil Pencarum yang menggantikan tempat Datuk Aziz.

Sebagai penutup, saya percaya bahawa KWAP akan terus berusaha untuk melaksanakan mandat dan mencapai visinya untuk menjadi sebuah dana persaraan yang dipercayai oleh semua pihak berkepentingan terutamanya para pesara di bawah jagaan kami. Semua ahli Lembaga berasa bangga kerana diamanahkan dengan tanggungjawab yang besar ini dan akan memastikan KWAP terus berkembang dengan teguh.

Menyumbang
dron dan aksesori bernilai

RM 100,000


kepada Polis Diraja Malaysia
untuk membantu usaha
pengawasan ketika PKP



Pihak Berkepentingan yang Dihormati,

Saya dengan besar hati membentangkan laporan tahunan ini bagi pihak KWAP. Pada tahun 2020, KWAP telah berusaha untuk memperoleh pulangan yang optimum bagi dana persaraan dalam persekitaran operasi yang sering berubah dan tidak menentu disebabkan oleh krisis kesihatan COVID-19 yang tidak pernah dialami sebelum ini. Ketika pandemik melanda, KWAP berupaya untuk memastikan kelangsungan perniagaan dan melindungi kesihatan serta keselamatan kakitangan kami. KWAP juga terus meningkatkan proses dalaman yang didorong oleh matlamat keseluruhan untuk menyediakan perkhidmatan cemerlang kepada para pesara perkhidmatan awam kami yang dihormati.

NIK AMLIZAN MOHAMED
Ketua Pegawai Eksekutif



Saiz Dana KWAP
meningkat sebanyak
RM 6.34 bilion
daripada RM147.48 bilion pada 2019 kepada RM153.82 bilion pada tahun 2020.

Pendapatan Pelaburan Kasar
dicatatkan sebanyak
RM 6.81 bilion
meningkat daripada RM6.07 bilion yang dicatatkan pada tahun 2019.

Saiz Dana KWAP meningkat sebanyak RM6.34 bilion atau 4.3% daripada RM147.48 bilion pada 2019 kepada RM153.82 bilion pada tahun 2020. Pendapatan Pelaburan Kasar mencatatkan peningkatan sebanyak RM6.81 bilion daripada RM6.07 bilion yang dicatatkan pada tahun 2019 dengan Kadar Pulangan Berwajaran Masa (TWRR) sebanyak 6.04%. Ini mengatasi pulangan penanda aras 5.41% sebanyak 63 mata asas pada tahun 2020, manakala pada asas lima tahun, jumlah dana mengatasi prestasi penanda aras portfolio sebanyak 122 mata asas.

PRESTASI PELABURAN

KWAP terus mengamalkan dan meningkatkan strategi pelaburan untuk memperoleh pulangan optimum bagi Dana KWAP. Walaupun terdapat pelbagai rintangan dalam pasaran ekonomi dan kewangan disebabkan oleh pandemik yang membimbangkan KWAP, ia tidak menjadi penghalang bagi kami menjalankan perancangan dan menunjukkan komitmen yang tidak berbelah bahagi kepada strategi pelaburan jangka masa panjang dan garis masa kami.

Pada peringkat strategik, KWAP telah mewujudkan Alokasi Aset Strategik (SAA) Interim pada tahun 2020 bagi menyemak semula modal agar dapat mencapai pulangan mampan jangka masa panjang dan memastikan pendekatan pelaburan kami telah mengambil kira peralihan yang didorong oleh pandemik dalam landskap pasaran. Peralihan ini berpandukan garis masa tiga tahun atau lima tahun yang bergantung pada keupayaan KWAP untuk menentukan modal.

Pada tahun 2020, sebagai salah satu daripada strategi kepelbagaian, KWAP telah melantik pengurus-pengurus dana luaran (EFM) bagi mandat Global Multi-factor yang bernilai USD100 juta. Fasa pertama usaha menyemak semula Dasar dan Garis Panduan Pelaburan (IPG) KWAP telah selesai dan fasa kedua akan bermula pada bulan Januari 2021 yang akan menangani dasar-dasar pelaburan IPG secara menyeluruh.

Dari segi pulangan pelaburan, saya berbesar hati untuk melaporkan bahawa KWAP telah menghasilkan pulangan mengatasi penanda aras walaupun berdepan dengan kemeruapan dan ketidakpastian yang disebabkan oleh pandemik.

STABILKAN PERNIAGAAN DAN

*Tetapkan Semula
Masa Hadapan*



Portfolio Ekuiti Am menghasilkan prestasi cemerlang dengan strategi defensifnya untuk mengurus ekuiti domestik secara dalaman dan mewujudkan dividen berbayar Portfolio Ekuiti Antarabangsa (GEP). GEP yang mempunyai mandat yang luas untuk melabur dalam pelbagai pasaran ekuiti antarabangsa, justeru memberi KWAP fleksibiliti dan kepentasan untuk mengagihkan dana di dalam pasaran berlandaskan jangkaan dan strategi pasaran semasa KWAP. Pada tahun 2020, Ekuiti mencatatkan jumlah pulungan sebanyak 7.67% berbanding penanda aras campuran sebanyak 5.38%, iaitu mengatasi prestasi sebanyak 229 mata asas. Ekuiti juga mengatasi prestasi penanda aras campuran sepanjang tempoh melebihi jangka masa tiga tahun dan lima tahun sebanyak 188 mata asas dan 218 mata asas. Pendapatan direalisasikan berada pada RM3.21 bilion.

Dari segi portfolio Pendapatan Tetap, sebanyak RM2.87 bilion pulungan direalisasikan berjaya dicapai pada tahun 2020 berbanding dengan RM3.00 bilion pada tahun 2019, dipengaruhi oleh sentimen negatif bagi pertumbuhan ekonomi telah mendorong permintaan aset selamat. Bagi aras jumlah pulungan, KWAP merekod pulungan sebanyak 6.49% pada tahun 2020, satu penurunan berbanding 6.79% pada tahun 2019. Dari segi pulungan terhadap pelaburan, terdapat kenaikan sebanyak 4.41% pada tahun 2020 berbanding dengan 4.39% pada tahun sebelumnya. Jumlah pegangan portfolio pendapatan tetap KWAP telah menurun sebanyak 2.1% kepada RM66.00 bilion pada tahun ini berbanding RM67.42 bilion pada tahun lalu, sejajar dengan pengurangan sebanyak 2.61% daripada komponen pendapatan tetap dalam SAA kepada 43.06% pada hujung tahun 2020. Salah satu daripada strategi kepelbagaian kami, KWAP telah menambah labur sebanyak RM300 juta dalam empat EFM bagi pendapatan tetap domestik pada tahun 2020.

Dari segi portfolio Pelaburan Alternatif, KWAP terus berdaya saing dengan memberi pulungan memberangsangkan sebanyak RM275.7 juta pada tahun 2020, menandakan pulungan pusingan 10 tahun sebanyak 12.3% bagi portfolio ekuiti persendirian dan infrastruktur. Sejajar dengan pendekatan teknologi dan digital, KWAP juga telah melabur dalam syarikat berkaitan teknologi iaitu Aerodyne, dan dana teknologi Ekuiti Persendirian yang khususnya melabur dalam syarikat berkaitan perisian. Sementara itu, portfolio pelaburan hartanah mencatatkan jumlah pulungan sebanyak 4.7% yang menyumbang kepada pulungan bersih sebanyak RM256.2 juta dengan purata pulungan pusingan lima tahun sebanyak 7.1% bagi 19 harta tanahnya. Pada tahun 2020, KWAP telah memperoleh dua buah bangunan penginapan pelajar di UK pada kadar RM475.8 juta. KWAP juga telah menambah pelaburan baki 20% pegangan dalam The Chimes, Uxbridge, justeru memberikan KWAP pemilikan sepenuhnya bagi harta tanah tersebut.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
--------------------------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

MEMACU KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN

KWAP berjaya memberikan perkhidmatan yang tepat dan berkualiti kepada pihak berkepentingan walaupun menghadapi rintangan yang disebabkan oleh pandemik serta sekatan Perintah Kawalan Pergerakan. Keupayaan kami untuk mengubah mengikut norma baharu yang melibatkan operasi secara maya di samping menambahbaik sistem teras yang menghasilkan skor Perjanjian Tahap Perkhidmatan (SLA) mantap pada tahun 2020. Kadar purata 12 bulan SLA sebanyak 96.52% telah dicapai melebihi kadar minimum 90% yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam terhadap KWAP. Setelah KWAP berjaya membuktikan keupayaan dan kebolehannya, perlanjutan perjanjian agensi antara JPA dan KWAP telah dimeterai bagi tempoh setahun pada November 2020.


Berkenaan Pengurusan Caruman, KWAP sentiasa mencari kaedah untuk memperkemas prosedur Pengurusan Carumannya. Oleh itu, kami telah mengambil kira maklum balas pihak berkepentingan untuk penambahbaikan kecekapan operasi melalui automasi dan penggunaan teknologi.

Bagi mengeratkan lagi keterlibatan bersama pihak-pihak berkepentingan, pelbagai program kesedaran bersama majikan caruman dijalankan menerusi e-buletin. Hasil daripada pendekatan ini, para majikan serta agensi caruman telah memberi penarafan 4.4 daripada 5 melalui kaji selidik kepuasan pelanggan tahunan.

MELINDUNGI DAN MEMUPUK WARGA KWAP

Pandemik telah menyebabkan kakitangan kami terpaksa berdepan dengan pelbagai rintangan yang membuatkan mereka terpaksa menyesuaikan diri untuk bekerja secara jarak jauh semasa PKP. Dengan ketidakpastian yang menyelubungi pandemik dan kesan sekatan pergerakan berpanjangan yang tidak pernah dialami sebelum ini, KWAP melaksanakan pelbagai usaha keterlibatan kakitangan yang memfokuskan untuk mengekalkan tenaga kerja, serta melaksanakan program berkaitan kesihatan fizikal dan mental untuk membantu mereka membendung kesan daripada isolasi berpanjangan.

KWAP juga kekal fokus dalam memberi pengisian kepada warga kerjanya dengan pelbagai kursus dan program pembangunan pembelajaran atas talian. Kami telah menggunakan pelbagai jenis platform termasuk video, program pengajaran secara maya, webinar, persidangan maya serta kursus secara maya yang melibatkan lebih daripada 90% kakitangan dalam satu masa. Selain itu, KWAP juga telah memperkenalkan program *Leadership in the Digital Era* yang telah disampaikan kepada 38 kakitangan pengurusan pertengahan dan 15 calon bukan eksekutif yang telah dipilih untuk menyertai program peningkatan kemahiran selama 12 bulan.



PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
--------------------------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

INTEGRITI DAN TADBIR URUS

KWAP menitikberat kepentingan untuk terus meningkatkan usahanya dalam hal-hal berkaitan integriti dan tadbir urus. Kami percaya ia merupakan komponen penting dalam memastikan penciptaan nilai terjamin kepada pihak-pihak berkepentingan kami. Berikut penubuhan IGO dalam pertengahan tahun 2019, KWAP telah merekodkan kemajuan ketara melalui pelancaran saluran pemberian maklumat (*whistleblowing*) baru untuk membolehkan pelaporan mengenai aktiviti salah laku atau tidak beretika yang berkemungkinan terjadi.

Polisi Pemberi Maklumat (*whistleblowing policy*) telah disemak semula yang memastikan kerahsiaan laporan dan menyediakan perlindungan identiti pemberi maklumat serta melindungi apa juga tindak balas negatif. Kes-kes salah guna kuasa, sogokan dan menjalankan proses penyiasatan serta pengenalpastian kesahihan dakwaan adalah antara tugas IGO.

KWAP telah melaksanakan kaedah-kaedah pemberian maklumat yang boleh dipercayai untuk kakitangannya bagi mereka membuat laporan tanpa kegusaran mahupun keimbangan. Kaedah ini memberi peringatan kepada semua bahawa KWAP juga boleh dilapori dan sebarang tindakan akan diambil terhadap mana-mana kakitangan KWAP yang telah membuat salah laku berkaitan rasuah,

sejajar dengan komitmen kami terhadap sifir toleransi ke atas rasuah. KWAP akan menjalankan program penggiliran kerja berstruktur dan bersasar bagi jawatan sensitif dan utama bagi mengurangkan potensi pendedahan sogokan atau amalan rasuah.

MEMANDANG KE HADAPAN

KWAP terus bersedia untuk melakukan perubahan dan transformasi ke arah mencapai strategi Visi 2025 organisasi.

Kami kini berada dalam fasa ketiga Visi 2025 yang memfokus kepada memartabatkan KWAP untuk menjadi pengurus dana pencen tunggal bagi sektor awam negara disamping memperkaya pengalaman persaraan serta meningkatkan aset kami secara mampan demi manfaat pihak berkepentingan kami iaitu para pesara.

Bagi membantu kami mencapainya, KWAP telah memulakan reka bentuk projek Model Operasi Sasaran (TOM) yang akan menghasilkan rangka tindakan yang dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya strategi kami. Model operasi baru ini akan menyelaraskan visi dan strategi perniagaan serta mengambil kira semua proses, struktur, kakitangan dan tadbir urus.

Pada tahun 2021, KWAP merancang pelaksanaan penambahbaikan dalam setiap aspek organisasi, termasuklah peralihan SAA yang lancar dan meneruskan kerjasama dengan JPA dalam hal-hal berkaitan pencen secara strategik. Contohnya, kami merancang untuk melancarkan sistem pencen baharu, menerapkan automasi bagi mempercepat proses, memperluas tumpuan pelanggan, di samping meningkatkan nilai tambah yang KWAP berikan kepada ekosistem pesara sektor awam. Dalam usaha kami untuk memperhalus keupayaan pelaburan, kami juga turut mengamalkan pelaburan yang bertanggungjawab untuk memperkembang aset kami dengan lebih mampan.

Pada tahun 2021, KWAP akan mengintegrasikan amalan ESG dalam pelaburan kami dengan melibatkan penerbit bon korporat melalui portfolio pendapatan tetap. Sesi libat urus bersama penerima pelaburan dan pihak penerbit adalah bagi memberi galakan kepada mereka untuk mengukur jejak serta mempergiatkan penghasilan pelan pengurangan karbon. Dengan jangkaan pandemik yang berlarutan ini, usaha kami melibatkan kakitangan juga akan turut berubah dan mereka akan terus menyesuaikan diri dengan cara bekerja di dalam norma baru.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli Lembaga dan Panel Pelaburan di atas bimbingan dan kebijaksanaan mereka berhadapan dengan situasi pandemik yang tidak pernah dialami sebelum ini. Saya teruja untuk meneruskan usaha dalam memastikan KWAP mencatat pencapaian yang lebih baik. Kepada kakitangan kami, terima kasih atas dedikasi dan semangat dalam tahun yang cukup mencabar ini bagi terus memastikan KWAP mendukung mandat dan melaksanakan tanggungjawab untuk pihak berkepentingan dan para pesara. Saya berasa bangga dengan pencapaian organisasi ini dan berazam untuk terus menyumbang tenaga agar dapat membawa KWAP ke tahap yang lebih baik demi manfaat bersama pihak berkepentingan kami dan negara ini.



MENGHARUNGI PANDEMIK COVID-19Perutusan
Pemimpin KamiMengenai
KWAPPihak
Berkepentingan
PengurusanTadbir Urus
KorporatUlasan Ekonomi
dan StrategiPenyata
Kewangan**TINDAKAN KWAP TERHADAP COVID-19**

Pelbagai kekangan kepada kehidupan seharian berpunca daripada pandemik COVID-19 yang luar biasa dan memerlukan kaedah tindak balas yang tidak pernah dilaksanakan sebelum ini.

Melindungi Kesejahteraan Kakitangan

Disebabkan oleh pandemik, cara bekerja secara normal dalam kalangan kakitangan KWAP telah terganggu. KWAP telah bertindak dengan pantas bagi memastikan kesejahteraan kakitangannya dengan mewujudkan kaedah baru melalui konsep bekerja dari rumah, sesi libat sama bersama kakitangan serta meneliti keperluan latihan dan pembangunan. KWAP memanfaatkan penggunaan teknologi untuk membolehkan kakitangan kekal berhubung di dalam cabaran unik yang berpunca daripada pandemik bagi memastikan perniagaan terus beroperasi dengan gangguan minimum.



- ◆ Memperkenalkan aturan kerja dari rumah dan penggiliran pasukan serta tatacara pengendalian piawai untuk melindungi keselamatan dan kesihatan kakitangan.
- ◆ Menjalankan kaji selidik untuk memahami keperluan kakitangan kami berikutnya peralihan kepada aturan kerja dari luar pejabat.
- ◆ Menyediakan kit ujian kendiri COVID-19 percuma untuk kakitangan dan tanggungan yang memerlukan.
- ◆ Semua program latihan beralih ke alam maya dan kami juga memperkenalkan Sistem Pengurusan Pembelajaran untuk memudahkan peralihan ini.
- ◆ Semua program libat sama beralih ke dalam talian dengan fokus untuk memahami bagaimana kakitangan menyesuaikan diri dengan pandemik dan menyediakan persekitaran yang kondusif serta mekanisme kakitangan bagi mendapatkan bantuan untuk keperluan kesihatan mental mereka.
- ◆ Mewujudkan Dana Bantuan Kakitangan KWAP bagi membantu mereka yang terjejas oleh pandemik.
- ◆ Melangkah ke hadapan, inisiatif keterlibatan kakitangan akan memfokus kepada membantu kakitangan menyesuaikan diri dengan budaya kerja baharu, pengaturan bekerja jarak jauh dan penjarakan fizikal.

Fokus kami ketika pandemik adalah untuk melindungi kesejahteraan kakitangan kami, membantu komuniti dan memastikan kesinambungan perniagaan demi manfaat pihak berkepentingan.

Kesinambungan Perniagaan



KWAP proaktif dalam memastikan organisasi berada selangkah ke hadapan dalam penyediaan dan pelaksanaan tindakan yang diambil ketika pandemik bagi memastikan perniagaan terus beroperasi dengan gangguan minimum. Perancangan dan perbincangan sentiasa dijalankan antara jabatan-jabatan utama bagi menentukan langkah-langkah yang perlu diambil bagi membantu kelancaran peralihan kepada cara bekerja dalam konteks norma baharu. Sesetengah inisiatif yang dijalankan termasuklah:

- ◆ Mewujudkan dasar-dasar baharu dan tatacara pengendalian piawai bagi mematuhi pelbagai peraturan yang diperkenalkan oleh kerajaan di dalam membendung penularan pandemik
- ◆ Menubuhkan Pasukan Tindak Balas KWAP untuk memaklumkan hal-hal berkaitan COVID-19 kepada kakitangan
- ◆ KWAP beralih kepada operasi luar pejabat untuk melindungi kesihatan kakitangan
- ◆ Mengubah suai aturan tempat duduk di ruang kerja serta bilik mesyuarat, pantri dan tempat umum untuk mematuhi keperluan penjarakan fizikal
- ◆ Menjalankan analisis jurang mengenai kesediaan KWAP bagi menghadapi pandemik secara menyeluruh.

Membantu Komuniti

Ketika pandemik melanda, KWAP terus mendekati dan menyokong komuniti di sekelilingnya, termasuk para pesara dan petugas barisan hadapan.



- ◆ Menderma lebih daripada RM33,000, yang disumbang oleh kakitangan KWAP kepada para pesara yang memerlukan bantuan
- ◆ Menyumbang RM500,000 kepada Rangkaian Tindak Balas Bencana GLC/GLIC yang membantu dalam penyediaan peralatan penting bagi hospital tempatan
- ◆ Menderma dron dan aksesori bernilai RM100,000 kepada Polis Diraja Malaysia untuk meningkatkan keupayaan pengawasan ketika PKP

Apa yang pasti adalah perubahan. Tahun 2020 adalah tahun perubahan.

Biarpun dengan naik turunnya keadaan persekitaran, kakitangan kami berupaya untuk bertindak balas secara strategik terhadap keadaan pasaran agar dapat memaksimumkan pulangan.

MENGENAI KWAP

15 Mengenai KWAP

- Peranan dan Objektif
- KWAP Dalam Sistem Pencen Malaysia
- Carta Organisasi
- Struktur Korporat
- Pendedahan Pelaburan Geografi
- Jangkauan Pihak Berkepentingan

23 Sorotan Prestasi

25 Sepintas Lalu Program 2020

02

MENGENAI KWAP	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
----------------------	----------------------------	--------------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

PERANAN DAN OBJEKTIF

KWAP adalah sebuah dana persaraan bagi penjawat awam Malaysia. Kami menguruskan caruman daripada Pentadbiran Persekutuan dan pelbagai agensi berkaitan, serta melabur dana untuk memperoleh pulangan maksimum melalui pelaburan dan pengurusan risiko yang selamat. Pada tahun 2015, KWAP mengambil alih secara rasmi peranan Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk pembayaran pencen, ganjaran dan manfaat lain.

DITUBUHKAN PADA 1 MAC 2007

Di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662), menggantikan Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991 (Akta 454)

OBJEKTIF

Untuk mencapai pulangan optimum atas pelaburan bagi membantu Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dalam pembiayaan liabiliti pencennya.

FUNGSI


- ◆ Pengurusan dan pembayaran pencen
- ◆ Pengurusan caruman daripada Pentadbiran Persekutuan, Badan Berkanun dan agensi lain.
- ◆ Pentadbiran, pengurusan dan pelaburan Dana dalam ekuiti, sekuriti pendapatan tetap dan bentuk pelaburan lain sebagaimana dibenarkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan (Akta 662)

KWAP DALAM SISTEM PENCEN MALAYSIA**Petunjuk :**


Perbendaharaan: Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
JPA: Jabatan Perkhidmatan Awam

MINDEF: Kementerian Pertahanan
LTAT: Lembaga Tabung Angkatan Tentera

KWSP: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

CARTA ORGANISASI

MENGENAI KWAP	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

STRUKTUR KORPORAT

- Nota :**
- * Lokasi aset pelaburan/operasi perniagaan
 - Rujuk ke Nota 10 hingga 12 dalam Penyata Kewangan KWAP 2020 untuk senarai lengkap anak syarikat, syarikat bersekutu dan usaha sama KWAP
- Maklumat pada 31 Disember 2020

PENDEDAHAN PELABURAN SECARA GEOGRAFI

Pendedahan Pelaburan Secara Geografi di

41

Buah Negara

merentasi kesemua tujuh benua




Petunjuk Bagi Kelas Aset

Ekuiti



Pendapatan Tetap

Ekuiti Persendirian


Hartanah

PENGLIBATAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN**Demografi Pencen pada 31 Disember 2020****Pesara mengikut Jantina****Pecahan Penerima Pencen****Bilangan Pesara mengikut 3 Negeri Teratas**

Negeri	Persentase
Johor	9.8%
Perak	11.0%
Selangor	17.6%

Pesara mengikut Etnik**Pecahan Pesara Mengikut Umur**

* sesetengah peratusan tidak menjumlahkan tepat 100% kerana pembundaran perpuluhan

Fasa Ke-2 Aplikasi Mudah Alish MyPesara**1**

Akaun dikhaskan untuk kedua-dua pesara dan pengguna awam dengan kemudahan mengemas kini maklumat

Muka surat log masuk berasarkan bagi pesara dan bukan pesara.

2

Ciri-ciri tambahan dinaik taraf dan interaktif

Memberikan pengalaman penggunaan yang lebih holistik

3

Peluang-peluang untuk pembelajaran dalam talian tentang perancangan kewangan, kesihatan dan persaraan.

4

Menikmati manfaat program dengan rakan niaga yang istimewa

Pelbagai butiran eksklusif dan promosi ditawarkan oleh rakan-rakan dagang dan kandungan.

Semua pengguna MyPesara boleh menikmati manfaat yang ditawarkan.

155,555

Muat turun setakat 31 Disember 2020



Imbas kod QR untuk muat turun



Pengguna MyPesara dari tahun 2017 - 31 Disember 2020**155,555**

Muat turun

18%


Pengguna iOS

**82%**

Pengguna Android

**4.60/5**

Penarafan

**5,347**


Maklum balas

497Temujanji Dibuat
melalui MyPesara**Papan Pemuka MyPesara setakat 31 Disember 2020****Pengguna berdaftar****Pengguna Pesara dari MyPesara****65,227**

Pengguna

Jantina**63%****37%****Pengguna Utama****61 - 65**

Tahun

Pengguna MyPesara Dari Tahun 2017 Hingga 31 Disember 2020**Berdasarkan Lokasi Ketika Muat Turun Aplikasi**

JANGKAUAN PIHAK BERKEPENTINGAN**Pengguna Bukan Persara MyPesara setakat 31 Disember 2020****Pengguna baharu MyPesara****15,207**

Pengguna

Jantina**67%**



Lelaki

**33%**

Perempuan

**Purata Pengguna Utama****30**

Tahun

**Profil Pekerjaan Pengguna**

*Berdasarkan data ketika pendaftaran.

Ringkasan Manfaat Program setakat 31 Disember 2020**Ringkasan Manfaat Program
Tahun 2020****150**


Jumlah Jenis Baucar

Pempar Baucar**91%**

Pesara

**8%**

Bukan Pesara

Jumlah Penebusan**3,151** Jumlah Penebusan**Kadar Penggunaan**

*Mengikut Tarikh dikumpul daripada CMS

SOROTAN PRESTASI	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
	2016	2017	2018	2019	2020	
SAIZ DANA PADA NILAI KOS (RM Bilion)	125.00	140.80	136.51	147.48	153.82	
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN (RM)						
Pendapatan Kasar Pelaburan (Bilion)	6.36	9.03	7.06	6.07	6.81	
Perbelanjaan Operasi (Juta)	271.63	368.82	292.33	302.96	277.13	
Pendapatan Bersih Pelaburan (Bilion)	4.83	8.79	1.24	6.67	8.87	
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN (%)						
Kadar Pulangan Perakaunan (ROI bersih)	3.86	8.74	0.80	4.67	6.08	
Perbelanjaan Operasi berbanding Pendapatan Kasar	4.27	4.08	4.14	4.99	4.07	
Perbelanjaan Operasi berbanding Purata Dana	0.22	0.28	0.21	0.21	0.18	
PULANGAN DAN RISIKO (%)						
Kadar Pulangan Berwajaran Masa	4.60	9.10	-1.33	5.91	6.04	
Volatiliti	2.16	2.41	1.40	0.60	2.54	
CARUMAN (RM Bilion)						
Caruman Majikan	2.95	3.01	2.87	2.63	2.46	
Caruman Persekutuan	0.40	0.50	0.50	0.50	0.50	
PENGURUSAN DANA (%)						
Pengurusan Dalaman	88.34	87.55	87.00	87.50	88.27	
Pengurusan Luaran	11.66	12.45	13.00	12.50	11.73	
Bilangan Majikan Mencarum	513	502	485	478	486	
Bilangan Ahli	186,511	193,684	200,299	187,684	178,797	
Bilangan Kakitangan KWAP	592	577	603	610	633	
Pendapatan Setiap Kakitangan (RM Juta)	10.74	15.65	11.70	9.95	10.75	

SOROTAN TAHUN 2020**JUMLAH SAIZ DANA**





RM 153.82
bilion

PENDAPATAN KASAR PELABURAN

RM 6.81
bilion


PENDAPATAN BERSIH PELABURAN


RM 8.87
bilion

SOROTAN 5 TAHUN**PENDAPATAN KASAR PELABURAN
(RM BILION)****PENDAPATAN BERSIH PELABURAN
(RM BILION)****KADAR PULANGAN BERWAJARAN MASA (TWRR)
SEHINGGA KINI (PERATUS)****JUMLAH PULANGAN 5 TAHUN
(PERATUS)**

PROGRAM 2020 SEPINTAS LALUPerutusan
Pemimpin KamiMengenai
KWAPPihak
Berkepentingan
PengurusanTadbir Urus
KorporatUlasan Ekonomi
dan StrategiPenyata
Kewangan**PROGRAM DALAMAN KWAP 2020****JANUARI****22**

Mandat Ketua Pegawai Eksekutif

FEBRUARI**04**Sambutan Tahun Baharu Cina dan
Pertukaran Cenderamata di Pejabat
Kuala Lumpur**FEBRUARI****07**Pertukaran Cenderamata di Pejabat
Cyberjaya dalam kalangan kakitangan**12**Bual Bicara dengan YBrs. Yeoh Keat
Seng yang dianjurkan oleh Jabatan
Ekuity**MEI****22**Ceramah Motivasi Maya bersama
YBhg. Dato' Badli Shah dengan
kerjasama SPARC - "Rayakah Kita"**JUN****4 dan 9**Sesi Taklimat Bekerja dalam Norma
Baru dengan SHC**10**Lawatan Timbalan Menteri
Kewangan II, YBhg. Tuan Haji Yamani
Hafez bin Musa, ke Pejabat KWAP
Kuala Lumpur**23**Bicara Motivasi Khas Maya "Antara
Norma dan Dogma" bersama YBhg.
Dato' Fadzilah Kamsah dengan
kerjasama SPARC

PROGRAM 2020 SEPINTAS LALUPerutusan
Pemimpin KamiMengenai
KWAPPihak
Berkepentingan
PengurusanTadbir Urus
KorporatUlasan Ekonomi
dan StrategiPenyata
Kewangan**PROGRAM DALAMAN KWAP 2020****JULAI****23**

Sesi Kesedaran Integriti dan Antirasuah dengan SPRM

OGOS**06**

Sesi Kesedaran Integriti dan Antirasuah dengan YBrs. Tuan Lee Cheng Teik, Bahagian Pendidikan Perhubungan Komuniti, SPRM

12 - 13

Bengkel Perjanjian Agensi Perkhidmatan Pengurusan Hal Ehwal Persaraan antara Kerajaan Malaysia dan KWAP

27

Lawatan Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr. Mohd Hamdi Abd Shukor, ke Pejabat KWAP Kuala Lumpur

SEPTEMBER**25**

Ceramah Integriti: Jujur dan Amanah dalam Bekerja Bersama YBhg. Ustaz Dato' Nizam Kamaruzaman

**1-30**

Pertandingan Menghias Sempena Sambutan Kemerdekaan Antara Jabatan ("Rumah Merdekaku")

OKTOBER**13**

Program KWEST RE:Live - Age Friendly City: Future of Community Living & Closing Ceremony of Retirement-Oriented Development Design Competition 2019 (RODDC2019)

**20**

Program KWEST RE:Imagine Batik Canting Webinar oleh Encik Hafiz Sulaiman, pengasas Rumpun Batik dan pertandingan 'Canting Your Own Batik'

**22**

Program KWEST RE:Start - Post COVID-19 Outlook on Malaysia Real Estate oleh Cik Cha Ly Koh, Ketua Pegawai Eksekutif Urbanmetry

OKTOBER**26**

Program KWEST RE:Look - *Photography Webinar* oleh Zainudin Arshad, pengasas DinArshad Studio dan pertandingan fotografi

**27**

Program KWEST RE:Think - *Artificial Intelligence in Real Estate Investment "Finding Real Estate Opportunities: Tech and Data"* oleh Encik Erhad Azrai, pengasas bersama Red Angpow

28

Program KWEST RE:Connect - *Open Roaming Initiative Webinar*

NOVEMBER**02**

Sesi Dialog Awam Maya bersama Ketua Pegawai Eksekutif

NOVEMBER**09**

Program KWEST RE:Silence - *Securing the Remote Workforce*

**17**

Program Virtual Leadership Series bersama YBhg. Encik Tan Sri Dr Jemilah Mahmood, Penasihat Khas kepada Perdana Menteri mengenai Kesihatan Awam

DISEMBER**04**

Sesi Dialog Awam Maya bersama Ketua Pegawai Eksekutif

DISEMBER**21**

Program Virtual Leadership Series bersama YBrs. Encik Josiah Ng, bekas penunggang basikal negara dan atlet Olimpik Malaysia

**22**

Sesi Pengenalan Projek TOM (Model Operasi Sasaran)

PROGRAM DALAMAN KWAP 2020*

FEBRUARI**20 - 21**

Bengkel Luar Kawasan JPA-KWAP di Sheraton Hotel, Petaling Jaya

26Majlis Penyerahan *Ex Gratia* dengan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Mohd Khairul Adib Ab Rahman, di SMK Seri Bintang Utara, Kuala Lumpur**OGOS****12 - 13**

Bengkel Perjanjian Agensi Perkhidmatan Pengurusan Hal Ehwal Persaraan antara Kerajaan Malaysia dan KWAP at Le Meridien Hotel, Putrajaya

**26**

Dialog Merdeka bersama YB Menteri Kewangan, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, di Royale Chulan, Kuala Lumpur

SEPTEMBER**09**

Ceramah Keterlibatan Dalam Talian : AKPK dan KPJ dianjurkan oleh CSPD

22

Memorandum persefahaman antara KWAP dan UiTM, yang dihadiri oleh Profesor Dr Mohd Azraai Kassim, Timbalan Naib Canselor, UiTM

OKTOBER**13**Majlis Penyampaian Hadiah bagi *Retirement Oriented Development Design Competition (RODDC)* dianjurkan oleh KWEST**NOVEMBER****20**

Siaran Langsung Facebook "Sakit Belakang dan Kerja Di Rumah" bersama Physio Go menerusi Laman Facebook Rasmi Pasca Perkhidmatan JPA

DISEMBER**10**

Menandatangani Ikrar Integriti Korporat dengan SPRM dan Ceramah Integriti, yang disaksikan oleh Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, YBhg. Datuk Seri Azam bin Baki

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT KWAP 2020**

SEPTEMBER**7 - 11**

Pelancaran Tabung KWAP Prihatin COVID-19 2020

DISEMBER**16**

Pakej Bantuan Derma KWAP Prihatin kepada Rumah Bakti Al Kausar, Bangi dengan SPARC

24

Membaik Pulih Ruang Permai

Suku 1 dan Suku 2 - semua inisiatif bermula 18 Mac 2020 dibatalkan atau ditunda disebabkan oleh pelaksanaan PKP di Malaysia

Kami percaya bahawa kelestarian, kesejahteraan dan nilai murni adalah seiringan di KWAP.

Organisasi dan kemahiran kakitangan kami berasaskan piawaian dan amalan terbaik. Kami kekal mengikuti perkembangan terkini bagi meningkatkan nilai kepada pihak berkepentingan kami terutamanya para pesara.

PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN

- 30** Kesejahteraan Pihak Berkepentingan
 - Perkhidmatan Persaraan
 - Pengurusan Caruman
- 34** Penambahbaikan Proses-Proses Kami
 - Perkhidmatan dan Sokongan Pelaburan
 - Teknologi Maklumat
- 36** Memupuk Warga Kerja Kami

03

KESEJAHTERAAN PIHAK BERKEPENTINGAN	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
------------------------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

PERKHIDMATAN PERSARAAN

Peranan utama KWAP sebagai agensi Kerajaan meliputi pemprosesan dan pembayaran manfaat pencestermasuk ganjaran, pencen, ex gratia, tuntutan berkaitan serta pengurusan perkhidmatan pelanggan. Semua peranan ini telah dimandatkan melalui perjanjian agensi yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dan KWAP. Daripada segi prestasi, Perjanjian Tahap Perkhidmatan (SLA) telah menetapkan keperluan utama termasuk nilai ambang prestasi minimum pada tahap 90%. Pengawasan terhadap prestasi SLA dipantau dan dikaji semula oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menerusi jawatankuasa yang bersidang setiap bulan.

Pandemik COVID-19 telah menjadikan tahun 2020 sebagai tahun yang paling mencabar bagi Jabatan Perkhidmatan Persaraan (PeSD) di dalam mengekalkan tahap produktiviti, kelangsungan perniagaan dan memelihara kesejahteraan kakitangan.

Skor wajaran SLA sepanjang tempoh 12 bulan pada tahun 2020 berada pada julat 90.20% hingga 99.91% dengan purata sebanyak 96.52%. KWAP juga berjaya mengekalkan tahap produktiviti cemerlang bagi perkhidmatan pencen dengan pengendalian lebih daripada 9 juta transaksi.

PENAMBAHBAIKAN SISTEM

Teknologi memainkan peranan penting dan merupakan instrumen utama di dalam mengekalkan fungsi organisasi pada waktu yang mencabar ini. Ia terus menjadi signifikan di dalam memastikan KWAP berupaya untuk mendepani krisis ini. Berikut adalah sebahagian daripada penambahbaikan sistem yang disempurnakan pada tahun 2020:

Sistem Baharu dan Penambahbaikan Sepanjang PKP dan Moratorium 2020

Cabaran:

Sistem semasa tidak menyokong Moratorium dan proses baharu sewaktu pelaksanaan PKP.

Penambahbaikan:

- ◆ Membangunkan program baharu untuk pemprosesan Moratorium menggunakan instrumen *Extract, Transform, Load* (ETL), dari *Talend*.
- ◆ Menambah baik sistem pesanan ringkas (SMS) untuk membolehkan notifikasi mengenai pemotongan 50% ganjaran sewaktu PKP serta perubahan proses di dalam KWAP dan KWSP.

Impak:

- ◆ KWAP berupaya memberi Moratorium sebagai sokongan kepada bank dan agensi yang perlu menghentikan pemotongan ketika Moratorium.
- ◆ Mengurangkan proses kerja manual di dalam mengemas kini rekod untuk membolehkan dan menghentikan pemotongan.
- ◆ Berupaya untuk menyokong proses baharu perkhidmatan persaraan KWAP ketika PKP dengan menyediakan kaedah hebahan kepada para pesara dan penerima pencen.

Penambahbaikan Integrasi HRMIS

Cabaran:

Jumlah bilangan rekod HRMIS yang ditolak dan dipinda ganti adalah tinggi disebabkan oleh kesilapan/pertindihan nombor kad pengenalan yang diberikan oleh Jabatan dan agensi.

Penambahbaikan:

- ◆ Penambahbaikan mekanisme pengintegrasian bagi mengendalikan nombor kad pengenalan yang salah dan bertindih berdasarkan saringan dan keutamaan data (Pesara, tanggungan, dan lain-lain.)

Impak:

- ◆ Proses pengintegrasian dan pendaftaran pencen yang lebih lancar serta pengurangan bilangan rekod yang ditolak.

KESEJAHTERAAN PIHAK BERKEPENTINGAN	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
------------------------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

Integrasi Sistem dengan ePesara Polis DiRaja Malaysia (PDRM)

Cabaran:

KWAP perlu menyediakan maklumat Pesara secara manual untuk dikemas kini di dalam sistem PDRM.

Penambahbaikan:

- ◆ Membangunkan sistem baharu yang diintegrasikan bersama sistem ePesara PDRM.

Impak:

- ◆ Pertukaran data (sistem ke sistem) boleh dilakukan di antara KWAP dan PDRM untuk kemudahan di dalam memproses serta membayar pencen dan manfaat.
- ◆ Meningkatkan kepastian pertukaran maklumat dan mengurangkan proses operasi.

Integrasi Sistem dengan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)

Cabaran:

PPUM mengesahkan maklumat pesara dan tanggung secara manual menerusi portal dalam talian yang disediakan oleh KWAP.

Penambahbaikan:

- ◆ Membangunkan perkhidmatan web bagi PPUM untuk mengesahkan maklumat pesara dan tanggungan.

Impak:

- ◆ Meningkatkan kepastian aliran maklumat dan pemeriksaan bagi pihak PPUM dan mengurangkan proses manual serta waktu menunggu bagi pesara dan tanggungan.
- ◆ Membolehkan proses integrasi dengan institusi lain di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada masa akan datang.

Integrasi data di antara KWAP dan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)

- ◆ LPPSA, JPA dan KWAP bersetuju untuk menjalankan inisiatif integrasi data berkaitan dengan pesara dan pembiayaan perumahan. Integrasi ini dijangka dapat meningkatkan kecekapan berkaitan dengan proses dalam setiap organisasi dan akan dilaksanakan pada tahun 2022.

Pelan Cadangan Integrasi dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

- ◆ Persetujuan secara asasnya telah dicapai di antara JAKIM, JPA dan KWAP bagi inisiatif pengintegrasian data berkaitan pesara dan beneficiari. Perbincangan teknikal mengenai keperluan secara terperinci masih diteruskan dan inisiatif ini dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2021.

Automasi Proses Robotik (RPA)

- ◆ Teknologi RPA mengkonfigurasikan perisian komputer untuk menyamai dan mengintegrasikan tindakan manusia serta melaksanakan proses perniagaan secara automatik. Ia dijangka dapat meningkatkan produktiviti dan kecekapan serta mengukuhkan ketepatan di dalam penyampaian perkhidmatan. Projek RPA telah dimulakan pada tahun 2020 dan pembangunannya masih di dalam proses serta dijangka untuk disempurnakan pada suku tahun kedua 2021.

KESEJAHTERAAN PIHAK BERKEPENTINGAN	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
------------------------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

KETERLIBATAN KAKITANGAN/OPERASI

Dengan norma baharu dan sekatan terhadap interaksi fizikal, KWAP telah mengendalikan pelbagai program dan aktiviti bagi memastikan tahap keterlibatan dan produktivit kakitangan yang tinggi di samping mengekalkan jalinan komunikasi yang berterusan bersama pihak berkepentingan.

KWAP telah menganjurkan pelbagai sesi taklimat sepanjang tahun kepada organisasi kerajaan dan bakal pesara. Kebanyakan program ini dikendalikan secara dalam talian dan apabila keterlibatan fizikal diperlukan, program dilaksanakan berpandukan kepada SOP yang telah ditetapkan. Tujuan utama program ini dilaksanakan adalah untuk memberi maklumat kepada bakal pesara tentang persaraan, manfaatnya dan hal-hal berkaitan.

PELAKSANAAN 5S

KWAP komited untuk mempromosi pelbagai inisiatif penambahbaikan yang mampan dan berterusan menerusi persekitaran kerja yang bersih, selamat dan kondusif sejajar dengan prinsip 5S.

Pelbagai manfaat pelaksanaan 5S dalam KWAP termasuk:

PENAMBAHBAIKAN ALIRAN KERJA, KUALITI, PRODUKTIVITI DAN KESELAMATAN	PENINGKATAN KEPUASAN PELANGGAN	PENGURANGAN KOS	PENINGKATAN DISIPLIN KENDIRI	PENAMBAHBAIKAN KERJA BERPASUKAN, ORGANISASI, SEMANGAT DAN KEBERSIHAN
---	---	----------------------------	---	---

Aktiviti-aktiviti 5S yang dijalankan pada tahun 2020:

◆ 4 Februari 2020

- Latihan Kesedaran 5S Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) di Dewan Serba Guna, KWAP, Cyberjaya



◆ 11 Mei 2020

- Menyesuaikan 5S kepada norma baharu: Webinar MPC



◆ November 2020

- Kursus Pensijilan Dalam Talian 5S – Sistem 5S
 - Kaedah Lean mengenai pengoptimuman dan pengurusan tempat kerja

◆ Disember 2020

- Audit Dalaman 5S


PENGURUSAN CARUMAN

Caruman daripada Kerajaan Persekutuan, agensi-agensi caruman (KWSP, LTAT dan lain-lain) dan majikan (Badan-badan Berkanun, Pihak-pihak Berkusa Tempatan dan agensi-agensi) memainkan peranan utama kepada pertumbuhan saiz dana KWAP pada tahun 2020.


Bagi tahun 2020, jumlah sumbangan sebanyak RM2.96 bilion telah diterima oleh KWAP. Jumlah ini merangkumi RM500 juta daripada Kerajaan Persekutuan, RM1.15 bilion daripada bahagian kerajaan daripada agensi yang mencarum dan baki RM1.31 bilion caruman daripada majikan.

Berbanding dengan tahun sebelumnya, jumlah caruman adalah lebih rendah sebanyak RM184 juta disebabkan oleh pengurangan caruman daripada bahagian Kerajaan.


Jumlah Caruman pada Tahun 2018 - 2020




Bilangan Majikan mengikut Kategori



Caruman Suku Tahunan pada Tahun 2020 mengikut Jenis



Bilangan Kakitangan mengikut Kategori



KESEJAHTERAAN PIHAK BERKEPENTINGAN	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
------------------------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

20 PENCARUM TERTINGGI

No	Majikan	RM (Juta)
1	Universiti Teknologi Mara	163.51
2	Majlis Amanah Rakyat	87.43
3	Universiti Kebangsaan Malaysia	70.15
4	Universiti Putra Malaysia	45.06
5	Universiti Teknologi Malaysia	43.25
6	Universiti Malaya	38.21
7	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	37.71
8	Hospital Universiti Sains Malaysia	37.35
9	Universiti Sains Malaysia	32.74
10	Pusat Perubatan Universiti Malaya	26.86
11	Universiti Utara Malaysia	26.45
12	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah	22.17
13	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	20.09
14	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	19.22
15	Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia	17.91
16	Universiti Malaysia Sarawak	17.63
17	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	16.21
18	Universiti Malaysia Perlis	16.12
19	Universiti Malaysia Sabah	15.96
20	Lembaga Pertubuhan Peladang Kuala Lumpur	15.79
Jumlah		769.82

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Jabatan Caruman pada tahun 2020 memfokuskan kepada penambahbaikan operasi dan pengurusan caruman pence.

Lanjutan dari tahun-tahun sebelumnya, majikan digalakkan untuk membayar caruman mereka melalui Pindahan Dana Elektronik (EFT). Pada 31 Disember 2020, 427 majikan (95%) telah menggunakan kemudahan pembayaran EFT.

Kami telah melaksanakan usaha-usaha yang perlu bagi memastikan pembayaran caruman oleh majikan dibuat pada waktu yang ditetapkan seperti yang digariskan di dalam Peraturan Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1990. Hasilnya, kadar pematuhan bagi tahun 2020 berada pada tahap 96%.

Kami komited di dalam memastikan pihak berkepentingan kami sentiasa didekati dan kesedaran diwujudkan melalui program libat urus secara berterusan. Oleh itu, Jabatan Caruman telah mengambil inisiatif menerbitkan siri e-buletin untuk menyediakan komunikasi interaktif yang bertindak sebagai platform bagi meningkatkan pemahaman tentang pelbagai topik caruman, dan sekaligus, merapatkan jurang-jurang operasi. Sebanyak tujuh edisi telah diterbitkan setakat bulan Disember 2020.

Satu kaji selidik kepuasan pelanggan bagi tahun 2020 dijalankan melibatkan kakitangan kami untuk mengukur kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang disediakan. Fokusnya adalah kepada tiga aspek iaitu tahap kemahiran dan pengetahuan kakitangan masa tindak balas yang diambil terhadap permintaan dan pertanyaan serta pelbagai produk, bahan dan program yang dilaksanakan sepanjang tahun. Kami mencapai skor sebanyak 4.4/5.0 (88%) yang dinilai sebagai memuaskan.

Selain itu, sebanyak 61 sesi Libat Urus dan lawatan penguatkuasaan dijalankan melibatkan pelbagai kementerian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensi diadakan sepanjang tahun untuk memberikan kesedaran tentang Akta Pence Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. Nombor 12/2008.

JABATAN PERKHIDMATAN SOKONGAN PELABURAN

Jabatan Perkhidmatan Sokongan Pelaburan (ISSD) ditubuhkan dengan menggabungkan dua buah jabatan berbeza iaitu Jabatan Kustodian dan Jabatan Penjelasan Pelaburan pada tahun 2015 dan sejak itu jabatan ini telah memberi impak positif kepada operasi pelaburan. Tanggungjawab utama ISSD adalah untuk menyokong aktiviti perniagaan jabatan-jabatan pelaburan KWAP, iaitu Pelaburan Alternatif, Pendapatan Tetap dan Ekuiti. Fungsi utamanya termasuk tuntutan dan kelulusan pelaburan, pengurusan data dan rujukan serta penjagaan termasuk penyelenggaraan dan penyimpanan rekod. Tambahan lagi, ISSD juga bertanggungjawab untuk menyediakan laporan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa KWAP (IIP) mengikut keperluan Bank Negara Malaysia (BNM) yang dikemukakan kepada bank pusat secara suku tahunan.

Bagi tahun 2020, ISSD telah memperkenalkan beberapa inisiatif teras pada tahap perusahaan untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan. Ini termasuk pendigitalan laporan bulanan yang memantau prestasi operasi dan objektif semasa di mana iaanya akan memudahkan pihak pengurusan atasan untuk mengkaji semula matlamat operasi dan prestasi.

Selain itu, ISSD telah mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian semula tahunan perkhidmatan luaran Kustodian Domestik dan Global iaitu Citibank dan Bank of New York Mellon. Kajian semula ini dijalankan dengan mengedarkan sampel soal selidik kepada pihak berkepentingan yang berkaitan dan menganalisis data yang diterima untuk menentukan prestasi keseluruhan. Inisiatif ini dijalankan setiap tahun dengan objektif utama untuk memastikan prestasi kustodian luaran berada di tahap memuaskan.

Bagi memastikan ISSD terus memberikan perkhidmatan berkualiti tinggi kepada pihak berkepentingan dalam, ISSD juga menjalankan satu kaji selidik semakan kepuasan perkhidmatan tahunan. Kaji selidik ini diagihkan kepada Jabatan Pendapatan Tetap, Jabatan Ekuiti dan Jabatan Alternatif, dan dengan maklum balas yang diperoleh, ISSD dapat menentukan aspek bagi penambahbaikan untuk memenuhi jangkaan pihak berkepentingan.



KWAP melaksanakan beberapa langkah untuk meningkatkan

INFRASTRUKTUR KOMPUTER MAYA (VDI) SEDIA ADA

yang digunakan di dalam menyokong aturan Bekerja Dari Rumah.



INFRASTRUKTUR KOMPUTER MAYA (VDI) 2020

Pandemik COVID-19 pada tahun 2020 mencetuskan krisis global dan mengubah cara kerja organisasi. Sementara KWAP telah menetapkan pelbagai langkah yang perlu dan berjaya untuk mengatur kesinambungan perniagaan dan pelan pemulihan bencana untuk menangani isu, beberapa penambahbaikan teknologi dilaksanakan. Langkah-langkah ini adalah untuk menyokong cara kerja baharu manakala pada masa yang sama memastikan keselamatan data dan sistem di dalam KWAP dilindungi dan diurus dengan sewajarnya.

Kami melaksanakan beberapa langkah untuk meningkatkan Infrastruktur Komputer Maya (VDI) yang digunakan di dalam menyokong aturan Bekerja Dari Rumah dengan meningkatkan memori (RAM) server fizikal yang mengehoskan VDI, memperhalusi serta mengoptimumkan persekitaran VDI. Bagi memenuhi peningkatan mendadak trafik rangkaian daripada kakitangan yang berada di luar pejabat, jalur lebar internet dalam Pusat Data juga ditingkatkan untuk kesalinghubungan dan pengalaman yang lebih baik.

Di dalam memastikan aktiviti organisasi berjalan dengan baik menerusi komunikasi yang jelas, berkesan dan lancar dalam kalangan kakitangan serta pihak berkepentingan ketika waktu yang mencabar ini, sistem Skype untuk Perniagaan (SFB) terkini dioptimumkan dan platform persidangan web baharu, Cisco Webex telah diperkenalkan. Platform persidangan web berupaya menganjurkan acara dan pelbagai inisiatif maya KWAP termasuk sesi libat urus dengan pihak berkepentingan, taklimat umum dalaman, bengkel, ceramah, webinar dan lain-lain. Bagi mengekalkan perkhidmatannya, pusat panggilan KWAP yang menjadi titik pertemuan utama antara KWAP dan para pesara

serta pihak berkepentingannya juga telah dikonfigurasikan semula bagi membolehkan panggilan pesara dan pihak berkepentingan dijawab dari rumah.

Bagi meningkatkan kerahsiaan, integriti dan kesediaan data serta sistem dalam KWAP, kami berusaha mengatur semula kedudukan peralatan baharu dan meningkatkan pengetahuan dalam kalangan kakitangan KWAP. Bagi memupuk budaya keselamatan maklumat di KWAP, Program Keselamatan Maklumat Imersif menggunakan latihan berdasarkan komputer dalam talian yang interaktif diperkenalkan sebagai program latihan 12 bulan bagi kakitangan KWAP. Platform dalam talian merangkumi modul interaktif, pentaksiran kesedaran, simulasi, video, permainan dan kuiz dengan latihan untuk meningkatkan tahap kesedaran keselamatan siber dalam kalangan kakitangan.

Pengoperasian sokongan dalaman dan perkhidmatan bantuan menerusi pengaturan bekerja dari luar pejabat dan bekerja dari rumah ditingkatkan menerusi kejayaan pengaturan sistem Pengurusan Perkhidmatan Perusahaan (ESM) di mana kakitangan dapat memperoleh perkhidmatan dan bantuan yang diperlukan daripada pelbagai jabatan dalaman yang menyediakan perkhidmatan termasuk teknologi maklumat dan sokongan teknikal, sokongan pentadbiran awam serta permintaan berkaitan dengan hal-hal Sumber Manusia.


Sepanjang pandemik, KWAP terus memupuk kemajuan kakitangan dan melindungi kesejahteraan mereka sewaktu mereka menyesuaikan diri dengan aturan bekerja dari luar pejabat. Berikut sekatan pergerakan dan SOP baharu, semua program latihan dan sesi libat urus dijalankan secara maya sewaktu kami berusaha untuk memenuhi pelbagai keperluan kakitangan di samping penganjuran pelbagai program yang unik untuk mengurangkan jurang yang diwujudkan oleh aturan bekerja dari luar pejabat.

Dari segi operasi, KWAP bertindak pantas di dalam menyediakan dokumen-dokumen yang berkaitan untuk membolehkan kakitangan kami bergerak ketika PKP terutamanya mereka yang perlu melaksanakan tugas di pejabat. Kami turut memudahkan semua urusan (termasuk kos) bagi ujian saringan COVID-19 terhadap kakitangan dan tanggungan mereka.

PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN

Dengan pandemik COVID-19 mengubah landskap latihan daripada kelas secara fizikal kepada platform maya, KWAP bertindak balas dengan menyediakan latihan bagi kemahiran dan perubahan pemikiran yang diperlukan untuk diadaptasi di dalam norma baharu. Latihan-latihan ini dilaksanakan menerusi webinar, persidangan dalam talian, latihan luaran percuma dan membayar serta latihan yang diterajui oleh tenaga pengajar secara dalam talian yang dirancang secara dalaman. KWAP juga memperkenalkan Sistem Pengurusan Pembelajaran yang membolehkan kakitangan untuk memiliki dan menghadiri pelbagai program latihan mengikut topik-topik yang terdapat di dalam platform ini. Sehingga akhir tahun 2020, 98% daripada tenaga kerja KWAP telah mendaftar dan menyertai satu atau lebih platform pembelajaran maya untuk memenuhi keperluan pembelajaran mereka.

KWAP telah memperkenalkan Program Peningkatan Kemahiran 12 bulan, dirangka untuk menyediakan pembangunan yang komprehensif dan memberikan peluang kemajuan kerjaya lebih banyak bagi kakitangan bukan eksekutif kami. Program ini berupaya untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran kakitangan menerusi lima modul pendidikan peringkat Sarjana yang diiktiraf Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), termasuk bimbingan, projek-projek kumpulan bersaiz kecil, pembelajaran



pengalaman dan penggiliran kerja bagi sesetengah peserta. Pada tahun 2020, program dipelopori oleh sekumpulan 15 orang kakitangan bukan eksekutif berpotensi tinggi yang juga bermotivasi untuk meningkatkan kemahiran dan mempunyai lebih banyak tanggungjawab. Secara keseluruhannya, program ini dijangka akan membantu mewujudkan tenaga kerja pelbagai kemahiran, mengurangkan ketidakaktifan dan menyediakan peluang-peluang kerjaya yang lebih progresif.

MEMUPUK KAKITANGAN KAMI	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
-------------------------	-------------------------	---------------	---------------------------------	----------------------	-----------------------------	------------------

PERANCANGAN PENGAMBILAN DAN TENAGA KERJA

Dalam usaha menangani peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan graduan Malaysia, KWAP telah menyertai Program Kebolehpasaran Graduan melalui *Employability Training Programme* KWAP (KETP). KETP mengadaptasi asas Program *PROTÉGÉ Ready to Work* yang dilancarkan oleh Kerajaan, yang kedua-duanya menyasarkan untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan Malaysia dengan menyediakan peluang bagi para pelatih untuk memperoleh kemahiran kerja yang berkaitan daripada persekitaran dunia pekerjaan sebenar.

Pengiklanan KETP dipaparkan pada bulan Ogos 2020 menerusi platform media sosial KWAP - *Instagram*, *LinkedIn* dan laman sesawang korporat rasmi KWAP. Kami telah menerima maklumbalas yang memberangsangkan dengan jumlah permohonan sebanyak 3,623 yang sesi temuduga calon-calonnya dijalankan secara maya bersama-sama kakitangan Jabatan Sumber Manusia dan 13 orang wakil jabatan.

Pada 2 November 2020, kami telah menerima masuk 20 orang pelatih secara maya melalui program KETP. Pelatih KETP menjalani latihan selama sebulan secara dalam talian dengan objektif utama untuk membangunkan pelbagai kemahiran kendiri dan insaniah di samping membiasakan diri mereka dengan persekitaran pekerjaan. Sepanjang tempoh ini, beberapa aktiviti libat urus secara maya telah dirancang dan dijalankan seperti Hari Pembentangan, sesi Perbincangan Panel dan segmen perkongsian pengetahuan, "Get Inspired! Talk" yang menampilkan bakat-bakat KWAP sebagai penceramah, ahli panel dan penonton di dalam aktiviti-aktiviti yang dinyatakan seperti di atas.

Pada bulan Disember 2020, pelatih KETP memulakan tugas bukan penggiliran di jabatan masing-masing. Setiap pelatih ditugaskan kepada seorang penyelia dan mentor yang membimbing dan memantau prestasi mereka sepanjang tempoh tugas. Sepanjang tempoh program, pelatih KETP ditugaskan untuk projek dan tugas yang akan melengkapkan mereka dengan kemahiran dan pendedahan yang perlu untuk meningkatkan kebolehpasaran mereka.

KEPRIHATINAN TERHADAP KAKITANGAN, MASYARAKAT DAN ALAM SEKITAR

COVID-19 telah memberi kesan terhadap kakitangan kami meliputi pelbagai aspek, terutamanya daripada aspek kesihatan mental kerana tempoh pengasingan yang panjang disebabkan oleh aturan baharu untuk bekerja dari rumah. Ketika PKP, KWAP pantas di dalam bertindak untuk mengkaji dan memahami keperluan kakitangan kami menerusi "Kaji Selidik Bekerja Dari

Rumah" yang dijalankan pada bulan April 2020. Hasil kaji selidik menunjukkan bahawa kakitangan kami berusaha mencari kaedah untuk menyesuaikan diri kepada aturan bekerja baharu dan sesetengahnya terdesak memerlukan sokongan kesihatan. Susulan daripada kaji selidik ini, kami telah menganjurkan karnival maya buat julung kalinya bertemakan kesihatan mental, *MINDORPHIN 2.0* yang dirangka bagi membantu kakitangan untuk lebih memahami tentang isu kesihatan mental.

KWAP juga memperkenalkan sebuah program sokongan yang dikenali sebagai *Amity Programme*, sebuah program berbentuk bantuan kepada kakitangan yang membolehkan kakitangan kami untuk mendapatkan konsultasi yang selamat, dipercayai dan sulit daripada ahli psikologi bertauliah di dalam membantu mereka mengendalikan pemikiran dan menguruskan emosi mereka. Oleh itu, kakitangan kami berupaya untuk mendapatkan bantuan emosi pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja tanpa sebarang kos tambahan.

Selain memfokuskan kepada kesihatan mental, pada tahun 2020, banyak aktiviti libat urus kami turut menjurus kepada aspek kelestarian di dalam usaha kami untuk menerapkan kakitangan kami dengan pentafsiran pengetahuan ke dalam bentuk tindakan yang yang mampan dan berterusan. Aktiviti-aktiviti berdasarkan prinsip ini dilaksanakan di bawah program "Sustainable Home Run" (SHR) dengan pelbagai aktiviti diadakan pada suku tahun ketiga dan keempat mensasarkan untuk melindungi dan memelihara alam sekitar. Pada era pasca pandemik, KWAP akan terus melibatkan kakitangan dengan penekanan kepada norma baharu dengan menyediakan platform pembelajaran yang imersif dan keterlibatan serta memastikan bahawa budaya bekerja baharu kekal mampan.



Sebanyak **3,623** permohonan di mana temu duga calon telah dijalankan secara maya oleh kakitangan Sumber Manusia



Susulan kaji selidik, kami menganjurkan karnival maya buat julung kalinya bertemakan kesihatan mental, **MINDORPHIN 2.0** yang dirangka untuk membantu kakitangan untuk lebih memahami tentang isu kesihatan mental.



Aktiviti-aktiviti tersebut telah dijalankan di bawah program kelestarian kami bertajuk

"SUSTAINABLE HOME RUN" (SHR)

MEMUPUK KAKITANGAN KAMI	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
-------------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

SOROTAN AKTIVITI PADA TAHUN 2020

Suku Pertama: Kesejahteraan yang Mampan (Kesihatan Fizikal) – Karnival Secara Fizikal

HEALTH SCREENING FIESTA 2.0 (KESIHATAN FIZIKAL)

Bagi menggalakkan kehidupan sihat melalui kolaborasi bersama PMcare, *Health Screening Fiesta 2.0* menyediakan platform bagi kakitangan untuk mendapatkan pemeriksaan saringan kesihatan asas di KWAP. Lebih daripada 15 penyedia perkhidmatan berkaitan kesihatan menyertai program ini dan kakitangan berupaya memperoleh laporan komprehensif tentang kesihatan mereka.

Suku Kedua: Kesejahteraan yang Mampan (Kesihatan Fizikal) - Karnival Maya Pertama

MINDORPHIN 2.0

Ini merupakan aktiviti maya kami yang pertama selepas pandemik melanda. MINDorphin 2.0 diperkenalkan sebagai satu permainan untuk mengenalpasti dan memahami kesihatan mental. Selama tempoh seminggu, kakitangan mengikuti satu episod "The Mind Maze" ("Cabaran Minda") yang perlu diselesaikan sebelum para peserta dibenarkan untuk beralih kepada episod seterusnya. Terdapat lima episod latihan yang perlu ditempuh oleh kakitangan untuk menjadi lebih peka dengan daya ketahanan diri sendiri.

THE AMITY PROGRAMME (PROGRAM BANTUAN KAKITANGAN)

KWAP memperkenalkan program bantuan kakitangan yang pertama untuk membantu memberi sokongan profesional di dalam aspek kesihatan menerusi Hab Kesejahteraan Minda Eunoia. Program ini menyediakan persekitaran selamat yang dapat membantu kakitangan KWAP untuk menguruskan stres dan mendapatkan sokongan emosi terutamanya ketika mengharungi waktu sukar.



Suku Ketiga: Perubahan Iklim (Pemanasan Global) – Karnival Separa Maya

PROGRAM THE BUTTERFLY KEEPER (TINDAKBALAS IKLIM)

Warga KWAP telah berjaya melepaskan 100 kepompong rama-rama hasil daripada jalinan kerjasama dengan Tama Rama-Rama dan Reptilia Melaka. Oleh kerana pandemik yang melanda baru-baru ini, kira-kira 3,000 kepompong rama-rama musnah disebabkan tiada jagaan dilaksanakan sewaktu PKP. Inisiatif ini telah mendapat respon positif daripada Taman Rama-Rama dan KWAP merupakan pelanggaran korporat pertama bagi taman ini.

PROGRAM THE GARDEN EXCHANGE (TINDAKBALAS IKLIM)

Melalui usahasama petani bandar dari TOCLAN Asia, sebanyak 100 kit tanaman bayam Brazil telah dipesan untuk kakitangan KWAP bagi mereka mempelajari sedikit sebanyak tentang pertanian bandar di rumah. Bagi memperluaskan ilmu pengetahuan yang dikehendaki daripada program ini, 100 kakitangan yang terlibat dikehendaki untuk menukar hasil tanaman mereka selepas dua minggu bersama rakan pilihan.



Suku Keempat: Ke Arah Bumi Hijau (Kurangkan, Guna Semula, Kitar Semula) – Karnival Maya



PROGRAM THE SOAP MASTER & THE CANDLE MAKER (KURANGKAN, GUNA SEMULA, KITAR SEMULA)

Melalui kolaborasi di antara KWEST dan WWF, kami telah menganjurkan pelbagai aktiviti untuk mendidik kakitangan kami tentang kepentingan menyumbang kepada alam sekitar dan mengajar mereka pelbagai kaedah asas di rumah seperti membuat bahan pencuci daripada kulit buah-buahan dan gula sirap atau gula perang, membuat lilin kitar semula menggunakan minyak masak terpakai serta produk-produk yang selalu digunakan di rumah.

MENYUMBANG KEPADA KOMUNITI

DANA BANTUAN COVID-19


Jabatan Hal Ehwal Korporat dan Kelab Rekreasi dan Sukan telah bersama-sama menganjurkan dana bantuan COVID-19 bagi mengutip derma, dan sebanyak RM33,000 hasil sumbangan warga KWAP telah disalurkan kepada para pesara yang terkesan akibat pandemik.

DANA BANTUAN KAKITANGAN

Jabatan Hal Ehwal Korporat dan Kelab Rekreasi dan Sukan juga menubuhkan dana Bantuan Kakitangan untuk membantu kakitangan KWAP yang terjejas teruk akibat pandemik. Dengan dana ini, KWAP berjaya membantu kakitangannya yang telah memohon bantuan.

MAKLUMAT STATISTIK

JUMLAH TENAGA KERJA KWAP

633 kakitangan


PURATA UMUR (TAHUN)

34.8


PURATA TAHUN BERKHIDMAT




PECAHAN TENAGA KERJA MENGIKUT UMUR








PECAHAN GENERASI



PECAHAN JANTINA (PERATUS)



PECAHAN ETNIK**HARI PEMBELAJARAN YANG DIHADIRI MENGIKUT KATEGORI PROGRAM****PENGAMBILAN DAN PENGGANTIAN****PERBELANJAAN PEMBELAJARAN MENGIKUT KATEGORI PROGRAM****KELAYAKAN PROFESIONAL**

Mendukung tadbir urus dan integriti korporat yang baik kekal menjadi komponen penting dalam kepimpinan KWAP demi mencapai objektif dana.

Pihak berkepentingan dijamin penciptaan nilai yang mampan dalam jangka masa panjang yang mencerminkan komitmen kami yang kukuh dalam mempraktikkan amalan terbaik dalam bidang ini.

TADBIR URUS KORPORAT

- 43** Ahli Lembaga
- 48** Ahli Panel Pelaburan
- 52** Pengurusan Kanan
- 56** Tadbir Urus Korporat
- 68** Pengurusan dan Pematuhan Risiko
- 80** Penyata Audit Dalaman
- 81** Integriti dan Tadbir Urus

04

AHLI LEMBAGAPerutusan
Pemimpin KamiMengenai
KWAPPihak
Berkepentingan
PengurusanTadbir Urus
KorporatUlasan Ekonomi
dan StrategiPenyata
Kewangan**YBhg. Datuk Seri Asri Bin Hamidin @ Hamidon**Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
Seksyen 6(4)(a) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007**Jawatankuasa Lembaga:****Pengalaman:**

Datuk Seri Asri telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga pada 1 Mei 2020.

Datuk Seri Asri memulakan kerjayanya sebagai Penolong Pengarah di Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1994. Kemudian, beliau berpindah ke Agensi Antirasuah pada bulan April 1998 sebelum berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Jabatan Perkhidmatan Awam dari bulan Mac 2003. Datuk Seri Asri meneruskan perkhidmatan beliau sebagai Ketua Penolong Setiausaha di Kementerian Kewangan (MOF) dan sejak itu, telah memegang pelbagai jawatan lain termasuk Timbalan Setiausaha, Pelaburan, MoF Inc. dan Jabatan Penswastaan. Beliau dilantik sebagai Setiausaha Bahagian GIC MOF pada bulan Julai 2015 sebelum dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) pada bulan Mac 2018 dan kemudian dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) sebelum jawatan terkini beliau.

Datuk Seri Asri juga Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Bina Darulaman Berhad, dan Pengarah Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Berhad, DanaInfra Nasional Berhad, Aset Tanah Nasional Berhad, GovCo Holdings Berhad, Protecthealth Malaysia, Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia (MyCEB), dan Pengerusi serta Pengarah 1Malaysia Development Berhad.

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1990, Diploma dalam Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada tahun 1996 dan Ijazah Sarjana Ekonomi dari Universiti Hiroshima, Jepun pada tahun 2006. Datuk Seri Asri juga menghadiri Program Pengurusan Perniagaan Harvard Premier pada tahun 2010.

**YBrs. Encik Adnan Zaylani Bin Mohamad Zahid**Wakil Bank Negara Malaysia
Seksyen 6(4)(b) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007**Jawatankuasa Lembaga:****Pengalaman:**

Encik Adnan Zaylani telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2019.

Beliau kini menjawat jawatan Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) yang bertanggungjawab di dalam Pembangunan dan Inovasi Kewangan, Perbankan Islam dan Takaful, Pembangunan Insurans, Kewangan Pembangunan Kewangan dan Rangkuman Kewangan serta Perundungan. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pengurusan BNM, Jawatankuasa Penstabilan Kewangan dan Jawatankuasa Pengurusan Rizab.

Beliau turut mewakili BNM sebagai ahli Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Labuan, ahli Lembaga Credit Guarantee Corporation Berhad (CGC), Pengerusi Lembaga Pengarah BNM Sukuk Kijang Berhad, Ahli Jawatankuasa Eksekutif International Islamic Liquidity Management Corporation serta Ahli Jawatankuasa Eksekutif dan Ahli Jawatankuasa Audit INCEIF.

Encik Adnan Zaylani merupakan pemegang Ijazah Sarjana dalam Dasar Awam dari Blavatnik School of Government, University of Oxford serta Ijazah Sarjana Ekonomi Pasaran Global dan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari London School of Economics and Political Science.

**Jawatankuasa Utama:**Jawatankuasa
Lembaga
Pencalonan dan
ImbuhanJawatankuasa
Lembaga
Risiko dan
IntegritiJawatankuasa
Lembaga AuditJawatankuasa
Lembaga
Perolehan

Pengerusi



Ahli

AHLI LEMBAGA	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
--------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------



YBrs. Puan Anis Rizana Binti Mohd Zainuddin
Wakil Kementerian Kewangan
Seksyen 6(4)(c) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Jawatankuasa Lembaga:



Pengalaman:

Puan Anis Rizana binti Mohd Zainuddin, telah dilantik sebagai Ahli Lembaga pada 14 Julai 2020.

Puan Anis Rizana kini menyandang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha (Pelaburan), MOF. Beliau memulakan kerjaya dalam sektor swasta pada awal tahun 1993 hingga awal tahun 1994 sebelum menyertai MOF sebagai Penolong Setiausaha dalam Seksyen Pinjaman Domestik, Bahagian Kewangan dari tahun 1995 hingga 1999. Beliau memegang pelbagai jawatan di dalam MOF termasuk Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Kewangan dari bulan Disember 1999 hingga bulan Jun 2001 dan Penolong Setiausaha di MoF (Inc.), Bahagian Penswastaan dan Penyelarasan di MOF sebelum dinaikkan pangkat sebagai Ketua Penolong Setiausaha pada tahun 2004. Beliau kemudiannya dipinjamkan ke Institut Integriti Malaysia sebagai Pengurus Kewangan dari bulan Jun 2004 hingga bulan Februari 2005 sebelum kembali semula ke MOF sebagai Ketua Penolong Setiausaha di Bahagian Pengurusan Pinjaman & Dasar Kewangan hingga bulan Julai 2005.

Beliau terus berkhidmat sebagai Ketua Penolong Setiausaha bersama-sama MOF di Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa sehingga bulan Mei 2006. Beliau kemudian berkhidmat di Bahagian Pengurusan Belanjawan sehingga November 2006, dan kemudian ke seksyen Pelaburan MoF (Inc.), Bahagian Penswastaan hingga bulan September 2008. Beliau juga turut menjawat jawatan Timbalan Setiausaha Bahagian Pelaburan, MOF (Inc.) & Bahagian Penswastaan sehingga bulan April 2009, sebelum beliau ditugaskan di Jabatan Perdana Menteri sebagai Pegawai Tugas-tugas Khas kepada Ketua Setiausaha Negara hingga bulan September 2009. Beliau kemudiannya dipinjamkan ke Malaysia Airports Holdings Berhad sebagai Pengurus Besar, Perancangan Korporat dari bulan Oktober 2009 sehingga September 2011 di bawah Program Penempatan Silang di antara Khazanah Nasional Berhad dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Puan Anis Rizana kemudiannya kembali semula ke MOF pada bulan Oktober 2011 untuk memegang jawatan sebagai Ketua Sekretariat Rangsangan Ekonomi di Unit Sekretariat Rangsangan Ekonomi sehingga bulan Jun 2012, dan seterusnya berkhidmat sebagai Timbalan Setiausaha di Bahagian Dasar Imbuhan, Wang Awam & Perkhidmatan Pengurusan hingga bulan Jun 2013. Selain itu, dalam pada masa yang sama beliau juga turut berkhidmat sebagai Pengarah Program Transformasi Perbendaharaan (TTP) dari Januari 2013 sehingga Jun 2013. Beliau kemudian dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Aduan), Biro Aduan Awam di Jabatan Perdana Menteri dari bulan Jun 2013 hingga bulan November 2014 sebelum berkhidmat dengan Jabatan Perdana Menteri sebagai Pengarah Bahagian Integriti dan Tadbir Urus (Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Menentang Rasuah) sehingga Oktober 2015. Beliau kemudian dilantik sebagai Felo Penyelidikan Kanan di bawah Kluster Pembangunan dan Penyelidikan Dasar di INTAN sehingga Januari 2018 dan terus berkhidmat selaku Ketua Kluster sehingga Julai 2018. Beliau bertindak selaku Ketua Kluster bagi Kluster Ekonomi dan Kewangan Awam di INTAN sehingga Februari 2019 dan kemudiannya berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dari Februari 2019 sehingga Jun 2020 sebelum memegang jawatan semasa beliau. Beliau juga merupakan Pengarah Telekom Malaysia Berhad, Pelaburan Hartanah Berhad, Assets Global Network Sdn Bhd, Urusharta Jamaah Sdn Bhd, UJ Property Management Sdn Bhd, Pembangunan Modal Penjana Sdn Bhd dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera.

Beliau berkelulusan Diploma dalam Analisis Pelaburan dari Institut Teknologi MARA (ITM) pada tahun 1990 dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Western Michigan University, Kalamazoo, A.S. pada tahun 1992 dan Diploma Pentadbiran Perniagaan dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada tahun 1995. Beliau memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Sekolah Pengajian SiswaZah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Putra Malaysia dan menghadiri Program Pengurusan Kepimpinan Lanjutan di INTAN, Program Pengurusan Lanjutan (AMP) di Harvard Business School, Boston, A.S dan Program Pembangunan Kepimpinan Lanjutan dengan Razak School of Government.



AHLI LEMBAGA	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
--------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------



YBhg. Datuk Siti Zainab Binti Omar
Wakil Kerajaan Persekutuan
Seksyen 6(4)(e) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Jawatankuasa Lembaga:

Pengalaman:

Datuk Siti Zainab telah dilantik semula sebagai Ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2019. Beliau kini memegang jawatan sebagai Peguam Cara Negara II, Jabatan Peguam Negara.

Datuk Siti Zainab memulakan kerjayanya di dalam Bidang Kehakiman dan Perundungan Malaysia sebagai Timbalan Pendakwa Raya di Bahagian Pendakwaan di Pejabat Peguam Negara. Beliau kemudian berkhidmat di dalam pelbagai bidang di agensi kerajaan yang lain dan mempunyai pengalaman yang luas di dalam undang-undang perlembagaan, kewangan dan undang-undang Islam, undang-undang korporat dan juga kontrak. Beliau juga turut terlibat di dalam sesi rundingan antarabangsa sewaktu berkhidmat sebagai Peguam Cara Perbendaharaan di Kementerian Kewangan dan beliau juga pernah berkhidmat sebagai Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka. Beliau kini merupakan ahli Lembaga Pengarah Subang Golf Course Corporation dan Indah Water Consortium.

Datuk Siti Zainab memperoleh Ijazah LLB (Kepujian) dari Universiti Essex, United Kingdom. Beliau juga telah diterima masuk ke Badan Peguam England & Wales (Gray's Inn) pada tahun 1986. Pada tahun 1998, beliau telah diterima masuk ke Badan Peguam Malaysia sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara.



YBhg. Datuk Dr. Yacob Bin Mustafa C.A(M), FCPA(AUST), CPFA(UK)
Wakil Kerajaan Persekutuan
Seksyen 6(4)(e) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Jawatankuasa Lembaga:

Pengalaman:

Datuk Dr. Yacob Mustafa telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWAP pada 15 Disember 2019.

Datuk Dr. Yacob Bin Mustafa merupakan Ketua Jabatan Akauntan Negara (JAN) di Malaysia. Beliau juga Akauntan Berkanun (Malaysia), Felo Akauntan Praktik Bertauliah (Australia) dan Akauntan Kewangan Awam Berkanun (UK). Sebelum memegang jawatan sekarang, beliau berkhidmat sebagai Timbalan Akauntan Negara (Korporat) dan Timbalan Akauntan Negara (Operasi) di JAN. Beliau mempunyai lebih daripada 30 tahun pengalaman berkhidmat di dalam pelbagai jabatan kerajaan.

Kini, Datuk Dr. Yacob berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Danalntra Nasional Berhad (Danalntra), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP).

Datuk Dr. Yacob memiliki Ijazah Sarjana Muda di dalam jurusan Perakaunan dari Universiti Malaya, Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia.



YBhg. Dato' Azmi Bin Abdullah
Wakil Sektor Swasta
Seksyen 6(4)(f) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Jawatankuasa Lembaga:

Pengalaman:

Dato' Azmi bin Abdullah telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2019.

Beliau kini merupakan ahli Lembaga Pengarah Ireka Corporation Berhad dan ahli Lembaga Jawatankuasa Risiko Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM). Beliau juga berkhidmat di dalam Lembaga Pengarah beberapa syarikat berstatus sendirian berhad.

Sebelum itu, beliau merupakan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif SME Bank yang pertama, tempat beliau berkhidmat selama empat tahun, dan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BumiputeraCommerce Bank Berhad, tempat beliau berkhidmat selama 26 tahun dalam pelbagai jabatan. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Doktor Kehormat dalam Pengurusan Perniagaan juga dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 16 Ogos 2006.

Jawatankuasa Utama:	Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Imbuhan	Jawatankuasa Lembaga Risiko dan Integriti	Jawatankuasa Lembaga Audit	Jawatankuasa Lembaga Perolehan	Pengerusi	Ahli
---------------------	---	---	----------------------------	--------------------------------	-----------	------

AHLI LEMBAGA	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
--------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------



YM Raja Teh Maimunah Binti Raja Abdul Aziz

Wakil Sektor Swasta
Seksyen 6(4)(f) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Jawatankuasa Lembaga:



Pengalaman:

YM Raja Teh Maimunah telah dilantik sebagai ahli Lembaga pada 15 Mei 2019. Sebelum itu, beliau telah dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan pada 1 Mac 2019.

YM Raja Teh Maimunah mempunyai lebih dari 25 tahun pengalaman di dalam perkhidmatan kewangan meliputi Perbankan Pelaburan, Borong, Islam dan Digital. Kini, beliau menjawat jawatan Pengarah Urusan Perbankan Borong di AmBank Group. Sebelum itu, beliau telah menjawat jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif AmlInvestment Bank, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Operasi Inovasi Digital dan Transaksi Perbankan Kumpulan Hong Leong. Terdahulu, beliau memegang pelbagai jawatan sebagai Ketua Pasaran Islam Global di Bursa Malaysia, Ketua Pegawai Korporat dan Ketua Perniagaan Antarabangsa di Kuwait Finance House Malaysia, Pengarah Kanan Bank Alkhair Bahrain (sebelum ini dikenali sebagai Unicorn Investment Bank) dan Ketua Perbankan Pelaburan di RHB Sakura Merchant Bank (kini RHB Investment Bank). Raja Teh Maimunah juga pernah berkhidmat di Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (agensi pengurusan aset negara dan pemulihan hutang Malaysia) semasa krisis kewangan Asia pada tahun 1998 dan juga CIMB Investment Bank selama hampir 10 tahun di dalam bahagian hutang, permulaan ekuiti dan jualan ekuiti. Beliau juga memulakan kerjayanya di KPMG Peat Marwick Consultants.

Beliau telah dianugerahkan Ijazah Doktor Undang-Undang dari University of East London, United Kingdom dan memperoleh LLB (Kepujian) dari universiti yang sama.

Raja Teh Maimunah merupakan Penasihat Kewangan dan Perbankan Islam kepada World Islamic Economic Forum Foundation. Beliau juga merupakan ahli jawatankuasa eksekutif Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI), sebuah NGO yang didedikasikan untuk pemerkasaan wanita dan mengurangkan kebuluran serta ahli Lembaga Penasihat PichaEats, sebuah perusahaan sosial.



YBrs. Encik Mohd Ismadi Bin Ishak

Wakil Sektor Swasta
Seksyen 6(4)(f) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Jawatankuasa Lembaga:



Pengalaman:

Encik Mohd Ismadi bin Ishak telah dilantik sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2019.

Beliau kini merupakan Ketua Pegawai Kewangan TRX City Sdn Bhd. Beliau juga telah dilantik sebagai Pengerusi KWEST Sdn Bhd pada 16 April 2019, sebuah anak syarikat milik penuh KWAP. Sebelum itu, Encik Mohd Ismadi pernah berkhidmat di beberapa organisasi termasuk Arthur Andersen & Co, UEM Group dan Prokhas Sdn Bhd.

Beliau mempunyai lebih daripada 20 tahun pengalaman di dalam bidang perakaunan dan kewangan, termasuk perancangan strategik, kewangan korporat, penganggaran belanja dan pelaksanaan. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana di dalam Pentadbiran Perniagaan dari University of Strathclyde, Scotland, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Muda di dalam Perakaunan dan Kewangan dari De Montfort University, Leicester, United Kingdom.



Jawatankuasa Utama:

BNRC Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Imbuhan



Jawatankuasa Lembaga Risiko dan Integriti



Jawatankuasa Lembaga Audit



Jawatankuasa Lembaga Perolehan



Pengerusi



Ahli

AHLI LEMBAGA	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
--------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------



YBrs. Encik Abdul Rahman Bin Mohd Nordin
Wakil Pencarum
Seksyen 6(4)(g) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Jawatankuasa Lembaga:



Pengalaman:

Encik Abdul Rahman telah dilantik sebagai ahli Lembaga pada 1 Mei 2020.

Kini, beliau merupakan Setiausaha Agung CUEPACS, dan telah memegang jawatan ini sejak tahun 2019. Beliau juga merupakan Presiden Kesatuan Kakitangan Am Universiti Kebangsaan Malaysia (KESUKMA).



YBrs. Puan Nik Amlizan Mohamed
Ketua Pegawai Eksekutif (Ahli Ex-Officio)
Seksyen 6(4)(d) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Pengalaman:

Puan Nik Amlizan telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif serta ahli Lembaga KWAP pada 2 November 2020.

Beliau sebelum ini berkhidmat sebagai Ketua Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) sejak September 2018. Terdahulu, beliau telah menjawat jawatan sebagai Ketua Pegawai Pelaburan KWAP dan telah berkhidmat bersama-sama organisasi ini dengan memikul pelbagai peranan sejak mula menyertai KWAP pada tahun 2007.

Kerjaya profesional beliau menjangkaui usia 28 tahun, meliputi bidang perkhidmatan kewangan dan dana persaraan, mengawasi fungsi pelaburan merentasi semua kumpulan aset dan beliau juga turut mempunyai pengalaman luas di dalam industri pengurusan dana, perubahan transformasi dan pengurusan perubahan serta tadbir urus korporat.

Beliau turut berkhidmat di dalam Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad. Beliau juga merupakan ahli Majlis Pelabur Institusi Malaysia dan ahli Institut Integriti Malaysia.

Beliau juga merupakan ahli Lembaga anak syarikat penuh KWAP, Prima Ekuiti (UK) Ltd dan KWEST Sdn Bhd; serta anak syarikat bersekutu edotco Bhd.

Puan Nik Amlizan adalah siswazah lepasan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi/Perakaunan dari Claremont McKenna College, Amerika Syarikat pada tahun 1991.

MELETAK JAWATAN/ BERSARA DARIPADA AHLI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

1 YBhg. Tan Sri Ahmad Badri Bin Mohd Zahir
Penamatian Perkhidmatan pada
30 April 2020

2 YBhg. Datuk Azih Muda
Penamatian Perkhidmatan pada
30 April 2020

3 YBrs. Encik Syed Hamadah Bin Syed Othman
Penamatian Perkhidmatan pada
1 November 2020

4 YBhg. Datuk Teo Khian How
Penamatian Perkhidmatan pada
18 November 2020



AHLI PANEL PELABURAN	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
----------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------



YBrs. Encik Mohd Rashid Bin Mohamad

Pengerusi Panel Pelaburan
Seksyen 7(2)(a) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Pengalaman:

Encik Mohd Rashid dilantik sebagai Pengerusi Panel Pelaburan berkuat kuasa pada 1 Mac 2019.

Beliau kini merupakan Bendahari Kumpulan untuk RHB Bank Berhad, menerajui perniagaan perbendaharaan seluruh kumpulan dan pasaran global selaras dengan hala tuju strategik dan aspirasi Kumpulan. Beliau juga merupakan Pengarah RHB Bank (L) Ltd.

Encik Mohd Rashid mempunyai lebih 26 tahun pengalaman di dalam pasaran kewangan dengan beberapa institusi kewangan di Singapura dan Malaysia iaitu ABN Amro NV, The Royal Bank of Scotland dan AmBank Group. Beliau memulakan kerjayanya dengan Bank Negara Malaysia pada 1988 dan menghabiskan 14 tahun dalam Jabatan Penyeliaan Perbankan dan Operasi Pelaburan dan Pasaran Kewangan.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dengan cemerlang dari University of Wales, Cardiff, United Kingdom dan beliau merupakan Akauntan Bertauliah di bawah Institut Akauntan Malaysia.



YBrs. Cik Azah Hanim Binti Ahmad

Wakil Kementerian Kewangan
Seksyen 7(2)(c) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Pengalaman:

Cik Azah Hanim dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan mewakili Kementerian Kewangan (MOF) berkuat kuasa pada 1 Mac 2019.

Beliau kini merupakan Timbalan Setiausaha di Bahagian Antarabangsa, MOF. Sebelum ini, Cik Azah Hanim berkhidmat sebagai Timbalan Setiausaha, Sektor Serantau dan Pelbagai Hala dan Timbalan Setiausaha, Sektor Penyelidikan dan Rundingan di Bahagian Antarabangsa, MOF.

Beliau juga pernah berkhidmat dalam pelbagai jawatan di Bahagian Perolehan, MOF termasuk sebagai Timbalan Setiausaha, Sektor Dasar dan Perundingan; Ketua Seksyen, Bahagian Pembangunan Dasar Perolehan; dan Ketua Penolong Setiausaha, Unit Dasar Perolehan Antarabangsa. Sebelum berkhidmat di MOF, beliau berkhidmat sebagai Penolong Setiausaha, Unit Belanjawan, Bahagian Kewangan di Kementerian Pendidikan.

Beliau menganggotai Lembaga Pengarah di Lembaga Pelabuhan Kemaman, Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. dan Dana Infrastruktur ASEAN.

Cik Azah Hanim memiliki Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Teknologi Nanyang, Singapura.

AHLI LEMBAGA	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
--------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------



YBhg. Dato' Noorazman Bin Abd Aziz
*Wakil Sektor Swasta
 Seksyen 7(2)(e) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007*

Pengalaman:

Dato' Noorazman Bin Abd Aziz telah dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan berkuatkuasa pada 23 Julai 2019 sebagai wakil daripada sektor swasta.

Beliau kini merupakan Penggerusi UEM Sunrise Bhd dan Ahli Lembaga Pengarah UEM Edgenta Bhd, PLUS Malaysia Bhd, Kumpulan Perangsang Selangor Bhd dan Hong Leong Financial Group Bhd.

Beliau juga berkhidmat sebagai Penggerusi Pemegang Amanah Yayasan UEM, sayap yayasan amal UEM Group, dan Penggerusi Pemegang Amanah International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF). Pada tahun 2005, Dato' Noorazman dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Pencapaian Jurubank Asia pertama untuk Perbankan Islam.

Dato' Noorazman memulakan kerjayanya sebagai penganalisis pelaburan di Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) pada tahun 1982. Beliau meninggalkan PERNAS 3 tahun kemudiannya untuk kerjaya yang cemerlang dengan Citigroup di dalam bidang perbankan korporat, pelaburan, perbendaharaan dan pasaran kewangan. Ketika tempoh ini beliau dipinjamkan ke Kementerian Kewangan (MOF) untuk berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) dan Ketua Pegawai Eksekutif Kuala Lumpur Stock Exchange Berhad. Selepas tempoh pinjaman tersebut, beliau menyertai Citibank Berhad semula sebagai Pengarah Urusan, Ketua Korporat dan Bank Pelaburan. Pada tahun 2005, beliau dilantik sebagai Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam Malaysia Berhad dan kemudian menjadi Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif BIMB Holdings Berhad. Beliau meninggalkan BIMB pada tahun 2007 untuk mengasas bersama dan menjadi Pengarah Urusan FajrCapital Ltd, firma persendirian berdasarkan Syariah berpangkalan di Dubai dan selepas itu menyertai Khazanah Nasional Berhad sebagai Pengarah Eksekutif, Pelaburan sehingga beliau bersara pada bulan Jun 2019.

Dato' Noorazman juga berada di dalam lembaga penasihat firma ekuiti persendirian Ancora Fund Management Co, Indonesia dan Creador Sendirian Berhad yang berpangkalan di Malaysia.

Dato' Noorazman memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains (Kewangan) dari Louisiana State University, Amerika Syarikat. Beliau mempunyai keahlian dalam badan-badan profesional seperti Institut Kewangan Islam Profesional Bertauliah (CIFP), Malaysia dan Australian Institute of Corporate Directors, Australia.

AHLI LEMBAGA	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
--------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

**YBrs. Encik Ahmad Faris Bin Rabidin**

Wakil Sektor Swasta

Seksyen 7(2)(e) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Pengalaman:

Encik Ahmad Faris telah dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan mewakili Sektor Swasta berkuat kuasa pada 15 Mei 2019.

Encik Ahmad Faris pernah berkhidmat sebagai perunding bebas dengan Asian Development Bank (ADB) yang memberikan bantuan teknikal kepada Badan Pengawas Pasar Modal dan Lembaga Kewangan (Bapepam-LK) dan Otoritas Jasa Kewangan (OJK) Indonesia di antara tahun 2006 sehingga 2018. Beliau telah berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah di Suruhanjaya Sekuriti dan Petroliam Nasional Berhad.

Beliau telah terlibat di dalam pelbagai peranan kepimpinan strategik dalam inisiatif pembangunan pasaran untuk pasaran kewangan dan modal Indonesia. Beliau juga merupakan Penasihat Utama untuk Pelan Induk Pasaran Kewangan OJK dan merekabentuk Pelan Pembangunan Pasaran Bon Indonesia. Sebelum ini, Encik Faris ialah Pengarah Serantau MainStream & Co Ltd, di mana beliau bertanggungjawab untuk penyelesaian pengurusan Risiko Perusahaan, rangka kerja seni bina pasaran kewangan dan Agensi Penetapan Harga Bon diinkubasi di Malaysia dan Indonesia. Encik Faris juga merupakan ahli Jawatankuasa Penyiasat 1MDB dan Sekretariat Majlis Penasihat Kerajaan sehingga September 2018.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam Matematik Aktuari dan Statistik dari Universiti Heriot Watt, Edinburgh.

**YBrs. Encik Chen Yin Heng**

Wakil Sektor Swasta

Seksyen 7(2)(e) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Pengalaman:

Encik Chen Yin Heng telah dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan mewakili Sektor Swasta berkuat kuasa pada 15 Mei 2019.

Encik Chen Yin Heng memulakan kerjayanya di dalam industri perbankan di Co-operative Central Bank (CCB) pada tahun 1986. Sejak daripada itu, beliau telah berkhidmat di dalam pelbagai jabatan di institusi kewangan yang berbeza iaitu MBF Finance Berhad (1988), Development & Commercial Bank Berhad (1989) dan Oriental Bank Berhad (1991). Beliau kemudiannya menyertai Bank of Commerce (M) Bhd pada tahun 1993 sebagai Penolong Naib Presiden dalam Perbankan Korporat. Pada tahun 1995, beliau meninggalkan industri perbankan dan menyertai Puncakdana Development Sdn Bhd yang merupakan sebuah syarikat pembangunan hartanah.

Encik Chen Yin Heng kemudiannya menyertai Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta) pada Oktober 1998 di mana jawatan terakhir yang disandang oleh beliau ialah Penolong Pengurus Besar yang mengetuai Kumpulan Skim Tidak Rasmi dan Seksyen 176, serta mempunyai pengalaman luas di dalam penilaian skim penstrukturkan semula hutang utama.

Beliau menyertai Prokhas pada 1 Januari 2006 sebagai Penolong Pengurus Besar Operasi. Beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Pengurus Besar Operasi Danaharta selepas 3 tahun dan seterusnya mengetuai Bahagian Kredit sebagai Pengurus Besar pada Januari 2011. Sebelum dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Prokhas, beliau merupakan Pengurus Besar Kanan di Bahagian Khidmat Pengurusan.

Beliau kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Prokhas Sdn Bhd dan Pegawai Utama bagi syarikat DanaInfra Nasional Berhad, Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) dan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP). Beliau juga merupakan Pengarah Pengurusan Danaharta Nasional Berhad dan Ahli Lembaga di Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam ("LPPSA").

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Latrobe University, Melbourne, Australia.

AHLI LEMBAGA	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
--------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------



YBrs. Encik Mohamed Nazri Bin Omar
Wakil Sektor Swasta
Seksyen 7(2)(e) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Pengalaman:

Encik Mohamed Nazri bin Omar telah dilantik sebagai Ahli Panel pada 1 Mei 2016 yang mewakili sektor swasta. Beliau juga adalah Pengerusi Prima Ekuiti (UK) Limited, syarikat subsidiari milik penuh KWAP berpengkalan di London, United Kingdom, sehingga tempoh pelantikan beliau berakhir pada 31 Disember 2020.

Kini, Encik Mohamed Nazri adalah Pengarah Urusan atau Ketua Pegawai Eksekutif Danajamin Nasional Berhad, berkuat kuasa pada 1 Mei 2014. Beliau memulakan kerjaya di Citibank Berhad dan kemudian berkhidmat di Macquarie Bank Limited serta RHB Sakura Merchant Bankers Berhad (kini dikenali sebagai RHB Investment Bank Berhad). Sebelum menyertai Danajamin, Encik Mohamed Nazri menjawat pelbagai jawatan di Kuwait Finance House (M) Berhad sebagai Pengarah Perbankan Pelaburan, dan Ketua Pasaran Modal dan Penasihat.

Encik Mohamed Nazri memiliki Ijazah Sarjana Kesenian dengan pengkhususan Ekonomi (Kepujian) dan Kerajaan dari Cornell University, USA.



YBrs. Puan Nik Amlizan Mohamed
Ketua Pegawai Eksekutif(Ahli Ex-Officio)
Setiausaha Panel Pelaburan
Seksyen 7(2)(d) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Pengalaman:

Puan Nik Amlizan dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif serta Sekretari Panel Pelaburan KWAP pada 2 November 2020.

**Puan Nik Amlizan binti Mohamed**

Ketua Pegawai Eksekutif

Pengalaman:

Puan Nik Amlizan dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) pada 2 November 2020.

**Encik Nik Ahmad Fauzan Bin Nik Mohamed**

Ketua Pegawai Operasi

Pengalaman:

Encik Nik Ahmad Fauzan telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi KWAP pada September 2015.

Beliau mempunyai lebih dari 20 tahun pengalaman di dalam konglomerat dan industri kewangan. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat sebagai Ketua Perkhidmatan Korporat Kumpulan di Pos Malaysia Berhad.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam bidang Kewangan dan Pelaburan dari Universiti George Washington, AS.

**Encik Azlan bin Hussin**

Pengarah, Jabatan Ekuity

Pengalaman:

Encik Azlan mempunyai pengalaman selama 23 tahun di dalam pengurusan portfolio. Sebelum ini, beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif MIDF Amanah Asset Management Berhad, di mana beliau telah berjaya meningkatkan aset di bawah Pengurusan kepada RM4 bilion daripada saiz permulaan RM300 juta.

Azlan memulakan kerjaya dengan SBB Asset Management (SBBAM) sebagai Penganalisis Pelaburan dan kemudiannya dinaikkan pangkat menjadi Naib Presiden Pelaburan, menguruskan jumlah portfolio sebanyak RM800 juta.

Seterusnya, beliau menyertai Amanah Raya-JMF Asset Management sebagai Pengurus Besar bagi Pelaburan Ekuity, menguruskan portfolio berjumlah RM1 bilion dari dana amanah, kerajaan negeri, korporat termasuk KWSP. Beliau juga bertanggungjawab menetapkan keseluruhan dasar dan garis panduan pelaburan bagi AmanahRaya Berhad.

**Encik Zalman bin Ismail**

Pengarah Kanan, Jabatan Pelaburan Alternatif

Pengalaman:

Encik Zalman mempunyai lebih dari 20 tahun pengalaman di dalam penarafan kredit, penyelidikan ekuity, kewangan korporat dan pembangunan perniagaan dalam industri telekomunikasi, harta tanah, penjagaan kesihatan, dan komoditi. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan Ketua Strategi dan Pembangunan Perniagaan di Sime Darby Property Berhad.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perniagaan Kewangan dari Eastern Michigan University, AS.

**Melapor Kepada:**



Encik Nazaiful Affendi Bin Zainal Abidin
Pengarah, Jabatan Strategi Portfolio

Pengalaman:

Beliau mempunyai pengalaman selama 20 tahun di dalam bidang pasaran modal termasuk beberapa jawatan dalam penyelidikan, analisis pasaran dan strategi dengan pendedahan dalam ekuiti, pendapatan tetap dan komoditi. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat sebagai pakar ekonomi di Suruhanjaya Sekuriti.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam Kewangan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau juga telah menghadiri Program Pembangunan Pengurusan Kanan ASEAN Ke-4 yang diadakan pada bulan Jun dan Julai 2011.



Encik Khairul Azwa Bin Kamalul Bahrin
Pengarah, Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan

Pengalaman:

Beliau mempunyai pengalaman selama 28 tahun di dalam bidang pengurusan risiko dan perbankan. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan Ketua Liabiliti Aset dan Risiko Pasaran di OCBC Bank (Malaysia) Berhad.

Beliau memperoleh Ijazah LLB (Kepujian) dari University of Liverpool, U.K. dan Ijazah Sarjana Pengurusan dari University of Wales, Cardiff di UK. Sebagai pengamal pensijilan risiko dalam industri, beliau juga merupakan salah satu rakyat Malaysia pertama yang menjadi Pengurus Risiko Kewangan (FRM) bertaualiah di bawah Global Association of Risk Professional (GARP).



Encik Ismail Bin Zakaria
Pengarah, Jabatan Strategi dan Prestasi Korporat

Pengalaman:

Beliau mempunyai hampir 20 tahun pengalaman di dalam industri kewangan dan strategi korporat khususnya dalam transformasi perniagaan. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat sebagai Ketua Strategi Kumpulan, Sime Darby Berhad. Beliau merupakan Pengurus Kumpulan Kerja Tadbir Urus & Dasar, Majlis Pelabur Institusi Malaysia.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan & Kewangan) dari University of New South Wales, Australia.



Encik Syed Ali Haidar bin Syed Shahabuddin
Pengarah, Jabatan Undang-undang dan Kesetiausahaan

Pengalaman:

Beliau mempunyai lebih 20 tahun pengalaman di dalam bidang undang-undang. Sebelum menyertai KWAP, beliau menjawat jawatan sebagai Ketua Bahagian Perundungan di KAF Investment Bank Berhad.

Beliau berkelulusan Ijazah LLB (Hons) dari University of Glamorgan, Wales, UK dan memperoleh Sijil Amalan Guaman (CLP), Malaysia daripada Lembaga Kelayakan Profesional Undang-Undang, Malaysia.

PENGURUSAN KANAN	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------



Puan Siti Ilmiah Binti Ramli
Pengarah, Jabatan Sumber Manusia

Pengalaman:

Puan Siti Ilmiah mempunyai lebih daripada 20 tahun pengalaman sebagai pengamal undang-undang di organisasi yang bukan berdasarkan keuntungan dan di jabatan sumber manusia dalam pelbagai organisasi tempatan dan antarabangsa di Malaysia. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat di Maybank Berhad.

Beliau memperoleh Ijazah LLB (Kepujian) daripada University of London, UK dan memperoleh Sijil Amalan Guaman (CLP) Malaysia daripada Lembaga Kelayakan Profesional Undang-undang, Malaysia.



Encik Hamkhushairi bin Jahari
Pengarah, Jabatan Audit Dalaman

Pengalaman:

Encik Hamkhushairi merupakan Pengarah Jabatan Audit Dalaman sejak Oktober 2017. Beliau memiliki pengalaman hampir 20 tahun di dalam industri perbankan. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan Pengurus Kanan Audit Negara di Standard Chartered Bank Malaysia Berhad dan Pengurus Risiko Kanan di Perbadanan Insurans Deposit Malaysia. Beliau juga pernah berkhidmat dengan Bank Negara Malaysia sebagai Penyelia Kanan selama beberapa tahun.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan memperoleh Sijil Audit Dalaman dan Risiko Perniagaan dari Institut Juruaudit Dalaman Berkunun, UK. Beliau juga merupakan Akauntan Bertauliah di bawah Institut Akauntan Malaysia dan ahli Institut Juruaudit Dalaman Berkunun, UK.



Encik Mohd Nasir bin Ab. Hadi
Ketua, Pejabat Integriti dan Tadbir Urus

Pengalaman:

Sebelum menyertai KWAP, beliau menjawat jawatan sebagai Ketua Integriti Pendidikan dan Komunikasi, Integriti di Kumpulan Petronas sejak tahun 2013.

Encik Mohd Nasir mempunyai lebih dari 20 tahun pengalaman sebagai pengamal antirasuah sewaktu berkhidmat dengan SPRM sejak tahun 1984 hingga tahun 2005. Beliau dipinjamkan ke Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) sebagai Penolong Ketua Setiausaha mulai 2001-2003.

Beliau mempunyai 8 tahun pengalaman sebagai pengamal Perhubungan Industri sewaktu berkhidmat di Bahagian Hal Ehwal Dalaman Tenaga Nasional Berhad (TNB) mulai tahun 2005 hingga tahun 2013. Beliau pernah menjadi Ahli Panel Mahkamah Perusahaan Malaysia dari tahun 2010 hingga 2012.

Beliau merupakan Ahli Pegawai Integriti Bertauliah (ACelO) sejak tahun 2012 dan menjadi Presiden ACelO dari tahun 2016 hingga tahun 2018.

Beliau merupakan lepasan ijazah Sarjana Muda Undang-undang dengan Kepujian dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM).



Puan Najihah binti Mohd Norwi
Pengarah Jabatan Akaun dan Pengurusan Perkhidmatan

Pengalaman:

Puan Najihah mempunyai 20 tahun pengalaman sebagai seorang akauntan korporat dalam pelbagai sektor, antaranya, insurans, IT, utiliti dan infrastruktur. Sebelum menyertai KWAP, beliau bertugas sebagai akauntan korporat di MMC Berhad.

Beliau merupakan seorang akauntan profesional, ahli CPA Australia dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Perakaunan dan Kewangan) dari Monash University, Australia.



Melapor Kepada:



Encik Md Hayrani Bin Mireso
Ketua Jabatan Perkhidmatan Sokongan Pelaburan

Pengalaman:

Beliau mempunyai pengalaman selama hampir 30 tahun sebagai seorang akauntan serta pengurusan perbendaharaan dan pendapatan tetap dalam sektor perbankan. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat sebagai pengurus di Bahagian Perbendaharaan, Jabatan Perbendaharaan dan Pelaburan di Bank Simpanan Nasional.

Beliau memperoleh Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau merupakan Akauntan Bertauliah di bawah Institut Akauntan Malaysia dan ahli Institut Pasaran Kewangan Malaysia.



Encik Abdul Razak Bin Jabar
Ketua Jabatan Teknologi Maklumat

Pengalaman:

Beliau mempunyai pengalaman selama 20 tahun dalam industri Teknologi Maklumat. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan perunding kanan di sebuah syarikat tempatan dan multinasional yang melaksanakan perisian dan sistem dalam industri perkhidmatan kewangan.

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Sistem Maklumat) dari Charles Sturt University, Australia. Beliau juga merupakan Juruaudit Utama Bertauliah bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO 27001, dan mempunyai Sijil ITIL v3 Foundation dan COBIT v5.



Puan Nor Faridah Binti Amin
Ketua Jabatan Hal Ehwal Korporat

Pengalaman:

Beliau merupakan graduan Pemasaran dengan pengalaman lebih 20 tahun di dalam bidang jualan, pemasaran & promosi, perhubungan dan pengurusan acara.

Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat di unit Komunikasi Korporat di Prince Court Hospital.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) dalam Pemasaran dari Institut Teknologi MARA, Shah Alam.

MELETAK JAWATAN / BERSARA DARIPADA PENGURUSAN KANAN

1 Encik Syed Hamadah Othman

Ketua Pegawai Eksekutif
Penamatian Perkhidmatan pada
1 November 2020

2 Azmeen Bin Adnan

Ketua Pegawai Pelaburan
Penamatian Perkhidmatan pada
30 Oktober 2020



CEO



CIO



COO

TADBIR URUS KORPORAT	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
----------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

LEMBAGA

KOMPOSISI LEMBAGA

Lembaga KWAP terdiri daripada ahli-ahli yang berkelayakan, berpengalaman dan berkemahiran tinggi dengan pelbagai latar belakang, yang mewakili Kerajaan, Sektor Swasta, Bank Negara Malaysia (BNM) dan Pencarum, penting untuk pencapaian strategik keseluruhan KWAP.

Seksyen 6 Akta 662 ("Akta KWAP") menetapkan bahawa ahli Lembaga terdiri daripada ahli-ahli berikut yang dilantik oleh Menteri Kewangan:

- (i) pengurus yang merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan;
- (ii) seorang wakil dari Bank Negara Malaysia;
- (iii) seorang wakil dari Kementerian Kewangan;
- (iv) Ketua Pegawai Eksekutif yang merupakan ahli *ex-officio*;
- (v) tiga orang wakil Kerajaan Malaysia;
- (vi) tiga orang dari sektor swasta dengan pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan atau kewangan; dan
- (vii) seorang wakil daripada pencarum kepada Dana Persaraan selain daripada wakil Kerajaan Malaysia.

Profil ringkas setiap Ahli Lembaga dibentangkan pada muka surat 43 hingga 47 Laporan Tahunan ini.

Pada tahun 2020, Ahli-ahli Lembaga berikut telah bersara/meletak jawatan:

- (i) YBhg. Tan Sri Ahmad Badri bin Mohd Zahir pada 30 April 2020;
- (ii) YBhg. Datuk Azih bin Muda pada 30 April 2020;
- (iii) Encik Syed Hamadah bin Syed Othman (ahli *ex-officio*) pada 1 November 2020; dan
- (iv) YBhg. Datuk Teo Khian How pada 17 November 2020.

Selaras dengan peletakan jawatan YBhg. Tan Sri Ahmad Badri, YBhg. Datuk Seri Asri bin Hamidon, Ketua Setiausaha Perbendaharaan semasa telah dilantik sebagai Pengurus Lembaga KWAP pada 1 Mei 2020.

Berikut pelantikan YBhg. Datuk Seri Asri sebagai Pengurus Lembaga KWAP, Menteri Kewangan telah melantik Puan Anis Rizana binti Mohd Zainuddin, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) sebagai Ahli Lembaga KWAP, untuk mewakili Kementerian Kewangan pada 14 Julai 2020.

Menyatakan juga telah melantik Encik Abdul Rahman bin Mohd Nordin, Setiausaha CUEPACS sebagai ahli Lembaga KWAP pada 1 Mei 2020, untuk mengisi kekosongan wakil pencarum kepada Dana Persaraan berikutnya persaraan YBhg. Datuk Azih Bin Muda.

Pada 2 November 2020, selaras dengan tamatnya kontrak Encik Syed Hamadah Bin Syed Othman, Puan Nik Amlizan binti Mohamed telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWAP/ *Ex-Officio*.

Setakat 31 Disember 2020, seorang Ahli Lembaga untuk mewakili Kerajaan Malaysia masih belum dilantik oleh Menteri Kewangan.

PENGERUSI DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Sebagaimana yang dikehendaki di bawah Akta KWAP dan menjadi sebahagian daripada tadbir urus korporat yang baik dan amalan terbaik seperti disyorkan oleh Kod Tadbir Urus Korporat (MCCG) yang digariskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, peranan Pengurus dan Ketua Pegawai Eksekutif KWAP adalah berbeza dan terasing.

Pengurus bertanggungjawab terutamanya untuk menjalankan dan memastikan keberkesanan mesyuarat Lembaga manakala Ketua Pegawai Eksekutif, yang dilantik oleh ahli Lembaga dengan kelulusan Menteri Kewangan, bertanggungjawab terhadap operasi harian, pentadbiran dan pengurusan KWAP termasuk pengawasan keseluruhan operasi perniagaan dan pelaksanaan dasar serta keputusan yang dibuat oleh Lembaga dan keputusan pelaburan yang dibuat oleh Panel Pelaburan mengikut Akta KWAP.

Seksyen 9 (1) Akta KWAP menyatakan bahawa pihak Lembaga hendaklah melantik Ketua Pegawai Eksekutif mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang sewajarnya oleh ahli Lembaga, tertakluk pada kelulusan Menteri Kewangan. Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mempunyai kuasa dan tanggungjawab sebagaimana diberikan atau dikenakan terhadapnya oleh Akta ini atau sebagaimana yang mungkin diberikan atau dikenakan terhadapnya oleh pihak Lembaga dari semasa ke semasa.

Ketua Pegawai Eksekutif dibantu oleh pihak pengurusan dalam mengendalikan pentadbiran harian KWAP dan para pekerjanya. Ketua Pegawai Eksekutif juga merupakan seorang ahli *ex-officio* Lembaga serta Setiausaha Panel Pelaburan.

TANGGUNGJAWAB DAN AKAUNTABILITI LEMBAGA

Di bawah Seksyen 6 Akta KWAP, Lembaga perlu bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan pengurusan KWAP. Lembaga dipertanggungjawabkan untuk mentadbir, menetapkan hala tuju strategik dan mengawasi pengurusan KWAP dengan memfokuskan kepada melindungi dan meningkatkan kepentingan pencarum serta pihak berkepentingan.

Selaras dengan tanggungjawab berkanun dan sebahagian daripada fungsinya, Lembaga merangka, menentukan pentadbiran dan pengurusan dasar-dasar serta prosedur-prosedur untuk memastikan KWAP mencapai objektif dengan cemerlang.

Lembaga menggalas beberapa tugas khusus seperti mengawasi pengendalian operasi yang betul, mengenal pasti bidang risiko utama dan memastikan pelaksanaan sistem yang sesuai untuk menguruskan risiko-risiko ini, mengkaji semula kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman serta Piagam Lembaga. Lembaga berpandukan Piagamnya (terdapat dalam laman sesawang korporat di www.kwap.gov.my), mewujudkan jadual rasmi hal-hal berkaitan dan menggariskan jenis-jenis maklumat yang diperlukan untuk perhatian serta perbincangan dalam mesyuarat Lembaga. Piagam Lembaga dikaji semula secara berkala pada setiap dua tahun atau bila-bila masa diperlukan.

TADBIR URUS KORPORAT	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
----------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

KOMPONEN LEMBAGA YANG BERKESAN



PENGSTRUKTURAN LEMBAGA YANG BERPRESTASI TINGGI

KWAP berhasrat untuk mewujudkan struktur Lembaga yang selaras dengan keperluan organisasi. Bagi membolehkan Lembaga beroperasi dengan berkesan dan memberikan perhatian serta pertimbangan yang sewajarnya kepada hal-hal berkaitan. Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga membantu dalam memenuhi fungsi pengawasan. Terma rujukan bagi setiap Jawatankuasa Lembaga mentakrif peranan jawatankuasa dengan komposisi untuk melengkapkan keperluan Lembaga. Ahli-ahli Lembaga dipilih dan dicalonkan melalui proses seperti ditetapkan oleh Akta KWAP. Prestasi Lembaga secara keseluruhan dan bagi setiap ahli dinilai dan ditaksir dari semasa ke semasa.



MEMASTIKAN KEBERKESANAN OPERASI DAN INTERAKSI LEMBAGA

Keberkesan operasi dan interaksi Lembaga dapat dicapai melalui mesyuarat yang produktif. KWAP memastikan semua maklumat Lembaga adalah berkualiti dan terkini selaras dengan tadbir urus dan amalan terbaik agar Lembaga boleh membuat keputusan berdasarkan maklumat yang diterima. Kepercayaan terbina melalui interaksi positif, dinamik dan komunikasi terbuka dalam kalangan Lembaga, dan bersama pihak Pengurusan.



MEMENUHI PERANAN DAN TANGGUNG JAWAB ASAS LEMBAGA

Pihak Lembaga memberi panduan kepada pihak Pengurusan dalam membangunkan strategi korporat, hala tuju dasar dan dalam menetapkan sasaran bagi prestasi pengurusan. Ia mendukung pendekatan pengurusan prestasi korporat yang kukuh di samping mengamalkan fungsi pemantauan. Lembaga juga turut mengawasi kemajuan pemimpin masa depan organisasi dan modal insan untuk memastikan kesinambungan dan menguruskan risiko organisasi. Lembaga memastikan tanggungjawab kepada para pemegang saham dipenuhi dengan menerima pakai perspektif pemegang saham apabila membuat keputusan serta mengimbangi kepentingan pihak berkepentingan yang sah.

MESYUARAT LEMBAGA

Akta KWAP menetapkan bahawa ahli Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam setiap suku tahun. Namun begitu, daripada segi amalan terbaik, pihak Lembaga berusaha untuk kerap bermesyuarat dengan jumlah minimum lapan kali setahun, untuk meluluskan perancangan dan hala tuju strategik KWAP, merancang perniagaan dan bajet tahunan, laporan operasi dan prestasi kewangan serta mengkaji semula prestasi KWAP. Mesyuarat tambahan diadakan untuk membincangkan hal-hal yang penting dan perkara yang memerlukan perhatian segera. Notis yang mencukupi diberikan tepat pada masanya bagi semua mesyuarat berjadual dan tambahan kepada Lembaga.

Pada tahun kewangan 2020, sembilan mesyuarat Lembaga (termasuk satu Mesyuarat Lembaga yang ditangguhkan) dan empat Mesyuarat Khas Lembaga telah diadakan. Persidangan semua mesyuarat Lembaga termasuk isu berbangkit, soalan-soalan yang dikemukakan dan maklum balas berkaitan, turut dibentangkan dan direkod dalam minit-minit mesyuarat Lembaga dan jawatankuasa berkenaan. Sekiranya perlu, keputusan dibuat melalui pengedaran pekeliling. Keputusan melalui pengedaran pekeliling memerlukan kelulusan majoriti mudah yang akan dilaporkan semasa mesyuarat Lembaga yang berikutnya untuk makluman.

Kehadiran mesyuarat bagi Ahli-ahli Lembaga untuk tahun 2020 dibentangkan dalam jadual berikut.

Bil.	Nama	Kehadiran
1.	Tan Sri Ahmad Badri bin Mohd Zahir <i>(*Bersara pada 30 April 2020)</i>	*2/2
2.	Datuk Seri Asri bin Hamidin @ Hamidon <i>(Dilantik pada 1 Mei 2020)</i>	12/13
3.	Datuk Dr. Yacob bin Mustafa	13/13
4.	Datuk Siti Zainab bin Omar	13/13
5.	Datuk Teo Khian How <i>(*Bersara pada 17 November 2020)</i>	**9/9
6.	Datuk Azmi bin Abdullah	13/13
7.	Dato' Aziz bin Muda <i>(*Tamat lantikan pada 30 April 2020)</i>	*2/2

Bil.	Nama	Kehadiran
8.	Encik Adnan Zaylani bin Mohamad Zahid	11/13
9.	YM Puan Raja Teh Maimunah binti Raja Abdul Aziz	12/13
10.	Encik Mohd Ismadi bin Ishak	12/13
11.	Encik Abdul Rahman bin Haji Mohd Nordin <i>(*Dilantik pada 1 Mei 2020)</i>	*11/11
12.	Puan Anis Rizana binti Mohd Zainuddin <i>(*Dilantik pada 14 Julai 2020)</i>	*8/9
13.	Encik Syed Hamadah bin Syed Othman <i>(*Tamat perkhidmatan pada 1 November 2020)</i>	*6/9
14.	Puan Nik Amlizan Mohamed <i>(Dilantik pada 2 November 2020)</i>	5/5

TADBIR URUS KORPORAT	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
----------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

Pihak Lembaga bertanggungjawab kepada kejayaan jangka masa panjang KWAP dan kepada pihak berkepentingan di dalam memastikan KWAP diurus dengan berkesan dan mencapai objektif strategik yang telah ditetapkan. Pihak Lembaga menunaikan tanggungjawab ini melalui mesyuarat Lembaga dan memberikan fokus kepada beberapa bidang khusus seperti strategi, tadbir urus dan prestasi. Cadangan-cadangan utama diluluskan oleh Lembaga pada tahun 2020 adalah seperti berikut:

- (i) Kad Skor Korporat dan Keputusan Kewangan KWAP bagi tahun 2019;
- (ii) Pelan Perniagaan dan Kad Skor Korporat KWAP bagi Tahun Kewangan 2021;
- (iii) Penyata Kewangan Beraudit KWAP bagi Tahun Kewangan 2020;
- (iv) Bajet Perbelanjaan KWAP bagi Tahun Kewangan 2021;
- (v) Rangka Kerja Cukai dan Dasar Cukai KWAP;
- (vi) Cadangan Dasar-dasar Dividen Kumpulan Syarikat-syarikat Subsidiari KWAP;
- (vii) Cadangan tentang Dasar Saraan dan Prosedur Kakitangan KWAP;
- (viii) Cadangan Pinjaman Kakitangan di Jabatan Perkhidmatan Persaraan;
- (ix) Pelantikan Ketua Pejabat Integriti dan Tadbir Urus;
- (x) Cadangan untuk Menyusun Semula Dasar dan Garis Panduan Pelaburan KWAP (IPG);
- (xi) Semakan Semula untuk Mengurangkan Peruntukan Kerugian dalam IPG bagi Portfolio Ekuiti;
- (xii) Dasar Pengurusan Risiko Ekuiti Persendirian;
- (xiii) Pelantikan Penasihat dan Perunding Hartanah KWAP;
- (xiv) Penamatan Pengurus Dana;
- (xv) Pelantikan perunding untuk Menjalankan Kajian Semula Tadbir Urus Korporat berhubung dengan Pengurusan KWAP; dan
- (xvi) Cadangan untuk Melaksanakan Model Perniagaan dan Operasi Baharu bagi Prima Ekuiti (UK) Limited.

Selain daripada kertas kerja kelulusan, pihak Lembaga KWAP juga membincangkan laporan-laporan yang dibentang bagi pemberitahuan mengikut bulanan atau suku tahunan seperti berikut:

- (i) Pemberitahuan tentang Laporan-laporan Aktiviti dan Prestasi Pelaburan;
- (ii) Pemberitahuan tentang Laporan-laporan Pengurusan;
- (iii) Pemberitahuan tentang Status Portfolio Bon Korporat Tidak Bertaraf dan Pinjaman KWAP;
- (iv) Pemberitahuan tentang Ulasan Prestasi Jabatan Perkhidmatan Persaraan;
- (v) Laporan Caruman Pencen Suku Tahunan; dan
- (vi) Pelaporan Suku Tahunan Syarikat-syarikat Subsidiari Milik Penuh KWAP.

PANEL PELABURAN

Akta ini juga memerlukan penubuhan Panel Pelaburan, iaitu sebuah yang bertanggungjawab bagi hal-hal berkenaan dengan pelaburan dana yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(1) Akta KWAP. Ia berfungsi sebagai hala tuju tentang hal-hal pelaburan, menentukan dan meluluskan dasar dan garis panduan pelaburan, dasar tentang pengurusan risiko, pengagihan aset dan strategik pelaburan.

KOMPOSISI PANEL PELABURAN

Panel Pelaburan hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut, sebagaimana ditetapkan dalam Seksyen 7(2) Akta KWAP yang akan dilantik oleh Menteri Kewangan:

- (i) Penggerusi hendaklah merupakan Penggerusi Lembaga atau seorang individu lain yang mungkin dilantik oleh Menteri Kewangan (Seksyen 7 (2)(a) Akta KWAP);
- (ii) Wakil daripada Kementerian Kewangan (Seksyen 7 (2)(c) Akta KWAP);
- (iii) Ketua Pegawai Eksekutif KWAP sebagai Setiausaha Panel Pelaburan (Seksyen 7(2)(a) Akta); dan
- (iv) Empat orang individu lain daripada sektor awam atau swasta dengan pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan, pelaburan, perbankan dan kewangan (Seksyen 7(2)(a) Akta KWAP).

Profil ringkas setiap ahli Panel pelaburan dibentangkan pada muka surat 48 hingga 51 Laporan Tahunan ini.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UTAMA PANEL PELABURAN

Seksyen 7(1) Akta KWAP memperuntukkan tanggungjawab Ahli Panel Pelaburan terutamanya bagi meluluskan hala tuju strategik KWAP berkaitan semua hal-hal pelaburan termasuk strategi dasar pelaburan, garis panduan dan pengagihan aset, serta hala tuju atau keputusan-keputusan untuk semua cadangan-cadangan pelaburan. Dalam melaksanakan fungsinya, Panel Pelaburan hendaklah melaporkan aktiviti-aktivitinya kepada Lembaga dan hendaklah bertindak mengikut dasar umum yang akan dikeluarkan oleh pihak Lembaga dan seterusnya diluluskan oleh Menteri Kewangan.

TADBIR URUS KORPORAT	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
----------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

Mesyuarat Panel Pelaburan

Pada tahun kewangan 2020, dua belas mesyuarat Panel Pelaburan dan lima mesyuarat Khas Panel Pelaburan telah diadakan. Ringkasan kehadiran mesyuarat Ahli-ahli Panel Pelaburan dibentangkan seperti berikut.

Bil.	Nama	Kehadiran
1.	Encik Mohd Rashid bin Mohamad - Pengerusi	17/17
2.	Cik Azah Hanim bin Ahmad	16/17
3.	Encik Mohammed Nazri bin Omar	14/17
4.	YBhg. Dato' Noorazman bin Abd Aziz	14/17
5.	Encik Chen Yin Heng	15/17
6.	Encik Ahmad Faris bin Rabidin	16/17
7.	Encik Syed Hamadah bin Syed Othman (*Tamat Perkhidmatan pada 1 November 2020)	11/12
8.	Puan Nik Amlizan Mohamed (Dilantik pada 2 November 2020)	5/5

JAWATANKUASA LEMBAGA

Bagi membantu Lembaga menjalankan tugasnya, pihak Lembaga telah menukuhkan pelbagai jawatankuasa untuk mengawasi hal-hal khusus berkaitan dengan operasi KWAP, iaitu Jawatankuasa Lembaga Audit, Jawatankuasa Lembaga Integriti dan Risiko, Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Saraan dan Jawatankuasa Lembaga Perolehan. Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga diberikan kuasa untuk bertindak mewakili pihak Lembaga menurut Terma Rujukan yang disediakan dalam Piagam Lembaga.

Dalam mesyuarat Lembaga, pelbagai perkara telah dibincangkan, disahkan, diluluskan dan dicadangkan kepada Lembaga untuk kelulusan. Susulan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Lembaga, Pengerusi setiap Jawatankuasa Lembaga memberi pihak Lembaga ringkasan keputusan utama, perkara-perkara perbincangan dan minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Lembaga serta mesyuarat-mesyuarat Panel Pelaburan telah dibentangkan kepada pihak Lembaga untuk makluman. Oleh itu, ahli-ahli bukan jawatankuasa sentiasa dimaklumkan dengan usaha yang dilaksanakan oleh setiap Jawatankuasa Lembaga.

Butiran aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Lembaga pada tahun kewangan 2020 adalah seperti berikut:

BAC Jawatankuasa Lembaga Audit	BNRC Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Saraan	BIRC Jawatankuasa Lembaga Integriti dan Risiko	BPC Jawatankuasa Lembaga Perolehan
---	--	---	---

TADBIR URUS KORPORAT	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
----------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

JAWATANKUASA LEMBAGA AUDIT

Jawatankuasa Lembaga Audit (BAC) telah ditubuhkan untuk memastikan kewujudan dan penguatkuasaan kawalan dalaman dan sistem KWAP.

Keahlian

Sehingga kini, BAC terdiri daripada empat orang Ahli Lembaga, termasuk Pengerusi dan tiga ahli yang dilantik oleh Lembaga:

◆ **Dato' Azmi bin Abdullah**
Pengerusi

◆ **Datuk Dr. Yacob bin Mustafa**
Ahli
(Dilantik pada 9 Julai 2020)

◆ **Puan Anis Rizana binti Mohd Zainuddin**
Ahli
(Dilantik pada 14 Julai 2020)

◆ **Encik Mohd Ismadi bin Ishak**
Ahli

Dato' Azmi bin Abdullah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Empat mesyuarat BAC dan dua mesyuarat Khas BAC telah diadakan sepanjang tahun 2020.

Tugas dan Tanggungjawab BAC

Berikut merupakan tugas dan tanggungjawab BAC:

(i) Penyata kewangan

- (a) Untuk mengkaji semula dan mengesyorkan peraturan kewangan, peraturan perakaunan, dasar-dasar dan amalan-amalan yang diterima pakai oleh KWAP;
- (b) Untuk mengkaji semula Penyata Kewangan Disatukan tahunan KWAP dan Kumpulan dengan Pengurusan dan juruaudit luar sebelum mengesyorkannya kepada Lembaga bagi tujuan kelulusan; dan
- (c) Untuk mengkaji semula perubahan kepada Prosedur Kewangan.

(ii) Audit dalaman

- (a) Untuk mengkaji semula dan membincang skop dan butiran perancangan audit dalaman dan luaran dan memastikan penyelarasan pendekatan dalam kalangan juruaudit dalaman, juruaudit luaran dan/ atau pembekal perkhidmatan perunding dan jaminan luaran;
- (b) Untuk mengkaji semula laporan audit yang dijalankan ke atas KWAP dan syarikat-syarikat subsidiari oleh juruaudit dalaman, juruaudit luaran dan/atau pembekal perkhidmatan perunding dan jaminan luaran, dan memastikan Pengurusan mengambil tindakan pembetulan yang perlu tepat pada masanya untuk menangani kelemahan dalaman dan ketidakpatuhan undang-undang, keperluan kawal selia, dasar-dasar dalaman dan prosedur dalaman;
- (c) Untuk meluluskan dan mengesyorkan pelantikan, pemindahan, pembaharuan dan penamatan kontrak Ketua Jabatan Audit Dalaman kepada BNRC sebelum kelulusan muktamad Lembaga;
- (d) Untuk mengkaji semula dan meluluskan cadangan Kad Skor Jabatan Audit Dalaman bagi penilaian prestasi tahunan;
- (e) Untuk menaksir dan meluluskan prestasi Ketua Jabatan Audit Dalaman;
- (f) Untuk meluluskan dan mencadang imbuhan Ketua Jabatan Audit Dalaman kepada BNRC untuk perbincangan sebelum kelulusan muktamad Lembaga;
- (g) Untuk kelulusan piagam audit dalaman dan pelan audit dalaman berdasarkan risiko;
- (h) Untuk memastikan fungsi audit dalaman mempunyai kuasa dan hak yang diperuntukkan di dalam KWAP, sumber dan kecekapan yang mencukupi untuk melaksanakan tugas-tugasnya.
- (i) Untuk mengkaji semula keberkesanan fungsi audit dalaman dengan menerima pengemaskinian berjadual tentang prestasi aktiviti audit yang berkaitan perancangannya termasuk pematuhan Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa Institut Juruaudit Dalaman (IPPF) untuk Pengauditan Dalaman; dan
- (j) Untuk mengkaji semula dan meluluskan sebarang perubahan bagi proses dan kaedah audit.

(iii) Kawalan Dalaman

- (a) Untuk menyediakan penilaian bebas terhadap kecukupan dan keutuhan proses pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman serta pematuhan polisi risiko, undang-undang, garis panduan dalaman dan keperluan kawal selia.

TADBIR URUS KORPORAT	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
----------------------	-------------------------	---------------	---------------------------------	----------------------	-----------------------------	------------------

(iv) Tanggungjawab-tanggungjawab lain

- (a) Untuk berbincang dengan juruaudit dalaman, juruaudit luaran dan/atau pembekal perkhidmatan perunding dan jaminan luaran lain hal-hal yang perlu dibincangkan (tanpa kehadiran pihak pengurusan sekiranya perlu);
- (b) Untuk mempertimbang penemuan utama penyiasatan dalaman dan tindakbalas pengurusan;
- (c) Untuk mengarahkan dan menyediakan pengawasan bagi penyiasatan khas yang akan dijalankan oleh juruaudit dalaman atau pihak bebas dan mengkaji semula hasil penyiasatan;
- (d) Untuk mempertimbang transaksi pihak yang berkaitan yang mungkin timbul dalam KWAP; dan
- (e) Untuk mempertimbang isu-isu lain sebagaimana ditakrif oleh Lembaga.

Juruaudit luaran KWAP ialah Jabatan Audit Negara Malaysia mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240].

Kehadiran Mesyuarat BAC:

Bil.	Nama	Kehadiran
1.	Dato' Azmi bin Abdullah Pengerusi	6/6
2.	Encik Mohd Ismadi bin Ishak	6/6
3.	Datuk Dr. Yacob bin Mustafa (*Dilantik pada 9 Julai 2020)	*3/3
4.	Puan Anis Rizana binti Mohd Zainuddin (*Dilantik pada 14 Julai 2020)	*3/3

Ringkasan Aktiviti-aktiviti BAC:

Antara perkara utama telah dibincangkan oleh BAC pada tahun 2020 ialah:

- (i) Penyata Kewangan Disatukan KWAP bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019;
- (ii) Perancangan Audit Dalaman 2020;
- (iii) Keputusan Kad Skor Jabatan Audit Dalaman 2019;
- (iv) Inisiatif Jabatan Audit Dalaman 2021;
- (v) Laporan Aktiviti Audit; dan
- (vi) Laporan Audit Dalaman dan Isu Audit Belum Diselesaikan di Beberapa Jabatan dalam KWAP.

JAWATANKUASA LEMBAGA INTEGRITI DAN RISIKO

Jawatankuasa Lembaga Integriti Dan Risiko (BIRC) ditubuhkan untuk membantu ahli Lembaga dalam menjalankan fungsinya berhubung dengan pengurusan risiko serta mengawasi dan memantau fungsi Pejabat Integriti dan Tadbir Urus KWAP.

Keahlian

Pada masa kini, BIRC terdiri daripada dua orang ahli Lembaga yang dilantik oleh ahli Lembaga:

◆ **Encik Mohd Ismadi bin Ishak**
Pengerusi

◆ **Datuk Teo Khian How**
Ahli
(Tamat pada 17 November 2020)

◆ **YM Puan Raja Teh Maimunah binti Raja Abdul Aziz**
Ahli

◆ **Encik Syed Hamadah bin Syed Othman**
Ahli
(Tamat perkhidmatan pada 1 November 2020)

◆ **Puan Nik Amlizan Mohamed**
Ahli
(**Bermula 2 November 2020 dan tamat menjadi ahli pada 3 Disember 2020 sejajar dengan tatacara urus tadbir korporat terbaik)

Enam mesyuarat BIRC dan satu (mesyuarat khas BIRC diadakan sepanjang tahun 2020).

Tugas dan Tanggungjawab BIRC

Berikut merupakan tugas dan tanggungjawab BIRC:

Pengurusan risiko

- (i) Menentukan kesanggupan penerimaan risiko dan mengesyorkan kepada Lembaga untuk kelulusan;
- (ii) Mengkaji semula rangka kerja dan dasar-dasar pengurusan dan pematuhan risiko serta mengesyorkan kepada Lembaga untuk kelulusan;
- (iii) Mengkaji semula garis panduan pengurusan dan pematuhan risiko;
- (iv) Meluluskan had risiko dan mengemukakan kepada ahli Lembaga sekiranya perlu;

TADBIR URUS KORPORAT	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
----------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

- (v) Memastikan proses pematuhan (untuk kawalan dalaman dan luaran) dengan mengesyorkan kawalan bagi kewujudan risiko dalam produk, aktiviti, proses dan sistem;
- (vi) Meluluskan Dasar Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM);
- (vii) Memastikan infrastruktur, sumber dan sistem mencukupi ditetapkan untuk mengenal pasti, mengukur dan mengawal risiko bagi pengurusan risiko berkesan di dalam KWAP;
- (viii) Mengkaji semula pendedahan risiko kawalan mitigasi; dan
- (ix) Mempertimbang isu lain sebagaimana ditakrif oleh Lembaga.

Integriti dan Tadbir Urus

- (i) Mengkaji semula dan meluluskan rangka kerja, strategi, perancangan, dasar, prosedur dan hal-hal lain berkaitan dengan fungsi integriti dan tadbir urus; dan sekiranya berkenaan, mengesyorkan kepada Lembaga untuk kelulusan;
- (ii) Memantau keseluruhan isu rasuah, penipuan, penyelewengan dan tatalaku tidak beretika di dalam organisasi;
- (iii) Memastikan kewujudan langkah-langkah mencukupi untuk pencegahan penyelewengan, integriti dan tadbir urus KWAP;
- (iv) Mengawasi pelaksanaan fungsi-fungsi integriti dan tadbir urus KWAP untuk mencapai objektif yang dimaksudkan; dan
- (v) Mempertimbang isu-isu lain seperti ditakrif oleh ahli Lembaga.

Kehadiran Mesyuarat BIRC:

Bil.	Nama	Kehadiran
1.	Encik Mohd Ismadi bin Ishak <i>Pengerusi</i>	7/7
2.	Datuk Teo Khian How <i>(*Bersara pada 17 November 2020)</i>	*7/7
3.	YM Puan Raja Teh Maimunah binti Raja Abdul Aziz	7/7
4.	Encik Syed Hamadah bin Syed Othman <i>(*Tamat perkhidmatan pada 1 November 2020)</i>	*5/5
5.	Puan Nik Amlizan Mohamed <i>(**Bermula 2 November 2020 dan tamat menjadi ahli pada 3 Disember 2020 sejajar dengan tatacara urus tadbir korporat terbaik)</i>	*2/2

Ringkasan Aktiviti-aktiviti BIRC:

Isu-isu utama dibincangkan oleh BIRC pada tahun 2020 ialah:

- (i) Laporan-laporan Profil Risiko Korporat, Tinjauan Risiko, Acara Operasi Risiko, Risiko Pelaburan, Pendedahan Pertukaran Asing dan Aktiviti-aktiviti Lindung Nilai dan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan;
- (ii) Kertas Makluman tentang Lawatan-lawatan Mengejut Pengurus Dana Luaran ke KWAP; Program Pengurusan Risiko Penipuan; Aktiviti-aktiviti Minggu Pengurusan Risiko dan Pengemaskinian Inisiatif-inisiatif IGO;
- (iii) Cadangan Had Risiko Pasaran Tahun 2020 dan Had Risiko Kredit Portfolio Pelaburan KWAP;
- (iv) Cadangan Nama Baharu dan Terma Rujukan (TOR) bagi Jawatankuasa Lembaga Risiko;
- (v) Rancangan Perniagaan 2020 untuk Pejabat Integriti dan Tadbir Urus; dan
- (vi) Pengemaskinian Pematuhan.

JAWATANKUASA LEMBAGA PENCALONAN DAN SARAAN

Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Saraan (BNRC) ditubuhkan untuk membantu ahli Lembaga dalam menjalankan fungsi, dengan tanggungjawab utamanya untuk mewujudkan rangka kerja dasar berkaitan bagi menentukan pelantikan dan saraan pengurusan serta kaitangan KWAP seterusnya mengesyorkan kepada ahli Lembaga saraan berkaitan dengan prestasi kaitangan berkenaan.

Keahlian

Pada masa ini, BNRC terdiri daripada empat orang ahli Lembaga iaitu Pengerusi dan tiga ahli lain yang telah dilantik oleh ahli Lembaga seperti berikut:

◆ Datuk Seri Asri bin Hamidin @ Hamidon <i>Pengerusi</i> <i>(Dilantik sebagai Pengerusi Lembaga pada 1 Mei 2020)</i>
◆ Puan Anis Rizana binti Mohd Zainuddin <i>Pengerusi</i> <i>(Dilantik pada 14 Julai 2020)</i>
◆ Dato' Azmi bin Abdullah <i>Ahli</i>
◆ Datuk Azih bin Muda <i>Ahli</i> <i>(Bersara pada 30 April 2020)</i>
◆ Encik Adnan Zaylan bin Mohamad Zahid <i>Ahli</i>
◆ Encik Abdul Rahman bin Mohd Nordin <i>Ahli</i> <i>(Dilantik pada 9 Julai 2020)</i>
◆ Encik Syed Hamadah bin Syed Othman <i>Ahli</i> <i>(Tamat perkhidmatan pada 1 November 2020)</i>
◆ Puan Nik Amlizan Mohamed <i>Ahli</i> <i>(**Bermula 2 November 2020 dan tamat menjadi ahli pada 3 Disember 2020 sejajar dengan tatacara urus tadbir korporat terbaik)</i>

Empat mesyuarat BNRC dan tiga mesyuarat khas BNRC telah diadakan sepanjang tahun 2020.

TADBIR URUS KORPORAT	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
----------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

Tugas dan Tanggungjawab BNRC

Berikut merupakan tugas dan tanggungjawab BNRC:

(i) Berkaitan hal-hal sumber manusia:

- (a) Untuk mengesyorkan keperluan minimum berkaitan kemahiran, pengalaman, kelayakan dan kecekapan teras lain kakitangan KWAP;
- (b) Untuk mengesyorkan dan mengkaji semula terma dan syarat pekerjaan serta perkhidmatan kakitangan KWAP;
- (c) Untuk mengesyorkan dan mengkaji semula kod tatalaku dan tata tertib kakitangan KWAP;
- (d) Untuk mengesyorkan mekanisme formal untuk penilaian keberkesanan kakitangan KWAP;
- (e) Untuk mengesyorkan kenaikan pangkat kakitangan KWAP;
- (f) Untuk mengkaji semula dan mengesyorkan kepada Lembaga berkenaan pelantikan dan kenaikan pangkat pihak pengurusan kanan Kumpulan KWAP;
- (g) Meluluskan perkara berkaitan Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan kanan termasuk penambahbaikan berkaitan yang diperlukan; dan
- (h) Untuk mempertimbang isu-isu lain yang ditakrif oleh Lembaga.

(ii) Fungsi-fungsi lain termasuk:

- (a) Untuk mengesyorkan kepada Lembaga rangka kerja atau dasar umum bagi saraan Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan kanan KWAP yang lain sebagaimana pertimbangan BNRC adalah diperuntukkan untuk dipertimbangkan;
- (b) Untuk mengesyorkan kepada ahli Lembaga manapun skim bayaran berkaitan dengan prestasi di bawah KWAP;
- (c) Untuk mengesyorkan kepada Lembaga dasar dan skop perjanjian perkhidmatan eksekutif serta pembayaran pemberhentian dan pampasan;
- (d) Untuk mengawasi sebarang perubahan besar berkaitan warga kerja KWAP; dan
- (e) Untuk mempertimbangkan dan mengkaji perkara relevan yang dianggap sesuai oleh BNRC.

Kehadiran Mesyuarat BNRC:

Bil.	Nama	Kehadiran
1.	Datuk Seri Asri bin Hamidin @ Hamidon <i>Pengerusi</i> (*Dilantik sebagai Pengerusi Lembaga KWAP pada 1 Mei 2020)	*2/2
2.	Puan Anis Rizana binti Mohd Zainuddin (*Dilantik pada 14 Julai 2020)	*5/5
3.	Dato' Azmi bin Abdullah	7/7
4.	Datuk Azih bin Muda (*Bersara pada 30 April 2020)	*1/1
5.	Encik Adnan Zaylani bin Mohamad Zahid	6/7
6.	Encik Abdul Rahman bin Haji Mohd Nordin (*Dilantik pada 9 Julai 2020)	*5/5
7.	Tuan Syed Hamadah bin Syed Othman (*Tamat Perkhidmatan pada 1 November 2020)	*3/5
8.	Puan Nik Amlizan Mohamed (**Bermula 2 November 2020 dan tamat menjadi ahli pada 3 Disember 2020 sejajar dengan tatacara urus tadbir korporat terbaik)	*2/2

Ringkasan Aktiviti-aktiviti BNRC:

Antara cadangan-cadangan dibincangkan dan disahkan oleh BNRC pada tahun 2020 ialah:

- Prestasi Satu Tahun Penuh Kad Skor Korporat bagi tahun 2019
- Pembayaran Bonus Tahun 2019 dan Kenaikan Gaji Tahunan 2020; dan
- Pembaharuan beberapa Kontrak Pekerjaan Ketua Jabatan di KWAP.

TADBIR URUS KORPORAT	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
----------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

JAWATANKUASA LEMBAGA PEROLEHAN

**Jawatankuasa Lembaga Perolehan (BPC)
ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam
melaksanakan fungsinya berkaitan dengan
penilaian cadangan perolehan.**

Keahlian

Pada masa ini, BPC terdiri daripada dua orang ahli Lembaga iaitu Pengerusi dan seorang ahli Lembaga lain yang dilantik oleh ahli Lembaga:

◆ **Datuk Siti Zainab bin Omar**
Pengerusi

◆ **Datuk Teo Khian How**
Ahli
(Bersara pada 17 November 2020)

◆ **Encik Abdul Rahman bin Mohd Nordin**
Ahli
(Dilantik pada 9 Julai 2020)

◆ **Datuk Azih bin Muda**
Ahli
(Bersara pada 30 April 2020)

◆ **Encik Syed Hamadah bin Syed Othman**
Ahli
(Tamat perkhidmatan pada 1 November 2020)

◆ **Puan Nik Amlizan Mohamed**
Ahli
*(**Bermula 2 November 2020 dan tamat menjadi ahli pada 3 Disember 2020 sejajar dengan tatacara urus tadbir korporat terbaik)*

Pada tahun 2020, lima Mesyuarat BPC telah diadakan untuk membincangkan dan mengesyorkan kepada Lembaga cadangan perolehan dalam had kuasanya.

Tugas dan Tanggungjawab BPC:

Berikut adalah antara tugas dan tanggungjawab BPC:

- (i) Untuk mengkaji semula pendaftaran petender dengan Kementerian Kewangan dan Pusat Khidmat Kontraktor, iklan pelawaan tender, spesifikasi tender, dokumen tender (sekiranya perlu), penyediaan jadual tender oleh Jawatankuasa Pembuka Tender, laporan penilaian teknikal dan kewangan, dan lain-lain;

- (ii) Untuk memastikan proses perolehan mematuhi kesemua etika, dasar dan prosedur perolehan;
- (iii) Untuk mengkaji semula keupayaan teknikal dan kewangan petender. Semasa penilaian dilakukan, cadangan teknikal akan dibuka dan dinilai terlebih dahulu, diikuti dengan cadangan kewangan;
- (iv) Untuk mempertimbang dan mengesyorkan pemberian tender yang bermanfaat kepada KWAP dengan mengambil kira faktor-faktor seperti harga, penggunaan produk/barangan dan/atau perkhidmatan, tempoh penyerahan atau tempoh siap, kos penyelenggaraan serta faktor-faktor lain yang berkaitan;
- (v) Untuk membuat keputusan mengenai proses tender semula atau mencadangkan mana-mana kaedah perolehan lain, sekiranya BPC mendapati bahawa prosedur perolehan tidak mengikut peraturan-peraturan atau mengesyaki bahawa terdapat penyelewengan dalam proses tender;
- (vi) Untuk mempertimbang dan menerima tender yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa dengan sekurang-kurangnya majoriti mudah dan berada dalam had yang diluluskan;
- (vii) Untuk mempertimbang dan menerima sebarang sebut harga yang diperakui oleh Jawatankuasa Sebut Harga yang melebihi had sebut harga; dan
- (viii) Untuk mempertimbang isu-isu perolehan lain sebagaimana yang ditakrifkan oleh Lembaga.

Kehadiran Mesyuarat BPC:

Bil.	Nama	Kehadiran
1.	Datuk Siti Zainab bin Omar <i>Pengerusi</i>	5/5
2.	Datuk Teo Khian How <i>(*Bersara pada 17 November 2020)</i>	*2/2
3.	Datuk Azih bin Muda <i>(*Bersara pada 30 April 2020)</i>	*1/1
4.	Encik Abdul Rahman bin Haji Mohd Nordin <i>(*Dilantik pada 9 Julai 2020)</i>	*4/4
5.	Encik Syed Hamadah bin Syed Othman <i>(Tamat perkhidmatan pada 1 November 2020)</i>	*3/5
6.	Puan Nik Amlizan Mohamed <i>(**Bermula 2 November 2020 dan tamat menjadi ahli pada 3 Disember 2020 sejajar dengan tatacara urus tadbir korporat terbaik)</i>	*1/1

TADBIR URUS KORPORAT	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
----------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

PELANTIKAN DAN SARAAN AHLI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Sebagaimana dinyatakan di bawah Akta KWAP, ahli-ahli Lembaga dan Panel Pelaburan dilantik bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun. Setelah tamat tempoh tersebut, ahli- ahli layak untuk dilantik semula. Saraan ahli Lembaga dan Panel Pelaburan ditentukan dari masa ke semasa, tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan.

Pada tahun 2020, ahli Lembaga dan Panel Pelaburan telah menerima imbuhan berjumlah RM717,542 dan RM543,000.

ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS (ESG)

Keterlibatan Pemegang Saham dengan Syarikat Penerima Pelaburan

Pada tahun 2020, KWAP meneruskan usaha keterlibatan dengan syarikat-syarikat penerima pelaburan dengan menganjurkan empat sesi libat urus bersama pemegang saham menerusi platform maya. Topik-topik yang dibincang semasa sesi libat urus ini termasuk gambaran keseluruhan syarikat, keadaan pasaran, rancangan perniagaan masa hadapan dan isu-isu berkaitan dengan ESG.

Sesi libat urus ini disertai oleh pengurusan kanan termasuk Ketua Pegawai Eksekutif KWAP.

Jadual 1 : Sesi Libat Urus Bersama Pemegang Saham dengan Syarikat Penerima Pelaburan 2020

Bil	Syarikat	Tarikh
1	Telekom Malaysia Berhad	4 Jun 2020
2	FGV Holdings Berhad	16 Jun 2020
3	Kumpulan AmBank	24 Ogos 2020
4	Petronas Gas Berhad	6 November 2020

Penglibatan Aktif Pemegang Saham

Sebagai pemegang saham aktif, KWAP meneruskan inisiatif penglibatan dengan syarikat-syarikat penerima pelaburan dan mengetengahkan isu-isu ESG sekiranya perlu. Inisiatif penglibatan ini diketuai oleh pengurusan kanan dan pegawai-pegawai KWAP melalui Mesyuarat-mesyuarat Agung Tahunan (AGM) serta mesyuarat antara KWAP dan syarikat terbabit sahaja untuk menambah baik amalan tadbir urus syarikat-syarikat penerima pelaburan.

KWAP telah menstrukturkan proses pemantauan syarikat-syarikat penerima pelaburannya. Pelbagai inisiatif pemantauan telah dilaksanakan oleh KWAP termasuk berikut:

- Pemantauan prestasi dan pemacu nilai syarikat-syarikat penerima pelaburan melalui pengumuman oleh syarikat dan liputan berita yang disemak setiap hari;
- Pemantauan isu sensitif dan kebimbangan ESG;
- Pemantauan melalui AGM/Mesyuarat Agung Tahunan Luar Biasa (EGM):
 - i. Pemantauan isu-isu dibincang semasa AGM/EGM syarikat-syarikat penerima pelaburan; dan
 - ii. Mengemukakan resolusi AGM/EGM kepada semua syarikat-syarikat penerima pelaburan.

KWAP menyertai secara aktif dalam inisiatif penglibatan korporat dengan syarikat-syarikat penerima pelaburan melalui:

- **Sesi Libat Urus Pemegang Saham dengan Syarikat Penerima Pelaburan**
 - Pada tahun 2020, KWAP meneruskan usaha keterlibatan dengan syarikat-syarikat penerima pelaburan dengan menganjurkan empat sesi libat urus bersama pemegang saham. (Sila rujuk Jadual 1 seperti di atas)
- **Sesi Libat Urus oleh Seksyen yang Bertanggungjawab terhadap inisiatif ESG**
 - Pada tahun 2020, KWAP menjalankan empat sesi libat urus ESG dan dua sesi libat urus susulan dengan syarikat-syarikat penerima pelaburannya.
- **Sesi Libat Urus Bahagian Pelaburan**
 - Jabatan Penyelidikan Pelaburan KWAP menjalankan sebanyak 1,556 sesi libat urus sepanjang tahun termasuk taklimat penganalisis, mesyuarat dalaman dan sesi libat urus dengan syarikat penerima pelaburan.
- **Sesi Libat Urus *Institutional Investors Council (IIC)* dengan syarikat tersenarai awam (PLCs)**
 - KWAP menyertai dua sesi libat urus dengan syarikat tersenarai awam yang dikendalikan oleh IIC pada tahun 2020 iaitu:
 - a. Bursa Malaysia Berhad; dan
 - b. FGV Holdings Berhad.
- **Hak Mengundi**
 - Pada tahun 2020, KWAP melaksanakan hak mengundi semasa AGM/EGM.
 - KWAP mengemukakan resolusi AGM/EGM untuk 142 buah syarikat kepada semua syarikat penerima pelaburan dan melaksanakan hak mengundi berdasarkan Garis Panduan Mengundi yang diterbitkan oleh KWAP sebagaimana dimaklumkan kepada syarikat-syarikat penerima pelaburan.

TADBIR URUS KORPORAT	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
----------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

Sesi Libat Urus Pengawal Selia/Syarikat Pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC)

Sebahagian daripada inisiatif KWAP di dalam menyokong amalan ESG, KWAP telah menyertai pelbagai sesi libat urus bersama pengawal selia seperti Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Turut serta, dua orang pegawai KWAP yang juga ahli Jawatankuasa Bersama Perubahan Iklim (JC3). Pada 27 September 2019, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia menubuhkan JC3 untuk menjalankan usaha kolaboratif di dalam membangunkan iklim yang berdaya tahan dalam sektor kewangan Malaysia. Dua jawatankuasa JC3 termasuk:

- i. Jawatankuasa Kecil JC3 1: Kumpulan Kerja Perubahan Iklim dan Taksonomi berdasarkan Prinsip; dan
- ii. Jawatankuasa Kecil JC3 2: Keterlibatan Tadbir Urus dan Pemakluman.

Sesi Libat Urus bersama Badan-badan Tadbir Urus Korporat

Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia (ACGA)

KWAP merupakan ahli Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia (ACGA). ACGA adalah sebuah persatuan keahlian bukan berdasarkan keuntungan bebas yang didedikasikan untuk menggalakkan dan menambahbaik Tadbir Urus Korporat di Asia. Sehingga kini, ACGA mempunyai 111 ahli yang diwakili oleh 17 pasaran dari seluruh dunia yang terdiri daripada dana persaraan, pengurus pelaburan, firma korporat (syarikat tersenarai awam dan persendirian), firma perakaunan dan lain-lain. Pada tahun 2020, KWAP menyertai Persidangan Maya ACGA 2020, "Asian Business Dialogue on Corporate Governance" dan menyertai sesi libat urus dengan wakil-wakil ACGA untuk membincangkan isu-isu tadbir urus dan perkembangan terkini berkaitan.

Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab yang Disokong oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN PRI)

KWAP menjadi penandatangan kepada PRI pada 8 Februari 2018. PRI ialah sebuah organisasi bukan berdasarkan keuntungan bebas yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN) untuk menggalakkan para pelabur menerima pakai pelaburan bertanggungjawab bagi meningkatkan pulangan serta mengurus risiko dengan lebih baik. PRI menggalakkan kesedaran tentang implikasi faktor-faktor ESG terhadap pelaburan dan menyokong rangkaian antarabangsa penandatangan pelabur dengan menggabungkan enam prinsip PRI dalam amalan membuat keputusan pelaburan dan pemilikan.

Menjadi penandatangan kepada PRI adalah sebahagian daripada usaha-usaha KWAP untuk meluaskan inisiatif-inisiatif pelaburan bertanggungjawab yang diiktiraf secara global. Selaku penandatangan, KWAP komited untuk:

- i. Menerima pakai dan melaksanakan enam prinsip pelaburan bertanggungjawab yang konsisten dengan tanggungjawab fidusiari kami; dan
- ii. Menilai keberkesanan dan menambah baik kandungan Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab secara berterusan.

Kami percaya usaha ini akan meningkatkan keupayaan KWAP di dalam memenuhi komitmen kepada benefisiari serta menyelaras aktiviti-aktiviti pelaburan kami dengan mengambil kira kepentingan masyarakat secara meluas dan kami menggalakkan para pelabur lain untuk menerima pakai prinsip-prinsip tersebut.

KWAP terlibat secara rapat dengan wakil-wakil dari UNPRI untuk menambah baik inisiatif ESG.

Keterlibatan Bersama Institusi Lain

Selain daripada sesi libat urus bersama pihak pengawal selia, syarikat-syarikat berkaitan kerajaan dan badan-badan Tadbir Urus Korporat, KWAP juga terlibat dengan institusi lain mengenai hal-hal berkaitan dengan ESG dan mengendalikan sesi perkongsian ilmu pengetahuan. Ini termasuk sesi libat urus bersama World Wide Fund for Nature (WWF) untuk mengikuti perkembangan terkini dan isu-isu ESG.

TADBIR URUS KORPORAT	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
----------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

Kod bagi Pelabur Institusi di Malaysia (Kod)/Majlis Pelabur Institusi (IIC)

KWAP komited di dalam mendukung piawaian tadbir urus korporat yang baik dengan menjadi penandatangan kepada Kod Pelabur Institusi Malaysia. Kod IIC mengandungi prinsip-prinsip yang membantu para pelabur institusi dalam memenuhi tanggungjawab pengawasan melalui pengaruh dan promosi budaya tadbir urus korporat yang baik dalam syarikat-syarikat penerima pelaburan.

Selain daripada penubuhan IIC, satu jawatankuasa kerja khas telah ditubuhkan untuk memberi fokus kepada isu-isu dan topik-topik dengan kepentingan strategik demi faedah bersama para pelabur institusi selaras dengan objektif IIC, iaitu Pasaran dan Industri; dan Tadbir Urus dan Polisi. Sehingga kini, terdapat 37 penandatangan kepada Kod IIC termasuk para Pelabur Institusi, pengurus aset dan pemilik aset.

Akhir sekali, KWAP terlibat secara aktif di dalam acara IIC dengan menghadiri sekurang-kurangnya 14 sesi libat urus setiap tahun termasuk mesyuarat-mesyuarat majlis dan kumpulan kerja. KWAP juga terlibat di dalam sesi libat urus IIC dengan dua syarikat tersenarai awam tempatan pada tahun 2020, iaitu Bursa Malaysia Berhad dan FGV Holdings Berhad.

INISIATIF-INISIATIF KEMAMPAAN DAN ESG

KWAP meneruskan usaha untuk menerapkan amalan terbaik ESG merentasi aktiviti operasi dan perniagaannya melingkungi semua bidang utama iaitu pelaburan, operasi, pengurusan dan pentadbiran perkhidmatan persaraan.

Garis Panduan Peringkat Korporat ESG KWAP

KWAP telah menggabungkan pertimbangan ESG merentasi semua operasinya (termasuk proses membuat keputusan pelaburan) melalui Garis Panduan Peringkat Korporat ESG KWAP yang telah diwujudkan pada tahun 2017. Antara perkara yang diketengahkan adalah seperti berikut:

- KWAP telah menggabungkan elemen Tadbir Urus Korporat dan pertimbangan kemampunan dalam proses membuat keputusan pelaburan melalui:
 - i. Polisi dan Garis Panduan Pelaburan;
 - ii. Garis Panduan ESG KWAP untuk Pelaburan;
 - iii. Kaedah penyelidikan berdasarkan ESG;
 - iv. Prinsip-prinsip Tadbir Urus Korporat dan Garis Panduan Mengundi untuk ekuiti-ekuiti tersenarai;
 - v. Garis Panduan ESG untuk Pelaburan Pendapatan; dan
 - vi. Garis Panduan ESG untuk Ekuiti Persendirian.

Pada masa hadapan, KWAP bercadang untuk mengemas kini Garis Panduan ESG untuk Pelaburan Ekuitinya serta melaksanakan Garis Panduan ESG untuk Hartanah yang baharu.

Objektif Garis Panduan ESG Peringkat Korporat ialah:

• Peranan Terhadap Pihak Berkepentingan:

Untuk membolehkan KWAP memenuhi peranan terhadap pihak berkepentingan, (termasuk generasi masa depan) secara bertanggungjawab dan mampan dengan menerima pakai amalan ESG terbaik.

• Prestasi Mampan:

Untuk meningkatkan kemampunan dan prestasi jangka masa

panjang KWAP dan syarikat-syarikat penerima pelaburan. KWAP percaya faktor-faktor kemampunan mungkin mempengaruhi profil pulangan risiko pelaburan dengan ketara.

• Promosi amalan ESG yang baik dalam pasaran modal dan rakan niaga KWAP:

Bagi memanfaat kedudukan KWAP sebagai pelabur institusi dengan menambah baik amalan ESG dalam:

- i. Pasaran modal dalam hubungannya dengan:
 - Penglibatan bersama syarikat-syarikat penerima pelaburan.
 - Usaha sama dengan pengawal selia (contohnya, Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia)
 - Usaha sama dengan badan-badan tadbir urus korporat (contohnya, ACGA, UN PRI)
 - Peranan aktif dalam majlis berkaitan dengan tadbir urus korporat (contohnya, IIC dan Kumpulan Pihak Berkepentingan Tadbir Urus Utama Korporat Suruhanjaya Sekuriti Malaysia)
- ii. Syarikat-syarikat merentasi rantaian nilai KWAP termasuk pembekal, penyedia perkhidmatan, pihak ketiga dan rakan niaga berkaitan lain.

Garis panduan ESG Peringkat Korporat mempunyai tujuh teras, iaitu:

- i. Persekutuan;
- ii. Modal Insan;
- iii. Tadbir Urus;
- iv. Pengurusan Pelaburan;
- v. Pentadbiran Ahli;
- vi. Amalan Beretika; dan
- vii. Sosial.

Garis Panduan Peringkat Korporat akan dikemas kini secara berkala untuk mengikuti amalan terbaik industri terkini dan menggambarkan inisiatif ESG KWAP terkini.

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---------------------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

Sepanjang 14 tahun yang lalu, profil risiko KWAP telah berkembang bersama-sama dengan fungsi dan keupayaan pengurusan risiko sejajar dengan perkembangan peranan KWAP dalam aktiviti pelaburan dan bukan pelaburan. Bermula dengan hanya seorang kakitangan di Jabatan Pengurusan Risiko Dan Pematuhan (RMCD), bilangan kakitangannya setakat penghujung tahun 2020 telah meningkat kepada 24 orang.

Dalam mengurus risiko, KWAP mematuhi model tiga barisan pertahanan di mana:

- (i) Tanggungjawab utama atau barisan pertahanan pertama bermula dengan unit perniagaan individu;
- (ii) Barisan pertahanan kedua terdiri daripada pasukan pengurusan risiko dan pematuhan; dan
- (iii) Barisan pertahanan ketiga ialah fungsi audit dalaman.

Kami mengamalkan pendekatan yang berhemat di dalam aktiviti pelaburan dan bukan berkenaan pelaburan, berpandukan nasihat pihak pengurusan kanan, seperti yang dinyatakan dalam Penyata Risiko KWAP.

Penyata Risiko

<p>1 Lembaga dan Panel Pelaburan mempunyai pengawasan dan tanggungjawab umum ke atas Dana dan meluluskan Penyata Risiko yang dibentangkan sebagai pernyataan tahap tinggi, luas, berdasarkan prinsip untuk menyokong sifat risiko KWAP yang kompleks, tidak tetap, dinamik, dan bertindih. Panel Pelaburan bertanggungjawab ke atas keputusan pelaburan KWAP sementara Lembaga bertanggungjawab terhadap tahap risiko keseluruhan yang diambil oleh KWAP. Panel Pelaburan dan Lembaga KWAP akan mengambil maklum tentang hal ini apabila menjalankan aktiviti.</p> <p>2 Lembaga dan Panel Pelaburan mengiktiraf bahawa terdapat keperluan untuk mengurus pelaburan Dana secara aktif dengan matlamat untuk mengembangkan saiz dana, mencapai pulangan pelaburan yang diselaraskan risiko yang mampar untuk jangka panjang dalam masa yang sama memastikan perlindungan dan kecukupan kecairan dalam pelbagai portfolio Dana. Matlamat ini perlu dicapai menerusi strategi pelaburan yang dinamik diimbangi oleh amalan pengurusan risiko yang mantap, ditambah dengan keperluan untuk mengimbangi jangkaan pulangan dengan risiko. Risiko ini harus dilaporkan kepada Lembaga dan Panel Pelaburan secara berkala.</p> <p>3 Lembaga dan Panel Pelaburan mengiktiraf bahawa wujudnya kesanggupan dan keupayaan mengambil risiko. Tahap risiko yang dipertimbangkan oleh KWAP perlu mengambil kira objektif strategik, jangkaan pihak berkepentingan, matlamat kewangan dan strategi pampasan. Ini dinilai dan dipertimbangkan dalam Alokasi Aset Strategik, Strategi Pelaburan dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko KWAP.</p> <p>4 Lembaga dan Panel Pelaburan menyatakan bahawa KWAP hanya boleh mengambil risiko yang dapat dinilai dan diurus secara munasabah, maka risiko sedemikian, secara keseluruhan dan dalam pengurusan perniagaan harian, tidak akan menyebabkan kerugian kewangan ketara atau penjejasan bukan kewangan ketara dan mengakibatkan Dana gagal memenuhi objektif strategiknya.</p>	<p>5 Bagi portfolio pelaburannya, pilihan kelas aset, strategi pelaburan dan instrumen pelaburan KWAP berpandukan prinsip-prinsip utama berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tahap munasabah yang tinggi dalam keyakinan bagi memelihara nilai modal • Tahap munasabah yang tinggi bagi kecairan aset atau portfolio aset • Pulangan pelaburan diselaraskan risiko yang munasabah <p>6 Kemampuan KWAP untuk mengambil risiko dan tahap risiko perlu disesuaikan dengan keupayaan dalaman KWAP bagi menguruskan risiko-risiko tersebut. Sekiranya perlu dan dikehendaki, KWAP akan mendapatkan kepakaran daripada pihak luar. KWAP harus terus berusaha meningkatkan keupayaan dalaman dan mengembangkan kapasiti melalui peningkatan kemahiran, pengetahuan, teknologi dan sumber-sumber lain.</p> <p>7 KWAP menyasarkan untuk menyelaraskan jumlah tahap risiko Dana dengan portfolio rujukan daripada 50% Ekuiti Am Malaysia dan 50% daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia. Ini mewakili sasaran risiko pasif KWAP.</p> <p>8 KWAP menyasarkan untuk mengehadkan jumlah tahap risiko Dana kepada portfolio rujukan daripada 60% Ekuiti Malaysia dan 40% Sekuriti Kerajaan Malaysia. Ini mewakili jumlah had risiko KWAP (iaitu kedua-dua risiko pasif dan aktif).</p> <p>9 KWAP akur bahawa ia hendaklah mempunyai tidak kurang daripada 50% peluang untuk mencapai kadar inflasi gaji berasaskan tempoh 5 tahun, dan KWAP menerima bahawa ia hendaklah mempunyai tidak kurang daripada 75% peluang mengatasi kadar inflasi sepanjang tempoh yang sama.</p>
--	---

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenal KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---------------------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

Penyata *Risk Appetite Statement* (RAS) mendefinisikan pendekatan menyeluruh KWAP terhadap pelbagai aktiviti pelaburan dan bukan pelaburan, serta membimbing proses membuat keputusan. RAS juga menetapkan kemampuan dan keupayaan KWAP untuk mengambil risiko dalam konteks objektif pelaburan dan toleransi risiko dengan mengenal pasti perkara-perkara berikut:

- ◆ Matlamat jangka panjang Dana, iaitu untuk memenuhi liabiliti pencer
- ◆ Keperluan pelaporan risiko berkala kepada Lembaga dan Panel Pelaburan
- ◆ Pengawasan dan tanggungjawab Lembaga terhadap risiko yang diambil oleh Dana
- ◆ Kriteria utama untuk aktiviti pelaburan seperti keselamatan, keairan dan risiko pulangan diselaraskan yang munasabah
- ◆ Keperluan untuk mengimbangi jangkaan pulangan dan risiko
- ◆ Keperluan bagi KWAP untuk terus meningkatkan kapasiti dalam dan keupayaan mengurus risiko
- ◆ Pertimbangan penting dalam kesediaan dan keupayaan untuk mengambil risiko seperti objektif strategik, jangkaan pihak berkepentingan, matlamat kewangan dan strategi pampasan

RAS dilengkapi dengan struktur tadbir urus yang teguh dengan garis pelaporan bebas antara unit yang mengambil risiko dan "kawalan". Ia dipertingkatkan lagi dengan beberapa prinsip panduan, iaitu:



KWAP melabur dalam modal insan, mempunyai dasar yang jelas dan memastikan proses operasi yang kukuh dan berhemat (dengan pelaburan signifikan terhadap sistem untuk memastikan kawalan dan automasi yang mencukupi). Kawalan urus tadbir yang mantap merujuk kepada pemisahan baris pelaporan antara jabatan di KWAP.

Garis pelaporan tersebut adalah seperti berikut:

- ◆ Jabatan yang berkaitan dengan pelaburan seperti Ekuiti, Pendapatan Tetap, Pelaburan Alternatif, Penyelidikan dan Strategi Portfolio melapor terus kepada Ketua Pegawai Pelaburan.
- ◆ Jabatan-jabatan bebas seperti Undang-undang dan Kesetiausahaan, Strategi dan Prestasi Korporat, Sumber Manusia, Pengurusan Risiko dan Pematuhan melapor secara langsung kepada Ketua Pegawai Eksekutif manakala Jabatan Audit Dalam dan Pejabat Integriti dan Tadbir Urus melapor kepada jawatankuasa Lembaga masing-masing dan secara pentadbiran kepada Ketua Pegawai Eksekutif.
- ◆ Jabatan kawalan fungsi dan operasi seperti Teknologi Maklumat, Caruman, Hal Ehwal Korporat, Akaun dan Perkhidmatan Pengurusan, Perkhidmatan Sokongan Pelaburan dan Perkhidmatan Persaraan melapor secara langsung kepada Ketua Pegawai Operasi.

Pengasingan baris pelaporan memastikan tidak ada pihak berkuasa/kelulusan yang bertindih antara jabatan di samping memberikan ketelusan yang lebih tinggi dalam KWAP.

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---------------------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

Aktiviti-aktiviti pada tahun 2020



Taklimat Kesedaran dan Amalan Pengurusan Risiko di KWAP

- Meningkatkan kesedaran risiko dan mengemas kini organisasi dan kakitangan mengenai perkembangan dan amalan terbaik merentasi semua aspek sentiasa berterusan di KWAP.
- Kami telah memulakan dan menyempurnakan pelbagai aktiviti yang disasarkan untuk menggalakkan kesedaran dan amalan pengurusan risiko dalam KWAP.
- KWAP menganjurkan Program Pensijilan dan Latihan Pengarah Risiko Bertauliah (QRD) untuk Ahli-ahli Lembaga, Panel Pelaburan serta pengurusan kanan terpilih KWAP dan para pengarah syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu KWAP.
- QRD terdiri daripada satu beberapa latihan memfokus kepada pengurusan risiko, dalam memastikan ahli Lembaga dan Panel Pelaburan mempunyai pengetahuan secukupnya untuk menyediakan syarat pengawasan dan panduan Pengurusan Risiko Perniagaan agar dapat meningkatkan Kemampunan, Keanjalan dan Ketahanan KWAP.
- Modul yang dijalankan pada tahun 2020 adalah seperti berikut:
 - (i) Amalan Pengawasan Risiko pada 15 Julai 2020;
 - (ii) Budaya Korporat dan ERM pada 4 September 2020; dan
 - (iii) Panduan Pengarah kepada Pengurusan Krisis dan Kepimpinan sewaktu Krisis pada 6 November 2020.
- Panduan Pengarah kepada Pengurusan Krisis dan Kepimpinan sewaktu Krisis pada 6 November 2020.



Sesi Libat Urus bersama Pihak Luaran

- Pada tahun 2020, KWAP juga telah menjalankan beberapa sesi libat urus dengan pihak luaran seperti berikut:
 - (i) Sesi perkongsian pengetahuan risiko dengan syarikat-syarikat pelaburan berkaitan kerajaan lain (GLICs);
 - (ii) Latihan Penanda Aras Kawalan Risiko Kredit dengan Pengurus Dana Luaran (EFM); dan
 - (iii) Sesi perkongsian pengetahuan risiko dengan pihak luaran lain seperti pengurus harta tanah dan pengurus aset.



Lawatan Tidak Berkala ke Pengurus Dana Luaran (EFM) KWAP

- Kami telah menjalankan lawatan tidak berkala untuk memastikan pelbagai aktiviti dan amalan EFM mematuhi Mandat Pelaburan yang diluluskan dan memastikan wujudnya kawalan risiko dalam yang teguh.
- Disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan yang dikenakan oleh Kerajaan pada tahun 2020, lawatan tidak berkala EFM dijalankan secara maya. Semua perbincangan dan kajian semula dokumen dijalankan menerusi sesi libat urus secara maya iaitu panggilan, emel dan persidangan video bagi mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Bagi tahun 2020, kami menjalankan sesi libat urus untuk enam daripada 20 EFM yang dilantik.

TEKNOLOGI DAN INOVASI DALAM JABATAN PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

KWAP memanfaatkan teknologi untuk mengendalikan pelbagai analisis portfolio dan analisis senario secara meluas bagi memenuhi keperluan portfolio KWAP. Analisis risiko daripada sistem seperti *BarraOne*, *Credit Manager*, *Bloomberg* dan lain-lain digunakan untuk mengenal pasti langkah risiko utama untuk pelaporan pengurusan. Pengurusan kesinambungan perniagaan kekal sebagai salah satu daripada bidang fokus utama kami untuk perancangan senario dan kejadian luar jangkaan.

Kami telah mengautomasi rangka kerja pengurusan kesinambungan perniagaan dan melaksanakan proses pengurusan kesinambungan perniagaan yang praktikal dan mamparn.

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---------------------------------	-------------------------	---------------	---------------------------------	----------------------	-----------------------------	------------------

Bagaimana KWAP bertindak balas terhadap wabak COVID-19

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar bagi ekonomi seluruh dunia dan perniagaan yang tidak pernah dialami sebelum ini. Pandemik ini telah memberi kesan yang mendalam kepada KWAP termasuk kakitangan yang terpaksa menyesuaikan diri dengan aturan kerja baharu bagi memastikan kesinambungan perniagaan yang berkesan.

Langkah-langkah proaktif telah diambil oleh KWAP demi memastikan keselamatan dan kesihatan kakitangan KWAP terpelihara daripada pandemik dan secara aktif memperhalusi operasi perniagaan seiring dengan dasar-dasar dan prosedur-prosedur operasi standard baharu yang dilaksanakan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan. Kami proaktif dalam menerajui pengurusan persediaan dan tindak balas KWAP kepada ketidakpastian yang timbul hasil daripada pandemik. Beberapa jabatan telah bekerjasama dalam merancang dan memperkenalkan pelbagai aktiviti untuk mengurus norma baharu dalam KWAP.

Pada peringkat awal pandemik di Malaysia, KWAP bertindak balas tepat pada waktunya dengan memperkenalkan operasi pembahagian pasukan sebelum Kerajaan mengumumkan PKP yang dibuat pada bulan Mac 2020. Sebahagian besar operasi KWAP dapat beroperasi secara jarak jauh kecuali fungsi terpilih yang beroperasi dengan tenaga kerja yang minima seperti operasi dalam perkhidmatan persaraan di Cyberjaya. Kami berjaya memenuhi permintaan mendadak segi perkhidmatan teknologi maklumat dan infrastruktur semasa kakitangan beroperasi di luar pejabat. Ini membolehkan KWAP menjalankan operasi perniagaannya secara lancar.

KWAP bertindak balas terhadap krisis COVID-19 menerusi inisiatif-inisiatif berikut:

- ◆ Menubuhkan Pasukan Tindak Balas KWAP sebagai satu platform pusat untuk kakitangan menerima maklumat dan mengemukakan pertanyaan berkaitan COVID-19.
- ◆ Mewujudkan polisi tempoh kuarantin kendiri berdasarkan tiga tahap kontak bagi kes suspek dan/atau positif COVID-19.
- ◆ Memperkenalkan aturan pembahagian pasukan, tatacara pengendalian piawai serta peraturan dan sekatan untuk memastikan kesinambungan operasi perniagaan dalam masa yang sama melindungi keselamatan dan kesejahteraan kakitangan.

Beberapa jabatan telah bekerjasama untuk melaksanakan SOP bagi norma baharu merangkumi peraturan dan protokol bagi pejabat dan kakitangan KWAP seperti berikut:

- (i) Mengubah suai reka bentuk susunan tempat duduk bekerja, pemasangan pembahagi ruang bekerja di tempat duduk terpilih dan perubahan dalam susun atur tempat duduk dalam bilik mesyuarat, pantri serta ruang umum yang mematuhi penjarakan fizikal 1 meter;
- (ii) Penyediaan produk sanitasi tangan di sekitar pejabat bagi kemudahan kakitangan;
- (iii) Menjalankan aktiviti-aktiviti sanitasi dua kali sehari dan satu kali pembasmian kuman setiap minggu;
- (iv) Penyediaan poster di kawasan khusus dan umum untuk meningkatkan kesedaran;
- (v) Mengenakan prosedur-prosedur operasi standard KWAP yang meliputi pelbagai situasi:
 - SOP untuk kakitangan dan pelawat yang memasuki pejabat KWAP;
 - SOP untuk kakitangan di pejabat KWAP apabila mengadakan mesyuarat secara fizikal dan maya, acara atau program fizikal dan lain-lain;
 - SOP untuk mengendalikan kakitangan yang mempunyai simptom dan mempunyai hubungan rapat dengan kes COVID-19; dan
 - SOP untuk deklarasi kakitangan yang keluar atau pulang dari kawasan zon merah atau kawasan berkaitan dengan kluster COVID-19.
- (vi) Kami juga menjalankan sesi kesedaran berkaitan dengan SOP Norma Baharu KWAP kepada semua kakitangan pada 4 dan 6 Jun 2020.

Bagi mengukuhkan tindak balas KWAP terhadap pandemik, kami menjalankan analisis terhadap siap siaga, perancangan dan amalan tindak balas pandemik KWAP serta mengenal pasti risiko serta cabaran yang dihadapi oleh KWAP. Pada tahun 2020, Kami juga telah menambahbaik Garis Panduan Pelan Pandemik dengan usaha berterusan untuk memastikan KWAP lebih bersedia untuk menghadapi krisis ini.

Melangkah ke hadapan, KWAP menerokai pelbagai strategi untuk meningkatkan keupayaannya bagi menyesuaikan diri di dalam ketidakpastian yang mungkin berlaku secara domestik ataupun antarabangsa dengan menambah baik dan meningkatkan proses kerja.

Pengurusan Risiko Perniagaan (ERM)

Prinsip-prinsip utama pengurusan risiko KWAP berlandaskan pelbagai komponen utama Pengurusan Risiko Perniagaan (ERM) yang diterangkan di dalam Rangka Kerja dan Polisi ERM yang menyokong pengurusan risiko secara menyeluruh di dalam KWAP.

Profil Risiko Korporat (CRP) dimanfaatkan untuk melengkap ERM dengan rangka kerja dan polisi, dan CRP telah digunakan sebagai platform yang mempunyai pendekatan konsisten dalam mengenal pasti, menilai, mengurus dan melaporkan risiko berhubungan dengan:

- ◆ Pengenalan dan penilaian risiko menggunakan kaedah pengurusan risiko.
- ◆ Pelaksanaan pelan tindakan kawalan dan mitigasi untuk mengurus risiko yang berkesan.
- ◆ Pemantauan konsisten dan pelaporan risiko yang tepat pada waktunya kepada jawatankuasa pengawasan masing-masing.
- ◆ Menggalakkan pemilikan dan kebertanggungjawaban risiko dalam seluruh organisasi, meliputi semua jabatan dan kakitangan daripada semua peringkat.

CRP telah membentangkan pelbagai jenis risiko seperti tahap-tahap risiko dan pelaporan risiko sepanjang tempoh tiga bulan bagi setiap kategori, menyediakan peta risiko dan papan pemuka bagi rujukan.

Selain itu, bagi memberi konteks dan pemahaman yang jelas mengenai klasifikasi/lingkungan risiko. CRP juga menggariskan butiran serta tindakan-tindakan mitigasinya bagi menghadapi potensi dan ancaman risiko pada peringkat korporat dan operasi bagi setiap kategori yang dibentangkan di dalam laporan ini.

CRP ini dilaporkan dan dipertimbangkan melalui mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) bulanan, Jawatankuasa Risiko (RC) suku tahunan dan dikemukakan ke mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Risiko dan Integriti (BIRC). Pelaporan dan pertimbangan CRP yang tepat pada waktunya adalah penting dalam mengenal pasti dan menilai kapasiti serta keupayaan pengurusan risiko sedia ada di KWAP. Setelah risiko utama dikenal pasti dan didokumenkan, fokus utama adalah untuk mengintegrasikan maklumat risiko ke dalam struktur tadbir urus jabatan sedia ada, kawalan dan perancangan tadbir urus serta kitaran pelaporan di mana risiko-risiko utama dapat dibincangkan secara berkesan.

Dengan ini, semua risiko berkenaan dapat diketengahkan dengan pelbagai aktiviti yang dijalankan dalam organisasi dan seterusnya dapat memberikan manfaat untuk berkaitan penghasilan keputusan yang strategik, penyampaian perubahan yang berkesan serta peningkatan kecekapan operasi.

PENGURUSAN RISIKO DALAM PASARAN


Risiko dalam pasaran merupakan risiko kerugian tidak dijangka hasil daripada perubahan negatif dalam nilai aset kewangan yang timbul daripada pergerakan dalam kadar atau harga pasaran. Pemacu utama risiko pasaran di dalam aktiviti-aktiviti pelaburan KWAP adalah Risiko Kadar Faedah, Risiko Harga Ekuiti dan Risiko Mata Wang Asing.

Empat kelas aset utama yang membentuk pelaburan KWAP adalah Ekuiti, Pendapatan Tetap, Hartanah dan Ekuiti Persendirian.

Nilai pada Risiko

Ukuran risiko pasaran utama dalam KWAP ialah Nilai pada Risiko (VaR). KWAP mengukur VaR sebagai kerugian terburuk yang berkemungkinan terjadi pada kebarangkalian 5% sepanjang tempoh pemegangan 250 hari. VaR KWAP pada 31 Disember 2020 ialah 14.2% daripada jumlah nilai pasaran dana pelaburan. Dalam erti kata lain, bagi tempoh satu tahun terdapat kebarangkalian 95% yang menunjukkan bahawa KWAP tidak akan kehilangan lebih daripada 14.2% nilai pasaran dana disebabkan oleh faktor risiko pasaran. Kenaikan mendadak VaR adalah disebabkan oleh risiko yang lebih tinggi dalam pengemaskinian model andaian. Kemeruan lebih tinggi dapat dilihat dalam pasaran kewangan, dengan pasaran saham dan bon terjejas teruk berikutan pandemik COVID-19.


Nilai pada Risiko terhadap Jumlah Portfolio Pelaburan KWAP bagi tahun 2020



Pendedahan Risiko Ekuiti

Portfolio ekuiti mewakili 47.9% daripada jumlah dana KWAP bagi tahun 2020. VaR Ekuiti KWAP setakat 31 Disember 2020 ialah pada 25.3%, yang menunjukkan potensi kerugian sebanyak 25.3% daripada nilai portfolio ekuiti selama tempoh satu tahun dengan andaian 95% selang keyakinan. Kenaikan mendadak dalam VaR adalah disebabkan oleh risiko yang lebih tinggi dalam pengemaskinian model andaian, dengan pasaran saham menunjukkan ketidaktentuan yang tinggi dalam tempoh pandemik COVID-19 pada tahun 2020.


Nilai pada Risiko Portfolio Pelaburan Ekuiti bagi tahun 2020




Penjejakkan Ralat (TE)

Penjejakkan Ralat (TE) atau juga dikenali sebagai risiko aktif, mengukur pulangan sisihan portfolio yang berkaitan naik turun pulangan penanda arasnya.

TE ekuiti domestik yang diurus secara dalaman bagi tahun 2020 berada pada kadar 4.5%, lebih tinggi daripada 3.6% untuk ekuiti domestik yang diurus secara luaran seperti digambarkan dalam carta di bawah.




TE portfolio ekuiti antarabangsa KWAP adalah lebih tinggi berbanding dengan Ekuiti Domestik seperti dipaparkan dalam carta berikut.

**Pendedahan kepada Risiko Pendapatan Tetap**


Portfolio pelaburan pendapatan tetap terdiri daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), Instrumen Pelaburan Kerajaan (GII), Bon Korporat (CB), dan Pasaran Wang (MM) mewakili 44.2% daripada jumlah jumlah saiz dana KWAP setakat 31 Disember 2020.

Setakat 31 Disember 2020, VaR pendapatan tetap KWAP berada pada kadar 5.0% daripada portfolio pelaburan pendapatan tetap, dengan potensi kerugian sebanyak 5.0% daripada nilai portfolio selama tempoh satu tahun dengan andaian 95% selang keyakinan.

Nilai pada Risiko Portfolio Pelaburan Pendapatan Tetap bagi tahun 2020**Tempoh Diubah Suai**

Tempoh yang diubahsuai mengukur kepekaan atau perubahan nilai sekuriti atau portfolio sebagai tindak balas kepada perubahan kadar faedah. Ia juga memberi konotasi bahawa kadar faedah dan harga bon bergerak dalam arah yang bertentangan. Ia merupakan analisis kepekaan yang digunakan untuk menentukan kesan perubahan kadar faedah 1% ke atas harga bon.

Tempoh diubah suai portfolio MGS, GII dan Dagangan Kerajaan (GVT) pada Disember 2020 ialah 6.5 berbanding dengan 6.8 pada tahun 2019, sementara tempoh diubah suai Bon Korporat (CB) dilaporkan 5.1 berbanding 5.2 pada tahun lepas.

Tempoh Diubah Suai bagi MGS, GII, GVT dan CB Portfolio Pelaburan

Produk Lindung Nilai dan Derivatif

Pelbagai jenis kontrak derivatif digunakan untuk membendung pendedahan risiko dalam pasaran terhadap pelaburan KWAP terutamanya pergerakan mata wang dan kadar faedah. Instrumen derivatif yang digunakan untuk membendung risiko ini ialah pertukaran silang mata wang (CCS), pertukaran kadar faedah (IRS) dan kontrak hadapan mata wang asing (FX Forward). KWAP banyak menggunakan FX Forward untuk melindung nilai pendedahan mata wang dalam pasaran antarabangsa untuk mengurangkan impak dan mengimbangi turun naik mata wang terhadap pelaburan luar negara KWAP.

Pelaburan Alternatif

Setakat 31 Disember 2020, jumlah penglibatan KWAP di dalam pelaburan alternatif berada pada 7.8% daripada jumlah dana KWAP. Pelaburan Alternatif KWAP terdiri daripada pelaburan-pelaburan harta tanah, ekuiti persendirian (PE) dan infrastruktur.

Hartanah

Pelaburan harta tanah KWAP bersifat pelbagai daripada peringkat domestik ke antarabangsa. Pembangunan portfolio yang bergantung kepada kepelbagaiannya geografi dan jenis aset membenarkan kepelbagaiannya risiko dan mengurangkan jumlah risiko harta tanah persendirian kepada tahap risiko portfolio yang lebih rendah. Selain pendedahan kepada pergerakan dalam harga harta tanah, pengurusan pajakan sewa dan kos overhead adalah penting dalam mengekalkan aliran pendapatan yang mampan. Pada 31 Disember 2020, jumlah penglibatan KWAP di dalam harta tanah berada pada 4.4% daripada jumlah dana KWAP.

Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur

Pengurusan risiko PE dan pelaburan infrastruktur lazimnya tertumpu pada penilaian pra-pelantikan para pengurus dana dan strategi pelaburan. Aktiviti pengurusan risiko pasca pelantikan tertumpu kepada pengurusan risiko operasi dan pemantauan pelaburan dengan potensi *red flag* serta pematuhan kepada kawalan risiko pelaburan.


KWAP sentiasa membangunkan pengetahuan dan kemahiran bagi meningkatkan pengurusan risiko dalam pasaran-pasaran ini yang semakin berkembang dan menarik minat para pelabur berbanding dengan aset-aset tradisional seperti ekuiti dan bon. Pada 31 Disember 2020, jumlah pendedahan PE KWAP dan infrastruktur berada pada 3.4% daripada jumlah dana KWAP.

Penglibatan Antarabangsa

Risiko Mata Wang


Pada 31 Disember 2020, penglibatan KWAP di dalam pelaburan antarabangsa berada pada 16.6% daripada jumlah dana KWAP.

Peratusan Jumlah Penglibatan KWAP di dalam Pelaburan Domestik dan Antarabangsa




KWAP mengurus risiko penglibatan mata wang secara aktif untuk meminimumkan kemungkinan dalam keuntungan dan kerugian disebabkan oleh turun naiknya mata wang. Kami melindungi aktif nilai risiko mata wang secara aktif melalui pelbagai produk lindung nilai yang diluluskan merentasi pelbagai kelas aset. Penglibatan mata wang asing KWAP menerusi pelaburannya dapat dikategorikan kepada empat mata wang utama iaitu USD, GBP, AUD dan EUR. Penglibatan mata wang pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut.

Peratusan Pelaburan KWAP Mengikut Mata Wang



Carta berikut menunjukkan bahagian pelbagai kelas aset dalam pelaburan antarabangsa KWAP.

Peratusan Pelaburan Antarabangsa KWAP mengikut Jenis Kelas Aset



PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---------------------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

PENGURUSAN RISIKO KREDIT

Risiko kredit ditakrifkan sebagai kebarangkalian peminjam atau rakan niaga gagal memenuhi obligasi kewangannya mengikut terma perjanjian. Sebagai sebuah organisasi yang aktif dalam sektor pendapatan tetap domestik dan pasaran wang dengan penyertaan dalam pasaran utama dan sekunder, KWAP memerlukan dasar risiko kredit yang kukuh. Amalan terbaik industri diterapkan menerusi pengemaskinian secara berterusan dasar dan proses risiko kredit.

Tujuan pengurusan risiko kredit adalah untuk mengekalkan pendedahan risiko kredit dalam tahap toleransi risiko yang dapat diterima dan untuk memastikan pulangan sepadan dengan risiko yang diambil. Dasar Risiko Kredit dan Garis Panduan berkaitan dengan Risiko Kredit diperkenalkan untuk memformalkan fungsi risiko kredit merangkumi pengukuran risiko kredit, penilaian risiko kredit dan pemantauan.

PENGURUSAN RISIKO KREDIT YANG BERKESAN							
RISIKO PORTFOLIO					KREDIT		
Risiko Rakan Niaga	Risiko Pengeluar	Risiko Yang Bertumpu	Nilai pada Risiko Kredit	Risiko Manfaat	Analisis Kredit	Penarafan Dalaman	Ulasan Kredit
Had Risiko Rakan Niaga	Had Penarafan Minimum Bon Korporat, Had Pengeluar dan Pengawasan Penarafan Negatif	Had Penarafan Portfolio Bon Korporat, Had Portfolio, Had Peminjam Tunggal, Penglibatan Pelaburan Kumpulan, Penumpuan Sektor dan Penumpuan EFM Kumpulan	Potensi kerugian maksimum	Had Manfaat, Had Perjanjian Pembelian Semula	Analisis kuantitatif dan analisis kualitatif untuk menentukan kepercayaan kredit	Model pemarkahan penarafan kredit dalaman untuk bon korporat, pinjaman dan rakan niaga tidak bertaraf	Penilaian mengenai bon korporat

Penyelidikan Kredit menyediakan analisis kredit, penarafan dalaman dan ulasan kredit untuk Portfolio Pendapatan Tetap.

Jawatankuasa Penilaian Dalaman (INTEC) bertanggungjawab mempertimbang kesemua cadangan kredit yang sedia ada dan baharu, serta isu-isu berkaitan dengan kredit sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Pelaburan dan Panel Pelaburan. Di samping itu, INTEC mengkaji semula dan meluluskan pemarkahan penarafan kredit dalaman bagi kesemua cadangan kredit.

Bagi menguruskan pendedahan risiko kredit KWAP, satu siri had risiko kredit dan semakan risiko (dahulunya dikenali sebagai Pencetus Tindakan Pengurusan (MAT)) telah disediakan, seperti ditunjukkan berikut.

KAWALAN RISIKO KREDIT (HAD/SEMAKAN)					
Had Risiko Institusi Kewangan*	Had Penarafan Minimum Bon Korporat	Had Risiko Rakan Niaga*	Had Repo*	Had Manfaat	Had Penarafan Portfolio Bon Korporat*
Semakan Nilai pada Risiko Kredit	Had Portfolio Pinjaman	Had Peminjam Tunggal	Had Penglibatan Pelaburan Kumpulan	Risiko Tumpuan Sektor	Had Pengurusan Dana Luaran untuk Tumpuan Kumpulan

Nota: *Had risiko kredit ditandakan dengan asterik

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenal KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---------------------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

Had risiko kredit diluluskan oleh jawatankuasa Lembaga Risiko KWAP, dibentuk sama ada untuk menghadkan pendedahan risiko dalam kelas aset dan kelas sub-aset tertentu atau untuk menghadkan pendedahan risiko bagi entiti tunggal atau pengeluar. Sebarang ketidakpatuhan had ini akan dilaporkan kepada pengurusan kanan.

Sebaliknya, semakan risiko merupakan faktor pencetus yang membolehkan pihak pengurusan kanan mengkaji semula dan menilai semula pendedahan risiko tersebut.

KWAP menggunakan Kredit Nilai-pada-Risiko (VaR Kredit), antara lain sebagai kaedah untuk mengukur risiko kredit. Ia adalah ukuran potensi perubahan maksimum nilai portfolio instrumen kewangan dengan kebarangkalian dan tempoh yang ditetapkan. Sistem kuantifikasi risiko kredit digunakan untuk memantau komposisi keseluruhan dan kualiti portfolio kredit dengan menyediakan maklumat dan teknik analisis yang mencukupi.

Ujian tekanan digunakan untuk melengkapai analisis VaR, sebagai alat pengurusan risiko untuk memahami profil risiko dengan lebih baik, menilai pelbagai risiko perniagaan dan dengan itu memberarkan langkah-langkah sewajarnya diambil. Ujian tekanan melibatkan pengenalpastian peristiwa yang mungkin atau perubahan masa hadapan dalam keadaan kewangan dan ekonomi yang mempunyai kesan tidak baik terhadap penglibatan KWAP; dan menilai keupayaan KWAP untuk bertahan daripada perubahan sedemikian. Pelbagai tindakan kemudiannya dikenal pasti untuk mengurus risiko dan mengelakkan modal.

Dalam usaha untuk meningkatkan keterlihatan dan menggalakkan pengurusan risiko portfolio bon yang lebih baik, pengawasan penarafan negatif dipantau dengan teliti untuk mengatasi potensi penurunan taraf dan/atau keingkaran bon.




Diagram memaparkan penglibatan pelaburan Pendapatan Tetap KWAP yang 49.5% daripadanya dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), Penerbitan Pelaburan Kerajaan (GII) dan Bon Kuasi Kerajaan, 25.0% dalam Hutang Domestik, 7.60% dalam Pinjaman dan 16.56% dalam Pasaran Mata Wang. Baki 1.30% dilaburkan dalam Hutang Antarabangsa.

PEMATUHAN

Fungsi pematuhan dalam organisasi kekal sebagai fungsi teras yang amat penting di KWAP. Kegagalan fungsi pematuhan dalam kes berprofil tinggi di Malaysia dan luar negara boleh memberi impak ketidakpatuhan terhadap kewangan dan juga reputasi. Pematuhan berfungsi sebagai satu fungsi bebas yang mengenal pasti, menilai, menasihati, memantau dan melaporkan isu-isu risiko pematuhan, iaitu, risiko tindakan undang-undang atau peraturan, kerugian kewangan, atau kehilangan reputasi akibat kegagalan mematuhi kesemua undang-undang, kawal selia, kod tatalaku dan piawaian atau amalan terbaik yang dapat digunakan.

Objektif utama pematuhan adalah untuk memelihara reputasi KWAP agar kedudukannya berdaya saing; reputasi dan nilai saham KWAP bukan sahaja dikekalkan, malah dipertingkatkan. Bagi mencapai objektif ini, misi yang mendasari KWAP adalah untuk mengukur dan mengurus risiko pematuhan organisasi bagi memenuhi kehendak semua pihak berkepentingan secara berkesan. Risiko pematuhan dalam KWAP ditakrif sebagai risiko penjejasan kepada model perniagaan organisasi, reputasi dan kedudukan kewangan yang timbul daripada keingkaran pematuhan undang-undang dan peraturan, dasar dalaman dan jangkaan pihak berkepentingan. Rangka Kerja Pematuhan dilaksanakan pada tahun 2010, menyediakan landasan kepada aspirasi ini bagi membentuk asas pembangunan fungsi pematuhan ini. Dalam melaksanakan pelancaran Rangka Kerja Pematuhan, KWAP telah menerima pakai Model Tiga Barisan Pertahanan bagi menguruskan risiko pematuhan di KWAP.

SKOP PEMATUHAN

◆ Pematuhan Kawal Selia


Ini meliputi peraturan-peraturan dan garis panduan luaran yang wajib dipatuhi oleh KWAP, termasuk Akta Parlimen yang berkaitan, dekri Menteri Kewangan dan garis panduan berkaitan oleh badan-badan kawal selia seperti Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia. Tanggungjawab pematuhan kawal selia terletak pada unit operasi yang berkaitan pada peringkat transaksi atau operasi yang mengenal pasti potensi pelanggaran pematuhan sebelum berlakunya insiden sedemikian. Pendekatan proaktif telah diguna pakai kerana ketidakpatuhan kepada pematuhan kawal selia bukanlah satu pilihan.

◆ Pematuhan Dalaman

Pematuhan dalaman meliputi pematuhan kepada dasar dan garis panduan dalaman, umpamanya Dasar dan Garis Panduan Pelaburan, Had Kuasa Budi Bicara dan Prosedur Operasi Standard. Pendekatan KWAP dalam memastikan pematuhan dalaman dikekalkan menerusi kawalan had risiko dalam sistem pelaburan manakala kawalan proses operasi diterapkan dalam Prosedur Operasi Standard.

PROSES PEMATUHAN

Aktiviti-aktiviti pematuhan saling berhubung rapat dengan perkembangan pematuhan pada peringkat global, keperluan undang-undang sedia ada serta dasar dan prosedur KWAP. Rajah berikut menunjukkan proses pematuhan dan pendekatan am yang diambil dalam pengurusan risiko pematuhan.



NILAI PEMATUHAN

Seiring dengan perubahan model perniagaan, teknologi baharu muncul dan kelas aset pelaburan baharu meningkat di samping tumpuan hebat terhadap kecekapan operasi. KWAP tidak pernah terdedah kepada risiko yang sebegini banyak. Sehubungan dengan itu, pihak Lembaga dan pengurusan kanan telah menyatakan sokongan dan kerjasama penuh bagi menjadikan pematuhan sebagai satu keutamaan. Pihak Lembaga dan pengurusan kanan melukukannya dengan menetapkan nada daripada peringkat atasan, dengan semata-mata mematuhi segala undang-undang dan peraturan-peraturan serta mengamalkan tingkah laku beretika. Kesemua tenaga kerja KWAP menyedari bahawa Lembaga dan Pengurusan Kanan tidak ada kompromi terhadap pelanggaran pematuhan ini.

Unit Pematuhan kian menjadi titik rujukan dan penasihat strategi utama bagi inisiatif yang diusahakan oleh KWAP. Budaya pematuhan juga diperluas kepada EFM kami. EFM kami dikehendaki dikehendaki untuk mengisyihar secara tahunan bahawa kesemua garis panduan pelaburan KWAP diterima pakai dalam sistem pelaburan mereka. Ini adalah untuk memastikan bahawa pengurus dana kami sentiasa mematuhi garis panduan yang dikenakan terhadap mereka.

DASAR TEMBOK PENGHALANG

KWAP telah melaksanakan Dasar Tembok Penghalang sejak tahun 2014. Dasar Tembok Penghalang KWAP diperkenalkan untuk mewujudkan prosedur mengawal aliran maklumat bukan umum yang material dan maklumat yang sensitif dalam KWAP untuk mengurangkan risiko perdagangan dalam dan potensi pelanggaran undang-undang dan peraturan. Ia juga membantu memastikan bahawa pemilikan maklumat bukan umum yang material dan maklumat yang sensitif tidak menimbulkan risiko atau risiko percanggahan tanggapan antara kepentingan awam, kepentingan KWAP dan kepentingan peribadi warga kerja.

SENARAI SEMAK PEMATUHAN KENDIRI AUTOMASI

KWAP juga telah melaksanakan sistem pematuhan kendiri automatik apabila kesemua proses pengesahan kini diautomasi menerusi satu sistem yang dikenali sebagai Pematuhan QRADAR. Latihan pengesahan ini ialah proses tanpa kertas dan meningkatkan kecekapan. Senarai semak pematuhan kendiri akan dilengkapkan oleh pegawai perhubungan pematuhan jabatan masing-masing dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan menerusi sistem ini. Latihan pengesahan dilaksanakan dua kali setahun bagi semua jabatan berkaitan dengan pelaburan dan setahun sekali bagi jabatan-jabatan lain termasuk Jabatan Perkhidmatan Pencen. Latihan ini juga diperluas untuk meliputi syarikat-syarikat subsidiari KWAP.

LATIHAN PEMERIKSAAN PEMATUHAN TIDAK BERKALA

KWAP telah memulakan inisiatif yang dikenali sebagai Pemeriksaan Pematuhan Tidak Berkala melibatkan latihan pemeriksaan mengejut berkala yang dijalankan terhadap semua jabatan di bawah KWAP. Tujuan latihan ini adalah untuk memastikan ketepatan senarai semak pematuhan kendiri yang telah diisyihar dan dikemukakan oleh jabatan masing-masing menerusi Pematuhan QRADAR. Latihan ini dijalankan menerusi pelaksanaan ujian sampel tentang keperluan tercatat dalam senarai semak pematuhan kendiri.

Pengurusan Risiko Operasi (ORM)

Risiko operasi ialah risiko kerugian akibat daripada kegagalan atau kekurangan proses dalaman, modal insan dan sistem atau kejadian risiko luaran. Ia termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, kerosakan fizikal, gangguan operasi, kegagalan transaksi, pelanggaran undang-undang dan peraturan, kesihatan pekerjaan dan bahaya keselamatan. Ia juga termasuk risiko reputasi berkaitan dengan operasi atau tatalaku perniagaan KWAP.

Bagi menampung operasi perniagaan masa kini yang rumit, KWAP menggunakan pelaporan Kejadian Risiko Operasi (ORE) untuk bertindak balas dan mengurus potensi kerugian dalam berikutnya kejadian risiko operasi dengan cara lebih berkesan.

Sekiranya dilaksanakan dengan berkesan, hasil positif ORE bukan sahaja memberi penambahbaikan tindak balas kepada kejadian risiko malah penambahbaikan kepada pengurusan risiko. Pada tahun 2020, tiada ORE dengan impak negatif dilaporkan terhadap operasi KWAP kerana majoriti ORE telah diperbetulkan tepat pada masanya. Laporan ORE kebanyakannya di bawah kategori insiden risiko seperti berikut:


- ◆ Amalan perniagaan
- ◆ Gangguan perniagaan dan kegagalan sistem
- ◆ Pengurusan pelaksanaan, penyampaian dan proses

Langkah-langkah proaktif telah dilaksanakan untuk menangani ORE yang dilaporkan termasuk:


- ◆ RMCD memudahkan perbincangan dengan pihak lain untuk mengurangkan risiko dan menghindari berulangnya kejadian seumpamanya
- ◆ RMCD dan barisan pertahanan pertama menjalankan analisis punca kejadian dan mengesahkan proses utama terhadap kejadian risiko untuk meningkatkan kawalan risiko dan memastikan peranan dan tanggungjawab yang ditakrif dengan jelas pelbagai pihak yang terlibat
- ◆ RMCD membentangkan ORE yang dilaporkan pada mesyuarat-mesyuarat EXCO, RC dan BIRC untuk memastikan semua isu ditangani dengan sewajarnya
- ◆ RMCD mengesan dan memantau ORE yang belum diselesaikan dengan pihak masing-masing untuk memastikan tindakan mitigasi ditetapkan untuk meminimumkan berulangnya kejadian tersebut

Rajah berikut memaparkan bilangan ORE sepanjang 2020:

◆ **Bilangan Kejadian Risiko Operasi Dilaporkan mengikut Tahap Impak bagi tahun 2020**



◆ **Bilangan Kejadian Risiko Operasi mengikut Kategori Risiko bagi tahun 2020**



Sumber: Rekod RMCD tahun 2020

PROGRAM PENGURUSAN RISIKO PENIPUAN

Program Pengurusan Risiko Penipuan yang dibangunkan oleh RMCD menunjukkan jangkaan Lembaga dan Pengurusan Kanan; dan komitmen mereka kepada integriti dan nilai etika pada tahap tinggi dalam mengurus risiko penipuan dan rasuah dengan berkesan.

Program Pengurusan Risiko Penipuan KWAP merangkumi dasar dan garis panduan, latihan dan kesedaran, dan penilaian risiko penipuan jabatan. Menurut Pejabat Integriti dan Tadbir Urus (IGO) pada tahun 2019, Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) diterapkan dalam rangka kerja pengurusan risiko. Sebagai hasil, RMCD dan IGO secara kolaboratif telah menjalankan penilaian risiko tematik untuk semua jabatan dan subsidiari KWAP.

Pada tahun 2020, bengkel penilaian risiko penipuan dan rasuah dijalankan ketika Bengkel Penilaian Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) yang dianjurkan oleh Pejabat Integriti dan Tadbir Urus (IGO) dan dibantu oleh konsultan dari Institut Integriti Malaysia (IIM). Kemudiannya, RMCD bersama-sama dengan IGO meneruskan usaha menyemai kesedaran berkenaan dengan risiko penipuan dan rasuah ketika pelbagai sesi cabaran dengan semua jabatan.

Melangkah ke hadapan, KWAP akan meneruskan usaha untuk:

- ◆ Mengukuhkan rangka kerja tadbir urus risiko penipuan di KWAP dengan mengkaji semula dasar dan garis panduan pengurusan risiko penipuan secara berkala.
- ◆ Menjalankan latihan dan kesedaran untuk menyemai budaya antipenipuan dan antirasuah yang kukuh dalam KWAP secara berterusan.
- ◆ Mengatasi kerentanan KWAP kepada risiko penipuan dan rasuah dalam dan luaran secara aktif menerusi penilaian risiko penipuan dan rasuah berkala bagi semua jabatan dan subsidiari.

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---------------------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM)

BCM sentiasa penting bagi KWAP dalam tindak balas kepada ancaman dalaman atau luaran organisasi. Pada tahun 2020, sejajar dengan perkembangan perniagaannya, KWAP melaksanakan beberapa latihan dan program BCM:

- ◆ Latihan BCM tidak langsung yang melibatkan sistem kritikal dan fungsi perniagaan dalam persekitaran tidak langsung.
- ◆ Latihan *Call Tree*.
- ◆ Mobilisasi kakitangan KWAP ke tapak alternatif untuk menjalankan fungsi pemulihan sistem dan perniagaan kritikal.
- ◆ Migrasi Pendokumen BCM iaitu Penilaian Risiko (RA), Analisis Impak Perniagaan (BIA) dan Pelan Kesinambungan Perniagaan (BCP) daripada proses manual kepada automasi sistem.
- ◆ Pelaksanaan pengaturan pasukan berasingan disebabkan oleh situasi COVID-19.

Objektif latihan dan program BCM adalah untuk:

- ◆ Simulasi senario sebenar pengaktifan BCM untuk kakitangan KWAP.
- ◆ Kesediaan semua jabatan terhadap Pelan Kesinambungan Perniagaan (BCP) dalam bertindak balas kepada sebarang pengaktifan BCM.
- ◆ Memastikan Analisis Impak Perniagaan (BIA) bagi setiap jabatan adalah relevan dan terkini.
- ◆ Memastikan strategi sistem pemulihan sejarah dengan operasi KWAP.
- ◆ Kesediaan semua sistem di tapak alternatif (Menara KWAP-Integra ke pejabat KWAP-Cyberjaya dan sebaliknya).
- ◆ Memastikan infrastruktur asas seperti perkakasan/perisian IT, peranti berfungsi dengan baik di tapak alternatif.
- ◆ Mengesahkan keupayaan sistem berdasarkan akses dan fungsi.
- ◆ Memastikan nombor telefon kakitangan adalah betul dan terkini.
- ◆ Mengukur keupayaan untuk meneruskan operasi perniagaan dalam tempoh masa yang ditetapkan berdasarkan keadaan kritikal fungsi perniagaan.

Latihan BCM dijalankan dengan jayanya sepanjang tahun 2020 yang bukan hanya menguji kesinambungan operasi KWAP mengharungi senario krisis tetapi juga berjaya mengenal pasti kelemahan dan ruang yang boleh diperbaiki melalui langkah sampingan dan strategi jangka panjang untuk mengatasinya.

PENYATA AUDIT DALAMAN	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
-----------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

GAMBARAN KESELURUHAN

Jabatan Audit Dalaman menyediakan perkhidmatan perunding secara bebas, dengan objektif yang terjamin untuk menambah nilai dan menambah baik operasi KWAP. Misi audit dalaman adalah untuk meningkatkan dan melindungi nilai organisasi dengan memberi jaminan objektif dan berdasarkan risiko, nasihat dan wawasan. Aktiviti audit dalaman membantu mencapai objektif dengan membawakaedah berdisiplin dan sistematik untuk menilai dan meningkatkan keberkesanannya tadbir urus, pengurusan risiko dan proses kawalan.

KEBEBAKSAN DAN OBJEKTIVITI

Ketua Audit Dalaman secara fungsi tugas melapor kepada Jawatankuasa Lembaga Audit dan pentadbirannya (iaitu operasi harian) kepada Ketua Pegawai Eksekutif. Aturan pelaporan semasa untuk Audit Dalaman membolehkan tanggungjawab aktiviti audit dalaman untuk dipenuhi dan tidak mengganggu tanggungjawab hakiki Ketua Audit Dalaman kepada Jawatankuasa Lembaga Audit.

Status bebas Audit Dalaman tidak dipertikai sepanjang tahun lepas. Tiada sekatan terhadap skop kerja, sumber dan akses Audit sepanjang tahun lepas. Ketua Audit Dalaman menyedari bahawa sekiranya sekatan besar terhadap skop aktiviti audit dalaman berlaku, ia akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Lembaga Audit.

SKOP KERJA

Skop aktiviti audit dalaman termasuk tetapi tidak terhad kepada pemeriksaan objektif ke atas bukti untuk memberi penilaian bebas kepada Jawatankuasa Lembaga Audit, pengurusan dan pihak luar tentang kelengkapan dan keberkesanannya tadbir urus, pengurusan risiko dan proses kawalan KWAP.

Skop kerja sekunder Jabatan Audit Dalaman melibatkan perkara berikut:

- Menjalankan penyiasatan khas; dan
- Menyertai sebagai pemerhati dalam jawatankuasa-jawatankuasa projek terpilih ditubuhkan untuk membangunkan atau melaksanakan sistem-sistem atau proses-proses baharu. Penyertaan sedemikian adalah terhad kepada memberikan nasihat tentang hal-hal kawalan dan tidak menghalang Audit Dalaman daripada

mengaudit sistem-sistem atau proses-proses. Audit Dalaman terus mengamalkan pendekatan perancangan audit berdasarkan risiko, mengutamakan aktiviti-aktiviti audit dalaman mengikut peringkat risiko audit.

Pada tahun 2020, sebanyak 11 laporan telah dibentang kepada Jawatankuasa Lembaga Audit. Status isu audit tertungggak dilaporkan kepada pihak pengurusan secara bulanan dan kepada Jawatankuasa Lembaga Audit secara suku tahunan. Jabatan Audit Dalaman terus memantau pelaksanaan pelan tindakan sebagaimana dipersetujui oleh pihak pengurusan.

SUMBER AUDIT DALAMAN DAN PEMBANGUNAN KECEKAPAN BERTERUSAN

Jawatankuasa Lembaga Audit mengkaji semula keperluan Jabatan Sumber Manusia untuk memastikan jabatan dilengkapi secukupnya dengan juruaudit dalaman yang cekap. Setakat 31 Disember 2020, terdapat 10 orang juruaudit dalaman. Juruaudit dalaman diberikan peluang pembangunan profesional dan pembelajaran dengan sejumlah 106 hari latihan disempurnakan pada tahun 2020 termasuk latihan kepimpinan dan kemahiran.

INISIATIF TAHUN 2020

Pencapaian ketara Audit Dalaman pada tahun 2020 termasuk penerbitan Garis Panduan Penyiasatan dan Garis Panduan Perkhidmatan Perunding. Garis panduan ini menyediakan proses audit secara terperinci untuk meningkatkan keberkesanannya kerja penyiasatan dan panduan jelas tentang penglibatan Audit Dalaman dalam projek-projek atau aktiviti-aktiviti berkaitan dengan perunding lain manakala mengekalkan kebebasan dan objektiviti masing-masing. Audit Dalaman juga mengenal pasti elemen yang wujud dalam lima sistem untuk memudahkan analisis audit dalam mengenal pasti data yang ada untuk dianalisis.

INTEGRITI DAN TADBIR URUS	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
----------------------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

INTEGRITI DAN TADBIR URUS PEJABAT

Integriti merupakan satu nilai teras KWAP, terus diamalkan melalui toleransi sifar kepada rasuah dan komitmen teguh terhadap mendukung ketelusan dan tadbir urus baik dalam perkhidmatan kami serta tatalaku perniagaan dan operasi. Komitmen ini dijelaskan melalui pelbagai inisiatif dan langkah integriti dan antirasuah yang diperaktikkan oleh KWAP pada tahun 2020.

WHISTLEBLOWING (PEMBERI MAKLUMAT)	Sebagai mekanisme penting dalam membanteras rasuah, <i>whistleblowing</i> (pemberian maklumat) di KWAP telah dipertingkat menerusi semakan Dasar Pemberi Maklumat dan pelancaran lima saluran <i>whistleblowing</i> yang membolehkan kakitangan dan orang awam untuk membuat laporan tentang salah laku, termasuk tindakan rasuah yang telah berlaku atau yang akan dilakukan terhadap KWAP. Maklumat tentang <i>whistleblowing</i> dan salurannya telah disampaikan secara dalaman dengan berterusan dan telah dikongsikan di dalam laman sesawang korporat.
ANTI-RASUAH DAN DASAR RASUAH	Pada tahun 2020, ahli Lembaga telah meluluskan Dasar Percanggahan Kepentingan bagi KWAP dan menyemak Dasar Tidak Menerima Hadiah dan Dasar Pemberi Maklumat sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk mengukuhkan tadbir urus dan kawalan dalaman KWAP. Beberapa dasar, prosedur dan garis panduan berkaitan lain juga disemak semula dan dirangkan.
PENGURUSAN RISIKO RASUAH DAN PELAN TINDAKAN	Latihan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dilaksanakan pada suku pertama tahun ini bagi KWAP untuk mengenal pasti potensi bidang risiko rasuah dalam perniagaan dan operasi. Selain digunakan untuk mewujudkan profil risiko penipuan/rasuah jabatan, hasil daripada CRM juga bertindak sebagai salah satu sumber maklumat bagi pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi KWAP 2021 – 2025 (KWAP OACP) yang bermula pada suku ketiga dan disempurnakan pada Disember 2020. KWAP OACP ialah pelan tindakan 5 tahun yang mempunyai 57 inisiatif untuk dilaksanakan bagi menangani risiko rasuah yang dikenal pasti oleh organisasi.
SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	KWAP telah memulakan penyediaan untuk mematuhi kehendak langkah-langkah antirasuah piawaian global di bawah ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Antisuapan (ABMS). Pakar dalam ABMS diambil untuk membimbing KWAP dalam meletakkan pelbagai langkah yang perlu seperti piawaian sistem tersebut termasuk menyemak dan menderaf dasar, prosedur, garis panduan antisuapan dan rasuah berkaitan dan sebagainya. Penilaian dijalankan pada akhir sesi libat urus bagi menunjukkan kebersediaan KWAP untuk pensijilan ABMS.
IKRAR INTEGRITI KORPORAT	Sempena dengan Hari Antirasuah Antarabangsa 2020, acara yang diadakan pada 10 Disember 2020 bagi menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) yang disaksikan oleh Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Datuk Seri Azam bin Bakri. CIP ialah satu inisiatif yang memerlukan organisasi di Malaysia untuk mematuhi dan mendukung prinsip-prinsip antirasuah yang diwujudkan bagi memastikan persekitaran perniagaan tanpa rasuah. Oleh itu, KWAP komited untuk memastikan bahawa semua inisiatif CIP yang diperlukan akan dilaksanakan dalam tempoh dua tahun program tersebut.
KESEDARAN TENTANG INTEGRITI DAN TADBIR URUS	Pendirian dan inisiatif antirasuah KWAP disampaikan melalui pelbagai platform dan aktiviti untuk meningkatkan kesedaran tentang impak buruk rasuah dan menyemai budaya integriti dalam kalangan kakitangan. Pada tahun 2020, maklumat tersebut disampaikan secara konsisten menerusi mesej pengurusan atasan, e-buletin integriti bulanan, ceramah integriti dan antirasuah, sambutan hari integriti/antirasuah pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa, dan pemberitahuan tentang dasar-dasar antisuapan dan rasuah baharu KWAP. Maklumat serupa bagi penggunaan awam turut disiarkan di laman sesawang, media sosial dan penerbitan korporat KWAP.

Selama sedekad, KWAP telah mahir dalam menjana hasil yang memberangsangkan, seimbang dengan mengekalkan fiskal berhemat bagi memastikan pulangan optimum dalam jangka masa panjang.

ULASAN EKONOMI DAN STRATEGI

83 Ulasan Ekonomi dan Strategi

89 Prestasi Kami

90 Pelaburan Kami

91 Kelas Aset

- Ekuiti
- Pendapatan Tetap
- Ekuiti Persendirian
- Pelaburan Hartanah

115 Syarikat-syarikat Subsidiari

- KWEST Sdn Bhd
- Prima Ekuiti (UK) Limited

05

ULASAN EKONOMI DAN STRATEGI	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
-----------------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

Tahun 2020 mencatatkan prestasi ekonomi antara terburuk di dalam sejarah akibat pandemik COVID-19. Oleh yang demikian, tindak balas fiskal terhadap pandemik adalah lebih besar daripada yang dijangkakan disebabkan oleh kerajaan dari seluruh pelusuk dunia telah mengambil tindakan pantas dalam mengimbangi kemerosotan prestasi perniagaan dan pendapatan pekerja yang terjejas akibat sekatan pergerakan yang dilaksanakan. Penularan virus ini juga memberikan tekanan yang hebat kepada pasaran kewangan dan keperluan campur tangan bank pusat untuk menyokong harga aset.

Seperti kebanyakan negara lain, Amerika Syarikat juga berhadapan dengan tahun yang cukup mencabar di mana ekonominya terkesan oleh wabak ini dan industri seperti penerbangan, restoran dan tempat hiburan berhadapan dengan sekatan pergerakan yang berpanjangan. Memandangkan industri-industri ini menyumbang kepada kadar pekerjaan yang tinggi, sekatan pergerakan yang dilaksanakan semakin menjelaskan perbelanjaan pengguna yang merupakan kira-kira dua per tiga daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Amerika Syarikat. Selain itu, pilihan raya yang menentukan Presiden Amerika Syarikat menambahkan lagi ketidakpastian yang dihadapi daripada ekonomi yang kian merosot. Walau bagaimanapun, tindak balas agresif terhadap dasar yang dilaksanakan oleh Rizab Persekutuan berjaya menstabilkan pasaran seperti langkah yang sama diambil pada tahun 2009.

Selain Amerika Syarikat, sekatan pergerakan pada peringkat serantau bertujuan untuk membendung pandemik daripada sebaran jangkitan menyebabkan penurunan yang mendadak dalam aktiviti ekonomi di Eropah. Ekonomi Eropah juga memerlukan sokongan fiskal dan kewangan bagi menampung permintaan domestik serta melindungi pekerjaan. Walau bagaimanapun, gelombang jangkitan COVID-19 yang belum lagi reda telah memberi kesan pemulihan yang tidak sekata di seluruh rantau, merumitkan lagi pertumbuhan yang stabil. Sementara itu, tindakan United Kingdom (UK) untuk tidak bersekutu dengan Kesatuan Eropah dan pelbagai usahanya untuk meluaskan perdagangan dengan seluruh dunia berhadapan dengan cabaran tambahan memandangkan kemelesetan ekonomi telah melanda seluruh dunia.

Menjadi antara negara yang memulakan sekatan pergerakan ke atas rakyatnya, China adalah negara pertama untuk keluar daripada kemelesetan dan kembali aktif di dalam pengeluaran industri dan eksport. Tidak seperti krisis global pada tahun 2008, para penggubal dasar lebih konservatif tentang penggunaan instrumen kewangan dan fiskal disebabkan oleh fokus utama untuk kestabilan kewangan semasa yang menjurus kepada pertumbuhan jangka panjang daripada pertumbuhan jangka pendek. Secara ringkasnya, China

bangkit lebih kukuh dari pandemik jika dibandingkan dengan pesaing ekonomi lain yang lebih besar dari segi kedudukan fiskal disebabkan oleh tindak balas dasar kawalannya. Ekonomi negara-negara jiran lain yang merupakan pemberi pelbagai sumber atau bahan dalam rantai bekalan serantau, menghadapi permintaan global yang berkurangan dan buat pertama kalinya sejak 2008 terpaksa mengabaikan keutuhan fiskal.

Malaysia tidak terlepas daripada impak negatif ekonomi berikutan pandemik; dan penurunan 5.6% KDNK pada tahun 2020 adalah prestasi terburuk negara sejak Krisis Kewangan Asia. Ini digambarkan oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam usaha untuk membendung penularan virus ini. Seperti negara lain, Malaysia mengerahkan instrumen fiskal untuk mengekalkan ekonomi termasuk beberapa pakej rangsangan yang terdiri daripada langkah-langkah untuk menjamin kehidupan rakyat dan melindungi pasaran buruh serta menyokong perniagaan. Sementara itu, Bank Negara Malaysia (BNM) menurunkan kadar dasar semalam dengan 125 mata asas kumulatif pada tahun 2020 daripada 3.00% kepada 1.75%, di samping mengurangkan nisbah keperluan rizab berkanun (SRR) sebanyak 100 mata asas kepada 2.00% dan menyediakan fleksibiliti bagi institusi kewangan untuk menggunakan pegangan MGS dan GII agar dapat memenuhi kriteria SRR.

Walau bagaimanapun, kerajaan kekal komited dalam memastikan pengukuhan fiskal berdasarkan Rangka Kerja Fiskal Separuh Penggal. Sementara itu, pemulihan beransur-ansur harga komoditi dijangka akan menyumbang kepada hasil fiskal dalam masa yang sama memberi sokongan kepada mata wang.

Sewaktu pemberian vaksin sedang dijalankan, inisiatif ini dilihat berupaya merangsang pertumbuhan ekonomi seiring dengan pemulihan dalam permintaan perdagangan luaran dan domestik. Oleh yang demikian, kami yakin bahawa usaha berterusan untuk membendung pandemik dan pembukaan semula ekonomi secara beransur-ansur, dan dalam masa yang sama sentiasa menyedari risiko jangkitan, akan terus memberikan sokongan terhadap pemulihan ekonomi.

ULASAN EKONOMI DAN STRATEGI	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
-----------------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

ULASAN DAN TINJAUAN PASARAN

ULASAN PASARAN EKUITI TAHUN 2020

Ulasan Pasaran Ekuiti

Tahun 2020 merupakan tahun yang selamanya akan diingati dalam lipatan sejarah. Tahun ini berakhir sama seperti ianya bermula, dengan prestasi pasaran saham meningkat pada tahap yang paling tinggi. Ini bukanlah sesuatu yang mengejutkan jika bukan kerana dunia sedang mengalami pandemik global yang paling teruk di dalam satu abad di mana ianya telah melumpuhkan ekonomi seluruh dunia. Bagi mengatas jangkitan COVID-19 dan mengurangkan risiko infrastruktur kesihatan awam terlampaui terbeban, negara-negara di seluruh dunia mengenakan pelbagai langkah sekatan pergerakan dengan hanya sektor-sektor perlu sahaja dibenarkan beroperasi. Dianggarkan bahawa pada satu-satu masa, setengah daripada penduduk dunia telah dikenakan perintah untuk duduk di rumah oleh kerajaan masing-masing. Hasilnya, pelbagai organisasi antarabangsa menurunkan unjuran pertumbuhan ekonomi global bagi tahun 2020 dengan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) yang menjangkakan ekonomi global untuk menguncup sebanyak 3.0% pada tahun 2020 berbanding dengan perkembangan sebanyak 3.3% seperti yang diramalkan pada Januari 2020.


Berikutnya penjualan pada bulan Mac yang berada pada peringkat rendah, ekuiti am global diwakili oleh Indeks MSCI World telah menurun sebanyak 33.9% daripada peringkat tinggi terdahulu, dengan para pelabur beralih ke aset-aset di tempat yang selamat sehingga menjelaskan ekuiti-ekuiti berisiko. Komoditi juga tidak terlepas daripada kesan sampingan, dengan harga pasaran minyak mencecah nilai yang paling rendah sejak tahun 2001 berlatarkan perang harga antara Rusia dan Arab Saudi membuatkan permintaan global yang rendah menjadi bertambah buruk disebabkan oleh aktiviti ekonomi yang terhenti.

Walau bagaimanapun, pergerakan ke bawah tidak kekal kerana pasaran kewangan mula pulih dengan cepat meskipun berada di dalam keadaan panik. Pasaran-pasaran di seluruh dunia disokong oleh pelbagai tindakan tegas daripada kerajaan-kerajaan dan bank-bank pusat yang merangsang ekonomi masing-masing menerusi sokongan dasar fiskal dan kewangan yang belum pernah berlaku sebelum ini. Menurut IMF, pelbagai pihak berkuasa berikrar untuk berbelanja kira-kira USD19.5 trilion sejak krisis koronavirus meletus, pada dasarnya untuk menggalakkan ekonomi dunia sehingga pemulihan berlaku.

Pandemik dan sekatan pergerakan yang dilaksanakan juga memberi kesan dari segi cara masyarakat bertindak. Sesetengah arah aliran yang sudah mula mendapat perhatian seperti digitalisasi semakin berkembang dengan pesat manakala tingkah laku baharu dan sukar untuk dijangka berlanjutan selepas pandemik muncul termasuk peningkatan kesedaran tentang kepentingan kebersihan diri.

Benefisiari utama norma baharu ini termasuk sektor-sektor seperti teknologi, perkhidmatan teknologi dan syarikat-syarikat berkaitan dengan kesihatan. Sektor-sektor seperti tenaga, bank dan permintaan budi bicara pengguna telah merekodkan prestasi yang kurang daripada jangkaan sepanjang tahun 2020. Pada hujung tahun, prestasi pasaran ekuiti didorong oleh hebatnya berita positif berkenaan dengan vaksin sewaktu sentimen optimistik tentang penemuan vaksin yang berkesan menjelang akhir tahun kian meningkat. Antara vaksin-vaksin pertama yang diberi kebenaran untuk digunakan ialah Pfizer BioNTech yang menunjukkan keberkesanannya lebih daripada 90% dalam menghindari COVID-19. Hasilnya, ekuiti-ekuiti global mengakhiri tahun dengan nada positif sewaktu para pelabur melihat ke arah pemulihan ekonomi dan kembali kepada keadaan sediakala dengan bermulanya pemberian vaksin-vaksin ini.

Prestasi Indeks Ekuiti Global pada tahun 2020



Paparan 1: Prestasi Indeks Ekuiti Global pada tahun 2020

Prestasi Penyelidikan 2020

Meskipun persekitaran ekonomi dan perniagaan adalah tidak menentu pada tahun 2020, kami berjaya mengakhiri tahun dengan nada yang positif bersama-sama dengan pelbagai portfolio yang kebanyakannya mengatasi penanda aras. Pada awal tahun, kami menjangkakan pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlakuan bagi tahun 2020 sewaktu kami memfokuskan kepada potensi kelembapan dalam perdagangan global disebabkan oleh kemungkinan ketegangan antara Amerika Syarikat dan China akan bertambah buruk. Kami juga berwaspada dengan memuncaknya tahap risiko geopolitik antara United Kingdom dan Kesatuan Eropah dalam keadaan perundingan Brexit di samping risiko kejatuhan yang timbul daripada Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat 2020 atas pasaran kewangan global. Dari segi domestik, kami berhati-hati terhadap kemerosotan pasaran yang wujud daripada ketidakpastian yang menyelubungi lanskap politik.

Sementara itu, COVID-19, yang mendominasi dunia pada tahun 2020 merupakan peristiwa yang dipantau para pelabur semasa virus tersebut pertama kali muncul di Wuhan pada akhir Disember 2019. Disebabkan oleh ketidaktentuan yang dihadapi oleh pasaran pada waktu itu, kami mengutamakan pelaburan defensif, mengesyorkan pelaburan dalam korporat dengan pembayaran dividen tinggi yang mempunyai kedudukan tunai kukuh dan bersih dalam memastikan kemampunan dividen. Syarikat-syarikat dengan kedudukan tunai bersih juga menawarkan faedah tambahan yang mempunyai fleksibiliti untuk mengharungi sebarang ketidakpastian dalam perniagaan atau persekitaran operasi mereka. Kami juga menasihati syarikat-syarikat yang kurang bergantung kepada eksport, untuk melindung nilai daripada sebarang potensi kelembapan dalam perdagangan global dan mencadangkan pelaburan-pelaburan dalam Pasaran Membangun berbanding dengan Pasaran Baharu Muncul, yang kami percaya lebih berdaya tahan dalam tempoh ketidakpastian.

Sewaktu virus mula merebak ke seluruh dunia, rantai bekalan global dan keadaan perniagaan tergugat sewaktu kerajaan seluruh dunia mengenakan sekatan pergerakan secara global. Peluang-peluang pelaburan dikenal pasti dengan cepat dan beneficiari-beneficiari pandemik seperti penjagaan kesihatan, teknologi dan bahan ruji pengguna menjadi pilihan utama manakala sektor-sektor terjejas seperti nama-nama saham perindustrian, pelancongan, percutian dan peruncitan dielakkan oleh pelabur. Kami mengutamakan nama-nama saham defensif pada awal tahun yang terbukti berpandangan jauh disebabkan syarikat-syarikat dengan model-model perniagaan berdaya tahan dan kedudukan kewangan kukuh adalah lebih baik dan mampan dalam persekitaran tidak menentu. Beralih ke separuh tahun kedua, tumpuan kami adalah kepada jangkaan pemulihan persekitaran untuk keadaan kembali seperti biasa di mana data ekonomi beransur pulih daripada penurunan pada suku tahun kedua. Perbelanjaan pengguna dan aktiviti perniagaan dijangka kembali kepada pasca sekatan pergerakan walaupun masih pada paras pra-pandemik. Kami turut menjangka pakej-pakej fiskal untuk memfokus kepada perbelanjaan yang dapat memulakan semula ekonomi berbanding dengan langkah-langkah perlindungan sosial yang dilaksanakan pada suku kedua. Kecairan tinggi dalam pasaran-pasaran ekonomi dan kewangan dijangka kekal menyokong aset-aset kewangan. Manfaatkan tema-tema yang dijangkakan ini pada separuh tahun kedua, kami mencadangkan pelaburan-pelaburan dalam nama-nama pilihan utama mengikut budi bicara pengguna yang mendapat manfaat daripada perbelanjaan yang memberangsangkan, pembinaan dan perindustrian daripada perbelanjaan infrastruktur serta nama-nama saham permodalan besar dan berkualiti yang mendapat manfaat daripada kecairan tinggi dalam pasaran-pasaran kewangan.

Secara keseluruhannya, pegangan kami ditafsirkan sebagai prestasi-prestasi portfolio model teguh dengan hampir kesemuanya mengakhiri tahun dengan lebih baik daripada penanda aras masing-masing. Prestasi-prestasi bagi setiap portfolio model kami ditunjukkan di dalam paparan berikut:

Model Portfolio	Penanda Aras	Pulangan Portfolio (%)	Pulangan Penanda Aras (%)	Pulangan Lebihan (%)
Malaysia	KLCI	7.4	4.8	2.6
Asia Pasifik	MXAP	14.4	15.2	-0.8
AS	MXUS	27.0	17.0	10.0
UK	FTSE100	5.2	-13.4	18.5
EU	MXEU	2.6	-3.5	6.1

Sesetengah pegangan antarabangsa terbaik kami bagi tahun ini ialah nama-nama saham seperti Adyen, Midea Group, Sany Heavy Industry, Shin Etsu Chemical dan Ocado Group yang mencapai keuntungan antara 62.3% dan 114.6% dalam portfolio kami. Sementara itu, pegangan domestik terbaik kami adalah terhadap nama-nama saham seperti Telekom Malaysia, Petronas Chemicals dan Inari Amertron yang mencatat keuntungan antara 33.3% dan 46.8%.

Meskipun berdepan dengan keadaan yang mencabar, prestasi KWAP bagi tahun 2020 disokong oleh tahap keterlibatan dengan syarikat-syarikat penerima pelaburan dan potensi penerima pelaburan sewaktu penyesuaian diri dengan norma-norma baharu seperti pelbagai mesyuarat, taklimat dan persidangan secara maya. Secara keseluruhannya, kami menghadiri 1,556 mesyuarat dan taklimat syarikat, dan 106 Mesyuarat Agung Tahunan/Mesyuarat Agung Luar Biasa bagi tahun ini sebagai sebahagian daripada komitmen kami untuk menyediakan pulangan mampan kepada pihak berkepentingan kami.

Pasaran Ekuiti pada tahun 2021

Tahun 2021 dijangka merupakan tahun mengenai vaksin dan pemulihan global. Fasa kembali normal yang berpanjangan dan berkekalan adalah berdasarkan pengenalan vaksin yang memberi imuniti kepada seluruh penduduk terhadap virus. Pada masa ini, terdapat beberapa vaksin berkesan yang telah dibenarkan kegunaannya. Banyak negara telah melaksanakan pelan-pelan fasa pengagihan yang mengutamakan mereka yang berisiko tinggi dan yang mempunyai komplikasi seperti warga tua, dan mereka yang berisiko tinggi kepada pendedahan dan jangkitan, seperti mereka yang bertugas di barisan hadapan. Liputan mengenai jangkaan untuk keadaan kembali seperti biasa mendapat sambutan baik oleh pelbagai pasaran segmen-segmen saham berdasarkan kitaran dan budi bicara pengguna yang menanggung kerugian ekoran daripada pandemik. Walaupun begitu, pendekatan berhati-hati kepada pemilihan saham disokong memandangkan kadar pemulihan berbeza-beza mengikut pelbagai rantaui dan negara disebabkan oleh separuh daripada dos vaksin telah dibeli oleh negara-negara berpendapatan tinggi.

Perbelanjaan fiskal yang besar dan dasar kewangan yang longgar mendorong kepada bayangan inflasi yang lebih tinggi. Sewaktu pemulihan ekonomi global bertambah pesat dan harga komoditi terus melonjak, kemungkinan inflasi meningkat akan menyebabkan bank-bank pusat kembali menyuntik kecairanannya. Hal ini mungkin

ULASAN EKONOMI DAN STRATEGI	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
-----------------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

ULASAN DAN TINJAUAN PASARAN

berpotensi menjadi daya kuasa bagi pasaran kewangan disebabkan kepercayaan bahawa kedua-dua kadar faedah dan inflasi akan kekal rendah lebih lama di mana keghairahan para pelabur mendorong penggalakan peningkatan pasaran. Walau bagaimanapun, kami menjangka gelombang kecairan yang diberikan oleh bank-bank pusat global akan berterusan pada masa akan datang, dan ini berupaya untuk menyokong pasaran kewangan walaupun kesannya terhadap ekonomi yang meluas kekal tidak pasti.

Dari sudut bursa tempatan, kami percaya kemeruapan yang timbul daripada ketidakpastian politik akan berterusan. Dalam jangka masa sederhana, sewaktu cabaran pandemik dikawal menerusi program vaksinasi, hal ini menyebabkan semakin besar kemungkinan berlakunya pilihanraya umum dan ini menjadi sumber ketidakpastian pasaran. Berlatar belakangkan ini, kami memilih untuk memfokus kepada asas kukuh dan pelaburan berpendapat bahawa peningkatan kemeruapan mungkin membuka peluang untuk membeli saham-saham yang baik dengan aliran pertumbuhan berstruktur bagi prestasi mengatasi jangkaan buat jangka masa panjang. Pilihan utama pelaburan kami ialah syarikat-syarikat dengan model perniagaan berdaya saing, kedudukan kewangan yang kukuh, amalan-amalan tadbir urus korporat yang baik dan pasukan pengurusan yang aktif. Syarikat-syarikat dengan hasil dividen mampan juga menjadi pilihan utama bagi pulungan jangka masa panjang. Manakala dalam keadaan pasaran kekal bersedia untuk dagangan jangka masa pendek, kami mencadangkan untuk strategi pelaburan yang mempunyai sudut taktikal dan fokus kepada arah masa jangka panjang. Secara keseluruhannya, sebahagian peluang-peluang kemampuan masih wujud untuk para pelabur dan pemilihan saham kekal menjadi elemen penting.


ULASAN PASARAN BON 2020

Ulasan Pasaran Bon Korporat Domestik

Hasil bon global terus menurun pada tahun 2020 sewaktu pasaran kekal teguh dalam mod berisiko dengan bank-bank pusat di seluruh dunia mengambil tindakan proaktif untuk memastikan kestabilan kewangan serta mengurangkan kesan pandemik COVID-19 terhadap ekonomi global.

Pandemik COVID-19 menimbulkan cabaran yang tidak pernah dialami sebelum ini merentasi semua sektor pada peringkat global dan terus melumpuhkan aktiviti-aktiviti ekonomi semasa melangkah ke tahun 2021. Di Malaysia, Bank Negara Malaysia (BNM) memulakan pusingan pemotongan kadar agresif pada tahun 2020 berbanding dengan tahun 2019. BNM memotong kadar dasar semalam (OPR) sebanyak 125 mata asas pada tahun 2020 kepada 1.75% yang meletakkan OPR pada tahap paling rendah sejak rangka kerja kadar faedah diwujudkan. Tahap ini adalah lebih rendah daripada OPR sebanyak 2.00% pada tahun 2009 ketika Krisis Kewangan Global, berlandaskan risiko kerugian terhadap tinjauan global berserta dengan aktiviti ekonomi di Malaysia menguncup dengan teruk disebabkan oleh langkah-langkah yang diambil bagi membendung pandemik.

Dengan pusingan pemotongan kadar faedah berada pada penghujung, terdapat tekanan menaik terhadap hasil MGS dan bon korporat pada tahun 2021 di tengah pertumbuhan dan inflasi global yang optimistik.



Sumber : Bond Pricing Agency Malaysia (BPAM), Laman Sesawang Rasmi Bank Negara Malaysia

Di Malaysia, pulungan bon dan sukuk terus mengatasi prestasi saham, dengan Indeks Bon Refinitiv (RF) Bond Pricing Agency Malaysia (BPAM) mencatatkan pulungan sebanyak 6.86% pada tahun 2020. Indeks Bon TR BPAM Kuasi-Kerajaan mencatat prestasi teratas pada 10.25%, dengan Indeks Bon TR BPAM Corporate AAA ditutup dengan pulungan sebanyak 9.16%. Indeks Bon Tidak Berkadar 7 Tahun Ringgit BPAM dan Indeks Bon Tidak Berkadar 7 Tahun Korporat BPAM adalah antara indeks bon berprestasi tinggi pada 10.91% disebabkan hasil keluk panjang mengatasi prestasi keluk pendek di antara penurunan kadar faedah. Pelabur asing merupakan pembeli bon kerajaan dan bon korporat (MGS + GII), dengan jumlah aliran masuk sebanyak RM17.1 bilion setakat penghujung Disember 2020 (penghujung Disember 2019: RM22.9 bilion), dengan jumlah sekuriti hutang dipegang oleh pelabur asing setakat penghujung Disember 2020 berjumlah 14.1% (penghujung Disember 2019: 14.0%). Sentimen risiko luaran yang menggalakkan, pemberian vaksin yang memberi semangat optimistik dan hasil lumayan bon berdenominasi Ringgit berbanding pelbagai pasaran maju menyokong aliran asing bagi pasaran tempatan.

Penerbitan kasar bon korporat Malaysia bagi tahun 2020 berjumlah RM104.6 bilion, menandakan penerbitan kasar melebihi paras RM100 dalam empat tahun berturut-turut. Penerbitan kasar sebenar adalah melebihi jangkaan awal antara RM90 bilion dan RM100 bilion memandangkan terdapat penerbitan yang banyak disumbang oleh entiti kuasi-kerajaan yang menyumbang bahagian terbesar (41%) jumlah penerbitan kasar pada 2020, diikuti oleh penerbit dalam lingkungan penerbit berkadar AA (26%) dan penerbit tidak berkadar (15%).


Kedudukan Kredit Domestik

Walaupun tahun ini tahun yang mencabar, pasaran kredit kekal sihat dan berdaya saing dengan kebanyakan syarikat-syarikat korporat memasuki pandemik dengan kedudukan kewangan kukuh yang membolehkan mereka bertahan daripada rintangan pandemik. Permintaan sihat bagi bon korporat terutamanya para pelabur domestik sebahagiannya dipacu oleh para pelabur mengagihkan semula kepada aset lebih selamat dan mengelakkan aset berisiko seperti ekuiti dalam ketidakpastian tinjauan ekonomi global. Selain itu, para pelabur telah meningkatkan pendedahan kredit untuk memaksimumkan hasil portfolio berbanding pulangan bon rendah dalam jangka masa pendek menyumbang kepada cabaran bagi menjana pendapatan. Bagi menyediakan KWAP dengan peluang-peluang pelaburan optimum meluas, empat penerbit bon telah menyertai Domestic Bond Universe KWAP pada tahun 2020, menjadikan jumlah penerbit bon dalam Domestic Bond Universe KWAP sejumlah 16 di antara tahun 2019 dan tahun 2020.

Terdapat satu kegagalan bayaran pada tahun 2020 yang menjadikannya sebagai kegagalan pertama dalam pasaran sejak tahun 2017. Penerbit ingkar tersebut merupakan syarikat minyak dan gas yang berusaha untuk pulih semula daripada penurunan harga minyak mentah dan mencatatkan kerugian berterusan yang menghasilkan keingkaran tersebut. Oleh itu, kami berpendapat bahawa kegagalan ini kebanyakannya disebabkan oleh faktor-faktor khusus penerbit dengan impak yang lesu secara relatifnya dalam pasaran memandangkan bilangan penerbit minyak dan gas amat rendah dalam pasaran bon (mewakili kira-kira kurang daripada 5% daripada jumlah bon yang belum dijelaskan).

Walaupun tahap risiko kekal menggalakkan, pandemik berupaya mengenalpasti beberapa kelemahan disebabkan migrasi kredit negatif mengatasi migrasi kredit positif pada tahun 2020, diwakili oleh bilangan besar penerbit di bawah tinjauan negatif yang kembali ke tinjauan stabil daripada tinjauan positif oleh agensi penarafan luaran. Terdapat 16 penerbit yang diletakkan di bawah tinjauan negatif setakat penghujung Disember 2020 dengan 13 daripada 16 penerbit terjejas secara langsung dan tidak langsung oleh pandemik.


Magnitud impak yang disebabkan oleh pandemik adalah tidak sekata merentasi semua sektor, dengan impak sepenuhnya kepada sesetengah sektor masih tidak jelas. Ini memberikan pelbagai risiko dan peluang bagi para pelabur untuk mencari nilai dengan mengimbangi kualiti dan kecairan.



Sumber : Penilaian RAM MARC

Seiring dengan peningkatan para penerbit yang diletakkan di bawah tinjauan negatif tersebar meluas dengan sebahagian besarnya dari bulan Februari ketika bermula kemuncak pandemik tetapi diperketat secara beransur-ansur pada bulan Ogos dengan penerbit bertaraf lebih tinggi (penarafan AA dan ke atas) mengakhiri tahun dengan peringkat pra-pandemik.

Risiko kredit bagi para penerbit bertaraf lebih tinggi terbukti berdaya tahan ketika pandemik, berpotensi mengubah para pelabur mencari nilai penerbit-penerbit bertaraf A atau rendah dengan syarat pendekatan yang bijak diambil kira



Sumber: BPAM, KWAP

ULASAN EKONOMI DAN STRATEGI	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
-----------------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--	---------------------

ULASAN DAN TINJAUAN PASARAN

Pasaran Kredit Domestik pada tahun 2021

Pasaran kredit domestik dijangka kekal teguh dan stabil pada tahun 2021 berlandaskan peringkatan yang menjangkakan pertumbuhan global dan kekuahan asas syarikat, dengan bank pusat turut dijangkakan tetap memberi sokongan walaupun dengan cabaran hasil peningkatan inflasi. Sewartu negara melipat gandakan pelbagai usaha vaksinasi yang memberikan isyarat tinjauan positif kepada ekonomi meluas secara menyeluruh, kami menjangkakan hasil negara akan kembali normal ke arah parasya pra-pandemik. Hal ini baik untuk bon korporat atau pasaran kredit keseluruhannya memandangkan para pelabur terus mencari pendapatan dan penilaian menarik terutamanya dalam konteks pasaran-pasaran pendapatan tetap tradisional yang tidak lagi memberikan pendapatan mencukupi kepada para pelabur serta perlindungan yang memadai daripada ancaman peningkatan inflasi. Dari segi tebaran kredit, kami berpandangan bahawa terdapat banyak ruang untuk memperkuuhkan sebaran terhadap pemulihan ekonomi terutamanya bagi penerbit bertaraf A disebabkan oleh tebaran kredit kekal melebihi parasya semasa prapandemik.

Pandemik telah mendorong kepada peralihan struktur merentasi kebanyakan industri, dengan syarikat-syarikat korporat yang lambat menyesuaikan diri dengan "kebiasaan baharu" yang menyebabkan ia ketinggalan dalam kalangan perniagaan setara atau gagal bagi tempoh masa panjang. Kami berpandangan

bahawa persekitaran dinamik dan pemulihan tidak ketara merentasi sektor menawarkan peluang pelaburan yang terdesak apabila digabungkan dengan proses pemilihan keselamatan yang teliti. Ini menunjukkan kepentingan mempunyai mekanisme penyaringan pelaburan yang baik di mana secara dalamannya saringan mekanisme pelaburan kami yang ketat menyebabkan hanya tiga penerbit bon yang berjaya melepas kriteria penyaringan pada tahun 2020 daripada jumlah 18 penerbit bon. Kami sentiasa menyemak mekanisme penapisan pelaburan untuk menambah baik dan mengenal pasti sebarang kelemahan yang berpotensi, dengan objektif untuk melindungi pelaburan KWAP.

Dalam masa yang sama, kami mengambil kira kemungkinan tekanan negatif yang lebih banyak terhadap migrasi kredit bagi para penerbit dalam sektor automotif, penerbangan, perbankan dan harta tanah. Kami melihat potensi pulangan yang baik dalam beberapa penerbit bon korporat di dalam pemulihan pertumbuhan dengan menekankan pendekatan jangka masa panjang sementara menjadi taktikal untuk mengeksplot sebarang kecairan dalam sebaran atau kadar faedah. Kami ingin mengetengahkan bahawa sektor-sektor ini juga terkesan oleh pandemik dan terdedah kepada pertumbuhan sekiranya pemberian vaksin berjalan lancar walaupun para pelabur perlu membezakan antara nilai sebenar dan perangkap nilai secara berhati-hati.

Kami memerhatikan bahawa pandemik telah menerapkan teknologi dengan ketara dan "menyelaras semula" kos operasi dalam kebanyakan syarikat korporat. Kami melihat beberapa bank telah menunjukkan penambahbaikan yang ketara di dalam nisbah kos kepada pendapatan dan syarikat-syarikat korporat yang dapat mengurangkan perbelanjaan operasi manakala masih mengekalkan hasil dapan yang memuaskan. Meskipun wujud elemen negatif semasa pandemik, kami berpandangan bahawa pandemik membuka peluang bagi pemilik perniagaan dan pasukan pengurusan untuk menjadi lebih fleksibel dengan model perniagaan atau asas kos, menilai semula perbelanjaan modal dan merangka semula strategi ke arah perniagaan yang lebih mampan pasca pandemik. Ini penting di dalam kajian penerbit di bawah prinsip-prinsip ESG yang akan menerajui pelbagai strategi pelaburan oleh kebanyakan pelabur dalam dekad yang akan datang.

PRESTASI KAMI	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
----------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--	---------------------

PENGENALAN

Dalam tahun fiskal 2020, pelbagai usaha pelaburan KWAP tertumpu untuk mengekalkan Dana yang berdaya tahan dan memelihara nilai, berlatar belakangkan krisis ekonomi sewaktu pandemik COVID-19, terbukti berkesan apabila Dana mencatatkan jumlah pendapatan direalisasi sebanyak RM6.81 bilion dan kadar pulangan dalam pelaburan awam berdasarkan kadar pulangan berwajaran masa (TWRR) yang kukuh sebanyak 6.04%. Walaupun ini merekodkan prestasi tahunan yang kukuh, fokus kami adalah terhadap terjurus kepada kemampuan Dana dalam jangka masa panjang. Selaras dengan objektif ini, Dana ini terus menghasilkan pulangan yang konsisten berdasarkan tempoh 3 tahun dan 5 tahun, pada 3.78% dan 5.01%.



Portfolio pelaburan Dana dibangunkan berdasarkan pelbagai aset dengan tujuan untuk mengoptimumkan pulangan di samping mematuhi had-had risiko seperti yang dinyatakan di dalam Alokasi Aset Strategik (SAA). Sepanjang beberapa tahun, SAA telah berkembang dengan begitu ketara dan membantu KWAP untuk menambah baik strategi kepelbagaian portfolio. SAA sentiasa dinilai untuk mempertimbangkan persekitaran ekonomi semasa dan pergerakan unjuran dalam pasaran-pasaran kewangan.

Sejak penubuhan KWAP pada tahun 2007, jumlah aset di bawah pengurusan Dana telah meningkat daripada RM41.92 bilion kepada RM153.82 bilion setakat 31 Disember 2020. Manakala pelbagai pelaburan antarabangsa Dana telah berkembang secara berterusan selama beberapa tahun, yang sebahagian besarnya daripada aset (83.36%) kekal di Malaysia.

PELABURAN KAMI	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
-----------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--	---------------------

STRATEGI PELABURAN

Sejajar dengan objektif ini dan landskap ekonomi global yang berubah, KWAP mengkaji semula SAA pada tahun 2020 di bawah pengawasan Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan dengan matlamat untuk menambah baik strategi pelaburan keseluruhan berdasarkan Kesanggupan Menerima Risiko Dana dan tempoh pelaburan jangka masa panjang. Selain itu, elemen kesedaran liabiliti juga diterapkan dalam objektif pelaburan Dana dalam memberi panduan kepada keputusan pelaburan. Ini akan mengukuhkan asas dan menguat kuasakan kedudukan KWAP sebagai pengurus pelaburan jangka masa panjang dana pencegah penjawat awam di Malaysia.

Pada masa yang sama, KWAP juga akan mengambil pegangan taktikal untuk memanfaatkan pergerakan-pergerakan dan peluang-peluang pasaran mendadak yang mungkin timbul selama tempoh jangka masa pendek. Bagi akhir tahun ini, KWAP mengekalkan pegangan lebih terhadap ekuiti manakala pegangan kurang terhadap sekuriti pendapatan tetap, berlandaskan pemulihan beransur-ansuran aktiviti ekonomi pasca sekatan pergerakan secara sokongan dasar kukuh berterusan dan keredaan risiko-risiko geopolitik. Pendirian ini telah membolehkan KWAP untuk mengatasi prestasi penanda aras tahunan sebanyak 63 mata asas. Sepanjang tempoh jangka masa sederhana ke jangka masa panjang 3 tahun dan 5 tahun, KWAP mengatasi prestasi penanda aras sebanyak 212 dan 122 mata asas.

Tatkala pandemik telah menyebabkan dunia berdepan dengan kemelesetan ekonomi yang teruk, kami percaya bahawa strategi pelaburan dan pendekatan sistematis kami ke arah pengagihan aset akan mengekalkan keseimbangan yang sewajarnya antara risiko dan pulangan serta merekodkan kenaikan masa hadapan sewaktu ekonomi global kembali pulih.

STRATEGI KELAS ASSET

Pada peringkat kelas asset, ekuiti mencatatkan pulangan yang ketara pada tahun 2020, terutamanya daripada pelaburan luar negara yang disokong oleh usaha-usaha kepelbagaian merentasi pasaran dan syarikat-syarikat terpilih dengan asas yang kukuh dan tetap mengikuti perkembangan-perkembangan geopolitik, ekonomi serta krisis kesihatan. Selain itu, semua portfolio ekuiti am antarabangsa telah digabungkan di dalam mandat global tunggal untuk membenarkan lebih fleksibiliti dalam mengharungi pasaran ekuiti global di samping menyelaraskan pemantauan prestasi pelaburan.

Sementara itu, portfolio pendapatan tetap terus menyediakan aliran pendapatan tetap dan menggalakkan pulangan portfolio keseluruhan dalam persekitaran hasil yang rendah. Pendirian defensif KWAP dan kedudukan tunai yang taktikal membantu mengurangkan impak kemeruapan pasaran global. Dalam masa yang sama, KWAP akan terus meninjau peluang pelaburan dengan mengambil kira latar belakang ketidakpastian ekonomi global.

Dana juga turut terlibat di dalam pelaburan ekuiti swasta terutamanya di dalam perkongsian dengan pengurus pelaburan khusus dengan memanfaatkan kepakaran rakan kongsinya merentasi pelbagai geografi. Langkah-langkah ini membolehkan KWAP memanfaatkan peluang modal swasta yang mungkin tidak begitu mudah untuk diakses. Untuk pelaburan infrastruktur, KWAP menggunakan pendekatan yang sama dan melabur secara global untuk jangka masa panjang, terutamanya dalam penjanaan kuasa dan sektor telekomunikasi dengan bertumpukan kepada pelaburan langsung dan pelaburan bersama.

Akhir sekali, bagi pelaburan harta tanah, kualiti pegangan asset semasa akan terus dikekalkan dan ditambah baik. Pada masa yang sama, KWAP akan terus meninjau potensi peluang pelaburan merentasi pelbagai geografi segmen aset dalam memastikan pendedahan kepada harta tanah kekal dipelbagaikan untuk jangka masa panjang.

KELAS ASET	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
-------------------	-------------------------	---------------	---------------------------------	----------------------	------------------------------------	------------------

ULASAN PASARAN EKUITI

EKUITI MALAYSIA

COVID-19 adalah satu peristiwa *black swan* yang tidak diduga telah berlaku pada tahun 2020 yang menyebabkan ekonomi dunia mengalami kemelesetan yang paling teruk dalam sejarah yang memaksa banyak negara melaksanakan pelbagai sekatan pergerakan global. Sewaktu pandemik merebak dengan cepat, pasaran ekuiti global jatuh menjunam pada Mac 2020 tetapi kemudiannya melonjak semula setelah semua bank pusat dan kerajaan seluruh dunia bergegas memulakan pelonggaran monetari dan fiskal untuk menyokong ekonomi masing-masing yang merosot serta melindungi pelbagai sektor pekerjaan. Dengan langkah yang sama, kerajaan Malaysia juga mengumumkan pakej rangsangan bernilai RM250 bilion pada 27 Mac 2020 untuk mengurangkan impak ekonomi buruk susulan daripada sekatan pergerakan dan perintah kawalan pergerakan COVID-19. Sebahagian besar daripada langkah-langkah rangsangan terdiri daripada moratorium pinjaman dan pengeluaran dari akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) manakala BNM juga memainkan peranan kritikal dalam mengurangkan impak menerusi beberapa siri pemotongan Kadar Dasar Semalam (OPR) yang berkurang sebanyak 125 mata asas kepada 1.75% sepanjang tahun 2020. Pasaran Ekuiti Malaysia tidak terlepas apabila FBMKLCI merudum kepada paras rendah sebanyak 1,219.72 pada 19 Mac 2020 dan kemudiannya melonjak semula sebanyak 33% untuk menutup tirai tahun pada 1,627.21. Salah satu daripada impak yang tidak disengajakan daripada moratorium pinjaman ialah pemanjangan kecairan dalam pasaran ekuiti Malaysia yang menyebabkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi daripada para pelabur runcit berbanding dana institusi pada tahun 2020 sebanyak RM14.2 bilion. Sebaliknya, MSCI terus mengurangkan wajaran ekuiti Malaysia dalam indeks penanda aras MSCI pasaran baharu muncul daripada 1.81% kepada 1.76% yang menyumbang kepada aliran keluar asing bersih sebanyak RM24.6 bilion pada tahun 2020.

Sektor teknologi dan sarung tangan getah merupakan syarikat-syarikat terbaik pada tahun 2020. Sebaliknya, sektor-sektor budi bicara pengguna, kewangan dan hartaanah menunjukkan prestasi merosot. Antara ahli konstituen FBM KLCI, syarikat-syarikat berprestasi cemerlang pada tahun 2020 ialah Top Glove, Hartalega dan Press Metal, manakala syarikat-syarikat yang berprestasi rendah ialah Malaysia Airport, Genting Bhd dan AMMB.

PRESTASI EKUITI

Penglibatan KWAP kepada kelas aset-aset ekuiti berada pada RM73.37 bilion setakat 31 Disember 2020, yang merupakan 47.85% daripada jumlah aset KWAP. Ekuiti domestik mencatatkan 79.33% daripada jumlah penglibatan ekuiti, manakala bakinya ialah pasaran ekuiti antarabangsa. Daripada jumlah penglibatan ekuiti, 82.92% diuruskan secara dalaman dan yang selebihnya secara sumber luar kepada pengurus dana luaran (EFMs) yang dilantik oleh KWAP.

Pada tahun 2020, ekuiti mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 7.67% berbanding penanda aras campuran sebanyak 5.38%, iaitu melebihi jangkaan sebanyak 229 mata asas. Ekuiti juga menunjukkan peningkatan jangkaan penanda aras campuran lebih 3 tahun dan 5 tahun seperti direkodkan dalam jadual di bawah:

	2020 (%)	2019 (%)	3 tahun (%)	5 tahun (%)
Jumlah Ekuiti	7.67	5.96	0.85	3.82
Penda Aras Campuran	5.38	1.15	-1.03	1.64
Alpha	2.29	4.81	1.88	2.18

Jumlah Pendapatan direalisasikan daripada pelaburan ekuiti pada tahun 2020 berada pada

**RM3.21
bilion**

Ekuiti Domestik Diurus secara Dalaman

Dengan sentiasa menitik beratkan profil risiko kami sebagai dana pencer jangka masa panjang, strategi defensif kami yang diambil pada tahun 2020 berkesan dalam mengharungi pasaran ekuiti domestik yang tidak menentu semasa pandemik COVID-19. Strategi pelaburan jangka masa panjang keseluruhan yang memfokus kepada peningkatan nilai aset bersih (NAV) portfolio diiringi oleh pelbagai instrumen ekuiti yang menghasilkan dividen tinggi dan menyumbang kepada sumber pendapatan tahunan yang mampan. Secara serentak, perolehan modal jangka masa pendek direalisasikan menerusi kedudukan taktikal dalam pelbagai portfolio bukan teras yang memanfaatkan pergerakan-pergerakan pasaran jangka masa pendek.

Ekuiti Dalaman Domestik KWAP melaporkan Kadar Pulangan Berwajaran Masa (TWRR) sebanyak 5.43% berbanding penanda aras bercampur TWRR sebanyak 3.49%, melebihi jangkaan sebanyak 1.94%. Dari segi pendapatan direalisasi mutlak, ekuiti mencapai jumlah pendapatan direalisasikan sebanyak RM2.26 bilion, menyumbang 70% daripada jumlah Pendapatan Pelaburan Ekuiti.

Ekuiti Antarabangsa Diuruskan secara Dalaman

Penglibatan pertama KWAP dalam ekuiti antarabangsa bermula pada tahun 2010 dengan penyertaan dalam tawaran awam awal (IPO) AIA

KELAS ASET	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

ULASAN PASARAN EKUITI

Global Insurance. Sejak itu, pelaburan ekuiti antarabangsa telah berkembang ke United Kingdom (U.K.), Kesatuan Eropah (E.U.), Asia Pasifik (APAC), Amerika Syarikat (U.S.) dan Saham A China tersenarai di Bursa Saham Shanghai dan Shenzhen. Sebelum tahun 2020, pelaburan ekuiti antarabangsa dalaman KWAP diasingkan kepada tiga mandat berbeza, iaitu Portfolio APAC dan Portfolio A.S. yang diuruskan dari Malaysia; dan Portfolio U.K & E.U. yang diurus oleh syarikat subsidiari milik penuh KWAP, Prima Ekuiti (UK) Limited. Memandangkan keadaan pasaran ekuiti global adalah dinamik dan tidak menentu, struktur berasingan telah mengehadkan keupayaan pasukan ekuiti antarabangsa untuk menangani anomalai secara berkesan.

Pada tahun 2020, Jabatan Ekuiti mencatatkan pencapaian signifikan dalam menyatukan dan menetapkan Portfolio Ekuiti Global (GEP) yang mempunyai mandat meluas untuk melabur dalam pasaran ekuiti antarabangsa. GEP mempunyai empat klasifikasi meluas mengikut kategori geografi iaitu Amerika Utara, Eropah, Asia Pasifik dan Amerika Latin; dan pendedahan wajarannya merupakan agregat daripada wajaran MSCI All Country World Index (MSCI ACWI) yang diperuntukkan kepada pelbagai pasaran boleh labur. Usaha penyusunan semula membolehkan peruntukan dana yang pantas dan lancar dalam pelbagai pasaran boleh labur GEP, dibimbing oleh pandangan dan strategi pasaran KWAP yang wujud.

Tahun 2020 menyaksikan satu daripada langkah paling ekstrim dalam harga-harga aset disebabkan oleh ketidakpastian akibat koronavirus. S&P 500 mengambil masa 22 hari dagangan untuk merudum sebanyak 30%, berbanding 39 hari yang diambil ketika zaman kemelesetan pada tahun 1929 dan 37 hari ketika kejatuhan pasaran saham 1987 yang dikenali sebagai *Black Monday*. Selain dari sudut penurunan yang melampaui, terdapat juga keadaan melampaui dari sudut kenaikan. Pada 12 Mac, S&P 500 menanggung kemuraman daripada hari yang mencatatkan prestasi indeks yang paling buruk sejak tahun 1987, iaitu kemerosotan sebanyak 12.0%. Namun menyusuli dalam bulan yang sama, indeks mengalami pengukuhan harian terbaik sejak 2008, iaitu 9.4% kenaikan untuk hari tersebut. Selepas prestasi terburuk pada bulan Mac, pasaran saham melonjak semula dengan kukuh, dicetuskan oleh rangsangan fiskal dan monetari serta pembangunan menggalakkan dalam kajian vaksin. Bagi sepanjang tahun 2020, S&P 500 melonjak 16.5%, DJIA naik 7.9%, dan NASDAQ mencatatkan peningkatan sebanyak 43.3%. Penanda aras saham global, MSCI ACWI turut juga mengukuh 14.9%.

Pada tahun 2020, GEP yang diuruskan secara dalaman telah melebihi jangkaan penanda aras dengan ketara, merakamkan jumlah pulangan sebanyak 21.32% berbanding jumlah pulangan 12.30%, dari segi Ringgit. Portfolio ini juga mencatatkan jumlah pendapatan direalisasikan sebanyak RM470.45 juta bagi tahun yang sama.

Ekuiti Domestik Diuruskan secara Luaran

Setakat 31 Disember 2020, nilai pasaran diuruskan oleh pengurus dana domestik (EFM) berada pada RM7.10 bilion, berkurangan 6.58% daripada RM7.60 bilion pada tahun 2019. Jumlah portfolio ekuiti diuruskan oleh EFM domestik merupakan 4.63% daripada jumlah saiz dana KWAP sebanyak RM153.35 bilion. Secara keseluruhannya, terdapat 18 mandat domestik terdiri daripada 8 EFM menguruskan mandat konvensional, 4 EFM menguruskan mandat syariah, 2 EFM menguruskan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir (ESG) dan 4 EFM menguruskan mandat Pulangan Mutlak.

Senarai Pengurus Dana Luaran Domestik setakat 31 Disember 2020

	Penubuhan Dana
Konvensional	
CIMB-Principal Asset Management Sdn Bhd	2005
Nomura Asset Management Malaysia Sdn Bhd	2007
Aberdeen Asset Management Sdn Bhd	2008
Affin Hwang Asset Management Berhad	2016
Kenanga Investors Berhad	2011
Maybank Asset Management Sdn Bhd	2019
Eastspring Investments Berhad	2019
UOB Asset Management Sdn Bhd	2019
Islamik	
CIMB-Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd	2012
AmlIslamic Asset Management Berhad	2012
AIIMAN Asset Management Berhad	2015
MIDF Amanah Asset Management Berhad	2016
Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)	
BNP Paribas Investment Partners Malaysia Sdn Bhd	2015
Corston-Smith Asset Management Sdn Bhd	2015
Pulangan Mutlak	
Eastspring Investments Berhad	2018
Aberdeen Asset Management Berhad	2018
MIDF Amanah Asset Management Berhad	2018
Affin Hwang Asset Management Berhad	2018

KELAS ASET	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
------------	-------------------------	---------------	---------------------------------	----------------------	-----------------------------	------------------

KWAP meneruskan usaha keterlibatan aktif dengan semua EFM domestik berasaskan suku tahunan untuk mengkaji semula prestasi dan pematuhan operasi mereka. Bagi portfolio-portfolio yang menjalani penstrukturkan semula, pemantauan dilaksanakan setiap bulan. Tambahan pula, kami juga mengadakan lawatan-lawatan tahunan ke premis EFM dan lawatan-lawatan pematuhan sepanjang tahun. Lawatan-lawatan ini termasuk lawatan maya disebabkan oleh sekatan perintah kawalan pergerakan (PKP).

Setakat 31 Disember 2020, EFM ekuiti domestik KWAP mencatatkan agregat pendapatan direalisasikan sebanyak RM345.59 juta. Secara keseluruhannya, EFM mencatatkan TWRR sebanyak 6.42% berbanding dengan penanda aras Indeks FBM100 sebanyak 3.49%, mewakili prestasi melebihi jangkaan sebanyak 293 mata asas. Satu daripada inisiatif yang sedang dilaksanakan bagi tahun 2020 termasuk pengagihan semula dana. Inisiatif ini adalah untuk mengukuhkan penglibatan KWAP di dalam pasaran ekuiti domestik secara strategik. Ini dilakukan menerusi pengagihan semula sesetengah portfolio kepada EFM berprestasi tinggi. EFM dengan rekod prestasi cemerlang dan proses pelaburan kukuh dikekalkan sebagai EFM KWAP.

Prestasi TWRR Domestik 2020

Mandat	TWRR (%)	Penanda Aras (%)	Melebihi/Di Bawah prestasi (%)
Konvensional	6.15	3.49	2.66
Syariah	11.69	8.54	3.15
ESG	2.72	3.49	-0.77
Pulangan Mutlak	3.25	8.02	-4.77
Agregat Domestik	6.42	3.49	2.93

Ekuiti Antarabangsa Diuruskan secara Luaran

Pada tahun 2020, pelaburan antarabangsa diuruskan secara luaran KWAP diasingkan kepada 5 mandat iaitu, United Kingdom (UK), Eropah (Euro), Pulangan Mutlak Eropah (Euro AR), Asia Pasifik di luar Jepun (APEXJ) dan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) Global. Syarikat subsidiari milik penuh KWAP, Prima Ekuiti (UK) Limited (PEUK) bertanggungjawab terhadap mandat-mandat UK, Euro dan Euro AR, mandat APEXJ diuruskan oleh State Street Global Advisors Asia Limited (SSGA) dan Invesco Asset Management Singapore Limited (Invesco), dan mandat ESG Global diuruskan oleh Nikko Asset Management Asia Limited (Nikko) dan LGT Capital Partners (LGT).

Senarai Pengurus Dana Luaran Antarabangsa setakat

31 Disember 2020

	Penubuhan Dana
UK	
Prima Ekuiti (UK) Ltd	2012
Eropah	
Prima Ekuiti (UK) Ltd	2014
Pulangan Mutlak Eropah	
Prima Ekuiti (UK) Ltd	2018
Asia Pasifik di luar Jepun	
State Street Global Advisors Ltd	2011
Invesco Asset Management Singapore Ltd	2015
ESG Global	
Nikko Asset Management Asia Limited	2017
LGT Capital Partners	2017

Setakat 31 Disember 2020, EFM ekuiti antarabangsa KWAP mencatatkan jumlah pendapatan direalisasikan sebanyak RM160.68 juta. Semua portfolio melebihi jangkaan penanda aras masing-masing kecuali mandat-mandat Eropah di bawah PEUK, Pulangan Mutlak Eropah di bawah PEUK, dan APEXJ diurus SSGA. Mandat ESG Global di bawah pengurusan Nikko mencapai prestasi luar biasa, melebihi prestasi penanda aras ESG MSCI ACWI sebanyak 1408 mata asas.

Prestasi TWRR Antarabangsa 2020

Pengurus Dana	Mandat	TWRR (%)	Penanda Aras (%)	Melebihi/(Di Bawah) prestasi (%)
PEUK	UK	-11.56	-12.55	0.99
PEUK	Euro	3.28	3.54	-0.26
PEUK	Euro AR	6.86	8.00	-1.14
SSGA	APEXJ	10.40	17.67	-7.27
Invesco	APEXJ	17.88	17.67	0.21
Nikko	Global ESG	26.27	12.19	14.08
LGT	Global ESG	12.74	12.19	0.55

* Angka prestasi dalam MYR.

Berasaskan suku tahunan, mesyuarat-mesyuarat kajian semula prestasi diadakan kebanyakannya menerusi persidangan telefon dan persidangan video. Prestasi portfolio strategi dan laporan-laporan pematuhan adalah antara topik-topik yang dibincangkan ketika mesyuarat-mesyuarat ini bersidang. KWAP juga kerap mengadakan sesi libat urus dengan pengurus-pengurus dana melalui panggilan-panggilan dan mesyuarat-mesyuarat persidangan dan hasil sesi ini disimpan dalam pangkalan data kami untuk membantu di dalam proses penyelidikan yang dijalankan oleh pengurus kami.

KELAS ASET	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

PELABURAN PENDAPATAN TETAP

Tahun 2020 merupakan tahun yang cemerlang bagi pelaburan pendapatan tetap pada peringkat domestik dan global disebabkan oleh pemotongan kadar faedah dan kemerosotan hasil bon berikutnya pelbagai tindakan dasar fiskal dan monetari diambil oleh negara-negara di seluruh dunia yang sedang bergelut dengan pandemik COVID-19. Dengan ketegaran virus, terdapat sekatan terhadap pelbagai aktiviti ekonomi disebabkan oleh sekatan pergerakan untuk membendung virus daripada merebak. Pelbagai sekatan bukan sahaja mengubah cara perniagaan dikendalikan dan bagaimana cara orang ramai berkomunikasi, tetapi juga menentukan sejauh mana langkah-langkah tindak balas diambil oleh pelbagai kerajaan dan bank pusat untuk menyokong pertumbuhan sewaktu ekonomi global menghampiri ke arah kemelesetan.


Pada tahun 2020, pendapatan tetap global merekodkan prestasi kukuh yang kebanyakannya didorong oleh dasar pelonggaran monetari oleh bank-bank pusat di seluruh dunia sewaktu kesan pandemik COVID-19 menjadi bertambah buruk. Rizab Persekutuan A.S. menurunkan Kadar Dana-dana Persekutuan sebanyak 150 mata asas terhimpun pada tahun 2020 untuk rekod terendah di samping pembelian aset berkembang dan pemberian program-program kredit perniagaan untuk membantu mengurangkan kesan pandemik berkenaan. Sentimen dovish (berhati-hati dan cenderung menurunkan kadar faedah) juga dikongsikan oleh bank-bank pusat lain sewaktu mereka mengurangkan atau mengekalkan kadar faedah rendah ketika virus memaksa sekatan pergerakan hampir penuh.

Jangkaan pertumbuhan ekonomi menurun telah menyokong permintaan bagi aset selamat. Oleh yang demikian, ini secara langsung menyediakan rangsangan kepada harga-harga bon tempatan disebabkan oleh hasil berkurang berikutan penutupan kebanyakan sektor ekonomi. Penanda aras 10 tahun Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) menyaksikan hasil penurunan sebanyak 65 mata asas dan mengakhiri tahun 2020 kepada 2.65% daripada 3.30% ketika hari pertama dagangan bagi tahun ini. Tahun 2020 juga menyaksikan tahun yang tidak pasti bagi pendapatan tetap tempatan sewaktu 10 tahun MGS memuncak naik sebanyak 3.69% (dagangan intrahari) selepas permulaan PKP kepada paras terendahnya sebanyak 2.41% pada 6 Ogos 2020.

Prestasi Jumlah Portfolio Pendapatan Tetap

Jumlah pegangan portfolio berkurang sebanyak 2.11% pada tahun 2020, daripada nilai pasaran daripada RM67.42 bilion pada tahun 2019 kepada RM66.00 bilion pada tahun 2020.

Pendapatan Tetap Pendapatan Direalisasikan berbanding dengan Jumlah Portfolio dan Jumlah Dana dari tahun 2015-2020



Sumber: Laporan Pendapatan Pelaburan (IIR), KWAP

Pendapatan Tetap berjaya mencapai pulangan direalisasikan yang memberangsangkan sebanyak RM2.87 bilion pada tahun 2020 berbanding dengan RM3.00 bilion pada tahun 2019. Berasaskan jumlah pulangan, Pendapatan Tetap merekodkan pulangan sebanyak 6.49% pada tahun 2020 meskipun lebih rendah sedikit daripada 6.79% pada tahun 2019, manakala pulangan pelaburan (ROI) bagi Pendapatan Tetap meningkat kepada 4.41% pada tahun 2020 daripada 4.38% pada tahun 2019.

KELAS ASET DIURUSKAN SECARA DALAMAN

Bon Berdaulat Domestik

Secara umumnya, pasaran bon domestik memanfaatkan persekitaran kadar faedah rendah pada tahun 2020. Pasaran bon tempatan mengukuh pada permulaan tahun sewaktu BNM menurunkan OPR sewaktu mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) pada bulan Januari sebanyak 25 mata asas kepada 2.75% yang dianggap oleh BNM sebagai langkah yang dirancang terlebih dahulu untuk mengekalkan pertumbuhan tempatan. Pada mesyuarat MPC kedua pada bulan Mac, BNM mengurangkan OPR sebanyak 25 mata asas lagi kepada 2.50%.


Pada 16 Mac, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa 18 Mac 2021 bagi tempoh 14 hari. Kemudiannya, pasaran bontempatan memasuki mod penjualan merentasi tempoh matang dengan hasil 10 tahun MGS meningkat sebanyak 36 mata asas menjelang 19 Mac dan mencapai kemuncak sebanyak 3.69% ketika dagangan intrahari disebabkan oleh ketidakpastian sekatan pergerakan dan impaknya terhadap pertumbuhan tempatan mendorong para pelabur untuk mengurangkan penglibatan.

Menjelang 15 April, harga bon tempatan pulih semula ekoran jangkaan pasaran mengenai pelonggaran selanjutnya oleh BNM untuk memberikan sokongan sewajarnya kepada ekonomi. Jangkaan tersebut menjadi kenyataan pada dua mesyuarat MPC apabila BNM menurunkan OPR lagi sebanyak 75 mata asas menjadikan jumlah 1.75%, dengan itu, membawakan penurunan OPR bagi tahun sehingga kini kepada 125 mata asas.


Antara Februari dan April 2020, sekuriti dalam dominasi Ringgit menurun sebanyak RM22.39 bilion disebabkan oleh langkah-langkah sekatan pergerakan di kebanyakan negara dan keimbangan tentang kemelesetan mendorong peralihan ke aset-aset selamat. Bagaimanapun, bermula Mei 2020, aliran asing bertukar positif disebabkan tambahan kumulatif RM37.13 bilion oleh para pelabur yang menjadikan jumlah aliran masuk asing bersih bagi tahun 2020 sebanyak RM18.30 bilion.

Ini menghasilkan pegangan asing hampir 40.5% masih tertunggak dalam MSG atau bersamaan dengan RM177.0 bilion, dan RM24.8 bilion dalam Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) pada penghujung tahun 2020.


Pegangan Berdaulat Domestik berbanding Pendapatan (RM Juta)



Prestasi Berdaulat Domestik berbanding Penanda Aras



Pengasingan Portfolio Mengikut Jenis Instrumen Setakat 31 Disember 2020



Sumber: KWAP

KELAS ASET	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

PELABURAN PENDAPATAN TETAP

Portfolio Bon Berdaulat Domestik sekali lagi menunjukkan prestasi cemerlang pada tahun 2020 dan merekodkan pulangan 1.50% melebihi penanda aras dengan TWRR sebanyak 8.40%. Prestasi ini dibandingkan dengan 0.67% dalam pulangan lebihan pada tahun 2019 meskipun TWRR lebih tinggi pada 9.43%. Pendapatan direalisasikan bagi portfolio juga muncul lebih tinggi pada RM1.59 bilion berbanding dengan RM1.47 bilion pada tahun 2019, dengan tempoh portfolio sebanyak 7.49 tahun setakat pada 31 Disember 2020.

KWAP kekal sebagai peserta aktif dalam pasaran utama dan sekunder bagi penerbitan bon kerajaan domestik dan bon kuasi kerajaan. Jumlah dagangan kumulatif tahunan pada tahun 2020 ialah RM24.92 bilion, dengan jumlah belian sebanyak RM13.71 bilion dan jumlah jualan sebanyak RM11.21 bilion.

Jumlah pelaburan KWAP dalam bon berdaulat (MGS, GII dan Bon Kuasi Kerajaan) setakat 31 Disember 2020 ialah 22.01% daripada jumlah saiz dana berbanding dengan 21.26% setakat 31 Disember 2019.

Pada masa hadapan, hasil bon domestik dijangka akan meningkat memasuki tahun 2021 disebabkan oleh ramalan pertumbuhan domestik yang lebih tinggi sewaktu ekonomi dibuka semula dan kadar faedah menghampiri 2.0%. Meskipun unjuran bekalan bersih bon kerajaan yang lebih tinggi, permintaan dijangkakan kukuh disebabkan oleh para pelabur berusaha mencapai kadar bawaan lebih tinggi walaupun BNM mengurangkan untuk mengakhiri kitaran pemotongan kadar di sebalik pemulihan ekonomi.

Bon Korporat Domestik

Jumlah penerbitan bon dan sukuk korporat domestik bernilai RM104.58 bilion pada tahun 2020, merosot sedikit daripada RM105 bilion pada tahun 2019 meskipun kelembapan yang timbul daripada pandemik global pada tahun 2020. Bon dan sukuk korporat memacu pada separuh tahun kedua 2020 dengan penerbitan melebihi 60% berlaku antara Julai hingga Disember 2020. Penerbitan bon kuasi kerajaan meningkat sebanyak 16.0% kepada RM29.0 bilion daripada RM25.0 bilion pada tahun 2019. Kebanyakan penerbitan kuasi adalah daripada sektor infrastruktur di mana sebahagian besarnya untuk pembentukan projek rel. Jumlah penerbitan bon dan Sukuk segmen AAA ialah RM23.0 bilion berbanding RM18.0 bilion pada tahun 2019, menunjukkan peningkatan 28%. Dalam segmen lain, penerbitan segmen AA menyaksikan pengurangan sebanyak RM4.0 bilion, kepada RM27.0 bilion dari RM31.0 bilion pada tahun 2019. Penerbitan A tunggal menurun sebanyak RM1.0 bilion kepada RM7.0 bilion (2019: RM8.0 bilion) dan segmen tidak bertaraf menyaksikan penyusutan penerbitan sebanyak 14.0% kepada RM19.0 bilion daripada RM22.0 bilion pada tahun 2019.

Sejumlah besar penerbitan bon dan sukuk korporat berasal daripada

segmen infrastruktur dengan penerbitan bernilai RM30.70 bilion, satu peningkatan daripada RM24.70 bilion pada tahun 2019. Ini diikuti oleh sektor kewangan yang menyaksikan penurunan penerbitan sebanyak RM5.10 bilion kepada RM20.40 bilion dari RM25.50 bilion pada tahun 2019. Penyebab penurunan ini boleh dikaitkan dengan bekalan bon dan sukuk tahap-2 dan tambahan tahap-1 (AT1) yang berkurangan. Sektor hartanah dan Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) menyaksikan bekalan berkurang sedikit kepada RM15.40 bilion dari RM16.70 bilion sebelumnya.


Keadaan kredit dalam pasaran bon korporat domestik kekal stabil dengan hanya satu keingkaran pada tahun 2020. Keingkaran KMCOB Capital Berhad terhadap pembayaran balik prinsipal satu daripada siri di bawah Bon Bersiri Jaminan pada 28 Februari 2020 kemudiannya memperjelas jaminan Danajamin daripada program tersebut. Bagaimanapun, kami mendapat bahawa terdapat sedikit tanggapan negatif disebabkan oleh kelembaban. Sebaran kredit bertambah besar pada suku terakhir tahun 2020 merentasi segmen kuasi dan bertaraf terutamanya tempoh matang 5 tahun dan 10 tahun manakala 15 tahun menyaksikan sedikit pertambahan.

Bagi tahun 2020, portfolio bon korporat domestik KWAP memberikan kadar pulangan berwajaran masa (TWRR) sebanyak 7.54%, melebihi penanda aras iaitu, Indeks Semua Bon Korporat TRBPAM yang menunjukkan pulangan sebanyak 6.68% bagi tempoh yang sama.

Selama tempoh yang sama, pegangan portfolio KWAP dalam bon korporat (pada nilai pasaran) meningkat sedikit dari RM11.55 bilion pada 31 Disember 2019 kepada RM10.40 bilion. Keseluruhan amaun dijual dan tempoh matang sepanjang tahun ini ialah RM1.79 bilion berbanding dengan pembelian baharu RM0.93 bilion.

◆ Jumlah penerbitan bon dan sukuk korporat domestik bernilai RM104.58 bilion pada 2020	◆ Portfolio bon korporat domestik KWAP memberikan kadar pulangan berwajaran masa KWAP (TWRR) sebanyak 7.54%
◆ Penerbitan bon kuasi kerajaan meningkat kepada RM29.0 bilion dari RM25.0 bilion pada tahun 2019	◆ Keseluruhan amaun dijual dan tempoh matang sepanjang tahun ini ialah RM1.79 bilion

Nilai Pasaran Pegangan KWAP dalam Bon Korporat Domestik dan TWRR dari Tahun 2016 hingga 2020




Sumber: Laporan Pendapatan Pelaburan (IIR), KWAP

Keseluruhan nilai pasaran bagi Bon Korporat merosot daripada RM11.55 bilion pada tahun 2019 kepada RM10.40 bilion pada tahun 2020, mengambil kira penstrukturkan semula Sukuk kekal Malaysia Airlines Bhd yang dijangka dimuktamadkan pada tahun 2021.

Jumlah pendapatan direalisasikan pada tahun 2020 ialah RM462.90 juta berbanding dengan RM366.90 juta pada tahun 2019. Amaun ini termasuk RM69.2 juta pendapatan terakru daripada sukuk kekal MAB.


Tempoh portfolio bon korporat menurun daripada 5.91 tahun pada tahun 2019 kepada 5.22 tahun pada tahun 2020 yang selari dengan pegangan neutral terhadap tempoh di tengah-tengah persekitaran kadar faedah rendah.

Penglibatan KWAP dalam Bon Korporat Domestik mengikut Penarafan




Sumber: KWAP

Penglibatan KWAP dalam Bon Korporat Domestik mengikut Sektor



Penglibatan KWAP dalam Bon Korporat Domestik mengikut Prinsip



Sumber: KWAP

Dijangka bahawa bekalan bon korporat domestik bagi tahun 2021 akan kekal kukuh hasil dari pelbagai projek infrastruktur berterusan dan kos hutang menarik bagi para penerbit. Pelaburan dalam pengangkutan rel dan tenaga boleh diperbaharui yang sedang dilaksanakan akan memastikan keperluan berterusan untuk meningkatkan dana-dana yang disokong oleh kos hutang menarik bagi para penerbit yang berusaha untuk mengunci pendanaan jangka panjang ketika hasil masih rendah dan sebaran yang stabil. Kami juga menjangkakan bahawa lebih banyak penerbitan bon berlabel Hijau/kemampunan dalam pasaran yang memperoleh momentum dalam kalangan para pelabur. Melihat dari segi risiko dan sudut negatif jangkaan di atas ialah PKP yang berpanjangan akan memperlambat pelbagai projek dan menjaskan keperluan pendanaan.

Manakala keadaan kredit mungkin kekal stabil secara umumnya pada tahun 2021, amaran terhadap para penerbit daripada pelbagai industri perbankan, jalan raya bertol, pembinaan dan penerbangan yang dikenal pasti sebagai sektor-sektor mudah rentan kepada impak negatif daripada PKP berpanjangan. Tanpa mengira sektor, kami akan terus memfokus kepada para penerbit dengan keupayaan membayar khidmat hutang yang kukuh, pengurusan yang kuat, struktur kewangan yang ketat dan tadbir urus korporat yang baik. Bagi sektor perbankan, fokus adalah kepada mereka yang memiliki aset berkualiti tinggi.

PELABURAN PENDAPATAN TETAP


Pinjaman

Pada 31 Disember 2020, jumlah portfolio pinjaman berada pada RM5.46 bilion, yang membentuk 3.56% daripada jumlah dana KWAP sebanyak RM153.82 bilion. Penurunan portfolio pendapatan pada tahun 2020 disebabkan oleh kematangan dan pembayaran semula pinjaman sedia ada berjumlah RM2.54 bilion. Tiada pembayaran pinjaman baharu dibuat pada tahun 2020.

Pergerakan Portfolio Pinjaman 2020

Amaun Pergerakan Portfolio	Pinjaman (RM Juta)
Portfolio Pinjaman setakat 1 Januari 2020	8,001.81
Pembayaran Balik / Kematangan Modal	(2,537.83)
Portfolio Pinjaman setakat 31 Disember 2020	5,463.98

Profil Kematangan Portfolio Pinjaman (RM Bilion)



Saiz Portfolio Pinjaman dan Pendapatan Pinjaman




Sumber: KWAP

Pada tahun 2020, pendapatan pinjaman lebih rendah daripada pendapatan dijana daripada portfolio disebabkan oleh saiz portfolio yang berkurang. Pada masa yang sama, dalam persekitaran kadar faedah lebih rendah, sesetengah kadar pinjaman terapung telah ditetapkan semula kepada kadar lebih rendah, dengan itu, mengurangkan lagi pendapatan bagi tahun 2020.


Pasaran Wang

Setakat 31 Disember 2020, pelaburan pasaran wang dalam Ringgit berada pada RM8.99 bilion berbanding dengan RM9.07 bilion pada awal tahun 2020. Pelaburan KWAP dalam Mata Wang Asing merekodkan masing-masing USD231.38 juta, GBP25.86 juta, AUD23.65 juta dan EUR6.02 juta. Secara keseluruhan, jumlah baki tunai KWAP mewakili 6.64% daripada saiz jumlah dana KWAP.


Instrumen Pasaran Wang



Pelaburan Mata Wang Asing



Sumber: IIR, KWAP



Pada tahun 2020, pelaburan pasaran wang menjana pendapatan kasar sebanyak RM195.36 juta, pengurangan sebanyak 47.96% daripada RM375.42 juta dijana pada tahun 2019. Ini disebabkan oleh hasil lebih rendah dalam instrumen pasaran wang dan kadar deposit oleh institusi kewangan yang selari dengan empat pemotongan kumulatif OPR sebanyak 125 mata asas pada tahun 2020 kepada rekod paling rendah sebanyak 1.75%.

Pendapatan Tetap Antarabangsa


Pada tahun 2020, pendapatan tetap global meneruskan trend menurun di sebalik bank-bank pusat melonggarkan dasar monetari berikutan penularan COVID-19. Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Feds) mengurangkan Kadar Dana Rizab sebanyak 150 mata asas secara kumulatif pada tahun 2020, terdiri daripada pemotongan 50 mata asas pada 3 Mac 2020, diikuti dengan 100 mata asas lagi pada 16 Mac 2020 sebagai langkah untuk mengurangkan pelbagai kesan COVID-19 terhadap ekonomi. Sentimen menurun mencerminkan langkah oleh bank-bank pusat di Asia, iaitu Reserve Bank of India dan Bank Indonesia (BI) yang memotong kadar dasar masing-masing sebanyak 115 mata asas dan 125 mata asas kepada 3.75%. Demikian juga, Reserve Bank of Australia (RBA) berterusan dengan kelonggaran sebanyak 65 mata asas kepada sasaran kadar tunai kepada 0.10%, manakala Reserve Bank of New Zealand (RBZ) berkurang kepada 75 mata asas kepada 0.25%.

Setakat 31 Disember 2020, portfolio pendapatan tetap antarabangsa KWAP berada pada nilai pasaran sebanyak RM906.74 juta berbanding dengan RM694.00 juta pada tahun 2019. Peningkatan dalam portfolio pendapatan tetap antarabangsa disebabkan oleh pemindahan aset daripada pengurus dana luaran di dalam sesi latihan penyataan pada tahun 2020.

Portfolio-porfolio pendapatan tetap antarabangsa diurus secara dalaman oleh KWAP terus menghasilkan prestasi kukuh dengan menjana pendapatan direalisasikan agregrat sebanyak RM36.67 juta berbanding dengan RM41.89 juta pada tahun 2019.

Portfolio-porfolio pendapatan tetap antarabangsa menyaksikan TWRR meningkat pada tahun 2020 kepada 7.02% berbanding dengan 6.61% pada tahun 2019. Prestasi di luar jangkaan didorong oleh strategi kami kepada pegangan lebih bon denominasi dolar USD (berbanding bon mata wang tempatan) dan tempoh berbanding dengan penanda aras.

Pegangan Pendapatan Tetap Asia Setakat 31 Disember 2020 mengikut Mata Wang



Sumber: KWAP

Walaupun pandemik COVID-19 kekal sebagai keimbangan utama setakat penghujung tahun 2020, pemberian vaksin di seluruh dunia dipercayai dapat membantu dalam mengurangkan keperluan bagi sekatan pergerakan, dan kemudiannya menggerakkan pembukaan semula ekonomi. Kami menjangka pertumbuhan global akan meningkat dalam separuh kedua tahun 2021. Dengan itu, dengan jangkaan inflasi beralih ke arah gambaran yang lebih menggalakkan dalam pelbagai dasar pemulihan kitaran dan rangsangan pengembangan, hasil dijangka kian meningkat.

KWAP meneruskan usahanya untuk melindungi nilai dalam pelaburan antarabangsa dengan meminimumkan risiko harga dan mengekalkan nilai pelaburan KWAP. Ini dilakukan menerusi pelbagai instrumen lindung nilai seperti Kontrak Hadapan Pertukaran Asing (FX Forward) dan Pertukaran Mata Wang Bersilang (CCS).


- ◆ Pelbagai portfolio pendapatan tetap antarabangsa menyaksikan TWRR meningkat pada tahun 2020 kepada **7.02%** berbanding 6.61% pada tahun 2019

PELABURAN PENDAPATAN TETAP

Diuruskan secara Luaran

KWAP terus mendapatkan perkhidmatan sumber luar oleh pengurus-pengurus dana luaran (EFM) untuk sebahagian daripada dana, iaitu pada peringkat domestik dan antarabangsa; Ini merupakan sebahagian daripada inisiatif kepelbagaiannya yang memanfaatkan pengetahuan dan pelbagai set kemahiran daripada EFM dalam melengkapinya keupayaan pengurusan dana dalam KWAP.

EFM pendapatan tetap KWAP yang asalnya mempunyai hanya dua EFM menguruskan mandat bon konvensional domestik pada tahun 2006, telah meningkat kepada 10 EFM memfokus kepada dua jenis mandat bon domestik Malaysia. Saiz dana EFM pendapatan tetap meningkat lebih daripada 30 kali ganda sepanjang 14 tahun yang lepas daripada RM150.0 juta pada tahun 2006 kepada RM4.98 bilion pada tahun 2020.

Penglibatan EFM mengikut Jenis Mandat

Sumber: KWAP

RM4.98 bilion yang diperoleh secara penyumbangan luar oleh EFM mewakili kira-kira 3.52% daripada saiz dana KWAP setakat 31 Disember 2020. Pada tahun 2020, KWAP mengalihkan fokusnya secara domestik berhubung dana pendapatan tetapnya yang diurus secara luaran yang merupakan 63.04% daripada aset dilaburkan dalam portfolio bon Konvesional Domestik sementara baki 36.96% dilaburkan dalam portfolio Sukuk Domestik.

Setakat 31 Disember 2020, nilai pasaran EFM pendapatan tetap KWAP berada pada RM5.46 bilion, merupakan 8.07% daripada keseluruhan pelaburan pendapatan tetap KWAP. Portfolio EFM pendapatan tetap domestik merekodkan pendapatan direalisasikan agregrat sebanyak RM342.58 juta atau 6.92% daripada purata saiz dana EFM pendapatan tetap domestik. Berdasarkan TWRR, EFM Domestik mengatasi prestasi penanda aras ditetapkan sebanyak 22 mata asas dan 57 mata asas pada tahun 2020 dan tempoh 3 tahun pusingan.

Senarai Pengurus Dana Luaran Domestik setakat 31 Disember 2020

Domestik	Penubuhan Dana
Principal Asset Management Berhad	2006
AmFunds Management Berhad	2007
Affin Hwang Asset Management Berhad	2011
Amundi Malaysia Sdn Berhad	2012
Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd	2014
Nomura Islamic Asset Management Sdn Bhd	2014
RHB Islamic International Asset Management Berhad	2014
Maybank Asset Management Sdn Bhd	2015
Franklin Templeton GSC Asset Management Sdn Bhd	2015
AllMAN Asset Management Sdn Bhd	2015

Nilai Pasaran dan Pendapatan Direalisasikan EFM Domestik

Sumber: KWAP

Sebagai salah satu daripada proses pemantauan KWAP, kajian semula prestasi kerap dijalankan berdasarkan suku tahunan dengan semua EFM dan lawatan-lawatan tapak diadakan di premis EFM. Ini bagi memastikan EFM mematuhi perjanjian serta memahami amalan perniagaan terbaik mereka. Bagi mematuhi pelbagai kehendak penjarakan fizikal dalam COVID-19, kebanyakan usaha keterlibatan dengan EFM pada tahun 2020 dikendalikan secara maya. Sepanjang tahun 2020, 42 mesyuarat kajian semula prestasi dan dua lawatan pematuhan dijalankan untuk memantau pematuhan EFM dengan pelbagai prosedur dalaman dan amalan perniagaan terbaik berhubung dengan aktiviti-aktiviti dagangan sehari-hari serta bahagian pertengahan dan belakang operasi pejabat.


PELABURAN ALTERNATIF

EKUITI PERSENDIRIAN DAN INFRASTRUKTUR

Landskap Ekuiti Persendirian pada tahun 2020

Era Koronavirus merupakan satu peristiwa yang tidak pernah berlaku sebelum ini, dengan kebanyakan negara secara globalnya melaksanakan sekatan pergerakan ekonomi dan sempadan mereka bagi tempoh masa yang berpanjangan untuk membendung jangkitan. Pelbagai cabaran dihadapi dalam pasaran Ekuiti Persendirian termasuklah pengumpulan dana akibat sekatan perjalanan yang menghalang keupayaan para pelabur untuk mengendalikan penilaian wajarnya. Walau bagaimanapun, pelaksanaan teknologi mungkin memberi laluan kepada industri untuk bertahan dalam pandemik.


Rajah 1: Pengumpulan Dana Ekuiti Persendirian Global pada tahun 2010 - 2020



Sumber: Preqin

Carta garisan dalam Rajah 1 menggambarkan trend menaik dalam purata saiz dana dengan peningkatan 14.5% daripada USD376.1 juta pada tahun 2019 kepada USD430.6 juta pada tahun 2020. Sementara pengumpulan dana pada tahun 2020 mengalami kemerosotan, pertambahan dalam purata saiz dana menandakan peningkatan tumpuan terhadap dana Ekuiti Persendirian yang kukuh, dan menunjukkan prestasi konsisten serta pengurusan stabil.

Rajah 2: Pengumpulan Dana Ekuiti Persendirian Global pada tahun 2020 mengikut Rantau



Sumber: Preqin


Rajah 2 menunjukkan Amerika Utara kekal sebagai daya gerak Ekuiti Persendirian pada tahun 2020 dengan 841 dana dikumpulkan, diikuti dengan Asia sebanyak 422 dana dan Eropah dengan 252 dana. Sementara Asia mempunyai bilangan dana terkumpul yang lebih banyak berbanding Eropah, modal agregat dikumpul lebih tinggi pada USD143.4 juta. Peningkatan modal terkumpul di Asia didorong oleh pertambahan bilangan 'unicorn' dalam dekad yang lepas. 'Unicorn' merupakan istilah yang digunakan untuk menerangkan syarikat persendirian nilai permulaan melebihi USD1.0 bilion. Menurut senarai 'Unicorn' yang dikeluarkan oleh Global CB Insights, Asia menempatkan 35% daripada 'unicorn' di seluruh dunia setakat Oktober 2020.

PELABURAN ALTERNATIF

Landskap infrastruktur pada tahun 2020

Infrastruktur terus menjadi strategi pelaburan pilihan kekal pada tahun 2020, yang berkait dengan persekitaran kadar faedah rendah tersebar merentasi pasaran-pasaran global. Semasa kadar faedah rendah memberikan tekanan pada pulangan daripada instrumen pendapatan tetap, pelbagai aset infrastruktur yang mempunyai tempoh jangka masa panjang yang sama dan pulangan aliran tunai yang stabil dapat memberi alternatif kepada instrumen pendapatan tetap. Tambahan pula, pelbagai aset infrastruktur lazimnya mempunyai modal pendahuluan dan amaun keumpilan yang tinggi. Kadar faedah rendah memacu para pemilik untuk membayai semula hutang mereka dan mengurangkan kos pembiayaan.


Rajah 3: Pengumpulan Dana Infrastruktur Tidak Tersenarai Global pada tahun 2010-2020



Sumber: Preqin

Daya tarikan dana-dana infrastruktur dalam Rajah 3 mencatatkan purata saiz dana mele过asi paras USD100.0 bilion pada tahun 2020, buat pertama kalinya sejak dekad yang lalu. Pertambahan 14.8% dalam purata saiz dana (di samping kemerosotan 14.1% dalam dana agregat) meningkat kepada USD96.2 bilion pada tahun 2020, memberi isyarat kepada ekonomi untuk para pelabur lebih berhati-hati di dalam memilih lebih banyak peluang pelaburan. Para pelabur yang amat berhati-hati dalam memilih dana yang mencatatkan prestasi konsisten, menjadikan dana-dana ini mempunyai peningkatan modal lebih besar daripada sebelumnya.

Rajah 4: Pengumpulan Dana Infrastruktur Tidak Tersenarai Global pada tahun 2020 mengikut Rantau



Sumber: Preqin


Rajah 4 menunjukkan Amerika Utara menerajui modal agregat dengan peningkatan kepada USD52.7 bilion pada tahun 2020 meskipun turun 5% daripada tahun sebelumnya. Pandemik telah menjelaskan pengumpulan dana di semua rantau kecuali Asia yang mempunyai peningkatan 66% dalam modal agregat, meningkat kepada USD7.3 bilion pada tahun 2020 daripada USD4.4 bilion pada tahun sebelumnya.

Asia mengalami peningkatan ketara dalam modal agregatnya yang diperoleh kerana syarikat-syarikat seperti Infrastruktur Asia Pasifik KKR dan Dana Pelaburan dan Infrastruktur Nasional di India mengumpul USD3.2 bilion dan USD2.3 bilion, (menjadikan lebih 75% daripada agregat modal Asia yang diperoleh untuk infrastruktur tidak tersenarai pada 2020). Permintaan yang kukuh di rantau ini dikaitkan dengan pasaran yang agak kurang ditembusi di mana pengumpulan dana infrastruktur tidak tersenarai di Asia hanya membentuk 7.5% daripada pengumpulan dana global.

Tinjauan Pasaran Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur Pascapandemik

Pandemik yang tersebar luas pada tahun 2020 menghalang pertumbuhan Ekuiti Persendirian global dan industri Infrastruktur. Walau bagaimanapun, tahun 2021 menjanjikan pemulihan kukuh dengan para pelabur yang bersedia dengan pembukaan peluang menerusi pemulihian ekonomi dan bukti sektor-sektor berdaya tahan yang menggalakkan ruang pertumbuhan.


Rajah 5: Aset Ekuiti Persendirian di bawah Pengurusan dan Ramalan pada tahun 2010 hingga 2025*



Sumber: Preqin


Rajah 5 menunjukkan Aset Ekuiti Persendirian global di bawah Pengurusan (AUM) berada pada USD4.4 trilion pada tahun 2020, menurun 1.6% berbanding tahun 2019. Bagaimanapun, data ramalan oleh Preqin mencadangkan pertumbuhan sebanyak 15.6% bagi tahun 2021 dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Kompaun (CAGR) sebanyak 15.6% selama lima tahun akan datang sehingga 2025. Sekiranya tiada impak negatif daripada pandemik krisis kewangan dan gangguan besar geopolitik, kadar pertumbuhan ramalan selama lima tahun ke hadapan akan mele过asi CAGR 10 tahun sebanyak 9.9% bagi AUM Ekuiti Persendirian secara global.

Rajah 6: Aset di bawah Pengurusan Infrastruktur Tidak Tersenarai dan Ramalan bagi tahun berakhir 2010 hingga 2025*



Sumber: Preqin

AUM Infrastruktur Tidak Tersenarai global berada pada USD639.0 bilion pada 2020, meningkat 0.8% seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6. Ramalan Preqin mencadangkan pertumbuhan 4.4% bagi tahun 2021 dan CAGR 4.5% bagi lima tahun akan datang sehingga 2025. Dengan kadar faedah rendah, angka-angka ramalan dijangka dapat dicapai disebabkan oleh para pelabur beralih kepada kualiti di dalam mengenal pasti pelaburan-pelaburan dengan hasil yang lebih tinggi, dan mempunyai ciri-ciri sama dengan instrumen-instrumen pendapatan tetap.

PELABURAN ALTERNATIF**Rajah 7: Jumlah Komitmen Ekuiti Persendirian mengikut Jenis Dana bagi tahun-tahun berakhir 2010 - 2020 (USD Bilion)**

Sumber: Preqin

Jumlah komitmen bagi industri Ekuiti Persendirian kekal kukuh pada USD1.9 trillion menjelang penghujung tahun 2020. Kebanyakan dana-dana ini diagharkan ke arah strategi-strategi Beli Habis, bagaimanapun sepanjang empat tahun lepas, terdapat pertambahan tetap dalam pertumbuhan segmen modal urus niaga dengan CAGR masing-masing adalah pada 18.9% dan 25.8%. Selama sedekad lalu, strategi-strategi Pertumbuhan dan Modal Urus Niaga telah mencatatkan CAGR 10 tahun masing-masing pada 15.4% dan 12.4%.

Ringkasan

Penularan COVID-19 pada tahun 2020 telah mengganggu industri Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur terutamanya pengumpulan dana bagi dana-dana baharu. Inijelas dalam kedua-dua segmen yang mengalami kemerosotan pada jumlah pengumpulan dana selepas meningkat secara konsisten selama lima tahun yang lepas. Bagaimanapun, peningkatan purata saiz dana bagi kedua-dua segmen menandakan tumpuan para pelabur adalah kepada bilangan dana terhad yang mempunyai rekod prestasi kukuh dan konsisten.

Landskap Infrastruktur yang menggariskan perbandingan dengan aset-aset pendapatan tetap kekal menjadi pilihan sepanjang tahun 2020 dengan purata saiz dana yang memecah rekod lebih daripada USD100.00 bilion. Manakala benua Amerika Utara dan Eropah mengekalkan kedudukan mereka sebagai fokus utama untuk pengumpulan dana, Asia merupakan satu-satunya rantau yang berkembang sepanjang tahun lepas bagi Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur yang sebahagiannya dikaitkan dengan pertambahan bilangan syarikat-syarikat Unikorn (35% secara global) dan di bawah penembusan aset-aset Infrastruktur Tidak Tersenarai.


Manakala sekatan perjalanan menghasilkan banyak kesulitan, proses pengumpulan dana diteruskan menerusi format dalam talian baharu dengan bantuan aplikasi persidangan telefon maya. Tambahan lagi, pelaksanaan aturan bekerja dari rumah oleh banyak organisasi pada peringkat global menyumbang kepada penerimaguanaan teknologi digital yang pesat.

Penerimangunaan Teknologi yang Pesat

Pengehadan dan perubahan kepada norma sosial yang dicetuskan oleh pandemik telah mendorong kepada penerimangunaan teknologi yang pesat. Pelaksanaan aturan bekerja secara maya, peralihan terhadap pasaran e-dagang, peningkatan kebergantungan terhadap infrastruktur digital dan tinjauan ke arah perkhidmatan langganan perisian semuanya disegerakan oleh sebab tatkala negara di seluruh dunia memasuki pelbagai keadaan sekatan pergerakan dan penjarakan sosial.

Kepantasan Digitalisasi di dalam Tenaga Kerja


Rajah 8: Pelbagai Sesi Harian bagi Aplikasi Bekerja Jarak Jauh



Seperti tertera di dalam rajah 8, peningkatan mendadak dalam penggunaan pelbagai platform komunikasi seperti Zoom, Google Classroom, Hangouts dan Microsoft Teams menunjukkan kebergantungan terhadap pelbagai platform ini untuk tujuan kerja sekolah dan masyarakat untuk berkomunikasi. Peningkatan penggunaan pelbagai platform maya menyumbang kepada kenaikan permintaan oleh para pengguna bagi sambungan jalur lebar internet yang stabil dan lebih cepat. Tambahan lagi, peningkatan kebergantungan terhadap pelbagai platform ini membentarkan ciri-ciri baharu oleh para pembangun perisian dikeluarkan dengan lebih cepat daripada tempoh yang dijangkakan.

Peralihan dalam Penggunaan Platform E-Dagang

Rajah 9: Jualan E-Dagang sebagai % daripada Jumlah Runcit




Sumber: US Census Bureau

Kehendak sekatan pergerakan juga memaksa masyarakat untuk mengubah penggunaan pelbagai medium dalam talian dan hasilnya platform e-dagang mencatatkan tempahan yang berlimpah serta meraih manfaat daripada sekatan pergerakan menerusi penghantaran ke rumah. Jualan e-dagang A.S melonjak secara mendadak sehingga 16.1% sebagai peratusan daripada jumlah jualan runcit semasa suku tahun kedua 2020.

Permintaan Data yang Tinggi Menggalakkan Pembangunan Infrastruktur Digital

Peningkatan dalam penggunaan internet telah meletakkan beban yang besar kepada infrastruktur digital sedia ada (sub-sektor telekomunikasi termasuk pusat-pusat data, fiber dan menara makro). Sewaktu semakin ramai individu berhubung menerusi internet setiap hari bagi tempoh masa yang panjang, penyedia-penyedia perkhidmatan semakin tertekan dalam memastikan kestabilan sambungan internet bagi pengguna.

Rajah 10: Ulasan Transaksi Infrastruktur Digital Global




Sumber: Inframation

PELABURAN ALTERNATIF

Oleh itu, pelaburan infrastruktur digital mempamerkan peranan pelaburan yang menarik untuk meredakan ketegangan terhadap infrastruktur sedia ada. Rajah 10 menunjukkan peningkatan dalam bilangan transaksi infrastruktur digital sebanyak 18.0% daripada 128 kepada 151 pada tahun 2020. Nilai transaksi tahunan pada tahun 2020 juga meningkat dengan ketara sebanyak 117.3% kepada USD80.2 bilion (bersamaan dengan pertambahan 10 kali ganda berbanding dengan tahun 2016).

Rajah 11: Pertumbuhan Berdaya Tahan Perisian sebagai Perkhidmatan (SaaS)

Data Perbelanjaan IT Seluruh Dunia dan Ramalan (USD Bilion)



Sumber: Gartner


Perbelanjaan IT global dijangka bertambah pada CAGR sebanyak 5.4% selama dua tahun akan datang mele过asi paras USD4.0 trilion menjelang tahun 2022, seperti yang digambarkan dalam Rajah 11. Dalam sektor ini, Perisian Perusahaan (*Enterprise Software*) diramalkan untuk mengalami 2 tahun CAGR tertinggi sebanyak 9.4% pada tahun 2022. Segmen Perisian sebagai Perkhidmatan (SaaS), menjadi sebahagian daripada Perisian Perusahaan, menawarkan pelbagai peluang dengan penerimagauna langganan model perniagaan yang menawarkan para pelanggan kos pendahuluan yang rendah dan muat turun yang pantas pelbagai produk daripada awan (*cloud*) serta pelbagai organisasi mendigitalkan tenaga kerja disebabkan oleh pandemik.

Peningkatan Kepentingan Keselamatan Siber

Dengan langkah pantas digitalisasi dan peningkatan kehadiran dalam talian kedua-dua badan korporat dan individu, serangan siber yang tidak diingini telah menjadi semakin berleluasa. Ketika pandemik, terdapat peningkatan dalam kegunaan malware (perisian hasad) yang tidak dapat dilihat dengan lebih daripada setengah juta kejadian serangan siber.

Rajah 12: Statistik mengenai Keselamatan Siber ketika Pandemik

Keselamatan Siber menggunakan perisian hasad atau cara tidak kelihatan sebelum ini




> 500,000

Di antara Februari dan Mei 2020, lebih daripada setengah juta individu secara global terjejas oleh pelbagai pelanggaran yang menyebabkan data peribadi para pengguna persidangan video dicuri dan dijual dalam *dark web* (laman sesawang pasaran gelap).

Sumber: Deloitte

Rajah 13 menunjukkan pasaran keselamatan siber dijunurkan untuk berkembang pada CAGR sebanyak 10.5% selama tiga tahun akan datang dan dijangka mencecah USD248.3 bilion pada tahun 2023. Ini didorong secara meluas oleh jangkaan permintaan untuk perlindungan daripada penyebaran secara meluas serangan siber yang berlanjutan.

Rajah 13: Saiz Pasaran Keselamatan Siber Global (USD Bilion)



Sumber: KWAP

KELAS ASET	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
------------	-------------------------	---------------	---------------------------------	----------------------	-----------------------------	------------------

Prestasi Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur KWAP

Memandangkan pandemik COVID-19 telah menimbulkan pelbagai cabaran kepada ekonomi global yang tidak pernah terjadi sebelum ini, portfolio-portfolio Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur KWAP terus menjana pulangan yang kukuh bagi tahun 2020. Portfolio ini menjana pengagihan pendapatan berjumlah RM275.7 juta dengan taburan sebanyak 95.2% daripada pelaburan dana dan 4.8% daripada pelaburan langsung.

Portfolio Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur telah menjana pulangan pusingan 10 tahun sebanyak 12.3%. Pulangan pelaburan KWAP dalam pasaran persendirian dikaitkan dengan pendekatan kesabaran dan berdisiplin dalam mencari peluang pelaburan yang baik pada nilai yang menarik. Pendekatan yang digabungkan ini memastikan margin keselamatan yang mencukupi manakala menyokong potensi kenaikan daripada pelaburan.

Pelbagai Pelaburan Teknologi pada tahun 2020

Pada tahun 2020, KWAP komited terhadap lima dana Ekuiti Persendirian dan satu pelaburan langsung. Seperti yang diperhatikan mengikut peningkatan penerimagauna teknologi disebabkan oleh cabaran yang ditimbulkan oleh pandemik COVID-19, KWAP melabur dalam dua dana memfokuskan kepada teknologi global. Strategi pelaburan menjurus kepada perisian perusahaan dan perisian keselamatan siber dengan hasil berulang.

Syarikat Perkhidmatan Teknologi Aerial


Pada Februari 2020, KWAP melabur dalam syarikat teknologi yang diperbadankan di Malaysia dengan kedudukan kukuh di pasaran global. Berpangkalan di Malaysia, syarikat ini adalah sebuah syarikat perkhidmatan teknologi aerial yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan dan pemantauan hujung-ke-hujung merentasi pelbagai sektor menggunakan Pesawat Tanpa Pemandu (UAV). Pada tahun 2020, syarikat ini diletakkan pada kedudukan ke-2 secara global dalam kalangan syarikat-syarikat perkhidmatan teknologi aerial, sebahagiannya disebabkan oleh dana yang diterima dan kerjasama yang dijalankan. KWAP terus menyokong pembangunan syarikat-syarikat Malaysia untuk muncul sebagai wira-wira global.

Teknologi Perisian sebagai Perkhidmatan ("SaaS") Memfokus kepada Dana

KWAP melabur dalam dua dana memfokus kepada teknologi yang khusus di dalam pelaburan dalam syarikat-syarikat SaaS. Pelaburan-pelaburan dalam sektor SaaS adalah menarik disebabkan oleh hasil berulang yang berkualiti tinggi, dan perisian ini adalah asas kepada pelbagai operasi perniagaan pelanggan. Hasil yang berkualiti tinggi mengurangkan risiko kegagalan syarikat SaaS dengan model hasil yang dapat diramalkan dan penjanaan aliran tunai yang ditentukan oleh pelbagai atribut ini.


- Hasil berulang dan margin kasar yang tinggi: Yuran langganan lazimnya berasaskan talian tetap, syarikat-syarikat tidak memerlukan usaha jualan yang berulang; dan
- Kadar pengekalan/pembaharuan yang tinggi: Kos penukaran yang tinggi, keadaan kritikal produk/perkhidmatan perisian kepada perniagaan dan menelan belanja yang besar/menjejaskan perubahan.

Rajah 14: (Teknologi dan Perisian)



Sumber: Bain & Company

Rajah 15 (Lain-lain): Pelbagai Modal yang Dilabur Terkumpul (MOIC) untuk Urus Niaga Beli Habis yang Direalisasikan




Sumber: Bain & Company

PELABURAN ALTERNATIF

Purata Gandaan Modal Dilaburkan (MOIC) bagi urus niaga teknologi dan perisian yang prestasinya mengatasi kebanyakan urus niaga berkaitan dengan bukan teknologi, dengan urus niaga berkaitan dengan teknologi secara keseluruhan puratanya pada 2.3x MOIC, dirangsang oleh purata urus niaga perisian yang kukuh pada 2.8x MOIC berbanding dengan strategi bukan teknologi pada 2.2x MOIC. Ciri-ciri perolehan berdaya tahan dalam sektor perisian daripada hasil mampu berkualiti tinggi dengan kadar pengekalan tinggi merupakan faktor-faktor utama yang menyumbang kepada prestasi melebihi jangkauan urus niaga berkaitan dengan teknologi ketika tempoh ketidakpastian ekonomi.

Pendedahan Geografi Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur KWAP

Rajah 16 (Tahun 2019) dan 17 (Tahun 2020): Taburan Geografi Keseluruhan Komitmen Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur KWAP



Sumber: KWAP

Majoriti penglibatan Kwap di dalam Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur berada di Amerika Utara pada 30.2%, diikuti oleh Asia Pasifik pada 26.3% dan Eropah pada 19.0% daripada portfolio Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur. Disebabkan oleh pulangan kukuh dan konsisten di dalam pasaran persendirian, Alokasi Aset Strategik (SAA) Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur berjumlah RM8.9 bilion dengan kadar penggunaan SAA sebanyak 2.1% bagi Ekuiti Persendirian dan 1.2% bagi Infrastruktur. Setakat 31 Disember 2020, KWAP telah melabur sejumlah 53 dana Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur serta empat pelaburan langsung.

Kesimpulan

Tahun 2021 memberikan satu cabaran untuk menyesuaikan diri dengan norma kehidupan baharu selepas COVID-19. Dana Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur perlu meneruskan penjanaan dana melalui platform maya bagi memastikan pencapaian berada pada tahap global. Tahap penggunaan akan mengambil masa untuk kembali angka pra-Covid kerana pelancaran vaksin menimbulkan cabaran selanjutnya disebabkan kekurangan bekalan dan kesukaran untuk menyimpan vaksin tersebut. Walau bagaimanapun, pada kadar semasa pembangunan dalam teknologi dan pelaburan ke dalam sektor berdaya tahan lain, kemungkinan besar kita akan mula melihat pulangan dan kadar pertumbuhan menuju ke arah aliran positif dalam separuh kedua tahun 2021.

Pelan pemulihan bagi kelas aset ini walau bagaimanapun, tertakluk kepada pelan vaksinasi yang kukuh melangkaui pelbagai ekonomi utama termasuk Ekuiti Persendirian. Dari segi kestabilan geopolitik, rantau Asia Pasifik seharusnya mencapai pertumbuhan kukuh dalam pelaburan selama lima tahun akan datang. Bagaimanapun, ini hanya dapat dikekalkan dengan mengurangkan ketegangan di antara China dan Amerika Syarikat, dan menenangkan situasi pasca Brexit (sesudah U.K keluar daripada Kesatuan Eropah) di Eropah.

Pasukan Ekuiti Persendirian KWAP akan terus memantau geografi pelaburan dana kami bagi memastikan kami bersedia untuk sebarang perubahan negatif. Jalinan hubungan berterusan yang kukuh di antara KWAP dan rakan kongsi memastikan kami sentiasa dimaklumkan tentang peluang dan cabaran di lapangan.

Meskipun pulangan daripada ekuiti persendirian cukup menarik, adalah penting untuk memantau prestasi setiap dana dan memastikan ianya tertakluk kepada piawai pengurusannya, faktor-faktor makroekonomi serta mikroekonomi yang juga berhubung kait dengan pasaran-pasaran awam. Ini berkisar daripada pelbagai pengaruh geopolitik, pengaruh rantaian nilai dan situasi semasa ekonomi.

KELAS ASET	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
------------	-------------------------	---------------	---------------------------------	----------------------	-----------------------------	------------------

PELABURAN HARTANAH

KWAP memiliki 19 harta tanah di dalam portfolionya. KWAP terus mengamalkan prinsip ESG dalam pelaburannya dengan lapan (8) daripada harta tanah milik KWAP telah diberikan pensijilan akreditasi alam sekitar dan kecekapan tenaga seperti berikut:


Harta Tanah	Pensijilan Alam Sekitar	Penarafan
Malaysia		
Intega Tower, Kuala Lumpur	Leadership in Energy & Environmental Design (LEED) U.S	Platinum Shell & Core
Cap Square Tower, Kuala Lumpur	Indeks Bangunan Hijau (GBI) Malaysia	Diperakui
Australia		
747 Collins Street, Melbourne	National Australian Built Environment Rating System (NABERS)	NABERS Energy: 6.0 NABERS Water: 5.0
179 Turbot Street, Brisbane	National Australian Built Environment Rating System (NABERS)	NABERS Energy: 5.5 NABERS Water: 4.0
United Kingdom		
10 Gresham Street, London	Energy Performance Certificate UK (EPC)	Pejabat: E Runcit: D
Intu Uxbridge Shopping Centre, London	Energy Performance Certificate (EPC)	D
100 Cheapside, London	Building Research Establishment Environmental Assessment Method (BREEAM) U.K	Cemerlang
	Leadership in Energy & Environmental Design (LEED) U.S	Platinum
	Energy Performance Certificate UK (EPC)	B30
Jerman		
Zalando Distribution Centre, Erfurt	German Sustainable Building Council (DGNB)	Emas

KWAP menyasarkan untuk meneruskan usaha dalam memenuhi prinsip ESG untuk pelaburan harta tanahnya.

PRESTASI


Pelaburan harta tanah KWAP menjana pendapatan bersih sebanyak RM256.2 juta atau hasil pendapatan bersih atas kos pelaburan sebanyak 4.1%. Dipaparkan dalam Carta 1 ialah hasil pendapatan bersih atas kos pelaburan portfolio harta tanah KWAP dari tahun 2016 hingga 2020.

Carta 1: Hasil pendapatan bersih portfolio harta tanah KWAP atas kos pelaburan dari tahun 2016 hingga tahun 2020



Bagi tahun 2020, pelaburan harta tanah KWAP merekodkan jumlah pulangan sebanyak 4.7%. Purata pusingan 5 tahun (2016-2020) ialah 7.1% yang melebihi penanda aras purata pusingan 5 tahun dalam sejarnah sebanyak 5.4%. Carta 2 menunjukkan jumlah pulangan sejarnah 5 tahun (2016 – 2020) portfolio harta tanah KWAP berbanding dengan purata dan penanda aras 5 tahun bagi tahun 2020.


Carta 2: Portfolio Hartanah KWAP - Jumlah Pulangan Pusingan 5 tahun




Nota: Penanda Aras ialah purata pusingan 5 tahun bagi tahun 2020

PELABURAN ALTERNATIF


Pendedahan geografi dan jenis aset portfolio hartanah KWAP setakat hujung tahun 2020 berdasarkan kos pelaburan adalah seperti yang dinyatakan masing-masing di dalam Carta 3 dan Carta 4. Kadar purata penghuni hartanah KWAP pada 31 Disember 2020 ialah 90.6%.

Carta 3: Pendedahan Geografi setakat 31 Disember 2020 (RM juta)

Nota: Pendedahan berdasarkan ekuiti dilaburkan

Carta 4: Pendedahan Jenis Aset setakat 31 Disember 2020 (RM juta)

Nota: Pendedahan berdasarkan ekuiti dilaburkan



Nota: Pendedahan berdasarkan nilai hartanah

AKTIVITI UTAMA PADA TAHUN 2020

Pada Jun 2020, KWAP meluaskan portfolio penginapan pelajar dengan memperoleh dua bangunan penginapan pelajar di U.K. iaitu, Symons House, di Leeds dan Crown House, di Sheffield dengan harga sebanyak £89.4 juta (RM475.8 juta) atau pada anggaran kos pelaburan sebanyak £91.0 juta (RM483.5 juta). Tambahan lagi, pada 17 Disember 2020, KWAP telah menggabungkan pemilikan 100% The Chimes, Uxbridge (dahulunya dikenali sebagai Intu Uxbridge) dengan pemerolehan minoriti 20% faedah dalam hartanah.

**Symons House, Leeds, United Kingdom (Penginapan Pelajar)****Crown House, Sheffield, United Kingdom (Penginapan Pelajar)****The Chimes, Uxbridge, West London, United Kingdom (Runcit)**

HARTANAH DOMESTIK KWAP**Menara Integra, Kuala Lumpur
(Pejabat)**Harga Belian
RM1,065 jutaTarikh Pemerolehan
31 Mac 2015Tempoh
Pegangan BebasRuang Boleh Sewa Bersih
765,249 kaki persegi**Menara Capsquare, Kuala Lumpur
(Pejabat)**Harga Belian
RM474.3 jutaTarikh Pemerolehan
15 Disember 2016Tempoh
Pegangan BebasRuang Boleh Sewa Bersih
601,796 kaki persegi**Pusat Komersial Mydin, Skudai,
Johor (Runcit)**Harga Belian
RM220 jutaTarikh Pemerolehan
22 Januari 2019Tempoh
Pegangan PajakanRuang Boleh Sewa Bersih
409,080 kaki persegi**HARTANAH ANTARABANGSA KWAP****747 Collins Street, Melbourne, Australia
(Pejabat)**Harga Belian
AUD318.8 jutaTarikh Pemerolehan
**30 September
2013 dan
8 Februari 2018**Tempoh
Pegangan BebasRuang Boleh Sewa Bersih
430,914 kaki persegi**179 Turbot Street, Brisbane, Australia
(Pejabat)**Harga Belian
AUD172.3 jutaTarikh Pemerolehan
31 Oktober 2013Tempoh
Pegangan BebasRuang Boleh Sewa Bersih
268,831 kaki persegi**133 Lenore Drive, Erskine Park,
Sydney, Australia (Logistik)**Harga Belian
AUD75.1 jutaTarikh Pemerolehan
30 November 2014Tempoh
Pegangan BebasRuang Boleh Sewa Bersih
480,430 kaki persegi

PELABURAN ALTERNATIF

**1 Griffin Crescent, Brendale, Queensland, Australia (Logistik)**

Harga Belian
AUD73.7 juta

Tarikh Pemerolehan
30 November 2015

Tempoh
Pegangan Bebas

Ruang Boleh Sewa Bersih
542,570 kaki persegi

**38 - 46 Bernara Road, Prestons, Sydney, Australia (Logistik)**

Harga Belian
AUD70.1 juta

Tarikh Pemerolehan
30 Julai 2015

Tempoh
Pegangan Bebas

Ruang Boleh Sewa Bersih
237,884 kaki persegi

**133A, Lenore Drive, Erskine Park, Sydney, Australia (Logistik)**

Harga Belian
Kos Tanah: AUD5.1 juta
Kos Pembangunan: AUD8.2 juta

Tarikh Pemerolehan
23 Disember 2015

Tempoh
Pegangan Bebas

Tarikh Pembangunan
14 April 2017

Ruang Boleh Sewa Bersih
81,558 kaki persegi

**10 Gresham Street, London, UK (Pejabat)**

Harga Belian
GBP200.0 juta

Tarikh Pemerolehan
24 Oktober 2012

Tempoh
Pegangan Pajakan
(tamat tempoh pada 24 Jun 2164)

**100 Cheapside, London (Pejabat)**

Harga Belian
GBP 141.0 juta

Tarikh Pemerolehan
20 Disember 2019

Tempoh
Pegangan Pajakan

Ruang Boleh Sewa Bersih
101,823 kaki persegi

**The Chimes, Uxbridge, London, UK (Runcit)**

Harga Belian
GBP 103.3 juta

Tarikh Pemerolehan
20 Jun 2014

Tempoh
Pegangan Bebas

Ruang Boleh Sewa Bersih
462,603 kaki persegi



**800 Bristol Road, Birmingham,
UK (Penginapan Pelajar)**

Harga Belian
GBP14.6 juta

Tarikh Pemerolehan
8 Ogos 2018

Tempoh
Pegangan Bebas

Ruang Boleh Sewa Bersih
31,724 kaki persegi



**The Mill House, Edinburgh,
UK (Penginapan Pelajar)**

Harga Belian
GBP25.1 juta

Tarikh Pemerolehan
8 Ogos 2018

Tempoh
Pegangan Bebas
Scotland

Ruang Boleh Sewa Bersih
63,212 kaki persegi



**Symons House, Leeds,
UK (Penginapan Pelajar)**

Harga Belian
GBP50.1 juta

Tarikh Pemerolehan
30 Jun 2020

Tempoh
Pegangan Bebas

Ruang Boleh Sewa Bersih
132,105 kaki persegi



**Crown House, Sheffield,
UK (Penginapan Pelajar)**

Harga Belian
GBP39.3 juta

Tarikh Pemerolehan
30 Jun 2020

Tempoh
Pegangan Bebas

Ruang Boleh Sewa Bersih
154,175 kaki persegi

PELABURAN ALTERNATIF



**Sherwood Court,
Seymour Place, London Apartment**

Harga Belian
GBP 1.4 juta

Tarikh Pemerolehan
27 Februari 2015

Tempoh
Pegangan Pajakan

Ruang Boleh Sewa Bersih
836 kaki persegi

Nota
Pangsapuri diperoleh bagi penginapan
kakitangan KWAP yang dipinjamkan
kepada Prima Ekuiti United Kingdom
(PEUK) Pejabat London



**Albion Gate,
Albion Street, London Apartment**

Harga Belian
GBP1.6 juta

Tarikh Pemerolehan
27 Februari 2015

Tempoh
Pegangan Pajakan

Ruang Boleh Sewa Bersih
935 kaki persegi

Nota
Pangsapuri diperoleh bagi penginapan
kakitangan KWAP yang dipinjamkan
kepada Prima Ekuiti United Kingdom
(PEUK) Pejabat London



**Zalando Distribution Warehouse,
Erfurt, Germany (Logistik)**

Harga Belian
EUR92.2 juta

Tarikh Pemerolehan
5 Mei 2017

Tempoh
Pegangan Pajakan

Ruang Boleh Sewa Bersih
1,381,794 kaki persegi

KWEST SDN BHD**ULASAN PENCAPAIAN PADA TAHUN 2020**

Tahun 2021 bakal menjadi tahun yang menarik bagi KWEST. Produk kami yang pertama, Millennial Homes, di Seri Tanjung Pinang Fasa 2A ("STP2A") yang dijangka akan dilancarkan pada November 2021, ekoran daripada penyempurnaan Middle Bridge. Bagaimanapun, memandangkan peningkatan kes COVID-19 baru-baru ini, kami tetap optimistik namun berhati-hati di dalam memilih waktu pelancarannya. Pengurusan di Persada Mentari Sdn Bhd sedang bekerjasama dengan semua perunding, penasihat dan wakil kami di KWEST untuk membuat keputusan terbaik bagi pembangunan projek ini.

FASA 2A SERI TANJUNG PINANG ("STP2A")

Berikutnya penyempurnaan kerja-kerja penebusgunaan tanah STP2A pada penghujung tahun 2019, pembangunan infrastruktur pulau ini telah diteruskan dengan beberapa kerja kontrak diberikan pada tahun 2020 bagi jalanraya, saliran dan loji rawatan pembetungan hijau. Manakala kemajuan Middle Bridge yang menghubungkan STP2A ke Pulau Pinang adalah amat baik pada 63%, iaitu berada pada landasan yang betul untuk disempurnakan pada separuh kedua tahun 2021 (2H2021), reka bentuk dan perancangan projek pembangunan STP2A telah bermula berikutan kelulusan Pelan Perniagaan 3 tahun STP2A pada April 2020. Meskipun berhadapan cabaran COVID-19, Persada Mentari Sdn Bhd (PMSB) yang merupakan syarikat bertujuan khas (SPV) pembangunan antara KWEST dan E&O, berjaya mendapatkan kelulusan perancangan Perintah Pembangunan daripada pihak berkuasa tempatan bagi projek sulung kediaman servis 1,020-unit di kawasan berkeluasan 4-ekar, dinamakan 'Millennial Homes' (Kediaman Milenium). Reka bentuk dan skim harga dijangka menarik bagi pembeli rumah pertama dan berusia muda. Millennial Homes direka bentuk untuk menggalakkan pertumbuhan penduduk bagi pulau ini manakala mewujudkan pengumpulan tenaga kerja bagi pelancaran komponen komersial nanti.

Di samping Millennial Homes, permohonan perancangan bagi Festival Village yang merupakan pembangunan 5-ekar galeri jualan dan hab komersial STP2A, telah dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan untuk kelulusan. Tambahan lagi, reka bentuk dan perancangan skematik dua lagi projek pembangunan iaitu Marina Apartments dan Executive Homes telah bermula dan dirancang untuk pelancaran masing-masing pada tahun 2022 dan 2023.

COMPASS@KSL

Memandangkan senario harta tanah domestik yang mencabar sepanjang beberapa tahun yang lepas, sektor perindustrian dan logistik menyerlah sebagai sektor harta tanah berprestasi paling cemerlang dengan pertumbuhan positif yang berterusan. Disokong oleh Revolusi Perindustrian 4.0 dan peningkatan e-dagang, KWEST membuat keputusan untuk melabur dalam hab perindustrian dan

logistik yang pertama di Banting, Selangor. KWEST memegang 20% saham daripada pelaburan tersebut bersama-sama PNB dan AREA Industrial Development Holdings ("AREA") masing-masing memegang 60% dan 20%. Dengan anggaran Nilai Pembangunan Kasar GDV sebanyak RM1.3 bilion, pembangunan di atas tapak berkeluasan 220-ekar dijangka mengambil masa lapan tahun untuk disiapkan. Pembangunan ini akan dijalankan secara berperingkat dan mengandungi komponen-komponen pembinaan untuk dijual dan pembinaan untuk dipajak bagi memenuhi keperluan berbeza dalam industri. Dengan lokasi strategik tapak tersebut, kami percaya pembangunan ini akan menjadi hab pilihan utama pada masa hadapan.

Berasaskan portfolio, usaha niaga di dalam sektor perindustrian ini memberikan manfaat kepada KWEST yang kini sebahagian besarnya dikuasai oleh pelaburan dalam STP2A yang memberi fokus kepada harta tanah kediaman dan komersial. Walaupun sumbangannya agak kecil jika dibandingkan dengan STP2A, ia menandakan permulaan penglibatan KWEST dalam harta tanah perindustrian di Malaysia.

RODDC19

KWEST mengadakan usaha libat urus secara berterusan dengan pelbagai organisasi yang berkongsi kepentingan umum dan sejarah dengan visi kami, terutamanya dalam pelbagai inisiatif harta tanah dan pembangunan negara. Oleh itu, KWEST, secara usahasama dengan Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan pertandingan reka cipta arkitek untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan Pembangunan Berorientasikan Persaraan (ROD) dalam masyarakat yang meningkat usia. Pertandingan Reka Bentuk Pembangunan Berorientasikan Persaraan 2019 (RODDC2019) yang dilancarkan secara rasmi pada November 2019, mencabar generasi pereka masa hadapan untuk mereka cipta konsep penyelesaian reka bentuk holistik yang akan berupaya untuk menangani pelbagai cabaran asas yang dihadapi oleh segmen pasaran ini yang merangkumi mewujudkan kesedaran, ketercapaian, kemampuan, fleksibiliti dan memperkenal komponen-komponen yang betul bagi pembangunan mesra umur yang berdaya maju serta mampan. Pertandingan

KWEST SDN BHD

reka bentuk ini telah mencatatkan sejumlah 49 peserta daripada pelbagai institusi pengajian tinggi Malaysia. Pertandingan ini berakhir pada Oktober 2020 apabila Universiti Sains Malaysia (USM) dengan reka bentuk berjudul 'Hyden Park' muncul sebagai pemenang dan membawa pulang wang tunai RM10,000, diikuti oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang masing-masing menduduki tempat kedua dan ketiga.

re|DISCOVERY 2020

Dari 13 Oktober hingga 25 November 2020, KWEST menganjurkan siri syarahan kedua re|DISCOVERY - "KWEST re|DISCOVERY 2020", iaitu satu siri sesi perkongsian pengetahuan dan libat urus bersama kakitangan memfokuskan kepada tema berkaitan dengan harta tanah. Matlamat re|DISCOVERY 2020 adalah untuk mengumpulkan tokoh-tokoh cerdik pandai dan berinspirasi daripada pelbagai sektor untuk memupuk pembelajaran, penemuan, inovasi, kreativiti dan mencetus perbualan yang merangsangkan fikiran mengenai hal-hal harta tanah. Sebanyak tujuh webinar dan pelbagai pertandingan serta kuiz dianjurkan dengan sokongan dan penyertaan yang menggalakkan daripada komuniti kakitangan KWAP sepanjang siri tersebut. Siri ini dibuka dengan forum perbincangan panel yang menarik mengenai "re|LIVE : Bandar Mesra Usia - Masa Depan Kehidupan Berkomuniti" oleh pakar-pakar terkemuka dalam bidang ini bersempena dengan sambutan Hari Warga Emas Malaysia dan majlis penutup pertandingan reka bentuk RODDC2019. Acara lain bermula daripada ceramah-ceramah menarik mengenai pasaran semasa "re|START : Tinjauan PascaCovid bagi Harta Tanah" untuk masa hadapan harta tanah dan isu-isu keselamatan ruang kerja "re|THINK : Kecerdasan Buatan dalam Pelaburan Harta Tanah" dan "re|SILENCE : Melindungi Tenaga Kerja Jarak Jauh & Mewujudkan Ruang Kerja Dipercayai"; kepada mengambil perspektif berbeza dan kreatif mengenai harta tanah menerusi webinar "re|IMAGINE : Mencanting Batik" dan "re|LOOK : Fotografi" dan pelbagai pertandingan kakitangan yang menyeronokkan. Siri-siri ini berakhir dengan acara hasil usahasama dengan KWAP HRD dan WWF-Malaysia mengenai "re|SPONSIBLE: Perubahan Iklim dan Tanggungjawab" yang menyentuh mengenai kemampunan harta tanah masa hadapan.

Sasaran bagi tahun 2021

Tahun 2021 bakal menjadi tahun yang menarik bagi KWEST. Produk kami yang pertama, Millennial Homes, di Seri Tanjung Pinang Fasa 2A ("STP2A") yang dijangka akan dilancarkan pada Ogos 2021, ekoran daripada penyempurnaan Middle Bridge. Bagaimanapun, memandangkan peningkatan kes COVID-19 baru-baru ini, kami tetap optimistik namun berhati-hati dalam memilih waktu pelancarannya. Pasukan di Persada Mentari Sdn Bhd sedang bekerjasama dengan semua perunding, penasihat dan wakil kami di KWEST untuk membuat keputusan terbaik bagi pembangunan projek ini.

Tambahan lagi, COMPASS@KSL akan meneruskan kerja prapembangunannya di dalam persediaan pelancaran yang dirancang pada tahun 2022. Ini akan berlaku serentak dengan penyempurnaan jalan keluar Banting daripada Lebuh Raya Pantai Barat yang akan merangsang pembangunan melangkah ke hadapan. Lebuh raya ini akan menjimatkan masa perjalanan dari Banting ke Pelabuhan Klang dengan ketara dan menghubungkan tapak ini ke bandar-bandar utama di Lembah Klang. Pasukan di Compass IP akan mula mendekati pemain-pemain berpotensi untuk membuka pusat perindustrian atau logistik di tapak tersebut.

Berkenaan dengan peluang-peluang lain, KWEST akan berpandukan Lembaga KWEST, Panel Pelaburan KWAP dan Lembaga KWAP di dalam memburu peluang-peluang yang dilihat tepat bagi memenuhi mandat pelburannya.

PRIMA EKUITI (UK) LIMITED

Prima Ekuiti (UK) Limited (Prima Ekuiti), ditubuhkan pada tahun 2012, ialah syarikat subsidiari milik penuh kami di U.K. dan beroperasi sebagai rakan pelaburan KWAP di rantau Eropah. Sejak penubuhannya, ia telah dimandatkan untuk mengurus portfolio-portfolio ekuiti di rantau Eropah. Meskipun Prima Ekuiti telah memberi fokus kepada pelbagai ekuiti, ia turut merancang untuk mengembangkan skop pelaburan dalam kelas-kelas aset lain dalam jangka masa terdekat dan jangka masa sederhana.

Portfolio ekuiti pertama Prima Ekuiti merupakan mandat portfolio ekuiti U.K. pada tahun 2012 yang telah menyumbang pulangan sebanyak 32.0% sejak penubuhannya, dengan selesa melebihi pulangan Indeks FTSE100 sebanyak 21.4% pada tempoh yang sama. Portfolio mandat kedua merupakan mandat portfolio ekuiti Euro yang menyumbang pulangan sebanyak 48.6% sejak dimandatkan pada tahun 2014, melebihi dengan kukuh pulangan Indeks Euro MSCI sebanyak 17.9% pada tempoh yang sama. Sementara itu, portfolio Pulangan Mutlak agak baharu yang diwujudkan pada Jun 2018 dengan modal awal sebanyak EUR75.0 juta mewakili langkah ke arah pelaburan yang lebih memfokus kepada pelaburan tematik jangka masa panjang.

Dengan modal permulaan sebanyak GBP100 juta untuk dilabur dalam ekuiti U.K., Prima Ekuiti telah mengembangkan aset di bawah pengurusannya, meluaskan liputan pelaburan dan mempelbagaikan gaya pelaburan melalui penubuhan portfolio Ekuiti Euro pada tahun 2014 dan Dana Pulangan Mutlak Eropah pada tahun 2018. Nilai pasaran portfolio ekuiti U.K. meningkat kepada GBP212.1 juta dan portfolio ekuiti Euro berkembang kepada EUR228.0 juta, manakala portfolio Pulangan Mutlak meningkat kepada EUR77.7 juta.


Pada penghujung tahun 2020, portfolio-portfolio U.K. dan Euro telah mengembalikan lebih daripada GBP140.1 juta kepada KWAP sejak penubuhannya.

Pada tahun 2020, Prima Ekuiti mengagihkan tambahan dividen sebanyak GBP100,000 kepada KWAP, menjadikan jumlah dividen dibayar sejak pengenalan program pembayaran dividen pada tahun 2015 kepada GBP1,100,000.


Ulasan Pelaburan




Portfolio ekuiti U.K. mencatatkan pulangan sebanyak -13.2% pada tahun 2020 dengan nilai pasaran pada GBP212.1 juta, yang mewakili prestasi melebihi jangkauan sebanyak 111 mata asas daripada penanda aras FTSE100, yang menghasilkan pulangan sebanyak -14.3%. Sejak penubuhannya pada 2 Mei 2012, portfolio tersebut meningkat sebanyak 32.0%, dengan selesa melebihi pulangan Indeks FTSE100 sebanyak 21.4% pada tempoh yang sama.

Portfolio Ekuiti UK







UK: TWRR Tahun Sehingga Kini



PRIMA EKUITI (UK) LIMITED**UK: TWRR Sejak Penubuhan****UK: Nilai Aset Bersih****UK: Nisbah Maklumat**





Sementara itu, portfolio ekuiti Euro mencatatkan pulangan sebanyak -4.0% pada 2020, melepas prestasi penanda aras Indeks Euro MSCI sebanyak 11 mata asas. Namun demikian, sejak penubuhannya pada 2 September 2014, portfolio ekuiti Euro telah meningkat sebanyak 48.6%, mengatasi penanda arasnya sebanyak 30.7%.

Portfolio Ekuiti Euro**EURO: Alokasi Aset**

Portfolio Ekuiti Euro**EURO: TWRR Tahun Terkini****EURO: Nisbah Maklumat****EURO: TWRR Sejak Penubuhan****EURO: Nilai Aset Bersih**

PRIMA EKUITI (UK) LIMITED

Sejak permulaan portfolio Pulangan Mutlak pada Jun 2018, portfolio ekuiti Pulangan Mutlak telah meningkat sebanyak 3.4% dengan Nilai Aset Bersih (NAV) sebanyak 1.03x.

Portfolio Ekuiti Pulangan Mutlak**Pulangan Mutlak: Sejak Permulaan TWRR****Pulangan Mutlak: Nilai Aset Bersih**

Walaupun penjanaan dana dan nilai untuk pihak berkepentingan kami kekal sebagai suatu kewajipan, namun KWAP komited secara sepenuhnya dalam melaksanakan amalan yang terbaik dalam pelaporan kewangan demi menjaga pihak berkepentingan kami dengan lebih baik.

PENYATA KEWANGAN

- 122** Pensijilan Ketua Audit Negara
- 126** Penyata Pengurus dan seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
- 127** Pengakuan oleh Pegawai Utama
- 128** Penyata-penyata Pendapatan Komprehensif
- 130** Penyata-penyata Kedudukan Kewangan
- 132** Penyata Perubahan dalam Ekuiti
- 134** Penyata-penyata Aliran Tunai
- 136** Nota-nota kepada Penyata Kewangan

06

PENSIJILAN KETUA AUDIT NEGARA	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
--------------------------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mewakilkan sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan). Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 157.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

PENSIJILAN KETUA AUDIT NEGARA	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
-------------------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662]. Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan, Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu janji yang boleh audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

PENSIJILAN KETUA AUDIT NEGARA	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
-------------------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatas kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan sebagai salu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya juga telah memaklumkan Lembaga bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.

PENSIJILAN KETUA AUDIT NEGARA	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
-------------------------------	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662], saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 10 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga berdasarkan keperluan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.


(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
9 DISEMBER 2021



PENYATA PENGURUSI

Dan Seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan
(Diperbadankan)

Perutusan
Pemimpin KamiMengenai
KWAPPihak
Berkepentingan
PengurusanTadbir Urus
KorporatUlasan Ekonomi
dan Strategi**Penyata
Kewangan**


Kami, **Datuk Asri Bin Hamidin @ Hamidon** dan **Dato' Azmi Bin Abdullah** yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dengan ini mengatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan berpandukan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) dan Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS), untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



Nama : **Datuk Asri Bin Hamidin @ Hamidon**
 Jawatan : Pengurus Lembaga
 Tarikh : 30 November 2021
 Tempat : Kuala Lumpur

Bagi pihak Lembaga,



Nama : **Dato' Azmi Bin Abdullah**
 Jawatan : Ahli Lembaga
 Tarikh : 30 November 2021
 Tempat : Kuala Lumpur

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA

Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan 2020
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)

Perutusan
Pemimpin KamiMengenai
KWAPPihak
Berkepentingan
PengurusanTadbir Urus
KorporatUlasan Ekonomi
dan StrategiPenyata
Kewangan

Saya, **Nik Amlizan Binti Mohamed**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), dengan sucihati mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan)
pada 30 November 2021)



Di hadapan saya,



G1-1-2, Ground Floor, Menara 1 Dutamas.
Solaris Dutamas, No. 1, Jalan Dutamas, 1
50480 KUALA LUMPUR, MALAYSIA

Nota		Kumpulan		KWAP	
		31 Disember 2020	31 Disember 2019	31 Disember 2020	31 Disember 2019
		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pendapatan Pelaburan Kasar	4	7,099,583	6,323,931	6,805,751	6,067,973
Pendapatan Dividen		2,228,896	2,061,917	2,228,896	2,061,917
Keuntungan Daripada Jualan Pelaburan		1,791,507	785,898	1,791,507	561,668
Pendapatan Faedah		2,542,273	3,045,452	2,578,622	3,059,123
Pendapatan Sewaan		393,425	379,800	3,300	15,757
Pendapatan Pelaburan Lain		143,482	50,864	203,426	369,508
Pendapatan Bukan Pelaburan Lain	4	1,104,695	529,750	1,100,024	529,013
Perbelanjaan Operasi	5	(559,535)	(556,259)	(277,131)	(302,961)
Kos Urus Niaga		(61,300)	(38,680)	(61,300)	(38,680)
Keuntungan Tidak Nyata Bersih Daripada Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi		1,598,067	707,433	1,597,024	706,989
Peruntukan Bagi Kerugian Rosot Nilai Aset Kewangan		3,098	(10,331)	8,450	(10,331)
Peruntukan Bagi Kerugian Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan		(303,422)	-	(307,191)	(278,147)
Keuntungan Sebelum Cukai		8,881,186	6,955,844	8,865,627	6,673,856
Kos Pembiayaan		(63,050)	(65,981)	-	-
Keuntungan Daripada Syarikat Bersekutu		45,836	17,279	-	-
Kerugian Daripada Kepentingan Usaha Sama		(8,274)	(226,029)	-	-
Cukai	6	(5,059)	(3,340)	-	-
Keuntungan Selepas Cukai		8,850,639	6,677,773	8,865,627	6,673,856
Agihan Kepada:					
Pencarum KWAP		8,850,639	6,677,773	8,865,627	6,673,856
		8,850,639	6,677,773	8,865,627	6,673,856

Nota	Kumpulan		KWAP	
	31 Disember 2020 RM'000	31 Disember 2019 RM'000	31 Disember 2020 RM'000	31 Disember 2019 RM'000
(Kerugian)/Pendapatan Komprehensif Lain				
Item Yang Tidak Mungkin Diklasifikasikan Semula Kepada Untung Atau Rugi:				
Perubahan Nilai Saksama Bagi Instrumen Ekuiti Pada Nilai Saksama Melalui Rizab Pendapatan Komprehensif Lain				
- Keuntungan/(Kerugian) Penilaian Semula	(1,086,412)	32,486	(1,086,412)	32,486
- Kerugian Dari Jualan Tidak Dipindahkan Ke Perolehan Tertahan	(196,929)	(776)	(196,929)	(776)
Item Akan Atau Mungkin Diklasifikasikan Semula Kepada Untung Atau Rugi:				
Rizab Pertukaran Mata Wang Asing	73,259	(30,152)	-	-
Bahagian (Kerugian)/Keuntungan Komprehensif Lain Daripada Syarikat Berkelutu Dan Usaha Sama				
- Keuntungan/(Kerugian) Penilaian Semula	821,858	1,120,426	821,858	1,120,426
- Peruntukan Rugi Bagi Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	(8,447)	10,335	(8,447)	10,335
Jumlah (Kerugian)/Pendapatan Komprehensif Lain Bagi Tahun Semasa	(396,671)	1,132,319	(469,930)	1,162,471
Jumlah Pendapatan Komprehensif	8,453,968	7,810,092	8,395,697	7,836,327
Agihan Kepada:				
Pencarum KWAP	8,453,968	7,810,092	8,395,697	7,836,327
Jumlah Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif	8,453,968	7,810,092	8,395,697	7,836,327

PENYATA-PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Pada 31 Disember 2020

Perutusan
Pemimpin KamiMengenai
KWAPPihak
Berkepentingan
PengurusanTadbir Urus
KorporatUlasan Ekonomi
dan StrategiPenyata
Kewangan

	Nota	Kumpulan		KWAP	
		31 Disember 2020	31 Disember 2019	31 Disember 2020	31 Disember 2019
		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Aset Bukan Semasa					
Hartanah Dan Peralatan	7	59,560	63,799	55,367	59,532
Perisian Komputer	8	4,848	4,480	4,791	4,480
Pelaburan Hartanah	9	7,230,995	6,203,835	227,954	453,391
Tanah Dipegang Untuk Pembangunan					
Hartanah	9	660,850	653,424	-	-
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	10	-	-	5,739,455	4,646,586
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	11	978,277	905,272	872,469	851,365
Pelaburan Dalam Kepentingan Usaha Sama	12	1,303	127,028	-	-
Pinjaman Dan Belum Terima	13	2,689,132	5,601,187	3,012,310	5,900,276
Belum Terima Jangka Panjang	13	83,577	918	-	-
Instrumen Hutang Pada Kos Yang Dilunaskan	14	15,199,224	15,152,167	15,199,224	15,152,167
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui					
Penyata Untung Atau Rugi ("FVTPL")	15	629,976	308,610	602,476	308,610
Instrumen Ekuiti Pada Nilai Saksama Melalui					
Penyata Untung Atau Rugi ("FVTPL")	15	47,440,728	43,922,628	47,440,728	43,922,628
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui					
Pendapatan Komprehensif Lain ("FVOCI")	16	33,881,656	31,418,751	33,881,656	31,418,751
Instrumen Ekuiti Pada Nilai Saksama					
Melalui Pendapatan Komprehensif Lain					
("FVOCI")	17	29,079,669	27,979,328	29,079,669	27,979,328
		137,939,795	132,341,427	136,116,099	130,697,114
Aset Semasa					
Pinjaman Dan Belum Terima	13	2,895,333	2,441,583	2,895,333	2,441,583
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui					
Penyata Untung Atau Rugi ("FVTPL")	15	389,780	465,062	608,614	668,114
Aset Kewangan Derivatif	18	492,001	205,708	492,001	204,299
Penghutang Runcit Dan Deposit	19	117,649	52,119	118,187	103,877
Penghutang Perniagaan	20	2,464,129	1,655,148	2,416,547	1,630,568
Deposit Dan Penempatan Dengan Institusi					
Kewangan	21	10,786,424	11,498,142	10,786,424	11,498,142
Baki Tunai Dan Bank	21	2,656,995	1,485,868	2,140,049	1,025,678
		19,802,311	17,803,630	19,457,155	17,572,261
Liabiliti Semasa					
Liabiliti Kewangan Derivatif	18	99,962	74,605	72,129	69,958
Pemiutang Perniagaan	22	1,546,179	600,809	1,551,455	600,660
Pemiutang Dan Akruan Lain	23	176,151	202,450	126,663	118,474
Pendapatan Tertunda		48,038	434	-	433
Pinjaman	24	369,432	10,485	-	-
Liabiliti Pajakan	32	5,344	-	-	-
		2,245,106	888,783	1,750,247	789,525
Aset Semasa Bersih		17,557,205	16,914,847	17,706,908	16,782,736
		155,497,000	149,256,274	153,823,007	147,479,850

	Nota	Kumpulan		KWAP	
		31 Disember 2020	31 Disember 2019	31 Disember 2020	31 Disember 2019
		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Dibiayai Oleh:					
Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun	25	27,001,944	26,501,944	27,001,944	26,501,944
Caruman Pencen	26	57,307,209	54,860,277	57,307,209	54,860,277
Pengeluaran Oleh Kerajaan Persekutuan	27	(9,500,000)	(4,500,000)	(9,500,000)	(4,500,000)
Perolehan Tertahan	28	82,377,783	73,527,144	82,492,478	73,626,851
Rizab Lain	29	(46,642)	(46,642)	-	-
Rizab Pertukaran Mata Wang Asing	29	(121,723)	(194,982)	-	-
Rizab Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain ("FVOCI")	29	(3,482,499)	(3,012,569)	(3,482,499)	(3,012,569)
		153,536,072	147,135,172	153,819,132	147,476,503
Liabiliti Bukan Semasa					
Liabiliti Kewangan Derivatif	18	22,631	19,063	-	-
Liabiliti Cukai Tertunda	30	49	362	-	-
Manfaat Pekerja	31	3,875	3,347	3,875	3,347
Liabiliti Pajakan	32	111,516	52,625	-	-
Deposit Jangka Panjang		12,017	6,315	-	-
Pinjaman	24	1,810,840	2,039,390	-	-
		155,497,000	149,256,274	153,823,007	147,479,850

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUTI

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

Perutusan
Pemimpin KamiMengenai
KWAPPihak
Berkepentingan
PengurusanTadbir Urus
KorporatUlasan Ekonomi
dan StrategiPenyata
Kewangan

	Tidak Boleh Diagih								Boleh Diagih	
	Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun (Nota 25)	Pengeluaran Oleh			Rizab		Rizab Nilai Saksama Melalui			Perolehan Tertahan Boleh Agih (Nota 28)
		Caruman Pencen (Nota 26)	Kerajaan Persekutuan (Nota 27)	Rizab-rizab Lain (Nota 29)	Pertukaran Mata Wang Asing (Nota 29)	Pendapatan Komprehensif Lain (Nota 29)				
Kumpulan	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari 2019	26,001,944	52,230,752	(4,500,000)	(46,642)	(164,830)	(4,175,040)	66,849,371	136,195,555		
Keuntungan Tahun Sama	-	-	-	-	-	-	6,677,773	6,677,773		
(Kerugian)/Keuntungan										
Pendapatan										
Komprehensif Lain	-	-	-	-	(30,152)	1,162,471	-	1,132,319		
Penerimaan Peruntukan										
Kumpulan Wang										
Terkanun	500,000	-	-	-	-	-	-	-	500,000	
Pengeluaran Oleh Kerajaan										
Persekutuan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
Caruman Bersih Pencen										
Caruman Bersih Pencen	-	2,629,525	-	-	-	-	-	-	2,629,525	
Pada 31 Disember 2019	26,501,944	54,860,277	(4,500,000)	(46,642)	(194,982)	(3,012,569)	73,527,144	147,135,172		
Pada 1 Januari 2020	26,501,944	54,860,277	(4,500,000)	(46,642)	(194,982)	(3,012,569)	73,527,144	147,135,172		
Keuntungan Tahun Sama	-	-	-	-	-	-	8,850,639	8,850,639		
Keuntungan/(Kerugian)										
Pendapatan										
Komprehensif Lain	-	-	-	-	73,259	(469,930)	-	(396,671)		
Penerimaan Peruntukan										
Kumpulan Wang										
Terkanun	500,000	-	-	-	-	-	-	-	500,000	
Pengeluaran Oleh Kerajaan										
Persekutuan	-	-	(5,000,000)	-	-	-	-	-	(5,000,000)	
Caruman Bersih Pencen										
Dan Tuntutan	-	2,446,932	-	-	-	-	-	-	2,446,932	
Pada 31 Disember 2020	27,001,944	57,307,209	(9,500,000)	(46,642)	(121,723)	(3,482,499)	82,377,783	153,536,072		

KWAP	Tidak Boleh Diagih								Boleh Diagih	
	Peruntukan Kumpulan Wang Terkarun (Nota 25) RM'000	Pengeluaran Oleh			Rizab		Rizab Nilai Saksama Melalui	Perolehan		Jumlah RM'000
		Caruman Pencen (Nota 26) RM'000	Kerajaan Persekutuan (Nota 27) RM'000	Rizab-rizab Lain (Nota 29) RM'000	Pertukaran Mata Wang Asing (Nota 29) RM'000	Komprehensif Lain (Nota 29) RM'000		Tertahan Boleh Agih (Nota 28) RM'000		
Pada 1 Januari 2019	26,001,944	52,230,752	(4,500,000)	-	-	-	(4,175,040)	66,952,995	136,510,651	
Keuntungan Tahun Semasa	-	-	-	-	-	-	-	6,673,856	6,673,856	
Keuntungan Pendapatan Komprehensif Lain	-	-	-	-	-	-	1,162,471	-	1,162,471	
Penerimaan Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun	500,000	-	-	-	-	-	-	-	-	500,000
Pengeluaran Oleh Kerajaan Persekutuan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Caruman Bersih Pencen Dan Tuntutan	-	2,629,525	-	-	-	-	-	-	-	2,629,525
Pada 31 Disember 2019	26,501,944	54,860,277	(4,500,000)	-	-	-	(3,012,569)	73,626,851	147,476,503	
Pada 1 Januari 2020	26,501,944	54,860,277	(4,500,000)	-	-	-	(3,012,569)	73,626,851	147,476,503	
Keuntungan Tahun Semasa	-	-	-	-	-	-	-	8,865,627	8,865,627	
Kerugian Pendapatan Komprehensif Lain	-	-	-	-	-	-	(469,930)	-	(469,930)	
Penerimaan Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun	500,000	-	-	-	-	-	-	-	-	500,000
Pengeluaran Oleh Kerajaan Persekutuan	-	-	(5,000,000)	-	-	-	-	-	-	(5,000,000)
Caruman Bersih Pencen Dan Tuntutan	-	2,446,932	-	-	-	-	-	-	-	2,446,932
Pada 31 Disember 2020	27,001,944	57,307,209	(9,500,000)	-	-	-	(3,482,499)	82,492,478	153,819,132	

PENYATA-PENYATA ALIRAN TUNAI	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020						

	Kumpulan		KWAP	
	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi				
Keuntungan Sebelum Cukai	8,881,186	6,955,844	8,865,627	6,673,856
Pelarasan Untuk:				
Susut Nilai Hartanah Dan Peralatan Serta Pelaburan Hartanah	178,055	132,701	12,689	15,613
Pelarasan Pelaburan Hartanah Dan Peralatan Dan Hartanah	2,339	-	1,665	-
Pelunasan Perisian Komputer	2,683	3,006	2,630	3,006
Keuntungan Tidak Nyata Bersih Daripada Pelaburan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	(1,598,067)	(707,433)	(1,597,024)	(706,989)
Keuntungan Belum Direalisasi Bersih Atas Nilai Saksama Derivatif	(116,392)	(158,251)	(143,220)	(170,765)
Keuntungan Daripada Jualan Pelaburan	(1,791,507)	(785,898)	(1,791,507)	(561,668)
Keuntungan Daripada Jualan Hartanah Dan Peralatan	-	-	-	-
Pendapatan Faedah	(2,542,273)	(3,045,452)	(2,578,622)	(3,059,123)
Pendapatan Dividen	(2,228,896)	(2,061,917)	(2,228,896)	(2,061,917)
Keuntungan Bersama Pelaburan Syarikat Bersekutu Dan Kepentingan Usaha Sama	(37,562)	208,750	-	-
Peruntukan Manfaat Pekerja	536	-	536	-
Keuntungan Belum Direalisasi Atas Pertukaran Mata Wang Asing	-	(326,531)	-	-
Rosot Nilai Aset Kewangan	(3,098)	10,331	(8,450)	10,331
Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan	303,422	-	307,191	278,147
Pendapatan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	1,050,426	225,150	842,619	420,491
Perubahan Dalam Modal Kerja:				
Penambahan Penghutang Perniagaan	(808,981)	(137,609)	(785,979)	(110,622)
Penambahan/(Pengurangan) Penghutang Runcit Dan Deposit	(65,530)	67,914	(14,311)	38,481
(Penambahan)/Pengurangan Pembiutang Perniagaan	945,370	(34,187)	950,795	5,511
Penambahan Pembiutang Dan Akruan Lain	27,007	59,197	7,756	3,238
Cukai Pendapatan Yang Dibayar	(340)	3,636	-	-
Wang Tunai Bersih Dihasilkan Daripada Aktiviti Operasi	1,147,952	184,101	1,000,880	357,099

	Kumpulan		KWAP	
	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan				
Perolehan Daripada Jualan Instrumen Kewangan Pada Kos Terlunas	11,695	1,990,516	11,695	1,990,516
Pembelian Instrumen Kewangan Pada Kos Terlunas	(22,100)	(317,040)	(22,100)	(317,040)
Penerimaan Jualan Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	21,587,333	16,473,251	21,587,333	16,473,886
Pembelian Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	(24,266,703)	(22,547,782)	(24,266,703)	(22,547,782)
Perolehan Daripada Jualan Instrumen FVOCI	8,823,447	15,478,872	8,823,447	15,478,872
Pembelian Aset Kewangan Pada FVOCI	(10,508,364)	(17,531,165)	(10,508,364)	(17,531,165)
Deposit Dan Penepatan Dengan Institusi Kewangan	2,819,718	(2,582,695)	2,819,718	(2,582,695)
Pembelian Hartanah Dan Peralatan	(5,715)	(4,991)	(5,835)	(2,355)
Pembelian Perisian Komputer	(3,051)	(3,053)	(2,943)	(3,053)
Pembelian Pelaburan Hartanah	(1,258,348)	(1,044,761)	-	(229,719)
Perolehan Daripada Jualan Aset Sedia Dijual	-	560,200	-	-
Perolehan Jualan Pelaburan Hartanah	-	151	-	-
Pelupusan Hartanah Dan Peralatan	-	1,000	-	1,000
Penerimaan Faedah	2,501,870	3,045,452	2,503,093	3,059,123
Penerimaan Dividen	2,139,782	2,061,917	2,139,782	2,061,917
(Peningkatan)/Pengurangan Derivatif	(140,976)	(35,344)	(142,311)	(29,405)
Pengurangan/(Penambahan) Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu Dan Kepentingan Usaha Sama	(52,719)	(392,385)	(1,200,080)	-
Bayaran Manfaat	(7)	-	(7)	-
Bayaran Balik Pinjaman Dan Belum Terima	2,537,833	747,163	2,537,833	(1,213,401)
Pelaburan Dalam Tanah Dipegang Untuk Pembangunan Hartanah Manfaat Dibayar	(7,426)	(12,379)	-	781,962
Wang Tunai Bersih Dihasilkan Daripada / (Digunakan Untuk)				
Aktiviti Pelaburan	4,156,269	(4,113,073)	4,274,558	(4,609,339)
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan				
Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun	500,000	500,000	500,000	500,000
Penerimaan Caruman Pencen	2,460,585	2,644,601	2,460,585	2,644,601
Bayaran Balik Caruman	(13,653)	(15,076)	(13,653)	(15,076)
Pengeluaran Oleh Kerajaan Persekutuan	(5,000,000)	-	(5,000,000)	-
Penerimaan Daripada Pinjaman	-	749,662	-	-
Pembayaran Pinjaman	-	(882,999)	-	-
Penerimaan/(Bayaran) Liabiliti Pajakan	64,235	(1,671)	-	-
Wang Tunai Bersih (Dihasilkan Daripada) / Digunakan Untuk				
Aktiviti Pembiayaan	(1,988,833)	2,994,517	(2,053,068)	3,129,525
Penambahan / (Pengurangan) Bersih Tunai Dan Kesetaraan Tunai	3,315,388	(934,455)	3,222,370	(1,122,715)
Kesan Perubahan Dalam Pertukaran Mata Wang Asing	(36,261)	(6,681)	-	-
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 1 Januari	9,955,865	10,897,001	9,495,675	10,618,390
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 31 Disember	13,234,992	9,955,865	12,718,045	9,495,675

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

1. MAKLUMAT KORPORAT

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) ditubuhkan pada 1 Mac 2007 di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) dengan geran pelancaran sebanyak RM27.0 juta dari Kerajaan Persekutuan, Malaysia.

Tanggungjawab utama KWAP adalah untuk mengurus Kumpulan Wang Persaraan (Dana) sejajar dengan seksyen 13 Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) untuk mencapai pulangan optimum atas pelaburannya. Sumber utama Dana KWAP adalah diperoleh dari peruntukan tahunan daripada Badan Berkanun, Pihak Berkua Tempatan dan lain-lain Agensi, penerimaan bahagian Kerajaan daripada peruntukan ke Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan agensi-agensi lain serta pendapatan pelaburan. Dana KWAP dilaburkan dalam kelas-kelas aset berpandukan kepada Peruntukan Aset Strategik serta Polisi dan Garis Panduan Pelaburan yang dicadangkan oleh pihak Panel Pelaburan dan diluluskan oleh pihak Lembaga. Dana KWAP akan digunakan untuk membantu pembiayaan liabiliti pencen Kerajaan oleh Kerajaan Persekutuan.

Berkuat kuasa dari 1 November 2015, KWAP secara rasminya telah dilantik sebagai ejen kepada Kerajaan bagi pengurusan serta operasi pembayaran pencen secara keseluruhan.

Aktiviti utama syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan usaha sama diperjelaskan dalam Nota 10, Nota 11 dan Nota 12. Tiada perubahan signifikan dari segi sifat aktiviti utama KWAP dan Kumpulan sepanjang tahun kewangan.

KWAP adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia. Alamat berdaftar dan tempat perniagaan utama KWAP terletak di Aras 36, Menara Integra, The Intermark, 348 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Penyata-penyata Kewangan KWAP dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah diterima dan diluluskan oleh pihak Lembaga KWAP pada 18 November 2021.

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING

2.1 Asas Penyediaan

Penyata-penyata Kewangan KWAP dan Kumpulan telah disediakan berdasarkan Malaysian Financial Reporting Standards ("MFRS"), International Financial Reporting Standards ("IFRS") dan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007.

Penyata-penyata Kewangan KWAP dan Kumpulan telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah melainkan jika dinyatakan sebaliknya menerusi rumusan polisi perakuan penting.

Penyediaan Penyata Kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian KWAP dan Kumpulan di mana semua nilai dibundarkan kepada ribuan ringgit Malaysia yang terhampir, melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

2.2 Penyata Pematuhan

Penyata Kewangan untuk KWAP dan Kumpulan telah disediakan berdasarkan MFRS dan IFRS.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Penyata Pematuhan (sambungan)

Polisi perakaunan yang digunakan oleh KWAP dan Kumpulan adalah konsisten dengan polisi perakaunan yang telah digunakan untuk penyata kewangan yang paling baharu untuk tahun berakhir 31 Disember 2019, kecuali yang digunakan mengikut MFRS dan pindaan kepada MFRS yang baru berkuat kuasa untuk tahun taksiran:

Pindaan kepada MFRS 3, <i>Business Combinations – Definition of a Business</i>	1 Januari 2020
Pindaan kepada MFRS 101, <i>Presentation of Financial Statements</i> and MFRS 108, <i>Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors – Definition of Material</i>	1 Januari 2020
Pindaan kepada MFRS 9, <i>Financial Instruments</i> , MFRS 139, <i>Financial Instruments: Recognition and Measurement</i> and MFRS 7, <i>Financial Instruments: Disclosures –Interest Rate Benchmark Reform</i>	1 Januari 2020
Pindaan kepada MFRS 16, <i>Leases – COVID-19-Related Rent Concessions</i>	1 Jun 2020

Aplikasi bagi kaedah, pindaan kaedah kepada perakaunan yang tersebut di atas tidak mempunyai impak material terhadap penyata kewangan bagi tahun taksiran dan sebelumnya kepada KWAP dan Kumpulan.

(a) Piawaian dan pindaan yang telah diterbit tetapi belum berkuat kuasa

Piawaian dan interpretasi yang diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa sehingga tarikh pengeluaran Penyata Kewangan KWAP dan Kumpulan adalah seperti yang dinyatakan di bawah. KWAP dan Kumpulan berhasrat untuk menerima pakai piawaian ini, jika berkenaan, apabila ia berkuat kuasa.

**Berkuat kuasa bagi
tempoh tahunan
bermula pada atau
selepas**

Pindaan kepada MFRS 9, <i>Financial Instruments</i> , MFRS 139, <i>Financial Instruments: Recognition and Measurement</i> , MFRS 7, <i>Financial Instruments: Disclosures</i> , MFRS 4, <i>Insurance Contracts</i> and MFRS 16, <i>Leases – Interest Rate Benchmark Reform – Phase 2</i>	1 Januari 2021
Pindaan kepada MFRS 16, <i>Leases – COVID-19-Related Rent Concessions beyond 30 June 2021</i>	1 April 2021
Pindaan kepada MFRS 1, <i>First-time Adoption of Malaysian Financial Reporting Standards (Annual Improvements to MFRS Standards 2018–2020)</i>	1 Januari 2022
Pindaan kepada MFRS 3, <i>Business Combinations – Reference to the Conceptual Framework</i>	1 Januari 2022
Pindaan kepada MFRS 9, <i>Financial Instruments (Annual Improvements to MFRS Standards 2018–2020)</i>	1 Januari 2022
Pindaan kepada Contoh Illustratif yang mengiringi MFRS 16, <i>Leases (Annual Improvements to MFRS Standards 2018–2020)</i>	1 Januari 2022
Pindaan kepada MFRS 116, <i>Property, Plant and Equipment – Proceeds before Intended Use</i>	1 Januari 2022
Pindaan kepada MFRS 137, <i>Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets – Onerous Contracts – Cost of Fulfilling a Contract</i>	1 Januari 2022

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Penyata Pematuhan (sambungan)

(a) Piawaian dan pindaan yang telah diterbit tetapi belum berkuat kuasa (sambungan)

**Berkuat kuasa bagi
tempoh tahunan
bermula pada atau
selepas**

Pindaan kepada MFRS 141, <i>Agriculture (Annual Improvements to MFRS Standards 2018–2020)</i>	1 Januari 2022
MFRS 17, <i>Insurance Contracts</i>	1 Januari 2023
Pindaan kepada MFRS 101, <i>Presentation of Financial Statements – Disclosures of Accounting Policies</i>	1 Januari 2023
Pindaan kepada MFRS 108, <i>Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors – Definition of Accounting Estimates</i>	1 Januari 2023
Pindaan kepada MFRS 112, <i>Deferred Tax related to Assets and Liabilities arising from a Single Transaction</i>	1 Januari 2023
Pindaan kepada MFRS 101, <i>Presentation of Financial Statements – Classification of Liabilities as Current or Non-current</i>	Akan disahkan
Pindaan kepada MFRS 10, <i>Consolidated Financial Statements and MFRS 128, Investments in Associates and Joint Ventures – Sale or Contribution of Assets between an Investor and its Associate or Joint Venture</i>	Akan disahkan

Penggunaan permulaan piawaian perakaunan, tafsiran dan pindaan dijangka tidak mempunyai sebarang kesan kewangan material pada tempoh semasa dan Penyata Kewangan masa lalu bagi KWAP dan Kumpulan.

2.3 Syarikat Subsidiari Dan Asas Penyatuan

(a) Subsidiari

Subsidiari ialah entiti di mana Kumpulan mempunyai kriteria-kriteria berikut:

- Kuasa untuk pelaksanaan kawalan ke atas polisi-polisi kewangan dan operasi untuk mengurus aktiviti yang berkaitan dengan entiti;
- Pendedahan, atau hak, ke atas pulangan tidak tetap daripada pelaburan dalam entiti; dan
- Keupayaan penggunaan kuasa ke atas entiti untuk mempengaruhi pulangan daripada entiti.

Syarikat subsidiari digabungkan sepenuhnya dari tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan diasingkan dari tarikh kawalan luput. Pelaburan dalam saham tidak tersiar harga syarikat subsidiari dinyatakan pada nilai kos di mana amaun tersebut diselaraskan kepada nilai boleh pulih termasuk kerugian rosot nilai bagi tahun berkenaan, sekiranya ada. Polisi yang berkaitan dengan pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai aset bukan kewangan adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.18.

Kos pengambilalihan dinyatakan pada nilai saksama aset yang diterima, instrumen ekuiti yang diterbitkan dan liabiliti sedia ada yang tertunggak atau liabiliti yang diambil alih pada tarikh penukaran, termasuk kos pengambilalihan secara langsung, sekiranya ada.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.3 Syarikat Subsidiari Dan Asas Penyatuan (sambungan)

(a) Subsidiari (sambungan)

Aset dan liabiliti yang dikenal pasti bagi tujuan pengambilalihan serta liabiliti luar jangka yang perlu ditanggung semasa gabungan perniagaan pada asalnya dinyatakan mengikut nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira Kepentingan Tak Mengawal, sekiranya ada.

Perubahan kepentingan pemilikan dalam syarikat subsidiari tanpa perubahan kawalan

Transaksi dengan Kepentingan Tak Mengawal yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan dikira sebagai transaksi dengan pemilik ekuiti Kumpulan. Perubahan dalam kepentingan pemilikan akan mengakibatkan pelarasan antara nilai dibawa Kepentingan Mengawal dan Kepentingan Tak Mengawal untuk menunjukkan kepentingan relatif pemilik dalam syarikat subsidiari tersebut. Perbezaan di antara amaun pelarasan ke atas Kepentingan Tak Mengawal dan sebarang pertimbangan yang dibayar atau diterima diiktiraf dalam ekuiti yang boleh diagihkan kepada pemilik Kumpulan, sekiranya ada.

Pelupusan subsidiari

Apabila syarikat subsidiari tidak lagi digabungkan disebabkan oleh kehilangan kawalan, kepentingan tertahan dalam entiti diukur semula pada nilai saksama di mana perubahan dalam nilai dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi, sekiranya ada. Nilai saksama ini menjadi nilai awal yang dibawa bagi tujuan perakaunan susulan kepentingan tertahan sebagai syarikat bersekutu, usaha sama atau aset kewangan. Di samping itu, sebarang amaun terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain berkenaan dengan entiti tersebut diambil kira sebagai pelupusan secara langsung aset atau liabiliti yang berkaitan oleh Kumpulan.

Ini boleh menyebabkan reklassifikasi amaun terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain kepada untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan syarikat subsidiari juga merangkumi nilai dibawa muhibah yang berkaitan dengan syarikat subsidiari.

(b) Asas penyatuan

Penyata Kewangan digabungkan merangkumi Penyata-Penyata Kewangan KWAP dan syarikat-syarikat subsidiari. Penyata Kewangan KWAP dan syarikat-syarikat subsidiari yang digunakan bagi penyediaan Penyata Kewangan digabungkan adalah disediakan berdasarkan tarikh laporan yang sama.

Dasar perakaunan yang konsisten diguna pakai bagi transaksi dan peristiwa yang sama. Sekiranya KWAP mempunyai hak mengundi bukan majoriti dalam sesuatu entiti, perkara-perkara berikut perlu diambil kira dalam penilaian ke atas hak mengundi yang mencukupi berhubung dengan kuasa KWAP ke atas entiti:

- Saiz hak mengundi KWAP berbanding dengan saiz dan pecahan pegangan pengundi lain;
- Potensi hak mengundi KWAP, pengundi lain atau pihak lain;
- Hak daripada perjanjian kontrak yang lain; dan
- Fakta atau peristiwa lain yang menggambarkan keupayaan semasa KWAP untuk mengarah aktiviti yang relevan semasa keputusan dibuat termasuk corak undian dalam mesyuarat pemegang saham terdahulu.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.3 Syarikat Subsidiari Dan Asas Penyatuan (sambungan)

(b) Asas penyatuan (sambungan)

Transaksi antara kumpulan, baki dan keuntungan tidak nyata daripada transaksi di antara KWAP dan syarikat subsidiari adalah dihapuskan. Kerugian tidak nyata juga dihapuskan melainkan transaksi tersebut memberi petunjuk rosot nilai ke atas aset yang dipindahkan. Penyata Kewangan digabungkan hanya menggambarkan urus niaga luaran Kumpulan.

Kerugian antara syarikat subsidiari direkodkan dalam Kepentingan Tak Mengawal walaupun pelaksanaan tersebut mengakibatkan baki defisit.

(c) Gabungan perniagaan

Pengambilalihan syarikat subsidiari dinyatakan menurut kaedah pengambilalihan. Kos pengambilalihan ialah aggregat pertimbangan yang dipindahkan, yang diambil kira pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan amaun Kepentingan Tak Mengawal dalam entiti, sekiranya ada. Kumpulan memilih untuk menilai Kepentingan Tak Mengawal dalam syarikat yang diambilalih sama ada pada nilai saksama atau pada kadar bahagian aset bersih yang dikenal pasti berdasarkan transaksi demi transaksi. Kos transaksi diiktiraf sebagai perbelanjaan pengurusan.

Sebarang pertimbangan luar jangka yang akan dipindahkan oleh pengambilalih akan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perubahan dalam nilai saksama pertimbangan luar jangka yang diiktiraf sebagai aset atau liabiliti, akan dinyatakan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif, berdasarkan MFRS 9 sama ada dalam untung atau rugi atau sebagai perubahan dalam Pendapatan Komprehensif Lain. Penilaian semula tidak diperlukan sekiranya pertimbangan luar jangka diklasifikasikan sebagai ekuiti. Pembayaran berikutnya adalah dinyatakan dalam ekuiti.

Sekiranya pertimbangan luar jangka berada di luar skop MFRS 9, pertimbangan tersebut akan diambil kira menggunakan piawaian MFRS yang sesuai.

Bagi pengambilalihan perniagaan oleh Kumpulan, penilaian ke atas aset dan liabiliti kewangan perlu dilaksanakan bagi penentuan pengelasan dan klasifikasi yang sesuai mengikut syarat-syarat kontrak, keadaan ekonomi dan keadaan lain pada tarikh pengambilalihan. Termasuk dalam penilaian ialah pemisahan derivatif terbenam dalam kontrak asal oleh pihak yang diambilalih.

Sekiranya gabungan perniagaan dilaksanakan secara berperingkat, nilai saksama pada tarikh pengambilalihan bagi kepentingan ekuiti terdahulu pembeli yang dipegang dalam syarikat yang diambilalih akan dinilai semula kepada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan berikutnya melalui untung atau rugi.

Lebihan agregat pertimbangan yang dipindahkan, amaun yang diiktiraf bagi Kepentingan Tak Mengawal dan nilai saksama kepentingan ekuiti terdahulu pada tarikh pengambilalihan ke atas lebihan aset yang diambil alih dan liabiliti yang ditanggung pada asalnya diiktiraf sebagai muhibah. Sekiranya pertimbangan tersebut adalah lebih rendah daripada nilai saksama aset bersih syarikat subsidiari yang diambil alih, perbezaannya dinyatakan dalam untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.3 Syarikat Subsidiari Dan Asas Penyatuan (sambungan)

(d) Pelaburan dalam syarikat subsidiari dalam Penyata Kewangan yang berasingan

Dalam Penyata Kewangan berasingan KWAP, pelaburan dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak kerugian rosot nilai terkumpul. Pada pelupusan pelaburan dalam syarikat subsidiari, perbezaan di antara hasil pelupusan dan nilai dibawa pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Amaun terhutang daripada syarikat subsidiari di mana KWAP tidak menjangkakan pembayaran balik pada masa hadapan akan dianggap sebagai sebahagian daripada pelaburan KWAP dalam syarikat subsidiari.

2.4 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Kepentingan Usaha Sama

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan, tetapi tiada kawalan atau kawalan bersama, yang lazimnya mengiringi pegangan saham diantara 20% dan 50% daripada hak mengundi. Pengaruh signifikan ialah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan dasar kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi bukan kawalan atau kawalan bersama untuk mengawal dasar-dasar tersebut.

Kewujudan dan kesan terhadap hak pengundian berpotensi yang boleh dilaksanakan atau ditukarkan adalah diambilkira dalam penilaian pengaruh signifikan Kumpulan terhadap entiti lain.

Bagi pengambilalihan pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama, sebarang lebihan kos pelaburan ke atas bahagian Kumpulan bagi nilai saksama bersih aset dan liabiliti yang dikenal pasti dinyatakan sebagai muhibah dan dimasukkan dalam nilai dibawa pelaburan. Sebarang lebihan bahagian Kumpulan bagi nilai saksama bersih aset dan liabiliti yang dikenal pasti dan kos pelaburan dikecualikan daripada nilai dibawa pelaburan dan sebaliknya diiktiraf sebagai pendapatan bagi menentukan bahagian untung atau rugi Kumpulan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama bagi tempoh di mana pengambilalihan pelaburan dilaksanakan.

Syarikat bersekutu atau usaha sama dinyatakan menurut kaedah ekuiti dari tarikh entiti diiktiraf sebagai syarikat bersekutu atau usaha sama.

Pengambilalihan berkala dalam syarikat bersekutu

Apabila Kumpulan meningkatkan kepentingannya dalam pelaburan sedia ada atau pelaburan tersebut menjadi syarikat bersekutu untuk kali pertama, Kumpulan akan menentukan kos pelaburan dalam penerima pelaburan yang dikenal pasti menggunakan perakaunan ekuiti sebagai jumlah nilai saksama kepentingan awal pada tarikh kepentingan signifikan diperoleh dan ditambah pertimbangan yang dibayar untuk sebarang penambahan kepentingan. Rizab terdahulu dalam Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain (FVOCI) akan dipindahkan ke Perolehan Tertahan atau kekal di dalam rizab FVOCI.

Peningkatan pegangan dalam syarikat bersekutu sedia ada dan pengekalan pengaruh penting

Kos pengambilalihan kepentingan tambahan dalam syarikat bersekutu ditambah kepada nilai dibawa syarikat bersekutu dan diakaunkan mengikut kaedah ekuiti. Muhibah yang terhasil daripada pembelian pegangan tambahan ditentukan dengan menggunakan maklumat nilai saksama pada tarikh pembelian kepentingan tambahan. Tiada penilaian semula untuk kepentingan terdahulu yang dipegang dalam syarikat bersekutu tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.4 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Kepentingan Usaha Sama (sambungan)

Peningkatan pegangan dalam syarikat bersekutu sedia ada dan pengekalan pengaruh penting (sambungan)

Menurut kaedah ekuiti, pengiktirafan asal pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama dinyatakan pada nilai kos, dan seterusnya dilaraskan untuk mengambilkira bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian selepas pengambilalihan syarikat bersekutu atau usaha sama dalam untung atau rugi, dan bahagian Kumpulan dalam pergerakan Pendapatan Komprehensif Lain syarikat bersekutu atau usaha sama dalam Pendapatan Komprehensif Lain. Dividen yang diterima atau akan diterima daripada syarikat bersekutu atau usaha sama diiktiraf sebagai pengurangan dalam nilai dibawa pelaburan tersebut. Sekiranya bahagian Kumpulan dalam kerugian syarikat bersekutu atau usaha sama bersamaan atau melebihi kepentingan pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama tersebut (termasuk sebarang kepentingan jangka panjang yang secara inti pati, merupakan bahagian Kumpulan dalam kepentingan pelaburan bersih syarikat bersekutu atau usaha sama), pengiktirafan kerugian seterusnya tidak perlu dinyatakan oleh Kumpulan kecuali jika terdapat obligasi perundangan atau konstruktif atau pembayaran yang dibuat bagi pihak syarikat bersekutu atau usaha sama, sekiranya ada.

Keuntungan atau kerugian daripada urus niaga huluan atau hiliran di antara Kumpulandan syarikat bersekutu atau usaha sama yang dinyatakan dalam Penyata Kewangan digabungkan hanya tertakluk kepada pelabur tidak berkait dalam syarikat bersekutu atau usaha sama tersebut. Kerugian tidak nyata dihapuskan kecuali jika transaksi tersebut membuktikan bahawa terdapat rosot nilai bagi aset yang telah dipindahkan.

Penyata Kewangan syarikat bersekutu dan usaha sama disediakan mengikut tarikh laporan yang sama dengan Kumpulan. Pelarasian dibuat untuk menyeragamkan dasar perakaunan syarikat bersekutu dan usaha sama dengan dasar Kumpulan, jika perlu.

Selepas perlaksanaan kaedah ekuiti, Kumpulan menggunakan piawaian MFRS 136: 'Impairment of Assets' ("MFRS 136") bagi menentukan keperluan pengiktirafan kerugian rosot nilai tambahan terhadap pelaburan bersih dalam syarikat bersekutu atau usaha sama, sekiranya ada. Keseluruhan nilai dibawa pelaburan diuji sebagai satu aset untuk pengiraan rosot nilai berdasarkan piawaian MFRS 136 yang menggunakan perbandingan di antara nilai boleh pulih (yang lebih tinggi antara nilai dibawa dan nilai saksama setelah ditolak kos jualan) dan nilai dibawa, jika perlu. Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi, sekiranya ada. Penyataan semula kerugian rosot nilai diiktiraf kepada tahap peningkatan nilai boleh pulih pelaburan.

Kehilangan pengaruh penting atau kawalan bersama

Apabila Kumpulan berhenti merekod syarikat-syarikat bersekutu atau usaha sama berdasarkan kaedah ekuiti disebabkan oleh kehilangan pengaruh penting atau kawalan bersama, sebarang kepentingan tertahan dalam entiti akan dinilai semula kepada nilai saksama di mana sebarang perubahan ke atas nilai dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi, sekiranya ada. Nilai saksama ini akan menjadi nilai dibawa awal bagi tujuan perakaunan susulan kepentingan tertahan sebagai aset kewangan. Di samping itu, sebarang jumlah terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain berkenaan dengan entiti tersebut diambil kira sebagai pelupusan secara langsung bagi aset atau liabiliti yang berkaitan dengan Kumpulan. Ini boleh menyebabkan reklassifikasi amaun terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain kepada untung atau rugi.

Sekiranya terdapat pengurangan ke atas kepentingan pemilikan dalam syarikat bersekutu ataupun usaha sama di mana pengaruh signifikan atau kawalan bersama adalah dikekalkan, hanya sebahagian daripada bahagian Kumpulan dalam amaun terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain direklasifikasikan kepada untung atau rugi, jika perlu.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.4 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Kepentingan Usaha Sama (sambungan)

Kehilangan pengaruh penting atau kawalan bersama (sambungan)

Pencairan keuntungan atau kerugian yang timbul daripada pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama dalam Penyata Kewangan yang berasingan

Dalam Penyata Kewangan berasingan KWAP, pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak kerugian rosot nilai terkumpul, sekiranya ada. Pada pelupusan pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama, perbezaan antara hasil pelupusan dan nilai dibawa pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi.

2.5 Aset Tidak Ketara

Aset tidak ketara yang diperolehi secara berasingan pada asalnya dinyatakan pada nilai kos. Berikut pengiktirafan asal, aset tidak ketara dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak Kos Yang Dilunaskan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, sekiranya ada. Jangka hayat aset tidak ketara sama ada terhad atau tidak terhad ditentukan. Aset tidak ketara dengan jangka hayat terhad dilunaskan berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang anggaran jangka hayat ekonomi dan rosot nilai diambil kira apabila terdapat tanda rosot nilai, sekiranya perlu. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan bagi aset tidak ketara dengan jangka hayat terhad disemak semula pada setiap tarikh laporan.

Perubahan dalam jangka hayat atau corak penggunaan berkaitan dengan manfaat ekonomi masa hadapan aset diiktiraf melalui perubahan ke atas tempoh atau kaedah pelunasan, di mana bersesuaian, dan diambil kira sebagai perubahan dalam andaian perakaunan. Kos pelunasan bagi aset tidak ketara dengan jangka hayat terhad direkodkan dalam untung atau rugi.

Aset tidak ketara dengan jangka hayat tidak terhad atau belum bersedia untuk tujuan kegunaan disemak bagi tujuan rosot nilai setiap tahun, atau lebih kerap, apabila terdapat tanda bahawa nilai dibawa aset mungkin dirosot nilai sama ada secara individu atau pada peringkat Unit Penjana Tunai ("CGU"). Aset tidak ketara tersebut tidak tertakluk kepada pelunasan. Jangka hayat bagi aset tidak ketara dengan jangka hayat tidak terhad disemak semula setiap tahun untuk menentukan kebolehlaksanaan penilaian jangka hayat. Sekiranya jangka hayat tersebut tidak boleh disokong, perubahan daripada jangka hayat tidak terhad kepada jangka hayat terhad dilaksanakan secara prospektif.

Keuntungan atau kerugian daripada penyahiktirafan aset tidak ketara dinyatakan sebagai perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa aset dan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila penyahiktirafan dilaksanakan.

Susut nilai bagi aset tidak ketara dengan jangka hayat terhad diperuntukan mengikut kaedah garis lurus di mana kos setiap aset dihapus kira kepada nilai sisa berdasarkan kadar susut nilai yang berikut:

Perisian komputer dan lesen	33.33%
-----------------------------	--------

2.6 Hartanah Dan Peralatan

Hartanah dan peralatan pada asalnya dinyatakan pada nilai kos, setelah ditolak amaun cukai yang ditanggung, kecuali jika cukai tersebut tidak dapat diperoleh balik daripada kerajaan. Sekiranya cukai yang ditanggung tidak dapat diperoleh balik daripada kerajaan, cukai tersebut diiktiraf sebagai sebahagian daripada kos perolehan hartaanah dan peralatan. Kos bagi sesuatu item hartaanah dan peralatan diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika, terdapat kebarangkalian besar bahawa faedah ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan aset tersebut akan diterima oleh KWAP dan Kumpulan dan kosnya boleh dinilai dengan yakin.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.6 Hartanah Dan Peralatan (sambungan)

Selepas pengiktirafan asal, harta dan peralatan dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, sekiranya ada. Kos asal sesuatu item harta dan peralatan yang diiktiraf adalah termasuk harga beli dan sebarang kos yang berkaitan secara langsung yang ditanggung untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang diperlukan untuk membolehkannya berfungsi mengikut cara yang ditetapkan oleh KWAP dan Kumpulan. Kos juga termasuk kos pinjaman yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset layak.

Jika terdapat keperluan untuk menggantikan sebahagian besar daripada item harta dan peralatan, bahagian tersebut diiktiraf sebagai aset individu dengan jangka hayat penggunaan serta susut nilai tersendiri. Begitu juga, sekiranya terdapat pemeriksaan utama, kos penggantian bagi item harta atau peralatan diiktiraf dalam nilai dibawa item tersebut, tertakluk kepada kriteria pengiktirafan yang ditetapkan. Kos-kos penambahbaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ditanggung.

Susut nilai bagi harta dan peralatan diperuntukan mengikut kaedah garis lurus di mana kos setiap aset dihapus kira kepada nilai sisa berdasarkan kadar susut nilai yang berikut:

Renovasi Pejabat	16.67%
Komputer	20.00%
Lukisan	20.00%
Perabot dan Peralatan Pejabat	20.00%
Peralatan Gimnasium	20.00%
Kenderaan	20.00%
Peralatan Elektronik	33.33%

Kerja dalam kemajuan terdiri daripada, antaralain, kerja-kerja pengubahan yang sedang dijalankan dan penambahbaikan atau penaiktarafan sistem maklumat yang sedang dijalankan. Kerja dalam kemajuan dan lukisan bukan beraskan lukisan air dinyatakan pada nilai kos dan tidak disusut nilai sehingga aset berkenaan sedia untuk digunakan.

Pada akhir tempoh laporan, KWAP dan Kumpulan akan menilai sama ada terdapat tandatanda rosot nilai. Sekiranya ada, analisa dilaksanakan bagi menentukan sama ada nilai dibawa aset boleh dipulih sepenuhnya. Sekiranya nilai dibawa aset melebihi nilai boleh pulih, nilai aset akan dirosot nilai ke nilai boleh pulih. Dasar berkaitan dengan rosot nilai aset bukan kewangan adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.18.

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susut nilai disemak semula pada setiap tahun kewangan dan dilaraskan secara prospektif, sekiranya perlu.

Item harta dan peralatan dinyahiktiraf apabila dilupuskan atau apabila tiada faedah ekonomi masa hadapan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusan aset tersebut. Keuntungan atau kerugian aset selepas penyahiktirafan aset diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tahun aset tersebut dinyahiktiraf, sekiranya ada.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.7 Aset Kewangan

(a) Pengiktirafan asal

Aset kewangan diiktiraf apabila KWAP dan Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut. Instrumen kewangan pada asalnya diiktiraf oleh KWAP dan Kumpulan pada nilai saksama termasuk, bagi instrumen kewangan yang tidak dinyatakan pada FVTPL, kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan perolehan instrumen kewangan atau liabiliti kewangan, sekiranya ada. Klasifikasi instrumen kewangan dan liabiliti kewangan adalah ditentukan pada pengiktirafan asal.

Belian dan jualan lazim aset kewangan diiktiraf pada tarikh penyelesaian akaun. Kaedah ini diguna pakai secara konsisten bagi semua belian dan jualan aset kewangan di dalam kategori yang sama.

(b) Klasifikasi dan penilaian berikutan

KWAP dan Kumpulan menggunakan MFRS 9 dan aset kewangan telah diklasifikasikan berdasarkan kepada kategori-kategori berikut—Kos Yang Dilunaskan, FVOCL dan FVTPL.

Klasifikasi bagi instrumen hutang dan ekuiti adalah mengikut keperluan seperti yang dinyatakan di bawah:

1. Instrumen hutang

Instrumen hutang adalah instrumen yang menepati definisi liabiliti kewangan dari perspektif penerbit. Klasifikasi dan penilaian instrumen hutang adalah bergantung kepada model perniagaan KWAP dan Kumpulan bagi pengurusan aset dan ciri-ciri aliran tunai aset tersebut. Berdasarkan kepada faktor di atas, KWAP dan Kumpulan mengklasifikasikan instrumen hutang mengikut salah satu daripada tiga (3) kategori penilaian berikut:

Kos Yang Dilunaskan

Aset kewangan yang dipegang bagi kutipan aliran tunai kontraktual di mana aliran tunai tersebut mewakili Pembayaran Semata-mata Pembayaran Principal dan Faedah (SPPI), dan bukan dikelaskan sebagai FVTPL, dinyatakan pada nilai Kos Yang Dilunaskan berdasarkan kepada kaedah pulangan berkesan. Nilai dibawa aset diselaraskan dengan kerugian rosot nilai yang diiktiraf dan dinilai berdasarkan kepada model Kerugian Kredit yang Dijangka (ECL). Pendapatan faedah dari aset kewangan yang dinyatakan pada nilai Kos Yang Dilunaskan diiktiraf sebagai Pendapatan Faedah dalam Penyata Pendapatan Komprehensif. Kerugian yang timbul dari rosot nilai aset instrumen kewangan diiktiraf sebagai Peruntukan Rosot Nilai dalam Penyata Pendapatan Komprehensif. Kerugian yang timbul dari rosot nilai aset kewangan selain daripada instrumen kewangan diiktiraf sebagai Peruntukan Rosot Nilai Aset Lain dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.7 Aset Kewangan (sambungan)

(b) Klasifikasi dan penilaian berikutnya (sambungan)

1. Instrumen hutang (sambungan)

FVOCI

Aset kewangan yang dipegang bagi tujuan kutipan aliran tunai kontraktual dan jualan aset berikutnya di mana aliran tunai aset tersebut mewakili SPPI, dan bukan diklasifikasikan sebagai FVTPL, dinilai pada FVOCI. Perubahan pada nilai saksama diiktiraf melalui Pendapatan Komprehensif Lain, kecuali pengiktirafan kerugian rosot nilai dinyatakan berdasarkan model ECL, pendapatan faedah dan untung atau rugi kadar tukaran mata wang ke atas Kos Yang Dilunaskan bagi aset kewangan tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi. Pendapatan faedah yang diperolehi semasa aset kewangan berada dalam pegangan diiktiraf sebagai Pendapatan Faedah menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Apabila aset kewangan dinyahiktiraf, untung atau rugi terkumpul yang diiktiraf terdahulu dalam Pendapatan Komprehensif Lain diklasifikasikan semula sebagai untung atau rugi dalam Keuntungan dan Kerugian Daripada Jualan Pelaburan.

FVTPL

Aset kewangan yang tidak memenuhi syarat bagi Kos Yang Dilunaskan atau FVOCI, termasuklah aset kewangan Dipegang Untuk Dagangan ("HFT") dan derivatif, dinilai pada FVTPL. Apabila aset kewangan dinyahiktiraf, keuntungan atau kerugian aset kewangan tersebut yang dinilai semula pada FVTPL dan tidak merupakan sebahagian daripada hubungan lindung nilai, diiktiraf sebagai Keuntungan dan Kerugian Daripada Jualan Pelaburan dalam untung atau rugi. Pendapatan faedah yang diperolehi semasa aset kewangan berada dalam pegangan diiktiraf sebagai Pendapatan Faedah dalam untung atau rugi.

Penilaian model perniagaan

KWAP dan Kumpulan menilai objektif model perniagaan aset kewangan yang dipegang pada tahap portfolio yang mencerminkan kaedah pengurusan dan laporan kepada pihak pengurusan yang terbaik. Faktor-faktor yang dipertimbangkan merangkumi polisi dan objektif portfolio dan amalan operasi polisi tersebut. Secara terperinci, samada strategi pihak pengurusan adalah bagi penjanaan pendapatan faedah kontrak, penyelenggaraan profil kadar faedah tertentu, padanan tempoh aset kewangan kepada tempoh liabiliti kewangan yang membiayai aset tersebut atau penjanaan aliran tunai melalui penjualan aset kewangan.

Faktor-faktor lain yang akan dipertimbangkan termasuk kekerapan, jumlah dan tempoh jualan terdahulu, penilaian prestasi aset kewangan dan laporan kepada pihak pengurusan utama serta penilaian dan pengurusan risiko.

Reklasifikasi instrumen hutang

Reklasifikasi instrumen hutang oleh KWAP dan Kumpulan dilaksanakan apabila dan hanya apabila terdapat perubahan dalam model perniagaan yang menguruskan aset tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.7 Aset Kewangan (sambungan)

(b) Klasifikasi dan penilaian berikutnya (sambungan)

2. Instrumen ekuiti

Instrumen ekuiti adalah instrumen yang memenuhi definisi ekuiti dari perspektif penerbit; iaitu, instrumen yang tidak mempunyai obligasi kontrak untuk membayar dan membuktikan kepentingan residual dalam aset bersih penerbit.

Pada pengiktirafan asal, KWAP dan Kumpulan boleh memilih untuk mengklasifikasikan pelaburan ekuiti yang tidak dipegang untuk tujuan dagangan sebagai FVOCI tanpa pilihan untuk ditarik balik. Klasifikasi tersebut ditentukan atas dasar instrumen ke instrumen di mana nilai saksama untung atau rugi diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain dan tidak direkласifikasi ke untung atau rugi, termasuk juga semasa pelupusan. Dividen yang diperoleh ketika instrumen ekuiti berada dalam pegangan diiktiraf sebagai Pendapatan Dividen dalam Penyata Pendapatan Komprehensif setelah hak untuk menerima pembayaran ditentukan.

Keuntungan dan kerugian instrumen ekuiti pada FVTPL diiktiraf sebagai Keuntungan atau Kerugian Daripada Jualan Pelaburan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif selepas penyahiktirafan.

(c) Reklasifikasi Aset Kewangan

Aset kewangan bukan derivatif boleh direkласifikasi oleh KWAP dan Kumpulan daripada kategori FVTPL (selain daripada instrumen ekuiti), dalam keadaan yang jarang berlaku, jika aset kewangan tidak lagi dipegang bagi tujuan jualan dan pembelian semula dalam tempoh masa yang terdekat. Justeru, aset kewangan yang memenuhi definisi Pinjaman dan Belum Terima boleh direkласifikasi oleh KWAP dan Kumpulan daripada kategori FVTPL atau FVOCI sekiranya terdapat tujuan dan keupayaan oleh KWAP dan Kumpulan untuk memegang aset kewangan sehingga masa hadapan atau tempoh matang.

Instrumen hutang direkласifikasi oleh KWAP dan Kumpulan apabila, dan hanya apabila terdapat perubahan dalam model perniagaan yang menguruskan aset tersebut.

2.8 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diklasifikasi mengikut kandungan pengaturan kontrak yang dimeterai serta definisi liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan, di bawah skop MFRS 9, diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila, dan hanya apabila, KWAP dan Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan. Mulai 1 Januari 2018, KWAP dan Kumpulan mengklasifikasi liabiliti kewangan mengikut kategori-kategori berikut – Kos Yang Dilunaskan atau FVTPL. Liabiliti kewangan diklasifikasi dan dinilai pada Kos Yang Dilunaskan, kecuali:

- (i) liabiliti kewangan pada FVTPL; dan
- (ii) jaminan kontrak kewangan dan komitmen pinjaman.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.8 Liabiliti Kewangan (sambungan)

Kos Yang Dilunaskan

Liabiliti kewangan yang dikeluarkan oleh KWAP dan Kumpulan diklasifikasikan sebagai liabiliti kewangan pada Kos Yang Dilunaskan, di mana hasil daripada kandungan pengaturan kontrak oleh KWAP dan Kumpulan melibatkan obligasi bagi KWAP dan Kumpulan untuk melaksanakan pemberian tunai atau aset kewangan yang lain kepada pemilik atau menepati obligasi selain daripada tukaran nilai tunai atau aset kewangan lain yang telah ditetapkan.

Liabiliti kewangan bukan derivatif pada asalnya diiktiraf pada nilai saksama pembayaran yang diterima setelah ditolak kos transaksi yang berkaitan, sekiranya ada. Selepas pengiktirafan asal, liabiliti kewangan bukan derivatif dinilai pada nilai Kos Yang Dilunaskan menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Kos Yang Dilunaskan dikira dengan mengambil kira sebarang diskaun atau premium dari pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian besar daripada kaedah kadar faedah efektif. Liabiliti kewangan dinilai pada nilai Kos Yang Dilunaskan termasuk deposit dari pelanggan, deposit dari bank, perjanjian pembelian balik, sekuriti hutang yang dikeluarkan dan pinjaman dana lain.

FVTPL

Liabiliti Kewangan pada FVTPL merangkumi derivatif kewangan yang tidak memenuhi kriteria perakaunan lindung nilai. Derivatif kewangan dinyatakan pada nilai saksama, di mana keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi. Perbezaan pertukaran mata wang adalah termasuk dalam keuntungan atau kerugian bersih derivatif tersebut.

Liabiliti Kewangan Lain

Pinjaman dinyahiktiraf dari Penyata Kedudukan Kewangan apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Perbezaan antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang telah dinyahiktiraf atau dipindahkan kepada pihak lain dan pertimbangan yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti yang diambil alih, sekiranya ada, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Yuran yang dibayar atas penubuhan fasiliti pinjaman diiktiraf sebagai kos transaksi bagi pinjaman tersebut yang terhad kepada kebarangkalian besar sebahagian atau kesemua fasiliti tersebut akan digunakan. Dalam kes ini, yuran ditangguhkan sehingga berlakunya pengeluaran pinjaman. Sekiranya tiada bukti bahawa kebarangkalian besar atau kesemua fasiliti itu akan digunakan, yuran tersebut akan dipermodalkan sebagai pra-bayaran bagi perkhidmatan kecairan dan dilunaskan sepanjang tempoh fasiliti tersebut.

2.9 Penyahiktirafan Aset Dan Liabiliti Kewangan

KWAP dan Kumpulan menyahiktiraf aset kewangan apabila aliran tunai kontrak aset kewangan tersebut tamat tempoh atau hak terima aliran tunai kontrak telah dipindahkan kepada pihak lain di dalam transaksi yang melibatkan pemindahan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan. Faedah hasil daripada pemindahan aset kewangan yang diwujudkan atau dikekalkan oleh KWAP dan Kumpulan diiktiraf sebagai aset atau liabiliti yang berasingan.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf dari Penyata Kedudukan Kewangan KWAP dan Kumpulan setelah pelepasan, pembatalan atau tamat tempoh obligasi yang dinyatakan dalam kontrak.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.10 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, tunai di bank dan deposit yang ditempatkan di institusi kewangan yang mempunyai kecairan yang tinggi yang tidak tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang ketara selepas ditolak overdraf bank. Kesetaraan tunai termasuk pelaburan jangka pendek dengan tempoh matang tidak kurang 90 hari dari tarikh pembelian.

2.11 Sewaan

(i) Definisi sewaan

Sebuah kontrak adalah, atau mengandungi, sewaan sekiranya kontrak tersebut menyatakan hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti bagi suatu tempoh masa sebagai gantian untuk pertimbangan. Untuk menilai sama ada sesebuah kontrak memberi hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti, Kumpulan menilai sama ada:

- kontrak melibatkan penggunaan aset yang dikenal pasti – ini mungkin dinyatakan secara jelas ataupun tersirat, dan sepatutnya dapat dibezakan secara fizikal ataupun mewakili segala keupayaan sebuah aset yang berbeza secara fizikal dengan ketara. Sekiranya pembekal mempunyai hak pengantian substantif, aset tersebut tidak dikenal pasti;
- pelanggan mempunyai hak untuk memperoleh segala manfaat ekonomi yang diperoleh daripada penggunaan aset sepanjang tempoh penggunaan dengan ketara; dan
- pelanggan mempunyai hak untuk mengarah penggunaan aset tersebut. Pelanggan mempunyai hak ini apabila pelanggan mempunyai hak untuk membuat keputusan yang paling relevan dengan mengubah cara dan tujuan aset tersebut digunakan. Dalam kes di mana keputusan mengenai cara dan tujuan aset tersebut digunakan telah ditetapkan, pelanggan mempunyai hak untuk mengarahkan penggunaan aset tersebut sekiranya pelanggan tersebut mempunyai hak untuk mengendali aset; atau pelanggan mereka bentuk aset tersebut dengan cara yang menetapkan cara penggunaan dan tujuannya.

Pada permulaan atau pentaksiran semula kontrak yang mengandungi komponen sewaan, Kumpulan memperuntukkan pertimbangan dalam kontrak kepada setiap komponen sewaan dan bukan sewaan atas dasar harga tersendiri relatif. Walau bagaimanapun, untuk sewaan hartaan di mana Kumpulan adalah penyewa, Kumpulan memilih untuk tidak mengasingkan komponen bukan sewaan dan akan mengambil kira komponen sewaan dan bukan sewaan sebagai satu komponen sewaan.

(ii) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Sebagai penyewa

Kumpulan mengiktiraf aset hak penggunaan dan liabiliti sewaan pada tarikh permulaan sewaan. Pada mulanya, aset hak penggunaan diukur pada kos, iaitu terdiri daripada amaun awal liabiliti sewaan diselaraskan untuk sebarang bayaran penyewaan yang dibuat pada atau sebelum tarikh permulaan, ditambah sebarang kos langsung awal yang tertanggung dan anggaran kos untuk membongkar dan membuang aset sandaran tersebut atau untuk membaik pulih aset sandaran atau tapak lokasinya, ditolak sebarang insentif penyewaan yang diterima.

Liabiliti sewaan pada awalnya diukur pada nilai semasa bayaran penyewaan yang belum dibayar pada tarikh permulaan, didiskaunkan menggunakan kadar faedah tersirat dalam sewaan atau, jika kadar tersebut tidak boleh ditentukan dengan mudah, menggunakan kadar pinjaman tambahan entiti Kumpulan masing-masing.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.11 Sewaan (sambungan)

(ii) Pengiktirafan dan pengukuran awal (sambungan)

Sebagai penyewa (sambungan)

Bayaran penyewaan yang termasuk dalam pengukuran liabiliti sewaan terdiri daripada berikut:

- pembayaran tetap, termasuk pembayaran tetap dasar ditolak sebarang insentif belum diterima;
- bayaran penyewaan berubah yang bergantung kepada suatu indeks atau kadar, pada awalnya diukur menggunakan indeks atau kadar pada tarikh permulaan;
- amaun yang dijangka belum bayar di bawah jaminan nilai sisa;
- harga laksana di bawah pilihan pembelian yang agak yakin dilaksanakan oleh Kumpulan; dan
- penalti penamatan awal sebuah sewaan melainkan Kumpulan agak yakin tidak akan tamat awal.

Kumpulan tidak memasukkan bayaran sewaan berubah yang berkaitan dengan prestasi masa depan atau penggunaan aset sandaran daripada liabiliti sewaan. Sebaliknya, bayaran tersebut dikenal pasti di dalam untung atau rugi dalam tempoh di mana prestasi atau penggunaan berlaku.

Kumpulan telah memilih untuk tidak mengenal pasti aset hak penggunaan dan liabiliti sewaan untuk sewaan jangka pendek yang mempunyai tempoh sewaan 12 bulan atau kurang dan sewaan aset nilai rendah. Kumpulan mengenal pasti bayaran penyewaan berkaitan dengan sewaan tersebut sebagai perbelanjaan atas dasar garis lurus sepanjang tempoh sewaan.

Sebagai tuan sewa

Sebagai tuan sewa, Kumpulan menetapkan sama ada setiap sewaan adalah sewaan kewangan atau sewaan operasi pada tarikh permulaan sewaan.

Untuk mengelaskan setiap sewaan, Kumpulan membuat penilaian kesuluruhan sama ada sewaan tersebut memindahkan risiko dan ganjaran sampingan dengan ketara kepada pemilikan aset sandaran. Jika ini berlaku, sewaan tersebut adalah sewaan kewangan; jika tidak, sewaan tersebut adalah sewaan operasi.

Jika suatu pengaturan mengandungi komponen sewaan dan bukan sewaan, Kumpulan menggunakan pakai MFRS 15: Revenue From Contract with Customers ("MFRS 15") untuk memperuntukkan pertimbangan di dalam kontrak berdasarkan harga jualan tersendiri.

Sebagai tuan sewa pertengahan, Kumpulan mengambil kira faedahnya di dalam sewaan utama dan sewaan sampingan. Kumpulan menilai klasifikasi sewaan sebuah sewaan sampingan dengan merujuk kepada aset hak penggunaan yang timbul daripada sewaan utama, bukan merujuk kepada aset sandaran. Jika sewaan utama adalah sewaan jangka pendek di mana Kumpulan menggunakan pakai pengecualian yang dijelaskan di atas, sewaan sampingan akan diklasifikasikan sebagai sewaan operasi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.11 Sewaan (sambungan)

(iii) Pengukuran berikutan

Sebagai penyewa

Aset hak penggunaan kemudiannya disusut nilai atas dasar garis lurus dari tarikh permulaan hingga akhir hayat berguna aset hak penggunaan tersebut atau akhir tempoh sewaan, mana-mana yang datang dahulu. Anggaran tempoh hayat berguna aset hak penggunaan ditentukan atas dasar sama seperti hartanah, loji dan peralatan. Aset hak penggunaan juga dikurangkan secara berkala dengan kerugian rosot nilai, jika ada, dilaraskan untuk pengukuran semula liabiliti sewaan.

Liabiliti sewaan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Liabiliti diukur semula apabila ada perubahan bayaran penyewaan masa depan timbul daripada perubahan indeks atau kadar, ada penyemakan bayaran penyewaan tetap dasar, atau ada perubahan anggaran Kumpulan jangkaan amaun belum bayar di bawah jaminan nilai sisa, atau Kumpulan mengubah penilaian sama ada akan melaksanakan pilihan pembelian, penyambungan atau penamatan.

Apabila liabiliti sewaan diukur semula, pelarasan sepadan dibuat pada amaun dibawa aset hak penggunaan, atau direkodkan dalam untung atau rugi jika amaun dibawa aset hak penggunaan telah dikurangkan kepada sifar.

Sebagai tuan sewa

Kumpulan mengenal pasti bayaran penyewaan diterima di bawah sewaan operasi sebagai pendapatan atas dasar garis lurus sepanjang tempoh sewaan sebagai sebahagian daripada "Pendapatan Pelaburan Kasar".

2.12 Pelaburan Hartanah

Pelaburan Hartanah terdiri daripada tanah, hartaanah siap dan hartaanah sedang dibina ("IPUC") yang dipegang untuk tujuan kenaikan modal atau sewaan atau kedua-duanya, dan secara amnya tidak diiduduki untuk kegunaan atau berada dalam operasi Kumpulan. Pelaburan hartaanah diklasifikasikan sebagai pelaburan jangka panjang dengan pengiktirafan asal pada nilai kos termasuk kos urus niaga.

Selepas pengiktirafan asal, pelaburan hartaanah dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, sekiranya ada, kecuali hartaanah pegangan bebas dengan jangka hayat tidak terhad dan IPUC yang tidak disusut nilai. IPUC tidak disusut nilai kerana aset tersebut belum bersedia untuk digunakan. Pelaburan hartaanah lain disusut nilai mengikut anggaran jangka hayat ekonomi. Kadar susut nilai hartaanah pegangan bebas adalah 99 tahun pada asas garis lurus. Dasar bagi pengiktirafan dan penilaian kerugian rosot nilai aset bukan kewangan adalah seperti yang dinyatakan di dalam Nota 2.18.

Perbelanjaan susulan dipermodalkan kepada nilai dibawa aset hanya apabila kemungkinan manfaat ekonomi masa depan yang berkaitan dengan perbelanjaan tersebut akan mengalir ke KWAP dan Kumpulan serta kos item tersebut boleh dinilai dengan yakin. Semua kos penambahbaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf sebagai belanja apabila ditanggung. Sekiranya sebahagian daripada pelaburan hartaanah diganti, nilai dibawa bahagian yang diganti akan dinyahiktiraf.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.12 Pelaburan Hartanah (sambungan)

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susut nilai pelaburan harta tanah disemak semula pada setiap tahun kewangan, dan diselaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

Pelaburan harta tanah dinyahiktiraf apabila dilupuskan atau apabila penggunaan terhenti di mana tiada faedah ekonomi masa hadapan yang dijangka daripada pelupusan dan penamatan aset tersebut. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan atau penamatan pelaburan harta tanah diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tahun pelupusan atau penamatan, sekiranya ada.

Pindahan kepada atau daripada pelaburan harta tanah dilaksanakan apabila dan hanya apabila terdapat perubahan dalam kegunaan pelaburan harta tanah. Bagi pindahan daripada pelaburan harta tanah kepada harta tanah yang diduduki pemilik, kos bagi perakaunan berikutnya adalah nilai saksama pelaburan harta tanah tersebut pada tarikh perubahan dalam kegunaan. Bagi pindahan daripada harta tanah yang diduduki pemilik kepada pelaburan harta tanah, pelaburan harta tanah tersebut diakaunkan mengikut dasar perakaunan bagi harta tanah dan peralatan seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.6 sehingga tarikh perubahan dalam kegunaan.

Harta tanah pegangan bebas dengan jangka hayat tidak terhad tidak disusut nilai dan dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak kerugian rosot nilai, sekiranya ada.

Tanah Dipegang Untuk Pembangunan Hartanah terdiri daripada tanah di mana aktiviti pembangunan belum dilaksanakan atau di mana aktiviti pembangunan tidak dijangka akan disempurnakan dalam kitaran operasi yang normal. Tanah tersebut dikelaskan sebagai Aset Bukan Semasa dan dinyatakan pada kos.

Susut nilai bagi pelaburan harta tanah diperuntukan mengikut kaedah garis lurus di mana kos setiap aset dihapus kira kepada nilai sisa berdasarkan kadar susut nilai yang berikut:

Bangunan	2.50%
Tanah Pegangan Pajak	1.01%

2.13 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila terdapat obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) yang disebabkan oleh peristiwa terdahulu di mana terdapat kebarangkalian besar bahawa sumber ekonomi akan dialirkan keluar bagi menyelesaikan obligasi tersebut dan amaun obligasi boleh dinilai dengan yakin.

Sekiranya berlaku pembayaran balik peruntukan kepada KWAP dan Kumpulan, pembayaran balik tersebut diiktiraf sebagai aset yang berasingan tetapi hanya apabila pembayaran balik dikenal pasti. Tiada pengiktirafan peruntukan bagi kerugian operasi masa hadapan.

Untuk sejumlah obligasi yang sama, kebarangkalian aliran keluar diperlukan bagi pembayaran ditentukan dengan mengambil kira kelas obligasi secara keseluruhan. Peruntukan diiktiraf walaupun kebarangkalian aliran keluar berkaitan dengan mana-mana item di dalam kelas obligasi yang sama adalah kecil.

Peruntukan dinilai pada nilai semasa anggaran terbaik bagi perbelanjaan yang dijangka diperlukan untuk menyelesaikan obligasi menggunakan kadar pra-cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang serta risiko yang khusus untuk obligasi tersebut. Peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.13 Peruntukan (sambungan)

Peruntukan disemak semula pada setiap tarikh laporan dan diselaraskan untuk mencerminkan anggaran terbaik semasa. Penyataan semula peruntukan dilaksanakan sekiranya tiada kebarangkalian pengaliran keluar sumber ekonomi untuk tujuan peyelesaian obligasi.

2.14 Kos Pinjaman

Kos pinjaman dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset layak sekiranya kos tersebut berkait secara langsung dengan pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset tersebut. Permodalan kos pinjaman bermula dengan pelaksanaan aktiviti penyediaan aset bagi tujuan kegunaan aset tersebut atau berlakunya perbelanjaan dan kos pinjaman semasa jualan sedang dilaksanakan. Kos pinjaman dipermodalkan sehingga sebahagian besar aset telah siap dibina untuk tujuan kegunaan atau jualan aset tersebut.

Keuntungan pelaburan yang diperoleh daripada pelaburan sementara pinjaman tersebut sebelum perbelanjaan ke atas aset layak, adalah ditolak daripada kos pinjaman yang layak untuk dipermodalkan.

Kos pinjaman lain diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh kos ditanggung. Kos pinjaman terdiri daripada faedah dan kos lain yang ditanggung berhubung dengan pinjaman dana.

2.15 Pengiktirafan Hasil Dan Pendapatan

Hasil dan pendapatan diiktiraf pada tahap di mana terdapat kebarangkalian besar bahawa faedah ekonomi masa hadapan akan dialirkan masuk dan boleh dinilai dengan yakin. Hasil dan pendapatan dinyatakan pada nilai saksama bagi pertimbangan yang diterima atau akan diterima.

(a) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila terdapat hak untuk menerima pembayaran.

(b) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah bagi aset kewangan diklasifikasi sebagai FVOCI diukur dengan mengguna pakai kadar faedah efektif ke atas nilai dibawa kasar aset kewangan kecuali aset kewangan yang menghadapi rosot nilai kredit. Bagi aset kewangan yang menghadapi rosot nilai kredit, kadar faedah efektif diguna pakai keatas nilai dibawa bersih aset kewangan (selepas ditolak peruntukan kerugian).

Pendapatan faedah bagi aset kewangan diklasifikasi sebagai FVTPL diiktiraf berdasarkan pengaturan kontrak.

(c) Keuntungan atau kerugian pelupusan pelaburan

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan pelaburan diiktiraf apabila semua syarat-syarat perjanjian yang membawa kepada penjualan pelaburan dipenuhi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.15 Pengiktirafan Hasil Dan Pendapatan (sambungan)

(d) Pendapatan sewaan daripada pelaburan harta tanah

Pendapatan sewaan yang diterima daripada pelaburan harta tanah (bangunan dan tempat letak kereta) di bawah sewaan operasi diiktiraf melalui kaedah garis lulus sepanjang tempoh sewaan. Insentif sewaan yang dikurniakan diiktiraf sebagai bahagian penting keseluruhan pendapatan sewaan sepanjang tempoh sewaan. Pendapatan sewaan daripada sewaan sampingan diiktiraf sebagai pendapatan dalam tempoh laporan pendapatan itu diterima.

(e) Pendapatan caj perkhidmatan

Pendapatan caj perkhidmatan diiktiraf dalam tempoh perakaunan di mana perkhidmatan diberikan dan pelanggan menerima dan menggunakan faedah yang diberikan oleh KWAP dan Kumpulan, dan KWAP dan Kumpulan mempunyai hak penerimaan kepada bayaran untuk perkhidmatan tersebut.

(f) Pendapatan utiliti

Pendapatan dari caj penghawa dingin hawa dan air sejuk diiktiraf semasa penghawa dingin dan air sejuk dibekalkan kepada pelanggan dan pelanggan menerima dan menggunakan pakai bekalan tersebut, dan KWAP dan Kumpulan mempunyai hak penerimaan kepada bayaran untuk bekalan tersebut.

2.16 Cukai Pendapatan

(a) Cukai semasa

Aset dan liabiliti cukai semasa dinyatakan pada amaun boleh pulih yang dijangka akan diterima daripada pihak berkuasa cukai. Kadar cukai dan undang-undang cukai yang diguna pakai bagi pengiraan amaun boleh pulih adalah berdasarkan kadar dan undang-undang cukai yang digubal atau sebahagian besarnya telah digubal pada tarikh laporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali cukai yang berkaitan dengan item yang diiktiraf di luar untung atau rugi, sama ada dalam Pendapatan Komprehensif Lain atau secara langsung dalam ekuiti.

KWAP dikecualikan daripada cukai pendapatan di bawah Seksyen 127[3A] Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi semua pendapatan daripada punca domestik serta cukai pegangan di bawah Seksyen 107A(1) dan Seksyen 109 bagi faedah dan pendapatan kelas khas. Segala pendapatan daripada punca antarabangsa adalah tertakluk kepada kadar dan undang-undang cukai negara asal.

(b) Cukai tertunda

Cukai tertunda adalah peruntukan yang menggunakan kaedah liabiliti berdasarkan kepada perbezaan sementara yang timbul di antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai dibawa aset dan liabiliti tersebut bagi tujuan laporan kewangan pada tarikh laporan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.16 Cukai Pendapatan (sambungan)

(b) Cukai tertunda (sambungan)

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara kecuali:

- di mana liabiliti cukai tertunda berpunca daripada pengiktirafan asal muhibah atau pengiktirafan asal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan gabungan perniagaan serta, pada masa transaksi dilaksanakan, tiada memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau untung atau rugi sebelum cukai; dan
- bagi perbezaan sementara boleh cukai yang berkaitan dengan pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan pelaburan dalam usaha sama, di mana pelaksanaan penyataan semula perbezaan sementara boleh dikawal dan terdapat kebarangkalian besar bahawa perbezaan sementara tersebut tidak akan dinyatakan semula pada masa hadapan.

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak, kredit cukai dan kerugian cukai tidak diguna yang dibawa ke hadapan, pada tahap di mana kebarangkalian besar bahawa keuntungan boleh cukai boleh digunakan ke atas perbezaan sementara yang boleh ditolak kredit cukai tidak diguna yang dibawa ke hadapan dan kerugian cukai kredit boleh dimanfaatkan kecuali:

- di mana aset cukai tertunda berkaitan dengan perbezaan sementara boleh ditolak yang berpunca daripada pengiktirafan asal sesuatu aset atau liabiliti dalam transaksi yang bukan merupakan gabungan perniagaan serta, pada masa transaksi dilaksanakan, tiada memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau keuntungan atau kerugian boleh cukai; dan
- bagi perbezaan sementara boleh ditolak yang berkaitan dengan pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan pelaburan dalam usaha sama, aset cukai tertunda diiktiraf apabila terdapat kebarangkalian besar bahawa perbezaan sementara akan dinyatakan semula pada masa hadapan dan keuntungan boleh cukai akan membolehkan penggunaan perbezaan sementara tersebut.

Nilai dibawa aset cukai tertunda disemak semula pada setiap tarikh laporan dan dikurangkan kepada tahap di mana tiada kebarangkalian besar bahawa terdapat keuntungan boleh cukai yang mencukupi untuk membolehkan penggunaan semua atau sebahagian aset cukai tertunda. Aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf dinilai semula pada setiap tarikh laporan dan diiktiraf kepada tahap di mana terdapat kebarangkalian besar bahawa keuntungan boleh cukai masa hadapan akan membolehkan penggunaan aset cukai tertunda tersebut.

Aset dan liabiliti cukai tertunda dinyatakan pada kadar cukai yang dijangka akan diguna pakai pada tahun aset direalisasi atau penyelesaian liabiliti berdasarkan transaksi kadar cukai dan undang-undang cukai yang digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh laporan.

Cukai tertunda yang berkaitan dengan item yang diiktiraf di luar untung atau rugi diiktiraf di luar untung atau rugi. Cukai tertunda tersebut diiktiraf berdasarkan yang berkaitan sama ada dalam Pendapatan Komprehensif Lain atau secara langsung dalam ekuiti. Cukai tertunda yang berpunca daripada gabungan perniagaan diselaraskan ke atas muhibah yang berkaitan semasa pengambilalihan.

Aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda diimbangi, sekiranya terdapat hak yang sah untuk mengimbangi aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa, di mana aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda tersebut adalah berkaitan dengan entiti boleh cukai yang sama serta pihak berkuasa cukai yang sama.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.17 Mata Wang Asing

(a) Mata wang fungsian dan persembahan

Penyata Kewangan individu bagi setiap entiti dalam Kumpulan dinyatakan berdasarkan mata wang utama dalam persekitaran ekonomi utama di mana entiti tersebut beroperasi ("mata wang fungsian"). Penyata Kewangan digabungkan dipersembahkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") sebagai mata wang fungsian dan persembahan bagi KWAP dan Kumpulan.

(b) Transaksi dan baki dalam mata wang asing

Transaksi mata wang asing dinyatakan berdasarkan mata wang fungsian bagi KWAP dan syarikat subsidiari masing-masing di mana pengikrafan asal mata wang fungsian tersebut adalah berdasarkan kadar tukaran mata wang pada tarikh urus niaga.

Aset dan liabiliti kewangan yang didenominasi dalam mata wang asing diterjemahkan menggunakan kadar tukaran mata wang semesta pada tarikh laporan.

Perbezaan kadar tukaran mata wang yang terhasil daripada penyelesaian item kewangan atau pada terjemahan item kewangan pada tarikh laporan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif kecuali perbezaan kadar tukaran mata wang daripada item kewangan yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi luar negara. Item kewangan tersebut pada asalnya diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain dan digabungkan di bawah Rizab Pertukaran Mata Wang Asing dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Perubahan pada nilai saksama sekuriti kewangan yang didenominasi dalam mata wang asing yang diklasifikasikan sebagai FVTPL dianalisa di antara perbezaan terjemahan berikut daripada perubahan Kos Yang Dilunaskan dan perubahan lain dalam nilai dibawa sekuriti tersebut. Perbezaan terjemahan yang berkaitan dengan perubahan Kos Yang Dilunaskan diiktiraf dalam untung atau rugi, dan perubahan lain dalam nilai dibawa diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain.

Item-item bukan monetari yang didenominasi dalam mata wang asing yang dinyatakan pada kos sejarah diterjemahkan menggunakan kadar tukaran mata wang pada tarikh asal transaksi. Item-item bukan monetari yang didenominasi dalam mata wang asing yang dinyatakan pada nilai saksama diterjemahkan menggunakan kadar tukaran mata wang pada tarikh nilai saksama tersebut ditentukan.

Perbezaan tukaran yang berikutan daripada terjemahan item bukan monetari yang dibawa pada nilai saksama diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun tersebut, kecuali bagi perbezaan yang berikutan daripada terjemahan item bukan monetari di mana keuntungan dan kerugian yang berkaitan diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.17 Mata Wang Asing (sambungan)

(c) Kendalian asing

Hasil kewangan dan kedudukan kewangan kendalian asing yang mempunyai mata wang fungsian yang berbeza dengan mata wang persembahan Ringgit Malaysia dalam Penyata Kewangan digabungkan adalah diterjemahkan kepada mata wang persembahan seperti berikut:

- Aset dan liabiliti kendalian asing diterjemahkan pada kadar tukaran mata wang penutup pada tarikh laporan;
- Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap Penyata Pendapatan Komprehensif diterjemahkan pada kadar tukaran purata bagi tahun kewangan tersebut; dan
- Semua perbezaan kadar tukaran mata wang diiktiraf secara langsung dalam Pendapatan Komprehensif Lain melalui rizab pertukaran mata wang asing.

Sekiranya sesuatu kendalian asing dilupuskan, perbezaan kadar tukaran mata wang terkumpul terdahulu berkaitan dengan kendalian asing tersebut yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain dan dikumpulkan dalam komponen ekuiti yang berasingan, direklasifikasi daripada ekuiti kepada Penyata Pendapatan Komprehensif (sebagai pelarasan reklassifikasi) apabila keuntungan atau kerugian pelupusan diiktiraf.

Bagi pelupusan separa syarikat subsidiari yang melibatkan kendalian asing, bahagian bersekadar untuk perbezaan pertukaran mata wang terkumpul terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain disalurkan kepada Kepentingan Tak Mengawal kendalian asing tersebut. Bagi pelupusan separa kendalian asing yang lain, bahagian bersekadar perbezaan pertukaran mata wang terkumpul terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain direklasifikasi kepada Penyata Pendapatan Komprehensif.

Muhibah dan pelarasan nilai saksama yang berikutan daripada pengambilalihan kendalian asing diiktiraf sebagai aset dan liabiliti kendalian asing tersebut dan diterjemahkan mengikut kadar tukaran mata wang penutup pada tarikh laporan. Perbezaan pertukaran yang berikutan daripada pengiktirafan muhibah dan nilai saksama diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain.

2.18 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

Penilaian rosot nilai dilaksanakan pada setiap tarikh laporan bagi menentukan keperluan rosot nilai aset. Sekiranya terdapat tanda-tanda rosot nilai atau keperluan untuk penilaian rosot nilai, jangkaan nilai boleh pulih dianggarkan bagi aset yang berkaitan.

Nilai boleh pulih adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset setelah ditolak kos jualan dan nilai sedang digunakan. Bagi tujuan penilaian rosot nilai, aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan i.e. Unit Penjanaan Tunai ("CGU").

Dalam penilaian nilai sedang digunakan, anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana oleh aset didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskon sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang serta risiko yang khusus kepada aset tersebut. Sekiranya nilai dibawa aset melebihi nilai boleh pulih, aset tersebut dinyatakan pada nilai boleh pulih. Kerugian rosot nilai yang diiktiraf bagi CGU atau kumpulan CGU pada asalnya diperuntukan untuk mengurangkan nilai dibawa muhibah yang diperuntukan kepada unit atau kumpulan unit tersebut, sekiranya ada, diikuti oleh pengurangan amaun dibawa aset-aset lain dalam unit atau kumpulan unit pada atas pro-rata. Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.18 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan (sambungan)

Penilaian rosot nilai dilaksanakan pada setiap tarikh laporan bagi menentukan sama ada keperluan kerugian rosot nilai terdahulu masih lagi wujud atau telah berkurangan. Penyataan semula kerugian rosot nilai terdahulu hanya dilaksanakan sekiranya terdapat perubahan dalam anggaran yang diguna pakai untuk menentukan nilai boleh pulih aset bagi pengiktirafan kerugian rosot nilai terdahulu. Bagi situasi ini, nilai dibawa aset dinaikkan kepada nilai boleh pulih. Walau bagaimanapun, kenaikan tersebut tidak boleh melebihi nilai dibawa aset yang telah ditentukan setelah ditolak susut nilai, di mana tiada pengiktirafan kerugian rosot nilai terdahulu. Penyataan semula rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Tiada penyataan semula bagi kerugian rosot nilai ke atas muhibah dalam tempoh yang berikutnya.

2.19 Rosot Nilai Aset Kewangan

KWAP dan Kumpulan menilai ECL berdasarkan kepada asas pandang hadapan yang berkaitan dengan aset kewangan yang dinyatakan pada Kos Yang Dilunaskan dan FVOCI. Kaedah rosot nilai yang diguna pakai bergantung sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang signifikan.

ECL merupakan anggaran kewajaran kebarangkalian bagi perbezaan diantara nilai semasa aliran tunai berdasarkan kontrak dan nilai semasa aliran tunai yang dijangka akan diterima oleh KWAP dan Kumpulan, dalam baki tempoh hayat instrumen kewangan tersebut.

Penilaian ECL menggambarkan:

- jumlah yang adil dan kewajaran kebarangkalian bagi jumlah yang ditentukan melalui penilaian dari pelbagai kemungkinan;
- nilai masa wang; dan
- maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai yang boleh didapati tanpa kos atau usaha pada tarikh laporan mengenai peristiwa lalu, situasi semasa serta anggaran situasi ekonomi masa hadapan.

(a) Instrumen kewangan yang diperakaunkan pada nilai Kos Yang Dilunaskan dan FVOCI

Terdapat tiga (3) kategori aset kewangan yang diambil kira pada nilai Kos Yang Dilunaskan dan FVOCI yang menggambarkan risiko kredit dan penentuan peruntukan kerugian pinjaman bagi setiap kategori.

Pada setiap tarikh laporan, KWAP dan Kumpulan menyatakan ECL melalui peruntukan kerugian pada jumlah yang bersamaan dengan 12 bulan ECL dengan syarat tiada peningkatan kredit risiko yang signifikan bagi aset kewangan atau kumpulan aset kewangan sejak dari pengiktirafan asal. Bagi instrumen kewangan yang lain, peruntukan kerugian yang diperlukan adalah bersamaan dengan ECL sepanjang hayat.

Ringkasan berkaitan dengan model ECL bagi setiap kategori adalah seperti berikut:

- (i) Peringkat 1: 12 Bulan ECL

Bagi pendedahan kredit di mana tiada peningkatan signifikan pada risiko kredit sejak pengiktirafan asal dan tiada rosot nilai kredit sejak permulaan, sebahagian daripada ECL sepanjang hayat yang berkaitan dengan kebarangkalian besar berlakunya peristiwa kemerosotan di dalam tempoh 12 bulan berikutnya akan diiktiraf.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.19 Rosot Nilai Aset Kewangan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan yang diperakaunkan pada nilai Kos Yang Dilunaskan dan FVOCI (sambungan)

- (ii) Peringkat 2: Sepanjang Hayat ECL – tiada rosot nilai kredit

Bagi pendedahan kredit di mana terdapat peningkatan signifikan pada risiko kredit sejak pengiktirafan asal tetapi tiada rosot nilai kredit sejak permulaan, sepanjang hayat ECL diiktiraf. Peningkatan risiko kredit dianggap signifikan apabila pembayaran balik faedah dan/atau pokok tertunggak telah melebihi tempoh 30 hari tetapi kurang daripada 89 hari.

- (iii) Peringkat 3: Sepanjang Hayat ECL – terdapat rosot nilai kredit

Penilaian rosot nilai kredit bagi aset kewangan dilaksanakan apabila berlakunya satu atau lebih peristiwa di mana anggaran aliran tunai aset masa hadapan terjejas. Memandangkan kriteria yang diguna pakai adalah bersamaan dengan kriteria di bawah MFRS 139, tiada perubahan dalam kaedah KWAP bagi peruntukan spesifik. Oleh yang demikian, sepanjang hayat ECL diiktiraf bagi aset kewangan yang mempunyai rosot nilai kredit.

Bagi aset kewangan, KWAP dan Kumpulan mengakaunkan risiko kredit mengikut penepatan masa berdasarkan peruntukan ECL yang sesuai, di mana pengiraan kadar ECL mengambil kira kadar kerugian sejarah bagi setiap kategori aset kewangan dan diselaraskan dengan data makro ekonomi pandang hadapan. Tiada perubahan signifikan bagi teknik anggaran atau andaian sepanjang tempoh laporan.

Tiada perubahan signifikan kepada teknik anggaran atau anggaran sepanjang tempoh laporan.

Peningkatan signifikan risiko kredit

KWAP dan Kumpulan menilai kebarangkalian penjejasan bagi aset kewangan pada pengiktirafan asal sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang signifikan sepanjang setiap tempoh laporan. Dalam penilaian sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang signifikan, KWAP dan Kumpulan membandingkan risiko penjejasan ke atas aset kewangan pada tarikh laporan dengan risiko penjejasan pada pengiktirafan asal dengan mengambil kira semua informasi pandang hadapan yang munasabah dan disokong.

Antara petunjuk yang diambil kira adalah seperti berikut:

- kadar kredit dalaman;
- kadar kredit luaran (selagi ada); dan
- perubahan merosot yang signifikan di dalam perniagaan, kewangan atau keadaan ekonomi samada yang nyata atau jangkaan yang dijangka akan mengakibatkan perubahan signifikan bagi memenuhi obligasi penghutang.

Maklumat makroekonomi (seperti kadar faedah pasaran atau kadar pertumbuhan) adalah merupakan sebahagian daripada model kadar dalaman.

Tanpa mengambil kira analisa di atas, peningkatan risiko kredit dianggap signifikan sekiranya pembayaran kontrak oleh penghutang adalah tertunggak melebihi dari 30 hari.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.19 Rosot Nilai Aset Kewangan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan yang diperakaunkan pada nilai Kos Yang Dilunaskan dan FVOCI (sambungan)

Pengecualian risiko kredit rendah

Instrumen kewangan yang mempunyai syarat-syarat yang dinyatakan di bawah dianggap mempunyai risiko kredit yang rendah pada tarikh laporan:

- mempunyai risiko penjejasan yang rendah;
- keupayaan yang kukuh oleh peminjam bagi memenuhi obligasi aliran tunai dalam jangka masa terdekat; dan
- perubahan negatif yang tidak semestinya mengurangkan keupayaan peminjam untuk membuat pembayaran bila perlu.

Definisi penjejasan dan rosot nilai kredit aset kewangan

KWAP dan Kumpulan mentakrifkan penjejasan instrumen kewangan, selari dengan definisi rosot nilai kredit, apabila aset kewangan tersebut memenuhi satu atau lebih kriteria berikut:

a) Kriteria kuantitatif:

Kegagalan pihak berkaitan untuk melaksanakan pembayaran kontrak dalam masa 90 hari pembayaran.

b) Kriteria Kualitatif:

Memenuhi kriteria kebarangkalian besar hutang tidak dibayar oleh pihak berkaitan yang menggambarkan kesulitan kewangan yang signifikan oleh penghutang seperti:

- melanggar perjanjian kewangan;
- konsesi dari peminjam berkaitan dengan kesulitan kewangan penghutang;
- kebarangkalian besar bankrupsi atau penyusunan semula kewangan;
- penghutang yang insolven; dan
- kehilangan pasaran utama bagi aset kewangan disebabkan oleh kesulitan kewangan.

KWAP dan Kumpulan menilai rosot nilai kredit bagi setiap instrumen kewangan atas dasar individu.

Hapuskira aset kewangan

Aset kewangan bagi KWAP dan Kumpulan dihapuskira, secara keseluruhan atau sebahagiannya, apabila segala usaha pemulihan tidak berhasil dan berkesimpulan bahawa pemulihan adalah tidak munasabah. Jangkaan pemulihan yang tidak munasabah dinilai berdasarkan ketiadaan sumber pendapatan atau aset yang boleh menjana aliran tunai masa hadapan yang mencukupi bagi membayai amaun pembayaran oleh penghutang. Aset kewangan yang masih lagi tertakluk kepada aktiviti penguatkuasaan boleh dihapuskira oleh KWAP dan Kumpulan.

2.20 Derivatif Instrumen Kewangan

Derivatif pada asalnya diiktiraf pada tarikh kontrak derivatif dimenterai dengan menggunakan nilai saksama dan dinilai semula menggunakan nilai saksama pada setiap tarikh laporan. Perubahan pada nilai saksama instrumen derivatif yang tidak layak untuk perakaunan lindung nilai diiktiraf dengan serta merta dalam untung atau rugi termasuk untung atau rugi bersih atas perubahan nilai saksama derivatif tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.21 Manfaat Pekerja

(a) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus, caruman keselamatan social (PERKESO), caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau caruman penceh dan bayaran gratuity kepada pekerja kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan tersebut dilaksanakan oleh pekerja Kumpulan. Pampasan ketidakhadiran jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan dilaksanakan oleh pekerja yang kemudiannya meningkatkan kelayakan pekerja untuk pampasan ketidakhadiran yang akan datang. Sementara itu, pampasan ketidakhadiran jangka pendek tidak terkumpul seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(b) Manfaat jangka panjang

Bayaran manfaat jangka panjang selepas persaraan dan/atau selepas tamat tempoh kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan manfaat pekerja atas dasar terakru dalam tahun semasa Penyata Pendapatan Komprehensif. Pada masa yang sama, amaun tersebut diiktiraf sebagai liabiliti yang dikategorikan sebagai faedah pekerja dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Jenis-jenis faedah jangka panjang yang diiktiraf berdasarkan asas akruan adalah seperti berikut:

- Bayaran anugerah cuti gantian; dan
- Manfaat perubatan pesara.

Pengiraan manfaat perubatan pesara adalah berdasarkan penilaian aktuari tahunan yang dilaksanakan oleh penilai luar.

2.22 Pengiraan Nilai Saksama

Instrumen kewangan seperti derivatif dan pelaburan kewangan, dinyatakan pada nilai saksama pada setiap tarikh laporan. Nilai saksama instrumen kewangan yang dinyatakan pada nilai Kos Yang Dilunaskan dinyatakan dalam Nota 34 kepada Penyata Kewangan.

Nilai saksama adalah amaun yang akan diterima daripada jualan aset atau amaun yang dibayar bagi pemindahan liabiliti dalam transaksi yang teratur di antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi jualan aset atau pemindahan liabiliti dilaksanakan sama ada:

- Dalam pasaran utama bagi aset atau liabiliti, atau
- Jika ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling menguntungkan bagi aset atau liabiliti.

Pasaran utama atau pasaran yang paling menguntungkan hendaklah boleh diakses oleh KWAP dan Kumpulan. Nilai saksama aset atau liabiliti diukur dengan menggunakan andaian yang diambil kira oleh peserta pasaran dalam menentukan harga aset atau liabiliti, serta andaian bahawa peserta pasaran akan bertindak mengikut kepentingan ekonomi yang terbaik.

Pengukuran nilai saksama aset bukan kewangan mengambil kira kebolehan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi melalui penggunaan aset secara terbaik atau jualan kepada peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset tersebut secara terbaik.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.22 Pengiraan Nilai Saksama (sambungan)

KWAP dan Kumpulan menggunakan teknik penilaian yang dianggap bersesuaian dengan keadaan di mana data yang mencukupi boleh didapati untuk penilaian nilai saksama, dengan memaksimumkan penggunaan input yang boleh diperhatikan serta memminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Aset dan liabiliti di mana nilai saksama diukur atau dinyatakan dalam Penyata Kewangan dikategorikan mengikut hierarki nilai saksama berikut, berdasarkan tahap input paras terendah dari segi kepentingan terhadap ukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- Tahap 1: Sebut harga (tidak dilaras) harga pasaran di dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang sama;
- Tahap 2: Teknik penilaian di mana input paras terendah dari segi kepentingan terhadap ukuran nilai saksama yang boleh diperhatikan secara langsung atau tidak langsung; dan
- Tahap 3: Penilaian teknik di mana input paras terendah dari segi kepentingan terhadap pengukuran nilai saksama yang tidak boleh diperhatikan.

Bagi aset dan liabiliti yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan secara berulang, penilaian semula bagi kategori aset dan liabiliti dilaksanakan bagi menentukan sama ada berlakunya pemindahan aset di antara tahap dalam hierarki (berdasarkan input paras terendah dari segi kepentingan kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tarikh laporan.

2.23 Aset Luar Jangka Dan Liabiliti Luar Jangka

Aset luar jangka merupakan aset yang mungkin timbul daripada peristiwa terdahulu di mana kewujudannya disahkan dengan terjadi atau tidak terjadinya satu atau lebih peristiwa masa hadapan yang berada di luar kawalan KWAP dan Kumpulan. Tiada pengiktirafan bagi aset luar jangka, hanya pendedahan mengenai kewujudan aset tersebut di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan tetapi tidak boleh dijangka. Liabiliti luar jangka adalah obligasi yang mungkin timbul daripada peristiwa terdahulu di mana kewujudannya disahkan dengan terjadi atau tidak terjadinya satu atau lebih peristiwa masa depan yang berada di luar kawalan KWAP dan Kumpulan atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian bahawa aliran keluar sumber diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Liabiliti luar jangka mungkin juga timbul melalui kes yang amat jarang berlaku di mana liabiliti tidak diiktiraf disebabkan oleh ketidakupayaan untuk dinilai dengan yakin.

Tiada pengiktirafan bagi liabiliti luar jangka, hanya pendedahan dalam Penyata Kewangan.

2.24 Instrumen Kewangan Yang Dioffset

Aset dan liabiliti kewangan dioffset di mana jumlah bersih dibentangkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila terdapat hak kuatkuasa secara sah untuk mengoffset jumlah yang telah diiktiraf serta hasrat untuk menyelesaikan pada asas bersih atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti pada masa yang sama. Hak kuatkuasa tersebut tidak boleh bergantung kepada peristiwa masa depan dan boleh dikuatkuasakan dalam operasi biasa perniagaan dan sekiranya berlaku penjejasan, ketidakkemampuan bayar atau muflis.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	Perutusan Pemimpin Kami	Mengenai KWAP	Pihak Berkepentingan Pengurusan	Tadbir Urus Korporat	Ulasan Ekonomi dan Strategi	Penyata Kewangan
---	----------------------------	------------------	---------------------------------------	-------------------------	--------------------------------	---------------------

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.25 Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun

KWAP menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan mengikut seksyen 13, Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662).

2.26 Caruman Pencen

Caruman pencen diiktiraf apabila caruman tersebut diterima daripada Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi-Agenzi Lain serta syer kerajaan, ganjaran dan potongan lain sejajar dengan Akta Pencen Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan 1980 (Akta 239) dan Pekeliling Perkhidmatan No. 12/2008. Denda atas caruman lewat bayar diiktiraf dan diakaunkan mengikut asas tunai.

3. JANGKAAN DAN PENILAIAN AKAUN YANG PENTING

Penyediaan Penyata Kewangan digabungkan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian oleh KWAP dan Kumpulan yang memberi kesan kepada amaun pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti serta pendedahan yang disertakan dan pendedahan berkenaan dengan aset dan liabiliti luar jangka selaras dengan MFRS yang berkaitan. Ketidaktentuan mengenai andaian dan anggaran boleh menyebabkan keputusan yang mengakibatkan pelarasan ketara kepada nilai dibawa bagi aset atau liabiliti yang terlibat pada masa hadapan.

Pertimbangan yang dibuat oleh KWAP dan Kumpulan dalam mengaplikasikan polisi akaun, andaian penting berkaitan dengan masa hadapan dan sumber-sumber ketidakpastian jangkaan lain pada tarikh laporan yang mempunyai risiko besar dalam mengakibatkan pelarasan ketara kepada nilai dibawa aset dan liabiliti yang terlibat bagi tempoh tahun kewangan seterusnya adalah seperti yang dibincangkan di bawah:

(a) Rosot nilai atas pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu

Semakan ke atas penilaian bukti objektif bagi rosot nilai pelaburan dilaksanakan pada setiap tarikh laporan. Faktor-faktor seperti, antara lain, penurunan berpanjangan di antara nilai saksama indikatif dan nilai dibawa, perubahan signifikan dengan kesan yang menjelaskan pelaburan serta kemerosotan prestasi kewangan pelaburan adalah dipertimbangkan bagi mengenal pasti bukti objektif bagi rosot nilai, sekiranya ada.

Pertimbangan yang dibuat oleh KWAP dan Kumpulan dalam pemilihan kaedah penilaian yang sesuai seperti, antara lain, aliran tunai terdiskaun, nilai boleh realis bersih aset dan purata kaedah nisbah harga perolehan sektor yang bergantung kepada sifat serta industri pelaburan tersebut.

